"tempat letak kereta" ertinya suatu tempat yang diasingkan sebagai tempat di mana kenderaan motor atau mana-mana kelas atau perihalan kenderaan motor yang dinyatakan diletak;

"tempat letak kereta bayar dan peraga" ertinya tempat letak kereta di mana meter letak kereta bayar dan peraga digunakan;

"tempat letak kereta bermeter" ertinya suatu tempat letak kereta di mana letak kereta jenis manual atau meter letak kereta jenis automatik digunakan;

"tempat letak kereta bermusim" ertinya suatu tempat letak kereta yang bayarannya dibuat secara bulanan dan petak letak kereta itu ditandakan dengan apa-apa cara yang boleh ditetapkan oleh Majlis;

"tempat letak kereta bertiket" ertinya tempat letak kereta seperti dinyatakan dalam Jadual Pertama di mana bayaran caj yang ditetapkan adalah mengikut jam dan untuk setiap jam kenderaan motor diletakkan di petak letak kereta, tiket akan dikeluarkan oleh atendan letak kereta yang menyatakan kadar caj;

"tempat letak kereta terkawal" ertinya suatu tempat letak kereta bagi kenderaan motor yang waktu masuk dan keluar dari tempat letak kereta tersebut dicatatkan oleh atendan letak kereta atau mesin tiket jenis automatik dan tempoh meletak kereta adalah dikira daripadanya;

"tiket letak kereta"—

(a) berhubung dengan tempat letak kereta bertiket ertinya tiket yang dikeluarkan oleh atendan letak kereta yang padanya boleh dinyatakan nombor pendaftaran kenderaan motor, caj yang ditetapkan, tarikh serta tempoh masa kenderaan motor itu dibenar diletakkan; dan

(*b*) berhubungan dengan tempat letak kereta terkawal ertinya tiket yang dikeluarkan oleh atendan letak kereta atau mesin tiket jenis automatik yang tempoh meletak kereta adalah dikira daripadanya;

"tiket letak kereta bayar dan peraga" ertinya tiket yang dikeluarkan oleh meter letak kereta bayar dan peraga yang di atasnya tercatat nombor pendaftaran kenderaan motor, tarikh, tempat dan tempoh masa bagi meletakkan kenderaan motor di tempat letak kereta bayar dan peraga;

"tiket letak kereta bermusim" ertinya tiket yang dikeluarkan oleh Majlis yang menunjukkan nombor pendaftaran kenderaan motor, tempoh sah tiket dan caj yang ditetapkan bagi meletak kenderaan motor di tempat letak kereta bermusim.

BAHAGIAN II

PERUNTUKAN AM

Peruntukan tempat letak kereta

3. Tempat letak kereta yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual diperuntukkan bagi penggunaan kenderaan motor dan hendaklah tertakluk kepada peruntukan Akta dan Perintah ini.

Tidak dibenar letak kereta kecuali di tempat letak kereta

4. Tiada seorang pun boleh meletak suatu kenderaan motor, menyebabkan, membenarkan mana-mana kenderaan motor diletakkan atau menunggu di mana-mana tanah, bangunan, jalan atau mana-mana bahagian jalan melainkan di tempat dan petak letak kereta yang disediakan oleh Majlis.

Pematuhan syarat

5. Mana-mana orang yang meletak kenderaan motor di tempat letak kereta hendaklah mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan oleh Majlis bagi penggunaan tempat letak kereta itu.

Caj yang ditetapkan hendaklah dibayar kepada atendan letak kereta

6. Tiada seorang pun melainkan atendan letak kereta boleh mengutip caj letak kereta yang ditetapkan dari mana-mana pemandu atau pemunya kenderaan motor bagi penggunaan tempat letak kereta.

Cara meletak kereta

7. (1) Mana-mana orang yang meletakkan kenderaan motor di petak letak kereta yang disediakan oleh Majlis hendaklah meletakkan kenderaan motor dengan cara yang berikut:

(a) kenderaan motor itu hendaklah dalam kedudukan yang kenderaan motor itu secara keseluruhannya berada di dalam petak letak kereta;

(*b*) kenderaan motor itu hendaklah diletakkan mengikut arah lalu lintas dan hendaklah mematuhi semua isyarat lalu lintas yang ditunjukkan di tempat letak kereta;

(*c*) pemandu kenderaan motor hendaklah mematikan enjin kenderaannya sebaik sahaja berada di dalam petak letak kereta; dan

(*d*) tidak merintangi mana-mana garisan petak letak kereta yang telah ditandakan.

(2) Jika mana-mana kenderaan motor yang diletak di petak letak kereta melanggar subperenggan (1), mana-mana atendan letak kereta atau mana-mana pegawai polis yang beruniform boleh mengalih atau menyebabkan dialih kenderaan motor itu supaya kedudukannya mematuhi subperenggan (1) dan pemandu atau pemunya kenderaan motor itu hendaklah mematuhi apa-apa arahan yang sah di sisi undang-undang yang diberikan oleh atendan letak kereta atau pegawai polis yang beruniform itu.

Tidak dibenar meletak kenderaan tanpa membuat bayaran caj yang ditetapkan

8. Tiada seorang pun boleh meletak mana-mana kenderaan motor di tempat letak kereta atau petak letak kereta tanpa membuat bayaran caj yang ditetapkan dalam waktu terkawal yang ditentukan dalam ruang (4) Jadual.

BAHAGIAN III

TEMPAT LETAK KERETA BERMUSIM DAN BERTIKET

Pematuhan arahan atendan letak kereta

9. (1) Mana-mana orang yang meletakkan kenderaan motornya di tempat letak kereta bertiket hendaklah mematuhi segala arahan yang berkaitan dengan urusan meletakkan kenderaan motor yang diberi kepadanya oleh mana-mana atendan letak kereta di tempat letak kereta itu.

(2) Sebaik sahaja sesebuah kenderaan motor diletakkan di petak letak kereta di tempat letak kereta bertiket atendan letak kereta hendaklah mengeluarkan tiket letak kereta dan meletakkan tiket itu pada cermin hadapan atau mana-mana bahagian kenderaan motor yang mudah dilihat dan pemandu atau pemunya kenderaan motor hendaklah membayar caj yang ditetapkan dalam tempoh 14 hari dari tarikh tiket itu dikeluarkan.

(3) Jika kenderaan motor yang baginya tiket letak kereta telah dikeluarkan masih berada di petak letak kereta selepas tamat tempoh sejam dari masa tiket letak kereta itu dikeluarkan maka atendan letak kereta hendaklah mengeluarkan tiket letak kereta yang lain dan hendaklah terus berbuat demikian pada akhir tiap-tiap jam.

Caj tambahan

10. (1) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan di bawah subperenggan 9(1) hendaklah membayar kepada Majlis caj tambahan sebanyak empat ringgit bagi setiap jam di mana kenderaan motor itu telah diletakkan tanpa membuat bayaran caj letak kereta.

(2) Bayaran hendaklah dibuat dalam tempoh 14 hari dari tarikh notis dikeluarkan oleh Majlis.

Tidak membayar caj tambahan adalah satu kesalahan

11. Mana-mana orang yang gagal mematuhi subperenggan 10(1) dalam tempoh yang ditetapkan di bawah subperenggan 10(2) adalah melakukan suatu kesalahan.

Tidak dibenar meletak kenderaan motor tanpa tiket

12. Tiada seorang pun boleh—

(a) meletakkan, menyebabkan atau membenarkan mana-mana kenderaan motor diletak di mana-mana tempat letak kereta bertiket tanpa tiket letak kereta; atau

(*b*) terus meletak, menyebabkan atau membenarkan mana-mana kenderaan motor terus diletak di petak letak kereta selepas tamat tempoh masa suatu kenderaan itu dibenarkan diletak.

Tiket letak kereta bermusim dan tempat letak kereta bermusim

13. (1) Tiada seorang pun boleh meletakkan, membenarkan atau menyebabkan diletak mana-mana kenderaan motor di tempat atau petak letak kereta bermusim tanpa tiket letak kereta bermusim.

(2) Suatu tiket letak kereta bermusim boleh diperolehi setelah membuat bayaran caj yang ditetapkan dalam Jadual Kedua dan hendaklah tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditetapkan oleh Majlis.

(3) Suatu tiket letak kereta bermusim boleh dibatalkan oleh Majlis pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab.

(4) Tiket letak kereta bermusim yang sah hendaklah dipamerkan di cermin hadapan kenderaan motor yang mudah dilihat pada setiap masa bagi memastikan pandangan atendan letak kereta tidak terhalang untuk memeriksa tiket itu ketika kenderaan motor itu diletakkan di tempat letak kereta bermusim.

Sekatan terhadap meletak kereta kali kedua dengan menggunakan tiket asal

14. Tiada seorang pun yang telah mengalihkan kenderaan motornya dari satu petak letak kereta sebelum tamat tempoh yang dibenarkan bagi meletakkan kenderaan motor itu berhak meletakkan kenderaan motor itu dalam petak yang sama bagi kali keduanya dengan syarat petak letak kereta yang sama masih

kosong dan pemandu atau pemunya kenderaan motor itu masih mempunyai tiket asal yang belum tamat tempoh bagi meletakkan kenderaan motor dan hendaklah ditunjukkan kepada atendan letak kereta yang bertugas dengan mempamer semula di cermin hadapan kenderaan motor itu.

BAHAGIAN IV

TEMPAT LETAK KERETA BERMETER

Tempat letak kereta bermeter

15. Suatu tempat letak kereta bermeter boleh dibahagikan kepada petak-petak letak kereta dan tiap-tiap satu petak hendaklah disediakan satu meter letak kereta jenis manual atau meter jenis automatik.

Tidak dibenar meletak kenderaan motor tanpa membuat bayaran caj yang ditetapkan

16. (1) Tiada seorang pun boleh meletak apa-apa kenderaan motor di tempat letak kereta bermeter tanpa membuat bayaran caj yang ditetapkan.

(2) Sebaik sahaja kenderaan motor diletakkan di petak letak kereta, pemandu atau pemunya kenderaan motor hendaklah membayar bayaran caj yang ditetapkan dengan memasukkan syiling ke dalam meter letak kereta sebagaimana yang ditunjukkan pada meter letak kereta yang sama nilainya dengan amaun caj yang ditetapkan bagi apa-apa tempoh yang kenderaan itu hendak diletak.

Tidak dibenar meletak kenderaan motor selepas tamat tempoh letak kereta

17. (1) Tiada seorang pun boleh membenarkan atau menyebabkan kenderaan motor itu terus berada di petak letak kereta selepas habis tempoh masa kenderaan motor itu dibenarkan diletak sebagaimana ditunjukkan di meter letak kereta.

(2) Mana-mana orang yang ingin melanjutkan tempoh letak kereta hendaklah, sebelum atau sebaik sahaja habis tempoh letak kereta terdahulu, memasukkan syiling ke dalam meter letak kereta yang sama nilainya dengan amaun caj yang ditetapkan bagi apa-apa tempoh lanjutan yang dikehendakinya sehingga tempoh maksima yang dibenarkan pada sesuatu masa.

Meter letak kereta yang rosak

18. (1) Mana-mana orang yang meletak kenderaan motor di petak letak kereta bermeter mendapati meter letak kereta itu tidak berfungsi atau rosak hendaklah memberitahu atendan letak kereta mengenai hal itu.

(2) Apabila hal yang tersebut dalam subperenggan (1) telah disahkan, atendan berkenaan hendaklah mengeluarkan suatu resit rasmi yang padanya hendaklah ditulis—

(a) nombor pendaftaran kenderaan motor itu;

(b) tarikh dan tempoh masa kenderaan motor itu dibenarkan diletak di petak letak kereta bermeter itu yang sama dengan amaun syiling yang dikatakan telah dimasukkan ke dalam meter letak kereta itu; dan

(c) menampalkan suatu salinan pendua resit rasmi itu pada cermin hadapan atau mana-mana bahagian kenderaan motor itu yang mudah dilihat.

(3) Atendan letak kereta hendaklah menampalkan pada mana-mana meter letak kereta yang tidak berfungsi atau rosak suatu notis bagi maksud itu atau menutup meter letak kereta itu dengan suatu penutup atau dengan apa-apa cara lain yang difikirkan patut.

BAHAGIAN V

TEMPAT LETAK KERETA BAYAR DAN PERAGA

Tempat letak kereta bayar dan peraga

19. Sesuatu tempat letak kereta bayar dan peraga boleh dibahagikan kepada petak-petak letak kereta dan bagi sebilangan petak letak kereta itu sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis hendaklah disediakan dengan satu meter letak kereta bayar dan peraga.

Tidak dibenar meletak kenderaan motor tanpa membuat bayaran caj yang ditetapkan

20. (1) Tiada seorang pun boleh meletak apa-apa kenderaan motor di petak letak kereta bayar dan peraga tanpa membuat bayaran caj yang ditetapkan di dalam Jadual Pertama.

(2) Pemandu atau pemunya kenderaan motor hendaklah sebaik sahaja meletakkan kenderaan motornya di tempat letak kereta bayar dan peraga membuat bayaran caj yang ditetapkan dengan memasukkan ke dalam meter letak kereta bayar dan peraga syiling atau kad meter sebagaimana yang ditunjukkan pada meter letak kereta bayar dan peraga yang sama nilainya dengan amaun yang ditetapkan bagi apa-apa tempoh kenderaan motor itu hendak diletak.

Mempamer tiket bayar dan peraga

21. (1) Setelah menerima tiket letak kereta bayar dan peraga, pemandu atau pemunya kenderaan motor hendaklah mempamerkan tiket itu di atas papan pemuka menghadap cermin hadapan atau mana-mana bahagian kenderaan motor yang mudah dilihat bagi memastikan pandangan atendan letak kereta tidak terhalang untuk menyemak tiket berkenaan ketika kenderaan motor itu diletakkan di tempat letak kereta bayar dan peraga.

(2) Tiket letak kereta bayar dan peraga adalah sah digunakan di mana-mana tempat letak kereta kecuali di tempat letak kereta bermusim dan tempat letak kereta terkawal, dengan syarat hanya kenderaan motor yang sama sahaja boleh menggunakannya dan tempoh masa dan tarikh yang dinyatakan di atas tiket letak kereta bayar dan peraga masih belum tamat.

(3) Tiket letak kereta bayar dan peraga yang telah diubah, dipinda, dirosakkan atau dilipat hendaklah menjadi tidak sah walaupun tempoh masa dan tarikh yang dinyatakan masih belum tamat.

Kesalahan

22. Mana-mana pemandu atau pemunya kenderaan motor yang—

(a) gagal mempamerkan tiket letak kereta bayar dan peraga yang sah dengan jelas; atau

(*b*) mempamerkan tiket letak kereta bayar dan peraga yang telah tamat tempoh

adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Perintah ini.

Tidak dibenarkan meletak kenderaan motor selepas tamat tempoh letak kereta

23. (1) Tiada seorang pun boleh membenarkan atau menyebabkan mana-mana kenderaan motor terus berada di petak letak kereta bayar dan peraga selepas tamat tempoh masa kenderaan motor itu dibenarkan diletak sebagaimana yang ditunjukkan pada tiket letak kereta bayar dan peraga.

(2) Mana-mana orang yang ingin melanjutkan tempoh letak kereta hendaklah memperoleh tiket letak kereta bayar dan peraga yang baru dengan memasukkan syiling atau kad meter ke dalam meter letak kereta yang sama nilainya dengan amaun caj yang ditetapkan bagi apa-apa tempoh yang dikehendaki.

Meter letak kereta yang rosak

24. (1) Mana-mana orang yang meletak kereta di tempat letak kereta bayar dan peraga yang mendapati meter letak kereta bayar dan peraga tidak berfungsi atau rosak hendaklah memberitahu atendan letak kereta mengenai hal itu.

(2) Atendan letak kereta yang disebut di bawah subperenggan (1) hendaklah mengesahkannya dan hendaklah, di atas pengesahan itu—

(a) mengeluarkan suatu resit rasmi yang di atasnya hendaklah ditulis nombor pendaftaran kenderaan motor itu, tarikh dan tempoh masa kenderaan motor itu dibenarkan diletak di petak letak kereta bayar dan peraga yang sama kadarnya dengan amaun syiling atau kad meter yang dikatakan telah dimasukkan ke dalam meter letak kereta bayar dan peraga; dan

(*b*) menampal salinan pendua resit rasmi di cermin hadapan atau mana-mana bahagian kenderaan yang mudah dilihat.

(3) Atendan letak kereta hendaklah menampalkan pada mana-mana meter letak kereta bayar dan peraga yang tidak berfungsi atau rosak bagi maksud itu atau menutup meter letak kereta bayar dan peraga itu dengan suatu penutup atau dengan apa-apa cara yang difikirkan patut.

Pengeluaran kad meter

25. Majlis atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Majlis boleh mengeluarkan kad meter setelah caj yang ditetapkan bagi meletak kenderaan motor di tempat letak kereta bayar dan peraga dijelaskan.

BAHAGIAN VI

TEMPAT LETAK KERETA BERKUPON

Pengeluaran kupon letak kereta

26. Majlis atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Majlis boleh mengeluarkan kupon letak kereta setelah caj yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dijelaskan bagi meletakkan kenderaan motor di tempat letak kereta berkupon.

Pematuhan syarat

27. (1) Mana-mana orang yang menggunakan kupon letak kereta hendaklah mematuhi syarat yang dinyatakan pada kupon letak kereta.

(2) Mana-mana orang yang gagal mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan pada kupon letak kereta adalah melakukan suatu kesalahan.

Penggunaan kupon letak kereta

28. Mana-mana orang yang menggunakan kupon letak kereta boleh meletak kenderaan motornya di mana-mana petak letak kereta di tempat letak kereta kecuali di tempat letak kereta bermusim dan tempat letak kereta terkawal.

Mempamer kupon letak kereta

29. (1) Mana-mana pemandu atau pemunya kenderaan motor yang menggunakan kupon letak kereta hendaklah mempamerkan kupon itu di atas papan pemuka menghadap cermin hadapan atau mana-mana bahagian kenderaan motor yang mudah dilihat bagi memastikan bahawa pandangan atendan letak kereta tidak terhalang untuk memeriksa kupon itu ketika kenderaan motor diletakkan di tempat letak kereta berkupon.

(2) Jika lebih dari satu kupon diperlukan untuk digunakan di tempat letak kereta berkupon, pemandu atau pemunya kenderaan motor hendaklah mempamerkan kesemua kupon itu pada masa yang sama.

(3) Kupon letak kereta yang telah digunakan mengikut tempoh masa yang diperlukan hendaklah menjadi tidak sah jika kupon itu dipinda, diubah, dirosakkan atau dilipat.

Kesalahan

30. Jika pemandu atau pemunya kenderaan motor—

(a) gagal mempamerkan kupon letak kereta yang sah dengan jelas; atau

(*b*) mempamerkan kupon letak kereta yang telah tamat tempoh

adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Perintah ini.

BAHAGIAN VII

TEMPAT LETAK KERETA TERKAWAL

Tempat letak kereta terkawal

31. Sesuatu tempat letak kereta terkawal boleh dibahagikan kepada petak-petak letak kereta sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

Syarat untuk meletak kenderaan motor

32. (1) Mana-mana orang yang meletak kenderaan motor di tempat letak kereta terkawal hendaklah mendapatkan tiket letak kereta yang dikeluarkan oleh atendan letak kereta atau mesin tiket jenis automatik di pintu masuk tempat letak kereta itu dan pada tiket itu dinyatakan tarikh serta waktu masuk ke tempat letak kereta berkenaan.

(2) Setelah menerima tiket letak kereta, pemandu atau pemunya kenderaan motor hendaklah menyimpan tiket itu untuk diserahkan kembali kepada atendan letak kereta di pintu keluar dan dia hendaklah membuat bayaran caj yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

Penalti kerana menghilangkan tiket letak kereta terkawal

33. Mana-mana pemandu atau pemunya kenderaan motor yang kehilangan tiket letak kereta ataupun telah merosakkan tiket itu hendaklah membuat bayaran caj tambahan sebanyak lapan ringgit kepada atendan letak kereta.

Tidak boleh meletak kenderaan tanpa membuat bayaran letak kereta

34. Tiada seorang pun boleh meletakkan mana-mana kenderaan motor di petak letak kereta terkawal tanpa membayar caj yang ditetapkan atau apa-apa caj tambahan yang dikenakan di bawah perenggan 33 atau 35.

Caj tambahan

35. Mana-mana orang yang telah meletakkan kenderaan motornya melebihi tempoh letak kereta yang ditetapkan hendaklah membayar caj letak kereta yang ditetapkan itu dan caj tambahan sebanyak sepuluh ringgit sehari.

BAHAGIAN VIII

MENUNDA KENDERAAN MOTOR

Penghalangan dan pengalihan

36. (1) Tiada seorang pun boleh menghalang atau menyebabkan terhalang mana-mana tempat atau petak letak kereta.

(2) Mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Majlis, mana-mana atendan letak kereta atau mana-mana pegawai polis boleh menunda, mengalih dan menahan mana-mana kenderaan motor, apa-apa barang atau benda yang—

(a) menghalang atau menyebabkan terhalang mana-mana tempat atau petak letak kereta;

(*b*) menggunakan mana-mana tempat atau petak letak kereta bagi maksud menjalankan apa-apa perdagangan atau perniagaan;

(*c*) menghalang atau menyebabkan terhalang mana-mana meter letak kereta di tempat atau petak letak kereta;

(*d*) menggunakan tempat atau petak letak kereta bagi mempamerkan kenderaan motor untuk jualan;

(*e*) menghalang atau menyebabkan terhalang mana-mana tempat atau petak letak kereta yang dikhaskan untuk orang kurang upaya; atau

(*f*) menghalang atau menyebabkan terhalang mana-mana pili bomba di tempat atau petak letak kereta.

(3) Mana-mana kenderaan motor, apa-apa barang atau benda yang telah ditahan dan dialihkan hendaklah disimpan di depoh atau mana-mana tempat simpanan yang ditentukan oleh Majlis.

Pelupusan barang atau benda mudah rosak

37. (1) Majlis boleh mengarahkan supaya apa-apa barang atau benda yang dialih di bawah subperenggan 36(2) yang merupakan jenis mudah rosak, dilupuskan atau dijual dan apa-apa hasilnya, jika ada, bolehlah dituntut oleh tuan punya barang atau benda tersebut selepas ditolak segala perbelanjaan yang ditanggung oleh Majlis bagi pengalihan, pelupusan atau penjualan barang atau benda itu.

(2) Jika tiada tuntutan dibuat selepas tamat tempoh 30 hari dari tarikh penjualan itu, hasil jualan itu hendaklah dikreditkan ke dalam pendapatan Majlis.

Pelupusan kenderaan motor, barang atau benda yang tidak mudah rosak

38. (1) Pemunya kenderaan motor atau barang atau benda yang tidak mudah rosak yang telah dialihkan dan ditahan di bawah subperenggan 36(2), boleh dalam masa 30 hari dari tarikh pengalihan itu menuntut kenderaan motor atau barang atau benda itu daripada Majlis setelah membayar kepada Majlis semua bayaran dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Majlis bagi pengalihan dan penahanan itu.

(2) Majlis boleh menetapkan apa-apa borang dan mengenakan apa-apa syarat bagi membuat tuntutan apa-apa kenderaan motor atau barang atau benda yang ditahan.

(3) Jika tiada tuntutan dibuat berkenaan dengan pengalihan tersebut dalam subperenggan (1), Majlis boleh mengarahkan supaya kenderaan motor atau barang atau benda itu dijual atau dilupuskan mengikut cara yang difikirkan sesuai oleh Majlis dan segala hasil yang diperoleh daripadanya hendaklah dikreditkan ke dalam pendapatan Majlis.

Kenderaan motor dialih selepas satu jam

39. (1) Walau apa pun peruntukan perenggan 36, jika kenderaan motor diletak secara berterusan selama lebih daripada satu jam di tempat atau petak letak kereta setelah tempoh letak kereta telah tamat atau gagal membayar caj yang ditetapkan atau gagal mempamerkan tiket letak kereta, kenderaan motor itu hendaklah dialih oleh mana-mana atendan letak kereta, mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Majlis atau mana-mana pegawai polis daripada tempat atau petak letak kereta itu dan disimpan di bawah jagaan Majlis.

(2) Mana-mana kenderaan motor yang dialih di bawah subperenggan (1) boleh ditahan oleh Majlis sehingga semua caj letak kereta yang kena dibayar berkenaan dengan penggunaan tempat atau petak letak kereta sehingga masa kenderaan itu dialihkan dan segala perbelanjaan yang ditanggung oleh Majlis dalam mengalih dan menahan kenderaan itu dijelaskan kepada Majlis.

Majlis tidak bertanggungan atas kerugian atau kerosakan

40. Majlis atau mana-mana atendan letak kereta tidaklah bertanggungan atas apa-apa kerugian atau kerosakan pada mana-mana kenderaan motor dalam menguatkuasakan Perintah ini.

BAHAGIAN IX

PELBAGAI

Keselamatan kenderaan motor lain

41. Tiada kenderaan motor boleh ditarik, dipandu atau ditolak dalam kawasan tempat letak kereta kecuali dengan cara yang teratur dan cermat dan dengan mengambil perhatian terhadap keselamatan lain-lain kenderaan motor dan orang di dalam kawasan tempat letak kereta itu.

Penggantungan tempat atau petak letak kereta

42. (1) Majlis boleh menggantung penggunaan mana-mana tempat atau petak letak kereta apabila penggantungan itu difikirkan perlu—

(a) bagi maksud memudahkan pergerakan lalu lintas atau mewujudkan keselamatan lalu lintas;

(*b*) bagi maksud menjalankan apa-apa kerja binaan, perobohan atau pengorekan yang berdampingan atau berdekatan dengan tempat letak kereta, bagi penyelenggaraan, pemajuan atau pembinaan semula tempat letak kereta, pemasangan, pendirian, pengubahan atau pembaikan mana-mana betung, kabel, paip atau peralatan untuk bekalan air, elektrik, talian telefon atau telegraf yang berdampingan atau berdekatan dengan tempat letak kereta;

(*c*) bagi menyenangkan penghuni premis yang berdampingan atau berdekatan dengan tempat letak kereta ketika mengadakan upacara rasmi atau agama atau peristiwa lain yang tertentu; atau

(*d*) bagi apa-apa sebab lain yang difikirkan patut oleh Majlis.

(2) Atas apa-apa penggantungan yang disebutkan terdahulu, mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa hendaklah menampalkan suatu notis bagi maksud itu yang berhampiran atau di tempat atau petak letak kereta dan adalah menyalahi undang-undang bagi mana-mana orang meletak apa-apa kenderaan motor di tempat atau petak letak kereta itu melainkan jika ia berhubungan bagi maksud penggantungan itu dibuat.

(3) Jika mana-mana orang memerlukan penggunaan mana-mana petak atau petak-petak letak kereta digantung bagi tujuan persendirian, suatu permohonan bagi penggantungan itu hendaklah dibuat kepada Majlis dengan menyatakan lokasi, nombor petak letak kereta dan tempoh penggantungan yang diperlukan dan orang itu hendaklah membayar kepada Majlis apa-apa caj yang ditetapkan oleh Majlis untuk tempoh penggantungan itu.

Tidak boleh menuntut lebihan caj letak kereta

43. Mana-mana orang yang telah mengeluarkan kenderaan motornya dari suatu petak letak kereta sebelum tamat tempoh masa yang dibenarkan untuk meletak kenderaan motor itu adalah tidak berhak untuk menuntut apa-apa lebihan caj letak kereta yang telah dibayar bagi lebihan masa yang tidak digunakan.

Larangan berdagang atau berniaga

44. Tiada seorang pun boleh menggunakan mana-mana tempat atau petak letak kereta bagi maksud menjalankan apa-apa perdagangan atau perniagaan.

Larangan membaiki kenderaan motor

45. Tiada seorang pun boleh membaiki mana-mana kenderaan motor atau membenarkan kenderaan motor dibaiki di tempat letak kereta kecuali dalam hal pembaikannya adalah perlu untuk membolehkan kenderaan motor itu dialih daripada petak letak kereta itu.

Larangan membasuh atau mencuci

46. Tiada seorang pun boleh mencuci, membersihkan, menyebabkan, membenarkan dicuci atau dibersihkan mana-mana kenderaan motor di tempat atau petak letak kereta.

Larangan menggunakan tempat letak kereta selain daripada untuk meletak kenderaan motor

47. Tiada seorang pun boleh meletak atau mempamerkan apa-apa notis atau iklan pada mana-mana kenderaan motor untuk menjual kenderaan itu semasa kenderaan itu diletakkan di tempat atau petak letak kereta atau menggunakan kenderaan motor yang diletakkan di tempat atau petak letak kereta selain tujuan meletak kereta.

Pengalihan resit, tiket atau kompaun

48. Tiada seorang pun melainkan seorang yang diberi kuasa oleh Majlis boleh mengalih atau menyebabkan dialih apa-apa resit, tiket atau notis kompaun yang dikeluarkan oleh mana-mana atendan letak kereta atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Majlis yang ditampalkan pada cermin hadapan atau mana-mana bahagian kenderaan motor yang mudah dilihat semasa ianya diletakkan di tempat atau petak letak kereta.

Gangguan terhadap meter letak kereta

49. Tiada seorang pun boleh mengalih, mengetuk, mengganggu atau mengusik perjalanan meter letak kereta atau cuba melakukan mana-mana dari perbuatan sedemikian, tanpa kuasa yang sempurna menampal atau cuba menampal apa-apa pelekat, iklan, notis, senarai, dokumen, papan atau benda pada, mengecat atau menulis atas, merosakkan atau selainnya menyalahgunakan mana-mana meter letak kereta.

Kecemasan

50. Dalam keadaan kecemasan, mana-mana atendan letak kereta atau mana-mana pegawai polis beruniform boleh mengalih atau menyebabkan dialih ke mana-mana tempat yang difikirkan sesuai mana-mana kenderaan motor yang diletak di tempat atau petak letak kereta.

Petak letak kereta khas

51. Tiada seorang pun boleh meletak kenderaan motor di mana-mana petak letak kereta yang ditetapkan oleh Majlis sebagai petak letak kereta khas untuk orang, kenderaan atau keadaan yang tertentu.

Pendakwaan

52. (1) Mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pendakwa Raya boleh menjalankan pendakwaan bagi mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Perintah ini.

(2) Tiada pendakwaan bagi sesuatu kesalahan di bawah Perintah ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

Penalti

53. Mana-mana orang yang melakukan apa-apa kesalahan di bawah Perintah ini apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi tiga ratus ringgit dan selanjutnya membayar kepada Majlis apa-apa bayaran yang terhutang dan kena dibayar di mana-mana peruntukan Perintah ini.

Kuasa untuk mengkompaun

54. (1) Apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah Perintah ini boleh dikompaun oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 120 Akta Pengangkutan Jalan 1987.

(2) Jumlah wang yang dikutip bagi mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah Perintah ini hendaklah tidak melebihi satu ratus ringgit.

(3) Tawaran untuk mengkompaun apa-apa kesalahan dan penerimaan tawaran kompaun hendaklah dibuat di dalam borang yang ditetapkan oleh Majlis.

Penyampaian dokumen

55. Mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa untuk menyampaikan apa-apa notis, perintah, kompaun atau apa-apa dokumen yang dikehendaki disampaikan di bawah Perintah ini boleh—

(a) meletak dan meninggalkannya di mana-mana bahagian kenderaan motor yang berkenaan dengannya notis, perintah, kompaun atau apa-apa dokumen itu dikeluarkan agar mudah dilihat oleh pemandu atau pemunya kenderaan motor itu dan penyampaian itu dianggap sebagai sempurna;

(b) menyerahkan kepada penama yang di atas namanya notis, perintah, kompaun atau dokumen itu dikeluarkan;

(c) sekiranya penyampaian secara kediri tidak dapat dilakukan, penyampaian secara ganti boleh dibuat dengan meninggalkan notis, perintah, kompaun atau dokumen itu di alamat biasa yang terakhir yang diketahui;

(d) melalui pos berdaftar ke alamat biasa yang terakhir yang diketahui; atau

(e) dengan cara mengiklankannya di dalam mana-mana akhbar harian.

Kuasa untuk meminda atau memansuhkan Jadual

56. Majlis boleh menambah, meminda atau membatalkan kesemua atau mana-mana bahagian dalam mana-mana Jadual di bawah perintah ini sekiranya Majlis berpendapat adalah perlu untuk berbuat demikian.

Pemansuhan dan peruntukan peralihan

57. (1) Perintah Lalu Lintas (Peruntukan Mengenai Tempat Letak Kereta) (Ampang Jaya) 1992 [*Sel. P.U. 1*] dengan ini dimansuhkan.

(2) Apa-apa notis, perintah, kompaun atau dokumen yang telah dikeluarkan atau dibuat terdahulu hendaklah terus terpakai dan berkuat kuasa seolah-olah telah dikeluarkan atau dibuat di bawah Perintah ini sehingga dibatalkan.

JADUAL PERTAMA

(Perenggan 2, 3 & 8)

CAJ BAGI TEMPAT LETAK KERETA DAN PERAGA DAN TEMPAT LETAK KERETA BERKUPON

	(1)	(2)	(3)	(4)
No.	*Tempat Letak Kereta*	*Caj Tempat Letak Kereta*	*Jenis Tempat Letak Kereta*	*Masa Kawalan*
	TAMAN MUDA			
1.	Jalan Bunga Tanjung 6A (Taman Muda)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
2.	Lorong Belakang Bunga Tanjung 6A (Taman Muda)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
3.	Jalan Bunga Tanjung 7 (Taman Muda)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
4.	Jalan Bunga Tanjung 8 (Taman Muda)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
5.	Lorong Tengah Bunga Tanjung 8 (Taman Muda)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
6.	Jalan Bunga Tanjung 8A (Taman Muda)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
7.	Jalan Bunga Tanjung 8B (Taman Muda)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A

	(1)	(2)	(3)	(4)
No.	*Tempat Letak Kereta*	*Caj Tempat Letak Kereta*	*Jenis Tempat Letak Kereta*	*Masa Kawalan*
8.	Jalan Bunga Tanjung 9 (Taman Muda)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
9.	Jalan Bunga Tanjung 9A (Taman Muda)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
10.	Jalan Bunga Tanjung 9B (Taman Muda)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
11.	Lorong Belakang Bangunan Telekom (Taman Muda)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
12.	Jalan Bunga Tanjung 9C (Taman Muda)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
13.	Lorong Tengah Bunga Tanjung 9C (Taman Muda)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
14.	Jalan Bunga Tanjung 10 (Taman Muda)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
	TAMAN KOSAS			
15.	Jalan Kosas 1/1 (Taman Kosas)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
16.	Lorong Belakang Jalan Kosas 1/1 (Taman Kosas)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
17.	Jalan Kosas 1/2 (Taman Kosas)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
18.	Lorong Belakang Jalan Kosas 1/2 (Taman Kosas)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
19.	Jalan Kosas 1/3 (Taman Kosas)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
20.	Lorong Belakang Jalan Kosas 1/3 (Taman Kosas)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
21.	Jalan Kosas 1/4 (Taman Kosas)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
22.	Lorong Belakang Jalan Kosas 1/4 (Taman Kosas)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A

	(1)	(2)	(3)	(4)
No.	*Tempat Letak Kereta*	*Caj Tempat Letak Kereta*	*Jenis Tempat Letak Kereta*	*Masa Kawalan*
23.	Jalan Kosas 1/5 (Taman Kosas)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
24.	Lorong Belakang Jalan Kosas 1/5 (Taman Kosas)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
25.	Jalan Kosas 1/6A (Taman Kosas)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
26.	Lorong Belakang Jalan Kosas 1/6A (Taman Kosas)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
27.	Jalan Kosas 2 (Taman Kosas)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
	BANDAR BARU AMPANG			
28.	Jalan Wawasan Ampang 2 (Bandar Baru Ampang)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
29.	Jalan Wawasan Ampang 2/1 (Bandar Baru Ampang)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
30.	Jalan Wawasan Ampang 2/2 (Bandar Baru Ampang)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
31.	Jalan Wawasan Ampang 2/3 (Bandar Baru Ampang)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
32.	Jalan Wawasan Ampang 2/4 (Bandar Baru Ampang)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
33.	Jalan Wawasan Ampang 2/5 (Bandar Baru Ampang)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
34.	Jalan Tengah Jalan Utama (Bandar Baru Ampang)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
35.	Jalan Wawasan Ampang 2/6 (Bandar Baru Ampang)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
36.	Jalan Wawasan Ampang 2/8 (Bandar Baru Ampang)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
37.	Jalan Wawasan Ampang 2/10 (Bandar Baru Ampang)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
38.	Jalan Wawasan Ampang 2/12 (Bandar Baru Ampang)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A

	(1)	(2)	(3)	(4)
No.	*Tempat Letak Kereta*	*Caj Tempat Letak Kereta*	*Jenis Tempat Letak Kereta*	*Masa Kawalan*
39.	Jalan Pasar (Bandar Baru Ampang)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
40.	Jalan Wawasan Ampang 4/1 (Bandar Baru Ampang)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
41.	Jalan Wawasan Ampang 4/2 (Bandar Baru Ampang)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
42.	Jalan Wawasan Ampang 4/3 (Bandar Baru Ampang)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
43.	Jalan Wawasan Ampang 4/4 (Bandar Baru Ampang)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
44.	Susur Jalan Wawasan Ampang 4/4 (Bandar Baru Ampang)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
45.	Jalan Wawasan Ampang 4/5 (Bandar Baru Ampang)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
46.	Jalan Wawasan Ampang 4/6 (Bandar Baru Ampang)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
47.	Susur Jalan Wawasan Ampang 4/6 (Bandar Baru Ampang)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
48.	Jalan Dravidan (Bandar Baru Ampang)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
49.	Lorong Belakang Jalan Dravidan (Bandar Baru Ampang)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
	PANDAN PERDANA			
50.	Jalan Perdana 4/1 (Pandan Perdana)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
51.	Jalan Perdana 4/3 (Pandan Perdana)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
52.	Jalan Perdana 4/5 (Pandan Perdana)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A

No.	(1) Tempat Letak Kereta	(2) Caj Tempat Letak Kereta	(3) Jenis Tempat Letak Kereta	(4) Masa Kawalan
53.	Jalan Perdana 4/6 (Pandan Perdana)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
54.	Jalan Perdana 4/8 (Pandan Perdana)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
55.	Kawasan Pandan Safari (Pandan Perdana)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
	TAMAN PANDAN PERDANA			
56.	Jalan Perdana 6/4 (Pandan Perdana)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
57.	Jalan Perdana 6/6 (Pandan Perdana)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
58.	Jalan Perdana 6/8 (Pandan Perdana)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
59.	Jalan Perdana 6/8A (Pandan Perdana)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
60.	Jalan Perdana 6/8B (Pandan Perdana)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
61.	Jalan Perdana 6/10A (Pandan Perdana)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
	PUSAT BANDAR TAMAN PERMATA			
62.	Jalan Changkat Permata (Pusat Bandar Taman Permata)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
	TAMAN PERMATA			
63.	Medan Letak Kereta Jalan AU 1A (Taman Permata)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
64.	Jalan Changkat Permata 1 (Taman Permata)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
65.	Jalan Changkat Permata 2 (Taman Permata)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A

	(1)	(2)	(3)	(4)
No.	*Tempat Letak Kereta*	*Caj Tempat Letak Kereta*	*Jenis Tempat Letak Kereta*	*Masa Kawalan*
66.	Jalan Changkat Permata 3 (Taman Permata)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
67.	Lorong Tepi Changkat Permata 3 (Taman Permata)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
68.	Jalan Changkat Permata 4 (Taman Permata)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
69.	Jalan Changkat Permata 5 (Taman Permata)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
70.	Tempat Letak Kereta Dalam Kawasan Pasaraya Giant (Taman Permata)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
	TAMAN MELAWATI			
71.	Medan Tempat Letak Kereta Melawati Square (Taman Melawati)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
72.	Medan Tempat Letak Kereta Bazar Melawati MPAJ (Taman Melawati)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
73.	Jalan Bandar (Taman Melawati)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
74.	Jalan Bandar 1 (Taman Melawati)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
75.	Jalan Bandar 2 (Taman Melawati)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
76.	Jalan Bandar 4 (Taman Melawati)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
77.	Jalan Bandar 11 (Taman Melawati)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
78.	Jalan Bandar 12 (Taman Melawati)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
79.	Jalan Bandar 13 (Taman Melawati)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A

No.	(1) *Tempat Letak Kereta*	(2) *Caj Tempat Letak Kereta*	(3) *Jenis Tempat Letak Kereta*	(4) *Masa Kawalan*
80.	Lorong Melaka (Taman Melawati)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
81.	Jalan Negara (Taman Melawati)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
82.	Jalan Negara 2 (Taman Melawati)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
83.	Lorong Melaka (Taman Melawati)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
84.	Lorong Kedah (Taman Melawati)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
85.	Lorong Perak (Taman Melawati)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
86.	Lorong Pulau Pinang (Taman Melawati)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
87.	Jalan Selangor (Taman Melawati)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
88.	Lorong Sabah (Taman Melawati)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
89.	Lorong Sarawak (Taman Melawati)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
90.	Jalan Selangor (Taman Melawati)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
91.	Lorong Terengganu (Taman Melawati)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
92.	Lorong 20 (Taman Melawati)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
93.	Lorong Belakang BBMB (Taman Melawati)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A

No.	(1) *Tempat Letak Kereta*	(2) *Caj Tempat Letak Kereta*	(3) *Jenis Tempat Letak Kereta*	(4) *Masa Kawalan*
	AMPANG POINT			
94.	Jalan Mamanda 1 (Ampang Point)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
95.	Jalan Mamanda 2 (Ampang Point)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
96.	Lorong Mamanda 2 (Ampang Point)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
97.	Jalan Mamanda 4 (Ampang Point)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
98.	Jalan Mamanda 5 (Ampang Point)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
99.	Jalan Mamanda 6 (Ampang Point)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
100.	Jalan Mamanda 7 (Ampang Point)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
101.	Jalan Mamanda 8 (Ampang Point)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
102.	Jalan Mamanda 9 (Ampang Point)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
	TAMAN AMPANG UTAMA			
103.	Jalan Ampang 1/1 (Taman Ampang Utama)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
104.	Jalan Ampang Utama 2/1 (Taman Ampang Utama)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
105.	Jalan Ampang 1/2 (Taman Ampang Utama)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
106.	Jalan Ampang 2/2 (Taman Ampang Utama)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A

No.	(1) *Tempat Letak Kereta*	(2) *Caj Tempat Letak Kereta*	(3) *Jenis Tempat Letak Kereta*	(4) *Masa Kawalan*
	AMPANG			
107.	Jalan Kg Melayu (Ampang)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
108.	Jalan Jati (Ampang)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
	PEKAN AMPANG			
109.	Jalan Merdeka (Pekan Ampang)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
110.	Jalan Pasar (Pekan Ampang)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
111.	Jalan Ampang (Pekan Ampang)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
112.	Jalan Besar Ampang (Pekan Ampang)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
113.	Jalan Susur Ampang (Pekan Ampang)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
	PANDAN INDAH			
114.	Jalan Pandan Indah (Pandan Indah)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
115.	Jalan Pandan Indah 3/2 (Pandan Indah)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
116.	Jalan Pandan Indah 4/1 (Pandan Indah)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
117.	Jalan Pandan Indah 4/1A (Pandan Indah)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
118.	Jalan Pandan Indah 4/2 (Pandan Indah)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
119.	Jalan Pandan Indah 4/3 (Pandan Indah)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
120.	Jalan Pandan Indah 4/3A (Pandan Indah)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A

	(1)	(2)	(3)	(4)
No.	*Tempat Letak Kereta*	*Caj Tempat Letak Kereta*	*Jenis Tempat Letak Kereta*	*Masa Kawalan*
121.	Jalan Pandan Indah 4/4 (Pandan Indah)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
122.	Jalan Pandan Indah 4/5 (Pandan Indah)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
123.	Jalan Pandan Indah 4/6 (Pandan Indah)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
124.	Jalan Pandan Indah 4/6A (Pandan Indah)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
125.	Lorong Pandan Indah 4/6A (Pandan Indah)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
126.	Jalan Pandan Indah 4/6B (Pandan Indah)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
127.	Jalan Pandan Indah 4/8 (Pandan Indah)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
128.	Jalan Pandan Indah 4/10 (Pandan Indah)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
129.	Jalan Pandan Indah 4/33 (Pandan Indah)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
130.	Jalan Pandan Indah 4/34 (Pandan Indah)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
131.	Jalan Pandan Indah 4/36 (Pandan Indah)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
132.	Jalan Pandan Indah 4/38 (Pandan Indah)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
133.	Jalan Pandan Indah 4/38 (Pandan Indah)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
134.	Lorong Pandan Indah 4/38 (Pandan Indah)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
135.	Jalan Pandan Indah 1/18 (Pandan Indah)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A

	(1)	(2)	(3)	(4)
No.	*Tempat Letak Kereta*	*Caj Tempat Letak Kereta*	*Jenis Tempat Letak Kereta*	*Masa Kawalan*
136.	Lorong Belakang Jalan 1/18 (Pandan Indah)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
137.	Jalan Pandan Indah 1/20 (Pandan Indah)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
138.	Lorong Belakang Jalan 1/20 (Pandan Indah)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
139.	Jalan Pandan Indah 1/21 (Pandan Indah)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
140.	Lorong Belakang Jalan 1/21 (Pandan Indah)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
141.	Jalan Pandan Indah 1/22 (Pandan Indah)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
142.	Jalan Pandan Indah 1/23 (Pandan Indah)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
143.	Lorong Belakang Jalan 1/23 (Pandan Indah)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
144.	Jalan Pandan Indah 1/23A (Pandan Indah)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
145.	Lorong Belakang Jalan 1/23A (Pandan Indah)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
146.	Jalan Pandan Indah 1/23B (Pandan Indah)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
147.	Lorong Belakang Jalan 1/23B (Pandan Indah)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
148.	Jalan Pandan Indah 1/23C (Pandan Indah)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
149.	Lorong Belakang Jalan 1/23C (Pandan Indah)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A
150.	Jalan Pandan Indah 1/23D (Pandan Indah)	50 sen tiap-tiap jam atau sebahagian darinya	Letak Kereta Bayar & Peraga	NOTA A

	(1)	(2)	(3)	(4)
(3) A pay and display parking ticket which has been altered, modified, damaged or folded shall cease to be valid notwithstanding that the time period and the date stated have not expired.

Offences

22. Any driver or owner of a motor vehicle who—

(a) fails to clearly display the pay and display parking ticket; or

(b) displays a pay and display parking ticket that has expired

committs an offence under this Order.

No parking after expiration of parking period

23. (1) No person shall allow or cause any motor vehicle to remain in a pay and display parking space after the expiration of the time period the motor vehicle is authorized to be parked as indicated on the pay and display parking ticket.

(2) Any person who wishes to extend the parking period shall obtain a new pay and display parking ticket by inserting coin or a meter card into the parking meter equal in value to the amount of the prescribed charge for such extension as required.

Faulty parking meter

24. (1) Any person who parks a motor vehicle in a pay and display parking place where the pay and display parking meter is not in a working condition or is faulty shall inform the parking attendant of such fact.

(2) The parking attendant referred to in subparagraph (1) shall then verify it and shall upon such verification—

(*a*) issue an official receipt on which shall be written the registration number of the motor vehicle, the date and the time period the motor vehicle is authorized to be parked in the pay and display parking space proportionate to the amount of the coin or meter card allegedly inserted into the pay and display parking meter; and

(*b*) affix a duplicate copy of the official receipt to the windscreen or any conspicuous part of the motor vehicle.

(3) The parking attendant shall affix to any pay and display parking meter which is not in good condition or is faulty a notice to that effect or cover it with a hood or in any manner he deems fit.

Issuance of meter card

25. The Council or any person authorized by the Council may issue a meter card upon payment of the prescribed charge for the parking of a motor vehicle in a pay and display parking place.

Part VI

COUPON PARKING PLACE

Issuance of parking coupon

26. The Council or any person authorized by the Council may issue a parking coupon upon payment of the charge prescribed under the First Schedule for the parking of a motor vehicle in a coupon parking place.

Compliance of conditions

27. (1) Any person who uses a parking coupon shall comply with all the conditions stated in the parking coupon.

(2) Any person who fails to comply with the conditions stated in the parking coupon committs an offence.

Use of parking coupon

28. Any person who uses a parking coupon may park his motor vehicle in any parking space except in season parking place and controlled parking place.

Display of parking coupon

29. (1) Any driver or owner of a motor vehicle who uses a parking coupon shall display the coupon on the dashboard facing the windscreen or at any conspicuous part of the motor vehicle for inspection to ensure that the parking attendant shall have an unobstructed view of the coupon while the motor vehicle is parked in the coupon parking place.

(2) Where more than one parking coupon are needed to be used in a coupon parking place, the driver or the owner of the motor vehicle shall display all the said coupons at the same time.

(3) Any parking coupon which has been used according to the time period required shall cease to be valid if it is amended, altered, damaged or folded.

Offences

30. If the driver or owner of a motor vehicle—

(a) fails to clearly display a valid parking coupon; or

(b) displays a parking coupon that has expired

committs an offence under this Order.

PART VII

CONTROLLED PARKING PLACE

Controlled parking place

31. A controlled parking place may be divided into parking spaces as may be determined by the Council.

Conditions of parking

32. (1) A person who parks a motor vehicle in a controlled parking place shall obtain a parking ticket issued by the parking attendant or an automatic ticketing machine at the entrance of the parking place and on which shall be stated the date and time of entrance into such parking place.

(2) Upon receipt of the parking ticket, the driver or the owner of the motor vehicle shall keep the ticket to be surrendered to the parking attendant at the exit point where he shall pay the charge prescribed in the Third Schedule.

Penalty for losing a controlled parking ticket

33. Any driver or owner of a motor vehicle who loses a parking ticket or if the ticket is damaged shall pay an additional charge of eight ringgit to the parking attendant.

No parking without payment of the prescribed charge

34. No person shall park any motor vehicle in a controlled parking space without payment of the charge prescribed or any additional charges due and payable under paragraph 33 or 35.

Additional charges

35. Any person who parks his motor vehicle exceeding the parking period allowed shall pay the prescribed parking charge as well as an additional charge of ten ringgit per day.

PART VIII

TOWING OF MOTOR VEHICLE

Obstruction and removal

36. (1) No person shall obstruct or cause to be obstructed any parking place or space.

(2) Any officer authorized by the Council, any parking attendant or any police officer may tow, remove or detain any motor vehicle, goods or things that—

(a) obstructs or cause to be obstructed any parking place or space;

(b) is used for the purpose of carrying on any trade or business at any parking place or space;

(c) obstructs or cause to be obstructed any parking meter at any parking place or space;

(d) is used to display motor vehicle for sale at any parking place or space;

(e) obstructs or cause to be obstructed any parking place or space specified for the disabled; or

(f) obstructs or cause to obstruct any fire hydrant at any parking place or space.

(3) Any motor vehicle, goods or things which has been detained and removed shall be kept at the depot or any place determined by the Council.

Disposal of perishable goods

37. (1) The Council may direct that any goods or things removed under subparagraph 36(2) which is of a perishable nature to be disposed of or sold and any proceeds thereof if any, may be claimed by the owner after deducting all expenses incurred by the Council for the removal, disposal or sale of such goods or things.

(2) If no claim is made after the expiry of 30 days from the date of the sale, the proceeds of such sale shall be credited into the Council's revenue.

Disposal of motor vehicle, non-perishable goods or things

38. (1) The owner of a motor vehicle or goods or things of a non-perishable nature which have been removed and detained under subparagraph 36(2) may within 30 days from the date of such removal claim the motor vehicle, goods or things from the Council upon payment to the Council of all charges and expenses incurred by the Council for the removal and detention thereof.

(2) The Council may prescribe any form or impose any conditions in respect of the claim made for the release of any motor vehicle, goods or things so detained.

(3) If no claim is made in respect of the removal mentioned in subparagraph (1), the Council may direct that the motor vehicle or goods or things to be sold or disposed of in the manner as deemed fit by the Council and all proceeds thereof shall be credited into the Council's revenue.

Motor vehicle to be removed after one hours

39. (1) Notwithstanding paragraph 36, where a motor vehicle is parked continuously for more than one hours in a parking place or space after the expiration of the parking period or failed to pay the prescribed charge or failed to displayed the parking ticket, the motor vehicle shall be removed by any parking attendant, any authorized officer of the Council or any police officer from such parking place or space and taken into the custody of the Council.

(2) Any motor vehicle removed under subparagraph (1) may be detained by the Council until the charges payable in respect of the use of the parking place or space up to the time of the removal of the motor vehicle from such place and all expenses incurred by the Council in removing and detaining the motor vehicle have been paid to the Council.

Council not liable for any loss or damage

40. The Council or any parking attendant shall not be liable for any loss or damage resulting to any motor vehicle in enforcing this Order.

PART IX

MISCELLANEOUS

Safety of other motor vehicles

41. No motor vehicle shall be drawn, driven or pushed within a parking place area otherwise than in an orderly and careful manner and with due regard to the safety of other motor vehicles and persons within such parking place.

Suspension of parking place or space

42. (1) The Council may suspend the use of any parking place or space whenever such suspension is considered necessary—

(a) for the purpose of facilitating the movement of traffic or promoting its safety;

(b) for the purpose of carrying out any construction, demolition or excavation work adjacent or close to the parking place, for the maintenance, improvement or reconstruction of the parking place, the laying, erection, alteration or repair of any sewer, cable, pipe or apparatus for the supply of water, electricity, telephone or telegraphic line adjacent or close to the parking place;

(c) for the convenience of occupiers of premises adjacent or close to the parking place at the time of official or religious ceremony or other special occasions; or

(d) for any other reason the Council may deem fit.

(2) On any such suspension as aforesaid, any officer authorized by the Council shall affix a notice to that effect near or at the parking place or space and it shall be unlawful for any person to park any motor vehicle in such parking place or space except in relation to the purpose for which the suspension was made.

(3) Where any person requires the use of any parking space or spaces to be suspended for any private purpose, an application for such suspension shall be made to the Council stating the location, amount of the parking space and the period of suspension required and that person shall pay to the Council such amount of charge as the Council deems fit for the duration of the suspension.

No claim can be made for excess of parking charge

43. Any person who has left a parking space before the expiry of the parking period of his motor vehicle shall not be entitle to claim the refund of amount less the period not used for parking.

Prohibition of trade or business

44. No person shall use any parking place or space for the purpose of carrying any trade or business.

Prohibition of repairs of motor vehicle

45. No person shall repair any motor vehicle or permit a motor vehicle to be repaired in a parking place unless the repair is necessary to enable the motor vehicle to be removed from the parking space.

Prohibition of washing or cleaning

46. No person shall wash, clean, cause, permit to be washed or cleaned any motor vehicle in a parking place or space.

Prohibition against using parking place except for parking

47. No person shall place or exhibit any notice or advertisement on any motor vehicle for the purpose of selling such vehicle while the vehicle is parked in a parking place or space otherwise than for parking purposes.

Removal of receipt, ticket or compound

48. No person other than a person authorized by the Council shall remove or cause to be removed any receipt, ticket or compound notice issued by any parking attendant or any officer authorized by the Council which is affixed to the windscreen or any conspicuous part of the motor vehicle whilst parked in a parking place or space.

Interference with parking meters

49. No person shall remove or knock or interfere or tamper with the operation of a parking meter or attempt to commit any of such acts or without due authority affix or attempt to affix any placard, advertisement, notice, list, document, board or thing on, or paint or write upon, or disfigure or otherwise misuse any parking meter.

Emergency

50. In the case of an emergency, any parking attendant or any uniformed police officer may remove or cause to be removed to any place he thinks fit any motor vehicle parked in the parking place or space.

Special parking spaces

51. No person shall be allowed to park at any parking space classified by the Council as a special parking space for any person, motor vehicle or occasion.

Prosecution

52. (1) Any officer authorized in writing by the Public Prosecutor may conduct the prosecution of any offence committed under this Order.

(2) No prosecution for an offence under this Order shall be instituted except by or with the written consent of the Public Prosecutor.

Penalty

53. Any person who commits any offence under this Order shall upon conviction be liable to a fine not exceeding three hundred ringgit and further shall be liable to pay any sums owed and due under any provision of this Order.

Power to compound

54. (1) Any offence committed under this Order may be compounded by any officer authorized by the Minister under section 120 of the Road Transport Act 1987.

(2) The sum of the money collected for compounding any offences under this Order shall not exceed one hundred ringgit.

(3) An offer to compound such offence and acceptance of offer shall be made in the form prescribed by the Council.

Service of documents

55. Service or any notice, order, compound or document required to be served under this Order shall be effected by an officer authorized by the Council and the service may be effected by—

(a) placing or leaving on any conspicuous part of a motor vehicle against which such notice, order, compound or document is issued to ensure that the driver or owner shall have an unobstructed view of it and is deemed to be sufficient service.

(b) personally serving upon whom the notice, order, compound or document is issued;

(c) leaving at the usual last known address of the person upon whom the notice, order, compound or document is issued in the event that personal service cannot be effected;

(d) sending a copy by registered post addressed to the usual last known address; or

(e) advertising in any daily newspaper.

Power to amend or repeal Schedule

56. The Council may add, amend or revoke all or any part of any Schedule under this Order if it is of the opinion that it is necessary to do so.

Repeal and transitional provision

57. (1) The Road Traffic (Provision of Parking Places) (Ampang Jaya) Order 1992 [*Sel P.U. 1*] is hereby repealed.

(2) Any notice, order, compound or documents made or issued under the repealed Order shall be deemed to be made or issued under this Order and shall continue to remain in force until revoked there under.

Sel. P.U. 112.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PUSAT SIBER DAN KAFE SIBER (MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA) 2007

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I

PEMULAAN

Undang-undang kecil

1. Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PELESENAN

3. Larangan pusat siber atau kafe siber tanpa lesen
4. Permohonan lesen
5. Lesen tidak boleh dipindah milik
6. Fi tidak boleh dibayar balik
7. Deposit
8. Penggantungan atau pembatalan lesen
9. Tempoh sah lesen
10. Membaharui lesen
11. Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan
12. Lesen sementara
13. Ketidaklayakan
14. Larangan

BAHAGIAN III

PEMEGANG LESEN DAN PEKERJA

15. Pemegang lesen
16. Buku daftar
17. Daftar pekerja
18. Pemeriksaan kesihatan
19. Kebersihan pekerja

BAHAGIAN IV

PREMIS

Undang-undang kecil

20. Larangan mempamerkan iklan tanpa lesen
21. Waktu menjalankan perniagaan
22. Pelanggan di bawah umur dua belas tahun
23. Lokasi
24. Kebersihan premis

BAHAGIAN V

PENGUATKUASAAN

25. Kuasa masuk dan memeriksa
26. Penggeledahan
27. Pemeriksaan orang perempuan
28. Penyitaan
29. Pelucuthakan
30. Pelucuthakan jika ada pendakwaan
31. Pelucuthakan jika tiada pendakwaan
32. Tiada kos atau gantirugi berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan
33. Kuasa untuk menutup premis berlesen
34. Kuasa menangkap
35. Majlis tidak bertanggungan atas kehilangan atau kerosakan
36. Halangan, dsb.

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

37. Pendakwaan
38. Pengkompaunan kesalahan
39. Penalti
40. Peruntukan peralihan

JADUAL

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PUSAT SIBER DAN KAFE SIBER
(MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 73, 102 dan 102A Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Perbandaran Ampang Jaya dengan ini membuat dan menurut Seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pusat Siber Dan Kafe Siber (Majlis Perbandaran Ampang Jaya) 2007**.

(2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada 19 Julai 2007.

(3) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai bagi kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya sahaja.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"dadah" hendaklah mempunyai erti yang sama di bawah Akta Penjualan Dadah 1952 [*Akta 368*];

"hiburan" hendaklah mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Enakmen Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan (Selangor) 1995 (Pindaan 2001);

"kafe siber" ertinya premis berlesen yang menyediakan kemudahan komputer untuk melayari internet serta menjual makanan dan minuman kepada pelanggan;

"komputer" hendaklah mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Jenayah Komputer 1997 [*Akta 563*];

"lesen" ertinya lesen yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 4;

"Majlis" ertinya Majlis Perbandaran Ampang Jaya;

"Pegawai Kesihatan" hendaklah mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*];

"Pegawai perubatan" ertinya seorang pegawai perubatan yang digaji oleh Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai perubatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971 [*Akta 50*];

"Pihak Berkuasa Melesen" ertinya Yang Dipertua atau Setiausaha suatu pihak berkuasa tempatan atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua;

"premis berlesen" ertinya mana-mana premis yang menjalankan pusat siber dan kafe siber seperti yang dilesenkan oleh Pihak Berkuasa Melesen di bawah Undang-undang Kecil ini;

"pusat siber" ertinya premis berlesen yang menyediakan kemudahan komputer untuk melayari internet;

"Yang Dipertua" ertinya Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

BAHAGIAN II

PELESENAN

Larangan mengadakan pusat siber dan kafe siber tanpa lesen

3. Tiada seorang pun boleh menjalankan perniagaan pusat siber dan kafe siber tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Permohonan lesen

4. (1) Suatu permohonan untuk mendapatkan atau memperbaharui lesen hendaklah dibuat mengikut apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengarahkan mana-mana pemohon supaya hadir sendiri atau dalam hal suatu perbadanan atau firma, oleh seorang pengarah, pekerja atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh perbadanan atau firma tersebut, semasa permohonan dibuat.

(3) Mana-mana pemohon hendaklah membuat pembayaran fi pemprosesan seperti yang ditetapkan di dalam Jadual Kedua semasa permohonan dikemukakan dan fi pemprosesan tidak akan dikembalikan sama ada permohonan diluluskan atau tidak diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(4) Apabila permohonan itu diluluskan, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah mengeluarkan lesen yang tertakluk kepada—

(a) pembayaran deposit seperti jumlah yang ditetapkan oleh Majlis sebagai jaminan untuk memastikan bahawa peruntukan Undang-Undang Kecil ini dan syarat lesen dipatuhi;

(b) pembayaran apa-apa fi yang ditetapkan di dalam Jadual Pertama; dan

(c) apa-apa syarat atau sekatan yang dinyatakan di dalamnya.

(5) Lesen tersebut hendaklah dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(6) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengeluarkan lesen bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun dan boleh diperbaharui tertakluk kepada permohonan pembaharuan yang dibuat kepada Pihak Berkuasa Melesen dan bayaran fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Lesen tidak boleh dipindahmilik

5. (1) Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini ini tidak boleh dipindahmilik kecuali dengan kebenaran bertulis Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Permohonan untuk memindahmilik lesen hendaklah dibuat mengikut apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(3) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengkehendaki pemegang lesen memberi apa-apa dokumen atau maklumat tambahan sebagaimana yang didapati perlu semasa permohonan dibuat.

(4) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengarahkan mana-mana pemohon supaya hadir sendiri atau dalam hal suatu perbadanan atau firma, oleh seorang pengarah, pekerja atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh perbadanan atau firma tersebut, semasa permohonan dibuat.

(5) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengkehendaki pemegang lesen untuk menyelesaikan sebarang bayaran tertunggak kepada pihak Majlis sebelum meluluskan permohonan tersebut.

(6) Bayaran pindahmilik lesen ialah sebanyak dua puluh peratus daripada bayaran lesen yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(7) Mana-mana permohonan pindahmilik lesen hendaklah membuat pembayaran fi pemprosesan seperti yang ditetapkan dalam Jadual Kedua semasa permohonan dibuat dan ianya tidak akan dikembalikan.

Fi tidak boleh dibayar balik

6. Fi lesen yang telah dibayar di bawah Undang-Undang Kecil ini tidak boleh dikembalikan.

Deposit

7. (1) Deposit yang dibayar di bawah subperenggan 4(4)*(a)* hendaklah mengikut jumlah seperti yang ditentukan oleh Majlis.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh melupuskan deposit sepenuhnya atau sebahagiannya sekiranya Pihak Berkuasa Melesen berpuas hati bahawa terdapatnya perlanggaran syarat lesen atau sekatan lesen atau pada pembatalan lesen sebelum tarikh tamat atau perlanggaran mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

(3) Lesen hendaklah terbatal apabila deposit dilupuskan, melainkan dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen dengan permohonan dari pemegang lesen untuk melanjutkan lesen dan tertakluk kepada pembayaran semula deposit sekiranya dilupuskan.

(4) Pembayaran deposit di bawah subperenggan 4(4)(*a)* hendaklah, melainkan dilupuskan menurut perenggan (2), dikembalikan kepada pemegang lesen selepas pemegang lesen menamatkan pengendalian premis berlesen dan selepas penyerahan balik lesen kepada Pihak Berkuasa Melesen sekiranya lesen itu tamat.

Penggantungan atau pembatalan lesen

8. (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh pada bila-bila masa menggantung atau membatalkan suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini sekiranya telah berlaku kegagalan mematuhi mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini atau pelanggaran apa-apa syarat atau sekatan lesen.

(2) Mana-mana orang yang menjalankan atau menguruskan suatu premis berlesen semasa tempoh penggantungan lesen atau setelah lesen dibatalkan adalah melakukan suatu kesalahan.

Tempoh sah lesen

9. Sesuatu lesen jika tidak digantung atau dibatalkan terlebih dahulu hendaklah terus berkuatkuasa dari tarikh pembayaran fi lesen sehingga 31 Disember tahun semasa.

Membaharui lesen

10. (1) Suatu permohonan lesen boleh dibuat kepada Pihak Berkuasa Melesen dengan bayaran fi sepertimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengkehendaki pemohon memberikan apa-apa dokumen atau maklumat tambahan yang difikirkan perlu semasa pemohonan dibuat.

(3) Pihak Berkuasa Melesen boleh memperbaharui lesen itu atau enggan membaharui lesen itu dan hendaklah memberitahu pemohon secara bertulis mengenai keputusannya itu.

(4) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengkehendaki pemohon untuk menyelesaikan sebarang bayaran kepada Majlis sebelum meluluskan permohonan tersebut.

Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan

11. (1) Seorang pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesen pada sepanjang masa di suatu tempat yang mudah dilihat di dalam premis berlesen dan hendaklah mengemukakannya sekiranya dikehendaki berbuat demikian oleh Pihak Berkuasa Melesen atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa.

(2) Seorang pemegang lesen yang gagal untuk mempamer atau mengemukakan lesen di bawah perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan bolehlah dikenakan hukuman denda yang tidak melebihi lima ratus ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(3) Bagi maksud Undang-Undang Kecil ini, sebutan tentang sesuatu lesen hendaklah termasuk salinan lesen itu yang diperakui oleh Pihak Berkuasa Melesen sebagai salinan sebenar lesen itu dan salinan lesen yang diperakui hanya boleh dikeluarkan tertakluk kepada kadar bayaran dalam Jadual Ketiga.

Lesen Sementara

12. (1) Suatu lesen sementara boleh dikeluarkan kepada mana-mana pemohon sementara menanti keputusan oleh Pihak Berkuasa Melesen ke atas permohonan bagi suatu lesen.

(2) Lesen sementara yang dikeluarkan di bawah perenggan (1) hendaklah sah bagi tempoh tidak melebihi enam bulan dari tarikh ianya dikeluarkan.

(3) Tertakluk kepada perenggan (5), suatu lesen sementara boleh dilanjutkan bagi tempoh tidak melebihi enam bulan selanjutnya atas permohonan secara bertulis oleh pemohon pada atau sebelum tarikh akhir tempoh enam bulan yang pertama.

(4) Tempoh sah suatu lesen sementara hendaklah tidak melebihi tempoh dua belas bulan dari tarikh ianya itu dikeluarkan.

(5) Lesen sementara yang dikeluarkan hendaklah dibatalkan dengan serta-merta apabila permohonan bagi suatu lesen tidak diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(6) Fi bagi suatu lesen sementara atau apa-apa perlanjutan lesen sementara hendaklah tidak melebihi jumlah fi yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(7) Pemegang suatu lesen sementara hendaklah mempunyai hak, kewajipan, liabiliti dan obligasi yang sama sebagaimana pemegang lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Ketidaklayakan

13. Tiada lesen boleh dikeluarkan—

(a) kepada seorang pemohon di bawah umur dua puluh satu tahun;

(b) kepada seorang pemohon yang, berdasarkan rekod Pihak Berkuasa Melesen, merupakan pemegang lesen tetapi lesennya telah dibatalkan disebabkan kegagalan mematuhi mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini atau telah melanggar mana-mana syarat atau sekatan lesen;

(c) bagi mana-mana premis yang pada pendapat Pihak Berkuasa Melesen tidak sesuai untuk menjalankan suatu pusat siber dan kafe siber; atau

(d) sekiranya pemohon gagal memberikan aku janji bahawa orang yang berkelayakan sahaja akan diambil bekerja.

Larangan

14. Tiada seorang pemegang lesen boleh—

(a) mengambil bekerja mana-mana orang yang di dalam pengetahuannya atau mempunyai sebab untuk percaya sebagai seorang yang mempunyai watak yang jahat;

(b) mengambil bekerja mana-mana orang di bawah umur lapan belas tahun;

(c) mengambil mana-mana warganegara asing untuk bekerja di premis berlesen;

(d) membenarkan apa-apa perjudian atau apa-apa bentuk perbuatan yang menyebabkan kacauganggu, gangguan, kecederaan atau kebisingan kepada penduduk di kawasan persekitaran premis berlesen;

(e) menayangkan, mempamerkan atau membenarkan pelanggan memuat turun apa-apa gambar atau artikel yang kurang sopan atau lucah di premis berlesen;

(f) membenarkan penjualan apa-apa bahan-bahan cetak yang berunsur negatif dan lucah di premis berlesen;

(g) membenarkan mana-mana binatang berada di dalam premis berlesen;

(h) mengadakan apa-apa bentuk hiburan di premis berlesen seperti permainan video, muzik siar pusat dan sebagainya;

(i) mengunci pintu masuk ke premis berlesen sewaktu perniagaan dijalankan;

(j) membenarkan pelajar yang berpakaian seragam sekolah masuk atau berada di premis berlesen;

(k) membenarkan apa-apa penjualan dan/atau menggunakan minuman beralkohol atau rokok atau dadah merbahaya di premis berlesen;

(l) membenarkan mana-mana orang atau pelanggan merokok atau menggunakan sebarang rokok atau minuman beralkohol atau apa-apa jenis dadah merbahaya ke dalam premis berlesen;

(m) menayangkan atau mempamerkan apa-apa gambar yang tidak sesuai dengan adat resam, agama dan nilai murni masyarakat Malaysia;

(n) membenarkan penggunaan cermin gelap di premis berlesen; atau

(o) Membenarkan apa-apa aktiviti kurang sihat di dalam premis berlesen.

BAHAGIAN III

PEMEGANG LESEN DAN PEKERJA

Pemegang Lesen

15. (1) Pemegang lesen hendaklah mempunyai kelayakan sepertimana yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Pemegang lesen hendaklah menyediakan pekerja yang mencukupi pada setiap masa bagi mengawal setiap aktiviti di premis berlesen tersebut.

Buku Daftar

16. (1) Pemegang lesen hendaklah menyediakan buku rekod kemasukan pelanggan dan mengandungi butiran berikut—

(a) Nama pelanggan;

(b) Nombor kad pengenalan atau nombor pasport;

(c) Alamat terkini;

(d) Umur;

(e) Masa mula dan tamat penggunaan ; dan

(f) Nama sekolah dan kelas (sekiranya perlu).

(2) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa buku rekod kemasukan diselenggara dan disimpan pada tempoh minima satu tahun dan dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Melesen apabila diminta.

Daftar pekerja

17. (1) Pemegang lesen hendaklah mengadakan suatu daftar yang mengandungi nama, nombor kad pengenalan, alamat kediaman, kelayakan, gambar dan apa-apa butiran lain yang berkaitan dengan pekerja, dan hendaklah mengemukakan daftar itu untuk pemeriksaan bila masa dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Pemegang lesen hendaklah apabila menggaji seseorang pekerja, menyerahkan butiran pekerja seperti yang disebutkan di bawah perenggan (1) kepada Pihak Berkuasa Melesen dan memaklumkan kepada Pihak Berkuasa Melesen tentang apa-apa pertukaran butiran pekerja ataupun pertukaran pekerja.

Pemeriksaan kesihatan

18. Mana-mana pemegang lesen kafe siber hendaklah memastikan semua pekerja yang menyediakan perkhidmatan makanan dan minuman, menjalani pemeriksaan kesihatan oleh seorang pegawai perubatan setahun sekali atau pada bila-bila masa sepertimana yang diarahkan oleh Pegawai Kesihatan.

Kebersihan pekerja

19. Pemegang lesen kafe siber hendaklah memastikan pekerja yang menyediakan perkhidmatan makanan dan minuman di premis berlesen—

(a) membersihkan diri sebelum memulakan apa-apa perkhidmatan;

(b) mengenakan pakaian seragam yang bersih dan sopan yang dibekalkan oleh pemegang lesen;

(c) tiada meludah, membuang hingus dan merokok atau menggunakan atau menghidu tembakau semasa memberikan perkhidmatan; dan

(d) tiada luka atau kulit jari atau tangannya melelas semasa memberikan perkhidmatan makanan dan minuman melainkan jika luka atau lelasan itu dibalut dengan sempurna dengan pembalut yang kalis air.

BAHAGIAN IV

PREMIS

Larangan mempamerkan iklan tanpa lesen

20. Tiada seorang pun boleh mempamerkan iklan tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Waktu menjalankan perniagaan

21. (1) Masa perniagaan bagi premis berlesen adalah dari pukul 8.00 pagi hingga pukul 12.00 tengah malam atau pada masa dan jam yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Pelanggan di bawah umur dua belas tahun hendaklah dibenarkan berada di dalam premis berlesen atau menggunakan apa-apa perkhidmatan yang dijalankan di premis berlesen sehingga pukul 10.00 malam sahaja.

(3) Mana-mana orang yang gagal mematuhi waktu yang ditetapkan di bawah perenggan (1) dan (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman denda yang tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara yang tidak melebihi setahun atau kedua-duanya.

Pelanggan di bawah umur dua belas tahun

22. Mana-mana pelanggan di premis berlesen yang di bawah umur dua belas tahun hendaklah pada sepanjang masa ditemani oleh ibu bapa atau penjaga yang sah.

Lokasi

23. (1) Suatu premis berlesen hendaklah beroperasi hanya di tingkat bawah bangunan dan keadaan premis hendaklah terbuka sepanjang masa dengan sistem pencahayaan yang mencukupi.

(2) Pemegang lesen hendaklah memastikan kedudukan komputer bagi tujuan melayari internet atau menjalankan apa-apa aktiviti yang dibenarkan hendaklah berasingan daripada aktiviti sampingan yang lain dan ia hendaklah diletakkan dalam ruang yang terbuka, iaitu tidak berbilik dan tidak berpintu.

(3) Suatu premis berlesen hendaklah dibenarkan beroperasi di kawasan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen

Kebersihan premis

24. (1) Pemegang lesen juga hendaklah menyediakan kemudahan tong sampah dan tandas yang mencukupi di premis berlesen.

(2) Suatu premis berlesen hendaklah pada setiap masa menepati syarat-syarat penggunaan dan kelulusan bangunan yang telah ditetapkan dan sebarang pengubahsuaian ke atas bangunan hendaklah mendapat kelulusan daripada pihak Majlis dan agensi-agensi yang berkaitan terlebih dahulu.

BAHAGIAN V

PENGUATKUASAAN

Kuasa masuk dan memeriksa

25. (1) Pihak Berkuasa Melesen, pegawai yang diberikuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor boleh pada setiap masa yang munasabah, tanpa waran dengan tujuan untuk menentukan sama ada syarat atau sekatan sesuatu lesen atau peruntukan Undang-Undang Kecil ini dipatuhi—

(a) memasuki mana-mana premis berlesen; dan

(b) menjalankan apa-apa pemeriksaan di premis berlesen itu.

(2) Jika Pihak Berkuasa Melesen, pegawai yang diberikuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor ada sebab untuk mempercayai adanya berlaku suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini di mana-mana premis berlesen, maka orang yang tinggal di dalam atau menjaga tempat itu hendaklah membenarkan Pihak Berkuasa Melesen, pegawai

yang diberikuasa atau pegawai polis berpangkat tidak rendah dari Inspektor itu masuk dengan bebas ke dalamnya, iaitu apabila diminta oleh mana-mana orang yang tersebut itu, dan memberikan segala kemudahan yang munasabah untuk menjalankan penggeledahan di dalamnya;

(3) Jika tidak dapat masuk ke dalam mana-mana premis berlesen mengikut perenggan (2) di atas, maka adalah sah bagi Pihak Berkuasa Melesen, pegawai yang diberikuasa atau pegawai polis berpangkat tidak rendah dari Inspektor itu, setelah memperkenalkan dirinya dan tujuan kemasukan itu kepada pemegang lesen atau pekerjanya, untuk memasuki ke dalam premis berlesen itu tanpa waran dan menggeledah tempat itu dan bolehlah memecahkan mana-mana pintu luar atau dalam atau tingkap supaya dapat masuk ke dalamnya.

(4) Apabila mana-mana premis berlesen yang hendak digeledah atau diperiksa di bawah Undang-Undang Kecil ini tertutup, maka pemegang lesen, pekerjanya atau orang yang menjaga premis berlesen itu, jika ada, hendaklah atas permintaan Pihak Berkuasa Melesen, pegawai yang diberikuasa atau pegawai polis berpangkat tidak rendah dari Inspektor membuka atau menyebabkan premis berlesen itu dibuka, dan hendaklah membenarkan mana-mana pegawai tersebut masuk apabila diminta olehnya dan hendaklah memberi segala kemudahan yang munasabah bagi menjalankan penggeledahan di dalamnya dan jika premis berlesen itu tidak dapat dimasuki, maka mana-mana pegawai tersebut boleh mengambil tindakan mengikut cara yang diperuntukkan oleh perenggan (3) jika dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa satu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini telah dilakukan di tempat itu.

(5) Bagi maksud pemeriksaan di bawah perenggan 1, Pihak Berkuasa Melesen, pegawai yang diberikuasa atau pegawai polis berpangkat tidak rendah dari Inspektor boleh—

(a) memeriksa premis berlesen itu;

(b) menghendaki mana-mana orang mengemukakan barang, buku, akaun, tiket atau dokumen atau benda lain atau memberikan apa-apa maklumat yang difikirkan perlu oleh pegawai yang diberikuasa; dan

(c) mendapatkan capaian kepada mana-mana atur cara atau data yang disimpan di dalam mana-mana komputer atau mendapat capaian kepada, memeriksa atau menyemak pengendalian, mana-mana komputer dan apa-apa radas atau bahan yang berkaitan yang dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki digunakan atau telah digunakan berkaitan dengan apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini;

(6) Pihak Berkuasa Melesen, pegawai yang diberikuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang menjalankan penggeledahan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah diberi akses kepada data komputer sama ada yang disimpan dalam suatu komputer atau selainnya;

(7) Dalam Undang-Undang Kecil ini, ‘akses’ termasuklah diberi kata laluan, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan yang perlu dan apa-apa cara lain yang diperlukan untuk membolehkan data komputer difahami.

Penggeledahan

26. (1) Jika mana-mana Majistret, atas maklumat bertulis dan selepas siasatan yang difikirkannya perlu, mempunyai sebab untuk percaya bahawa—

(a) suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini telah atau sedang dilakukan di mana-mana premis; atau

(b) apa-apa keterangan atau benda yang perlu untuk penyiasatan apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh ditemui di mana-mana premis,

dia boleh melalui waran, membenarkan Pihak Berkuasa Melesen, pegawai yang diberikuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah dari Inspektor dengan apa-apa bantuan yang diperlukan untuk masuk dan menggeledah tempat itu.

(2) Walau apa pun perenggan (1), jika Pihak Berkuasa Melesen, pegawai yang diberikuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor, ada alasan yang munasabah untuk percaya bahawa—

(a) suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini telah atau sedang dilakukan di mana-mana premis; dan

(b) oleh sebab apa-apa kelengahan untuk mendapatkan waran geledah tujuan penggeledahan itu mungkin akan terkecewa,

maka Pihak Berkuasa Melesen, pegawai yang diberikuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor boleh memasuki tempat itu dan menggeledah tempat itu dan memeriksa mana-mana orang yang semunasabahnya dipercayai olehnya mempunyai kaitan dalam pengurusan mana-mana premis berlesen itu.

Pemeriksaan orang perempuan

27. Tiada orang perempuan boleh diperiksa di bawah Undang-undang Kecil 25 atau 26 kecuali oleh seorang perempuan lain dan pemeriksaan itu hendaklah dijalankan dengan memberikan perhatian teliti kepada kesopanan

Penyitaan

28. (1) Pihak Berkuasa Melesen, pegawai yang diberikuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang menjalankan kuasa di bawah Undang-Undang Kecil 25 dan 26, boleh menyita apa-apa benda yang semunasabahnya dipercayai olehnya sebagai mempunyai kaitan dengan, atau dapat memberikan keterangan tentang, pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Pihak Berkuasa Melesen, pegawai yang diberikuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang menyita apa-apa benda di mana-mana premis berlesen di bawah perenggan (1) hendaklah menyediakan suatu senarai benda yang disita dan dengan segera menyerahkan suatu salinan

yang ditandatangani olehnya kepada pemegang lesen, penghuni atau tuan punya premis berlesen itu, atau pengkhidmat atau ejennya, yang berada di premis berlesen itu.

(3) Jika premis berlesen itu tidak berpenghuni, Pihak Berkuasa Melesen, pegawai yang diberikuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang menyita itu hendaklah bilamana mungkin menampalkan senarai benda yang disita itu di tempat yang mudah dilihat di premis itu.

(4) Apa-apa benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(5) Jika, oleh sebab jenis, saiz atau amaunnya, tidaklah praktik untuk memindahkan apa-apa benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini, Pihak Berkuasa Melesen, pegawai yang diberikuasa atau pegawai polis berpangkat tidak rendah dari Inspektor yang menyita itu hendaklah dengan apa-apa cara menyelak benda itu dalam premis yang di dalamnya ia dijumpai.

(6) Mana-mana orang yang tanpa kuasa yang sah memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam perenggan (5) atau memindahkan apa-apa benda yang dilak atau cuba berbuat demikian adalah melakukan satu kesalahan.

Pelucuthakan

29. Semua benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh dilucuthakkan.

Pelucuthakan jika ada pendakwaan

30. (1) Jika ada pendakwaan yang melibatkan apa-apa benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini, maka pelucuthakkan atau pelepasan mana-mana benda sedemikian hanya boleh dibuat mengikut perintah Mahkamah yang di hadapannya pendakwaan itu telah diadakan.

(2) Walau apa pun perenggan (1), jika dibuktikan sehingga Mahkamah berpuas hati bahawa—

(a) suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini telah dilakukan; dan

(b) mana-mana benda ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu,

Mahkamah hendaklah melucuthakkan benda itu walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Semua benda yang dilucuthakkan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah diserahkan kepada Pihak Berkuasa Melesen dan hendaklah dilupuskan mengikut arahan Pihak Berkuasa Melesen itu.

Pelucuthakan jika tiada pendakwaan

31. (1) Jika tiada pendakwaan yang melibatkan apa-apa benda yang telah disita di bawah Undang-Undang Kecil ini, maka benda itu hendaklah diambil dan disifatkan telah terlucuthak apabila tamat tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyitaannya melainkan jika suatu tuntutan telah dibuat baginya sebelum tamat tempoh itu mengikut cara yang dinyatakan dalam perenggan (2).

(2) Mana-mana orang yang mengatakan bahawa dia adalah pemunya apa-apa benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini dan bahawa benda itu tidak boleh dilucuthakkan boleh, sama ada sendiri atau melalui ejennya yang diberikuasa secara bertulis, memberikan notis bertulis kepada Pihak Berkuasa Melesen bahawa dia menuntut benda yang disita itu.

(3) Apabila Pihak Berkuasa Melesen menerima notis di bawah perenggan (2) dia boleh mengarahkan supaya benda itu dilepaskan dengan atau tanpa kos atau supaya perkara itu dirujukkan kepada seorang Majistret.

(4) Majistret yang kepadanya rujukan dibuat di bawah perenggan (3) hendaklah mengeluarkan saman menghendaki—

(a) orang yang menuntut bahawa dia adalah pemunya benda yang disita; dan

(b) orang yang daripadanya benda itu disita,

hadir di hadapannya pada hari yang ditetapkan dalam saman itu.

(5) Pada hari yang ditetapkan di bawah perenggan (4), dan setelah dibuktikan bahawa saman telah disampaikan dengan sewajarnya kepada setiap orang yang disebut dalam subperenggan 4*(a)* dan 4*(b)*, Majistret hendaklah terus memeriksa perkara itu, walaupun mana-mana orang itu tidak hadir.

(6) Jika, setelah selesai pemeriksaan yang dibuat di bawah perenggan (5) berkenaan dengan sesuatu benda, Majistret berpuas hati bahawa—

(a) suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini telah dilakukan; dan

(b) benda itu ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu,

Majistret itu hendaklah memerintahkan pelucuthakan benda itu; tetapi jika Majistret tidak berpuas hati sedemikian, dia hendaklah memerintahkan supaya benda itu dilepaskan dan diserahkan kepada orang yang pada pendapatnya berhak kepada benda itu.

Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan

32. Tiada seseorang pun boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan apa-apa benda yang disita pada menjalankan atau yang berupa sebagai menjalankan apa-apa kuasa yang

diberikan di bawah Undang-Undang Kecil ini, berhak kepada kos prosiding itu atau kepada apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

Kuasa untuk menutup pusat siber dan kafe siber

33. Tanpa menjejaskan perjalanan kuasa yang diberikan kepadanya di bawah Undang-Undang Kecil 26 dan 27 Pihak Berkuasa Melesen boleh, dengan serta-merta mengambil langkah yang difikirkannya perlu untuk menutup mana-mana premis berlesen jika dia berpuas hati bahawa—

(a) telah berlaku pelanggaran mana-mana peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil ini atau mana-mana syarat atau sekatan lesen;

(b) penutupan itu adalah perlu untuk kepentingan awam; atau

(c) lesen tersebut telah diperolehi secara tidak wajar atau menyalahi undang-undang.

Kuasa menangkap

34. (1) Pihak Berkuasa Melesen, pegawai yang diberikuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor boleh menangkap tanpa waran seseorang yang melakukan di hadapannya atau yang dia dengan munasabah telah melakukan sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini—

(a) jika nama atau alamat orang itu tidak diketahui olehnya dan orang itu enggan memberi nama dan alamatnya; atau

(b) jika ada sebab bagi meragukan yang nama atau alamat itu tepat.

(2) Seseorang yang ditangkap di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah ditahan dan hendaklah dibawa ke hadapan Mahkamah Majistret dalam tempoh dua puluh empat jam melainkan jika nama dan alamatnya dapat ditentukan terlebih dahulu daripada itu.

Majlis tidak bertanggungan atas kehilangan atau kerosakan

35. Majlis, pegawai yang diberi kuasa atau pegawai polis yang menguatkuasakan mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini tidak bertanggungan atas apa-apa kerosakan atau kehilangan yang berlaku akibat dari penguatkuasaan sedemikian.

Halangan, dsb.

36. Seseorang yang menyerang, menggalang, menghalang atau melengah-lengahkan Pihak Berkuasa Melesen atau mana-mana pegawai yang melaksanakan kewajipannya dengan sah di bawah Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman denda yang tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara yang tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

Pendakwaan

37. Tiada pendakwaan boleh dimulakan bagi suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini kecuali dengan izin bertulis Pendakwa Raya.

Pengkompaunan kesalahan

38. (1) Yang Dipertua, Setiausaha atau Pegawai Undang-Undang Majlis boleh mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Undang-Undang Kecil ini dan ditetapkan sebagai kesalahan boleh dikompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu apabila dibayar kepada Majlis sejumlah wang yang tidak melebihi satu ribu ringgit bagi kesalahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah perenggan (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Yang Dipertua, Setiausaha atau Pegawai Undang-Undang Majlis, pendakwaan terhadap kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(3) Jika suatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah perenggan (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat dan apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang berkaitan.

(4) Kesemua wang yang diterima di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dibayar kepada kumpulan wang yang diwujudkan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubung dengan kerajaan tempatan.

Penalti

39. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman denda yang tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan bagi mana-mana kesalahan yang berterusan dilakukan setelah sabitan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan.

Peruntukan peralihan

40. Apa-apa notis, perintah, kompaun, lesen atau dokumen yang telah dikeluarkan sebelum tarikh kuatkuasa Undang-undang Kecil ini hendaklah terus terpakai dan berkuatkuasa seolah-olah telah dikeluarkan atau dibuat di bawah Undang-Undang Kecil ini sehingga dibatalkan atau tamat tempohnya.

JADUAL PERTAMA

[subperenggan 4(4)*(b)*]

FI LESEN TAHUNAN

Lesen	**Fi (RM)**
Pusat Siber dan Siber Kafe	
Keluasan:	
(a) Tidak melebihi 100 meter persegi	200.00
(b) 101 hingga 200 meter persegi	300.00
(c) Melebihi 201 meter persegi	500.00

(1 unit komputer bagi setiap keluasan 3 meter persegi)

JADUAL KEDUA

[perenggan 4(3)]

FI PEMPROSESAN LESEN

(a) Borang : RM50.00

JADUAL KETIGA

[perenggan 11(3)]

FI SALINAN LESEN DIPERAKUI

(a) Salinan lesen : RM50.00

Dibuat oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya dalam Mesyuaratnya pada 28 Jun 2007.

MOHAMMAD BIN YACOB
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam Mesyuaratnya pada 4 Julai 2007.

SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Selangor

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

Cyber Centre and Cyber Cafe (Ampang Jaya Municipal Council) By-Laws 2007

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

Part I

PRELIMINARY

By-Laws

1. Citation, commencement and application
2. Interpretation

Part II

LICENSING

3. Prohibition of cyber centre and cyber cafe without a licence
4. Application for a licence
5. Licence is not transferable
6. Fee non refundable
7. Deposit
8. Suspension and revocation of licence
9. Duration of licence
10. Renewal of licence
11. Licence to be exhibited and produced
12. Temporary licence
13. Disqualification
14. Prohibition

Part III

LICENSEE AND EMPLOYEE

15. Licensee
16. Log register
17. Register of employee
18. Medical examination
19. Employee's cleanliness

Part IV

PREMISES

By-Laws

20. Prohibiting of advertising without licence
21. Time of operating business
22. Customer below the age of twelve
23. Location
24. Cleanliness of premises

"licensee" means any person who has been issued with a license by the Licensing Authority to carry on, manage or maintain any private crematorium under these By-Laws;

"Licensing Authority" means the President of Ampang Jaya Municipal Council, Secretary or any officer who has been authorised in writing to issue licence by the President.

PART II

GENERAL CONDITIONS

Private crematorium shall have license

4. (1) No person shall establish, maintain, manage or carry on any private crematorium in any place, holding or building without a licence issued by the Licensing Authority under this By-Laws.

(2) Any person who contravenes this by-law shall be guilty of an offence and shall upon conviction be liable to a fine not more than two thousand ringgit or imprisonment for a term not exceeding six months or both.

Application and fee

5. (1) No cremation at the crematorium shall be permitted unless an application is made in such form as may be provided by the Licensing Authority for the purpose, by—

(a) next-of-kin of the deceased person;

(b) a person who is authorized in writing to make the application by the next-of-kin of the deceased person;

(c) the legal personal representative;

(d) any close relative of the deceased person;

(e) any person who has obtained a permit from the police or hospital authority; or

(f) any other person who satisfy the Licensing Authority or the licensee as the case may be, as to the reason why the application is not made by the persons specified in paragraph *(a)* and *(b)* above,

and upon payment of a fee as prescribed in the Schedule.

Prohibition against cremation

6. (1) No cremation of the corpse of any deceased person shall be permitted in any crematorium—

(a) if it is known, believed, or suspected that the deceased person was a Muslim;

(b) if there is doubt as to whether he was a Muslim;

(c) if it is known that the deceased person had given any direction or indication, whether verbally or in writing, that his body should not be cremated; or

(d) if the identity of the deceased person has not been ascertained.

(2) No cremation at the crematorium of the corpse of any deceased person shall be permitted until it is produced to the Licensing Authority or the licensee whichever the case may be, a permit to bury, lawfully issued in respect of the deceased person.

Unlawful cremation

7. (1) Any person who cremates or causes, procures or suffers to be cremated any corpse or remains of any corpse or prepares any place to be used for the cremating of a corpse in or upon any place, not being a crematorium provided by the Council or crematorium licensed by the Council or in or upon any crematorium which has been closed by order of the Council shall be guilty of an offence.

(2) Any person who contravenes this by-law shall be guilty of an offence and shall upon conviction be liable to a fine not more than one thousand ringgit or imprisonment for a term not exceeding six months or both.

(3) The Council may apply from the Court, a written order under its seal, direct such person within a time to be fixed in such order—

(a) to remove the corpse or remains of the corpse in respect of which the offence has been committed from the place where it has been cremated to a crematorium provided or licensed by the Council, and

(b) to remove any structure erected in contravention of the provisions of this by-law and to restore the ground to its original state.

(4) Any person who refuses or neglects to obey such order shall be guilty of an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding one thousand ringgit or to a term of imprisonment not exceeding six months or to both such fine and imprisonment and to a further fine not exceeding one hundred ringgit for each day during which such offence is continued after conviction and the Court may order the execution thereof by the Council at the expense of such person.

Specification of coffin

8. If a coffin is used for containing any corpse to be cremated at the crematorium, such coffin shall be made of wood and follow the specifications as determined by the Licensing Authority or the licensee, whichever the case may be.

Hours of cremation

9. (1) The crematorium shall be available for the cremation of corpse on the days and at the time as specified in the Schedule.

(2) Notwithstanding paragraph (1), the Licensing Authority may in any particular case permit cremation to be carried out at the crematorium at any hour outside the period specified in the Schedule.

Disposal of ashes

10. (1) After every cremation, ashes of the deceased shall be surrendered to the person who applied for the cremation, if he claims them.

(2) If, within fourteen days after notice has been given to the person who applied for the cremation to collect the ashes, he has not done so or if he has indicated that he does not wish to claim them, the ashes shall be interred or scattered at such place as determined by the Licensing Authority.

(3) The ashes remain at the crematorium, they shall be properly stored and so marked or placed as to be clearly identifiable.

Register of cremations

11. (1) The person in charge of the crematorium or the licensee of a private crematorium shall keep a register of cremations, in such form as the Licensing Authority may determine and in particular shall comprise of the following particulars;

(a) serial number of the cremation;

(b) date of the cremation;

(c) name, identity card number, residential address, occupation, age, sex, religion and marital status of the deceased;

(d) date, place and time of death of the deceased;

(e) name, identity card number, address and the relationship between the applicant with the deceased;

(f) cause of death;

(g) reference number of the permit to bury;

(h) name, designation, and address of the person who issued the permit to bury; and

(i) manner in which the ashes of the deceased were disposed.

(2) The particulars mentioned in subparagraphs *(a)* to *(h)* of paragraph (1) above, shall be entered in the register of cremations immediately after the cremation has taken place, and the particulars mentioned in subparagraph (1)(*i*) above shall be entered as soon as the ashes have been disposed off under this by-law.

Keeping of records

12. (1) The person in charge of the crematorium or the licensee shall secure all applications, permit and other documents relating to each cremation for at least a period of seven (7) years from the date of the cremation.

(2) The register of crematorium or any part thereof shall not be destroyed.

(3) The owner, trustee or person in charge of every crematorium shall permit the Licensing Authority to inspect such registration and make copies thereof or extract therefrom.

(4) Any person who contravenes this by-law shall be guilty of an offence and shall upon conviction be liable to a fine not more than five hundred ringgit or imprisonment for a term not exceeding three months or both.

PART III

LICENCE FOR PRIVATE CREMATORIUM

License for private crematorium

13. The Licensing Authority may issue licence for any private crematorium on such terms and conditions as the he may deem fit to impose.

Validity of license

14. A license issued by the Licensing Authority under this By-Laws shall be valid until 31 December every year following the date of issuance unless sooner suspended or cancelled.

License fee

15. Fee to be paid for private crematorium licence is one thousand ringgit per year.

Display of license

16. (1) A licensee shall at all times display his license in some conspicuous part of the premises or in such place as may be directed by the Licensing Authority.

(2) Any person who contravenes the provision of this by-law shall be guilty of an offence and shall upon conviction be liable to a fine not more than five hundred ringgit or imprisonment for a term not exceeding six months or both.

No transfer of licence, *etc.*

17. (1) A licensee shall not assign, lease or transfer his license to any person.

(2) Any person who contravenes this by-law shall be guilty of an offence and shall upon conviction be liable to a fine not more than two thousand ringgit or imprisonment for a term not exceeding one year or both.

PART IV

ENFORCEMENT

Power to inspect

18. No person shall at any time, obstruct or prevent any officer or employee authorised by the Council, from entering any part of the premises of any private crematorium for purposes of inspections.

Power to revoke licence, *etc.*

19. The Licensing Authority may revoke or cancel, any licence of any private crematorium where the licensee has failed to comply with any provisions of these By-Laws and thereafter order that the said private crematorium be closed to the public.

Power to close crematorium

20. If at any time it appears to the Licensing Authority that—

(a) any is in such a state as to be dangerous to the health of the persons living in the neighbourhood; or

(b) crematorium or any part thereof—

(i) is noxious or offensive or unfit for use as a crematorium;

(ii) cannot be further used for cremating of the dead without danger to the public health; or

(iii) is being used in contravention of the conditions of the licence,

the Licensing Authority may order the same or such part thereof to be closed or may revoke the licence thereof, as the case may be, and thereafter it shall not be lawful to use the same as a crematorium.

Power to arrest

21. (1) The President or any authorized officer may arrest without warrant any person—

(a) whom he reasonably believes to have committed an offence under this By-Laws; or

(b) who refuses to give his name and address when it is requested for or if there is reason to doubt the accuracy of the name and the address given.

(2) A person arrested under this by-law shall be taken to a police station and shall be brought before a Magistrate within twenty-four hours, unless before that time his true name and residence are ascertained, in which case such person shall be forthwith released on his executing a bond for his appearance before a Magistrate if so required.

(3) When any such person is taken before a Magistrate, such Magistrate may either require him to execute a bond, with or without a surety, for his appearance before a Magistrate if so required, or may order him to be detained in custody until he can be tried.

Power of seizure

22. (1) Any authorised officer may seize or remove any things or goods in contravention of this By-Laws with the risk to be borne by the owner;

(2) Where any things or goods seized under paragraph (1) are of perishable nature or are subject to speedy and natural decay or where the custody of such things or goods involves unreasonable expense and inconvenience, or is believed to cause hazard to the public, the authorised officer may direct that such things or goods may be disposed of in any manner as determined by the Council;

(3) Any person who claims any thing or goods other than things or goods disposed under paragraph (2) above, may claim such things or goods from the Council within a minimum period of seven working days or a maximum period of one month from the date of such things or goods being seized subject to any condition and payment imposed by the Licensing Authority.

(4) If there is no claim made after the period of thirty days expires, the Council may dispose such things or goods according to the manner determined by the Council and any revenue received shall be credited to the Local Authority Fund.

(5) The President or any authorised officer shall not be liable to any person for any deterioration, however caused, in the quality of any things or goods seized under this by-law.

General penalty

23. A person who commits an offence under this By-Laws for which no penalty is expressly provided shall on conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both, and in the case of a continuing offence shall in addition be liable to a fine not exceeding two hundred ringgit for each day the offence continues to be committed.

Prosecution

24. No prosecution shall be instituted for an offence under this By-Laws except by or with the consent of the Public Prosecutor.

Compounding of offences

25. (1) The President, Secretary or Legal Officer of the Council may compound any offence committed by any person under this By-Laws and prescribed to be a compoundable offence by making a written offer to the person suspected of having committed the offence to compound the offence upon payment to the Council of an amount of money not exceeding the amount of one thousand ringgit for that offence within the time specified in the offer.

(2) An offer under paragraph (1) may be made at any time after the offence has been committed but before any prosecution for it has been instituted, and if the amount specified in the offer is not paid within the period specified in the offer or within such extended period as the President, Secretary or Legal Officer may grant, prosecution for the offence may be instituted at any time after that against the person to whom the offer was made.

(3) If an offence has been compounded under paragraph (1), no prosecution shall be instituted after that in respect of the offence against the person to whom the offer to compound was made and anything seized in connection with the offence shall be released, subject to such terms and condition as may be prescribed.

(4) All moneys received under this by-law shall be paid into the fund constituted under any law relating to local government.

Power of police officer under this By-Laws

26. Nothing contained in this By-Laws shall derogate from the powers of a police officer to investigate into any offence under this By-Laws.

Repeal and transitional provision

27. (1) Any notice, order, compound, licence or documents made or issued under the repealed By-Laws shall, be deemed to be made or issued under this By-Laws, and shall continue to remain in force until revoked thereof.

SCHEDULE

CREMATORIUM (AMPANG JAYA MUNICIPAL COUNCIL)
BY-LAWS 2007

[by-laws 5 and 8]

The fee payable for each cremation is as follows:

Day/Time	*Fee per corpse*
1. Monday to Sunday including public holiday 9.00 a.m. to 5.00 p.m.	RM 250.00

Made by the Ampang Jaya Municipal Council in the meeting on 30 May 2007.

MOHAMMAD BIN YACOB
President,
Ampang Jaya Municipal Council

Confirmed by the State Authority in the meeting on the 4 July 2007.

SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR
Clerk,
State Executive Council,
Selangor

Sel. P.U. 114.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL KOLAM RENANG (MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA) 2007

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-undang kecil

1. Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

KOLAM RENANG AWAM

3. Kolam renang awam

BAHAGIAN III

LESEN KOLAM RENANG PERSENDIRIAN

4. Kolam renang persendirian
5. Permohonan lesen kolam renang persendirian
6. Pemberian atau keengganan memberi lesen
7. Bentuk lesen
8. Tempoh lesen
9. Membaharui lesen
10. Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan
11. Deposit
12. Lesen tidak boleh dipindah milik
13. Pembatalan lesen
14. Penggantungan lesen

Undang-undang kecil

15. Rayuan

16. Penyerahan balik lesen

17. Kesan pembatalan, penyerahan balik atau tamat tempoh lesen

18. Mengembalikan lesen disebabkan pembatalan atau penggantungan, dsb.

BAHAGIAN IV

LARANGAN

19. Larangan ketika memasuki kawasan atau menggunakan kolam renang

20. Notis untuk dipamerkan

21. Mengguna dan menjaga kemudahan kolam renang

22. Kehilangan atau kerosakan kepada harta

BAHAGIAN V

PENGUATKUASAAN

23. Kuasa untuk mengawal aktiviti renang

24. Tiada pemulangan bayaran masuk atau tarikh masuk gantian

25. Menyingkir dari kolam

26. Kuasa untuk menyiasat

27. Kuasa untuk masuk dan memeriksa

28. Penggeledahan

29. Pemeriksaan orang perempuan

30. Penyitaan

31. Pelucuthakan

32. Pelucuthakan jika ada pendakwaan

33. Pelucuthakan jika tiada pendakwaan

34. Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan

35. Kuasa menangkap

36. Kuasa menutup

Undang-undang kecil

37. Penutupan kolam untuk kegunaan eksklusif

38. Majlis tidak bertanggungan atas kerugian atau kerosakan

39. Halangan, dsb.

BAHAGIAN VI

AM

40. Penalti

41. Pendakwaan

42. Pengkompaunan kesalahan

43. Kuasa pegawai polis di bawah Undang-Undang Kecil ini

44. Pemansuhan dan peruntukan peralihan

JADUAL

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL KOLAM RENANG
(MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Perbandaran Ampang Jaya membuat dan menurut seksyen 103 Akta, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Kolam Renang (Majlis Perbandaran Ampang Jaya) 2007**.

(2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada 19 Julai 2007.

(3) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"kemudahan kolam renang" termasuklah apa-apa kepungan, air pancur, peti rawatan pertolongan cemas, bilik tukar pakaian, papan anjal, pelantar, pelongsor air, pakaian, payung, kerusi meja, tuala, bilik mandi, kotak, ruang dan apa-apa kemudahan atau bahagian darinya yang bersangkutan dengan penggunaan sebuah kolam renang;

"kolam renang" termasuklah mana-mana kolam renang awam yang dipunyai dan disenggara oleh Majlis atau disenggara oleh mana-mana orang yang dilantik oleh Majlis dan kolam renang persendirian;

"kolam renang awam" ertinya kolam renang awam yang dimiliki dan diselenggarakan oleh Majlis atau mana-mana orang yang dilantik oleh Majlis.

"kolam renang persendirian" ertinya kolam renang yang dimiliki oleh mana-mana orang selain Majlis yang dibuka bagi kegunaan orang ramai;

"Majlis" bermakna Majlis Perbandaran Ampang Jaya;

"pegawai diberi kuasa" ertinya mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua;

"pegawai kolam renang" ertinya mana-mana orang yang dilantik oleh Majlis bagi mengawal penggunaan dan keselamatan termasuklah anggota penyelamat yang terlatih.

"pemegang lesen" ertinya seseorang yang diberikan lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini bagi mengadakan dan menguruskan mana-mana kolam renang persendirian;

"pengurus" ertinya mana-mana orang yang menguruskan mana-mana kolam renang awam bagi pihak Majlis atau kolam renang persendirian;

"penyakit berjangkit" ertinya jenis penyakit yang ditentukan sebagai penyakit berjangkit oleh Pegawai Kesihatan Majlis;

"Pihak Berkuasa Melesen" ertinya Yang Dipertua, Setiausaha atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis untuk memberikan lesen oleh Yang Dipertua.

BAHAGIAN II

KOLAM RENANG AWAM

Kolam renang awam

3. (1) Majlis boleh mengadakan kolam renang awam untuk kegunaan orang awam dengan mengenakan bayaran masuk seperti yang ditentukan dari semasa ke semasa.

(2) Majlis boleh melantik atau memberi kuasa kepada mana-mana orang untuk mengurus dan menyelenggara mana-mana kolam renang awam.

(3) Majlis boleh mengenakan caj dan menetapkan apa-apa syarat di bawah Undang-Undang Kecil ini kepada mana-mana orang yang dilantik di bawah perenggan (2).

(4) Majlis boleh mengecualikan mana-mana orang daripada apa-apa caj atau syarat yang ditetapkan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(5) Yang Dipertua boleh menutup mana-mana kolam renang awam pada bila-bila masa yang difikirkan perlu.

BAHAGIAN III

LESEN KOLAM RENANG PERSENDIRIAN

Kolam renang persendirian

4. (1) Tiada seorang pun boleh mengadakan, menguruskan atau menyelenggara suatu kolam renang persendirian tanpa lesen daripada Majlis.

(2) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Permohonan lesen kolam renang persendirian

5. (1) Suatu permohonan untuk mendapatkan suatu lesen hendaklah dibuat secara bertulis kepada Majlis melalui borang yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Suatu permohonan hendaklah memenuhi syarat dan sekatan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen dari semasa ke semasa termasuklah—

(a) mengadakan anggota penyelamat yang bertauliah;

(b) mengadakan pelampung yang mencukupi dan bagi kelas renang, jumlah pelampung hendaklah disediakan bersamaan dengan jumlah pelajar yang berada di dalam kolam pada satu-satu masa;

(c) mengadakan peti rawatan pertolongan cemas;

(d) mengadakan papan tanda yang mencukupi; dan

(e) memastikan air kolam berada di dalam keadaan bersih dan selamat untuk digunakan.

(3) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengarahkan mana-mana pemohon supaya hadir sendiri, atau dalam hal suatu perbadanan atau firma, oleh seorang pengarah, pekerja atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh perbadanan atau firma tersebut semasa pemberian atau pembaharuan lesen.

(4) Suatu permohonan di bawah perenggan (1) hendaklah disertakan dengan apa-apa dokumen atau maklumat sebagaimana yang ditetapkan dan Pihak Berkuasa Melesen boleh pada bila-bila masa selepas menerima permohonan itu dan sebelum permohonan itu diputuskan secara bertulis menghendaki pemohon dalam masa yang ditetapkan, memberi apa-apa dokumen atau maklumat tambahan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(5) Jika apa-apa dokumen atau maklumat tambahan yang dikehendaki di bawah perenggan (4) tidak diberikan oleh pemohon dalam masa yang ditetapkan atau apa-apa perlanjutannya yang diberi oleh Pihak Berkuasa Melesen, permohonan itu hendaklah disifatkan ditarik balik dan tidak boleh diteruskan lagi, tanpa menjejaskan permohonan baru yang dibuat oleh pemohon.

(6) Pemohon hendaklah membuat pembayaran fi pemprosesan seperti yang ditetapkan di dalam Jadual Pertama semasa permohonan dikemukakan dan fi pemprosesan tidak akan dikembalikan sama ada permohonan diluluskan atau tidak diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(7) Apabila permohonan itu diluluskan, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah memberikan lesen yang tertakluk kepada—

(a) pembayaran deposit seperti jumlah yang ditetapkan oleh Majlis sebagai jaminan untuk memastikan bahawa peruntukan Undang-Undang Kecil ini dan syarat lesen dipatuhi;

(b) pembayaran apa-apa fi yang ditetapkan di dalam Jadual; dan

(c) apa-apa syarat atau sekatan yang dinyatakan di dalamnya.

Pemberian atau keengganan memberi lesen

6. (1) Pihak Berkuasa Melesen hendaklah apabila permohonan dibuat dan selepas menerima segala dokumen dan maklumat yang dikehendaki, memproses permohonan itu dan boleh, jika Pihak Berkuasa Melesen berpuas hati dan apabila fi pemprosesan yang ditetapkan telah dibayar—

(a) memberi lesen sama ada bersyarat atau tanpa syarat; atau

(b) enggan memberi lesen.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh memberikan suatu lesen bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun dan boleh diperbaharui, tertakluk kepada permohonan pembaharuan yang dibuat kepada Pihak Berkuasa Melesen dan bayaran fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual.

Bentuk lesen

7. Suatu lesen yang diberikan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen dari semasa ke semasa.

Tempoh lesen

8. Suatu lesen jika tidak digantung atau dibatalkan terlebih dahulu hendaklah terus berkuat kuasa dari tarikh pembayaran fi lesen sehingga 31 Disember tahun semasa.

Membaharui lesen

9. (1) Suatu lesen itu boleh diperbaharui dengan mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Pihak Berkuasa Melesen dan disertakan dengan bayaran fi yang ditetapkan dalam Jadual.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh menghendaki pemohon memberi apa-apa dokumen atau maklumat tambahan yang difikirkan perlu semasa pemohon mengemukakan permohonan membaharui lesen.

(3) Pihak Berkuasa Melesen boleh membaharui lesen itu atau enggan membaharui lesen itu dan hendaklah memberitahu pemohon secara bertulis mengenai keputusannya itu.

(4) Pihak Berkuasa Melesen boleh menghendaki pemohon untuk menyelesaikan semua bayaran tertunggak termasuk kompaun kepada pihak Majlis sebelum meluluskan permohonan membaharui lesen.

Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan

10. (1) Pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesennya pada sepanjang masa di tempat yang mudah di lihat di permis yang dilesenkan.

(2) Pemegang lesen hendaklah mengemukakan lesen itu jika dikehendaki berbuat demikian oleh Pihak Berkuasa Melesen atau mana-mana pegawai diberi kuasa.

(3) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima ratus ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(4) Bagi maksud undang-undang ini, suatu rujukan kepada "lesen" hendaklah termasuk suatu salinan yang disahkan oleh Pihak Berkuasa Melesen sebagai suatu salinan benar lesen dan hanya boleh dikeluarkan tertakluk kepada bayaran fi yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Deposit

11. (1) Deposit yang dibayar di bawah subperenggan 5(7)*(a)* hendaklah mengikut jumlah seperti yang ditentukan oleh Majlis.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh melupuskan deposit sepenuhnya atau sebahagiannya sekiranya Pihak Berkuasa Melesen berpuashati bahawa terdapat pelanggaran syarat dan sekatan lesen atau pada pembatalan lesen sebelum tarikh tamat atau pelanggaran mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

(3) Lesen hendaklah terbatal apabila deposit dilupuskan, melainkan dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen dengan permohonan daripada pemegang lesen untuk melanjutkan lesen dan tertakluk kepada pembayaran semula deposit sekiranya dilupuskan.

(4) Pembayaran deposit di bawah perenggan 5(7)*(a)* hendaklah, melainkan dilupuskan menurut perenggan (2), dikembalikan tanpa sebarang faedah selepas pemegang lesen menamatkan pengendalian kolam renang dan selepas penyerahan balik lesen kepada Pihak Berkuasa Melesen sekiranya lesen itu tidak tamat.

(5) Tiada apa-apa jua di dalam peruntukan ini boleh ditafsirkan sebagai melepaskan pemegang lesen yang depositnya telah dilucuthakkan di bawah perenggan (2) daripada didakwa.

Lesen tidak boleh dipindah milik

12. Suatu lesen yang diberikan di bawah Undang-Undang Kecil ini tidak boleh dipindah milik melainkan dengan kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Melesen.

Pembatalan lesen

13. (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh membatalkan sesuatu lesen yang diberikan jika berpuas hati bahawa—

(a) pemegang lesen melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini atau gagal mematuhi apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan ke atasnya tanpa mengambil kira sama ada pendakwaan telah di mulakan bagi pelanggaran tersebut;

(b) pemegang lesen telah sama ada berkaitan dengan permohonan lesen itu atau pada bila-bila masa selepas pemberian lesen, memberi kepada Pihak Berkuasa Melesen, dokumen atau pengisytiharan yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat sama ada dibuat oleh atau bagi pihak pemegang lesen; atau

(c) pemegang lesen telah disabitkan atas apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Sebelum membatalkan sesuatu lesen, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah memberikan kepada pemegang lesen itu notis bertulis mengenai niatnya untuk berbuat sedemikian dan mengkehendaki pemegang lesen itu mengemukakan alasan secara bertulis dalam tempoh tujuh hari dari tarikh notis itu sebab lesen itu tidak patut dibatalkan.

(3) Jika Pihak Berkuasa Melesen memutuskan untuk membatalkan lesen tersebut selepas pemegang lesen mengemukakan alasan dan Pihak Berkuasa Melesen tidak berpuashati dengan alasan yang diberikan atau jika pemegang lesen gagal untuk mengemukakan alasan dalam masa yang ditetapkan, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah dengan serta-merta memberitahu pemegang lesen secara bertulis mengenai keputusannya itu.

(4) Pembatalan sesuatu lesen hendaklah mula berkuat kuasa—

(a) jika tiada rayuan di bawah undang-undang kecil 15 dibuat terhadap pembatalan sedemikian, apabila tempoh empat belas hari dari tarikh notis pembatalan itu disampaikan kepada pemegang lesen tamat; atau

(b) jika terdapat rayuan terhadap pembatalan sedemikian, apabila pembatalan itu disahkan oleh Majlis.

(5) Jika suatu lesen telah dibatalkan di bawah perenggan (3), pemegang lesen yang lesennya dibatalkan hendaklah menghentikan apa-apa aktiviti yang dilesenkan sehinggalah rayuan itu didengar dan pembatalan itu telah diketepikan oleh Majlis.

(6) Jika pembatalan sesuatu lesen telah mula berkuat kuasa, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah seberapa segera yang munasabah—

(a) menyampaikan suatu salinan notis pembatalan lesen kepada orang yang mengurus dan mengawal kolam renang persendirian berlesen tersebut; dan

(b) menampal suatu salinan notis pembatalan lesen pada tempat yang mudah dilihat di kolam renang persendirian berlesen tersebut.

Penggantungan lesen

14. (1) Pihak Berkuasa Melesen hendaklah menggantung sesuatu lesen itu sementara pemegang lesen mengemukakan alasan terhadap pembatalan lesen di bawah perenggan 13(2).

(2) Pemegang lesen hendaklah menghentikan apa-apa operasi atau aktiviti bagi apa-apa lesen kolam renang persendirian yang digantung.

Rayuan

15. (1) Mana-mana orang yang terkilan dengan—

(a) keengganan Pihak Berkuasa Melesen untuk memberikan lesen di bawah undang-undang kecil 6;

(b) keengganan Pihak Berkuasa Melesen untuk memperbaharui lesen di bawah undang-undang kecil 9; atau

(c) keputusan Pihak Berkuasa Melesen untuk membatalkan lesen di bawah undang-undang kecil 13;

boleh merayu secara bertulis kepada Majlis dalam masa empat belas hari dari tarikh notis keengganan atau pembatalan itu disampaikan kepada orang itu.

(2) Keputusan Majlis atas rayuan di bawah undang-undang kecil ini adalah muktamad.

Penyerahan balik lesen

16. (1) Pemegang lesen atas apa-apa sebab yang munasabah boleh menyerah balik lesennya berserta dengan suatu notis bertulis mengenai penyerahan balik dan lesen tersebut hendaklah dibatalkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Penyerahan balik dan pembatalan lesen itu hendaklah berkuat kuasa pada tarikh Pihak Berkuasa Melesen menerima lesen dan notis itu di bawah perenggan (1) atau pada suatu tarikh yang dinyatakan dalam notis itu.

Kesan pembatalan, penyerahan balik atau tamat tempoh lesen

17. (1) Jika pembatalan sesuatu lesen di bawah undang-undang kecil 13 atau penyerahan balik sesuatu lesen di bawah undang-undang kecil 16 mula berkuat kuasa atau jika lesen itu telah habis tempoh mengikut undang-undang kecil 8, pemegang lesen hendaklah serta-merta berhenti menjalankan atau mengendalikan apa-apa aktiviti kolam renang persendirian tersebut.

(2) Pemegang lesen boleh membuat permohonan baru jika mana-mana lesen dibatalkan di bawah undang-undang kecil 13.

(3) Walau apa pun perenggan (1), pemegang lesen yang lesennya telah habis tempoh adalah berhak menjalankan aktiviti kolam renang persendirian apabila dibuktikan kepada Pihak Berkuasa Melesen bahawa pemegang lesen itu telah memohon pembaharuan lesen dalam tempoh yang ditetapkan di bawah undang-undang kecil 9.

(4) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini melakukan suatu kesalahan.

Mengembalikan lesen disebabkan pembatalan atau penggantungan, dsb.

18. (1) Jika pembatalan lesen di bawah undang-undang kecil 13 atau penggantungan lesen di bawah undang-undang kecil 14 atau jika lesen itu telah habis tempohnya dan tiada permohonan untuk memperbaharui lesen itu dikemukakan dalam tempoh yang dinyatakan atau apabila permohonan untuk membaharui lesen telah ditolak, pemegang lesen itu hendaklah dalam masa empat belas hari mengembalikan lesen asal tersebut kepada Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN IV

LARANGAN

Larangan ketika memasuki kawasan atau menggunakan kolam renang

19. (1) Mana-mana orang yang memasuki kawasan atau mengguna mana-mana kolam renang hendaklah—

(a) memakai pakaian renang yang sesuai;

(b) tidak memasuki kolam renang tanpa terlebih dahulu mandi air pancur dan menggunakan tempat membasuh kaki di kolam;

(c) tidak meludah, merokok, makan dan minum;

(d) tidak membawa sebarang minuman keras atau berada dalam keadaan mabuk semasa berada di dalam kolam renang;

(e) tidak memasuki kolam renang sewaktu berada dalam keadaan dijangkiti kutu atau menghidapi atau disyaki menghidap apa-apa penyakit kulit, penyakit berjangkit atau menular;

(f) tidak mencampakkan, menumpahkan atau menggunakan apa-apa sabun atau apa-apa bahan atau persediaan yang mengakibatkan air di dalam kolam renang itu menjadi keruh atau tidak sesuai untuk digunakan oleh mana-mana orang yang mandi atau dengan cara lain, sengaja mengotor atau mencemar kolam renang;

(g) tidak mencampakkan apa-apa barang ke dalam kolam renang;

(h) tidak membawa apa-apa binatang peliharaan;

(i) tidak secara sengaja mengotori atau mencemari mana-mana kemudahan kolam renang termasuklah bilik mandi, bilik tukar pakaian, almari, kotak atau ruang atau apa-apa perabot atau barang di dalamnya;

(j) tidak memasuki atau menggunakan mana-mana bilik tukar pakaian, almari, kotak atau ruang yang dikhaskan untuk kegunaan seseorang dari jantina yang berlainan, dengan syarat peruntukan di bawah perenggan ini tidak terpakai dalam hal seseorang kanak-kanak di bawah umur enam tahun yang ditemani oleh seorang dewasa;

(k) tidak bergaduh, berlari, bertolak-tolak atau bermain dengan riuh;

(l) tidak berkelakuan tidak sopan atau mengganggu orang lain; atau

(m) tidak melakukan apa-apa perbuatan yang menyalahi apa-apa larangan lain yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen dari semasa ke semasa.

(2) Kanak-kanak di bawah umur enam tahun tidak dibenarkan masuk melainkan diawasi oleh orang dewasa.

Notis untuk dipamerkan

20. Pemegang lesen hendaklah mempamerkan secara berterusan peruntukan undang-undang kecil 19 dalam bentuk notis yang ditulis dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris di tempat yang mudah dilihat dan berdekatan dengan kolam renang itu.

Mengguna dan menjaga kemudahan kolam renang

21. Mana-mana orang yang memasuki atau mengunjungi kolam renang hendaklah pada setiap masa menjalankan jagaan yang sepatutnya apabila menggunakan mana-mana bilik mandi, bilik tukar pakaian, almari, kotak atau ruang atau apa-apa peralatan atau harta yang ada di dalamnya, dan tidak boleh memecah atau merosakkan apa-apa loji atau jentera atau apa-apa bahagian daripadanya.

Kehilangan atau kerosakan kepada harta

22. Majlis tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas sebarang kehilangan atau kerosakan harta milik mana-mana orang yang memasuki atau mengunjungi kolam renang awam.

BAHAGIAN V

PENGUATKUASAAN

Kuasa untuk mengawal aktiviti renang

23. Pihak Berkuasa Melesen, pegawai kolam renang atau mana-mana pegawai diberi kuasa boleh pada bila-bila masa—

(a) menggantung aktiviti renang dan memerintahkan mana-mana orang yang mandi keluar dari kolam renang jika, pada pendapatnya, keadaan air itu adalah tidak memuaskan atau kolam renang itu penuh sesak; atau

(b) menutup kolam atau menggantung aktiviti renang dan memerintahkan mana-mana orang yang mandi keluar dari kolam renang jika terdapat kerosakan pada lampu limpah kolam renang atau lampu biasa, loji dan perkakas, atau ketika kecemasan yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada keselamatan mana-mana orang yang mandi.

Tiada pemulangan bayaran masuk atau tarikh masuk gantian

24. Di dalam hal penggantungan aktiviti renang atau penutupan kolam renang di bawah undang-undang kecil 23, tiada pemulangan bayaran masuk boleh dibuat atau tarikh masuk gantian boleh ditawarkan, melainkan jika Pihak Berkuasa Melesen memutuskan sebaliknya dan keputusan Pihak Berkuasa Melesen adalah muktamad.

Menyingkir dari kolam

25. (1) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini boleh disingkirkan oleh pegawai kolam renang atau pegawai diberi kuasa.

(2) Di dalam hal keadaan penyingkiran dari kolam renang di bawah perenggan (1), bayaran masuk tidak boleh dikembalikan dan orang berkenaan boleh tidak dibenarkan masuk kemudiannya.

(3) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini melakukan suatu kesalahan.

Kuasa untuk menyiasat

26. Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai yang diberi kuasa boleh menyiasat apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Kuasa untuk masuk dan memeriksa

27. (1) Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa boleh pada setiap masa yang munasabah, tanpa waran dengan tujuan untuk menentukan sama ada syarat atau sekatan sesuatu lesen atau peruntukan Undang-Undang Kecil ini dipatuhi—

(a) memasuki mana-mana kawasan kolam renang; dan

(b) menjalankan apa-apa pemeriksaan di kolam renang itu.

(2) Jika Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa ada sebab untuk mempercayai adanya berlaku suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini di mana-mana kolam renang, maka orang yang tinggal di dalam atau menjaga tempat itu hendaklah membenarkan Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa itu masuk dengan bebas ke dalamnya, iaitu apabila diminta oleh mana-mana orang yang tersebut itu, dan memberikan segala kemudahan yang munasabah untuk menjalankan penggeledahan di dalamnya.

(3) Jika tidak dapat masuk ke dalam mana-mana kawasan kolam renang mengikut perenggan (2) di atas, maka adalah sah bagi Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa setelah memperkenalkan dirinya dan tujuan kemasukan itu kepada pemegang lesen atau pekerjanya, untuk memasuki ke dalam kawasan kolam renang itu tanpa waran dan menggeledah tempat itu dan bolehlah memecahkan mana-mana pintu luar atau dalam atau tingkap supaya dapat masuk ke dalamnya.

(4) Apabila mana-mana kolam renang yang hendak digeledah atau diperiksa di bawah Undang-Undang Kecil ini tertutup, maka pemegang lesen, pekerjanya atau orang yang menjaga kolam renang itu, jika ada, hendaklah atas permintaan Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa membuka atau menyebabkan kawasan kolam renang itu dibuka, dan hendaklah membenarkan mana-mana pegawai tersebut masuk apabila diminta olehnya dan hendaklah memberi segala kemudahan yang munasabah bagi menjalankan penggeledahan di dalamnya dan jika kawasan kolam renang itu tidak dapat dimasuki, maka mana-mana pegawai tersebut boleh mengambil tindakan mengikut cara yang diperuntukkan oleh perenggan (3) jika dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa satu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini telah dilakukan di tempat itu.

Penggeledahan

28. (1) Jika mana-mana Majistret, atas maklumat bertulis dan selepas siasatan yang difikirkannya perlu, mempunyai sebab untuk percaya bahawa—

(a) suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini telah atau sedang dilakukan di mana-mana kolam renang persendirian; atau

(b) apa-apa keterangan atau benda yang perlu untuk penyiasatan apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh ditemui di mana-mana kolam renang persendirian,

dia boleh melalui waran, membenarkan Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa yang dinamakan dalam waran itu, dengan apa-apa bantuan yang diperlukan untuk masuk dan menggeledah tempat itu.

(2) Walau apa pun perenggan (1), jika Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa ada alasan yang munasabah untuk percaya bahawa—

(a) suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini telah atau sedang dilakukan di mana-mana kawasan kolam renang persendirian; dan

(b) oleh sebab apa-apa kelengahan untuk mendapatkan waran geledah tujuan penggeledahan itu mungkin akan terkecewa,

maka Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa boleh memasuki tempat itu dan menggeledah tempat itu dan memeriksa mana-mana orang yang semunasabahnya dipercayai olehnya mempunyai kaitan dalam pengurusan mana-mana premis itu.

Pemeriksaan orang perempuan

29. Tiada orang perempuan boleh diperiksa di bawah undang-undang kecil 26, 27 atau 28 kecuali oleh seorang perempuan lain dan pemeriksaan itu hendaklah dijalankan dengan memberikan perhatian teliti kepada kesopanan.

Penyitaan

30. (1) Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa yang menjalankan kuasa di bawah undang-undang kecil 26, 27 atau 28, boleh menyita apa-apa benda yang semunasabahnya dipercayai olehnya sebagai mempunyai kaitan dengan, atau dapat memberikan keterangan tentang, pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa yang menyita apa-apa benda di mana-mana kawasan kolam renang di bawah perenggan (1) hendaklah menyediakan suatu senarai benda yang disita dan dengan segera menyerahkan suatu salinan yang ditandatangani olehnya kepada pemegang lesen, penghuni atau tuan punya kolam renang persendirian itu, atau pengkhidmat atau ejennya, yang berada di kolam renang itu.

(3) Jika kolam renang itu tidak berpenghuni, Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa yang menyita itu hendaklah bilamana mungkin menampalkan senarai benda yang disita itu di tempat yang mudah dilihat di premis itu.

(4) Apa-apa benda yang disita di bawah undang-undang kecil ini boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(5) Jika, oleh sebab jenis, saiz atau amaunnya, tidaklah praktik untuk memindahkan apa-apa benda yang disita di bawah undang-undang kecil ini, Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa yang menyita itu hendaklah dengan apa-apa cara menyelak benda itu dalam premis yang di dalamnya ia dijumpai.

(6) Mana-mana orang yang tanpa kuasa yang sah memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam perenggan (5) atau memindahkan apa-apa benda yang dilak atau cuba berbuat demikian adalah melakukan satu kesalahan.

Pelucuthakan

31. Semua benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh dilucuthakkan.

Pelucuthakan jika ada pendakwaan

32. (1) Jika ada pendakwaan yang melibatkan apa-apa benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini, maka pelucuthakan atau pelepasan mana-mana benda sedemikian hanya boleh dibuat mengikut perintah Mahkamah yang di hadapannya pendakwaan itu telah diadakan.

(2) Walau apa pun perenggan (1), jika dibuktikan sehingga Mahkamah berpuas hati bahawa—

(a) suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini telah dilakukan; dan

(b) mana-mana benda ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu,

Mahkamah hendaklah melucuthakkan benda itu walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Semua benda yang dilucuthakkan di bawah undang-undang kecil ini hendaklah diserahkan kepada Pihak Berkuasa Melesen dan hendaklah dilupuskan mengikut arahan Pihak Berkuasa Melesen itu.

Pelucuthakan jika tiada pendakwaan

33. (1) Jika tiada pendakwaan yang melibatkan apa-apa benda yang telah disita di bawah Undang-Undang Kecil ini, maka benda itu hendaklah diambil dan disifatkan telah terlucuthak apabila tamat tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyitaannya melainkan jika suatu tuntutan telah dibuat baginya sebelum tamat tempoh itu.

(2) Mana-mana orang yang mengatakan bahawa dia adalah pemunya apa-apa benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini dan bahawa benda itu tidak boleh dilucuthakkan boleh, sama ada sendiri atau melalui ejennya yang diberikuasa secara bertulis, memberikan notis bertulis kepada Pihak Berkuasa Melesen bahawa dia menuntut benda yang disita itu.

(3) Apabila Pihak Berkuasa Melesen menerima notis di bawah perenggan (2) dia boleh mengarahkan supaya benda itu dilepaskan atau supaya perkara itu dirujuk kepada seorang Majistret.

(4) Majistret yang kepadanya rujukan dibuat di bawah perenggan (3) hendaklah mengeluarkan saman menghendaki—

(a) orang yang menuntut bahawa dia adalah pemunya benda yang disita; dan

(b) orang yang daripadanya benda itu disita,

hadir di hadapannya pada hari yang ditetapkan dalam saman itu.

(5) Pada hari yang ditetapkan di bawah perenggan (4), dan setelah dibuktikan bahawa saman telah disampaikan dengan sewajarnya kepada setiap orang yang disebut dalam subperenggan 4*(a)* dan 4*(b)*, Majistret hendaklah terus memeriksa perkara itu, walaupun mana-mana orang itu tidak hadir.

(6) Jika, setelah selesai pemeriksaan yang dibuat di bawah perenggan (5) berkenaan dengan sesuatu benda, Majistret berpuas hati bahawa—

(a) suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini telah dilakukan; dan

(b) benda itu ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu,

Majistret itu hendaklah memerintahkan pelucuthakan benda itu; tetapi jika Majistret tidak berpuas hati sedemikian, dia hendaklah memerintahkan supaya benda itu dilepaskan dan diserahkan kepada orang yang pada pendapatnya berhak kepada benda itu.

Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan

34. Tiada seseorang pun boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan apa-apa benda yang disita pada menjalankan atau yang berupa sebagai menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Undang-Undang Kecil ini, berhak kepada kos prosiding itu atau kepada apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

Kuasa menangkap

35. (1) Pihak Berkuasa Melesen atau mana-mana pegawai diberi kuasa boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang melakukan di hadapannya atau yang dia dengan munasabah telah melakukan sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini—

(a) jika nama atau alamat orang itu tidak diketahui olehnya dan orang itu enggan memberi nama dan alamatnya; atau

(b) jika ada sebab bagi meragukan yang nama atau alamat itu tepat.

(2) Seseorang yang ditangkap di bawah undang-undang kecil ini hendaklah ditahan dan hendaklah dibawa ke hadapan Mahkamah Majistret dalam tempoh dua puluh empat jam melainkan jika nama dan alamatnya dapat ditentukan terlebih dahulu daripada itu.

Kuasa menutup

36. (1) Tanpa menjejaskan perjalanan kuasa yang diberikan kepadanya di bawah undang-undang kecil 26, 27 atau 28 Pihak Berkuasa Melesen boleh, dengan serta-merta mengambil langkah yang difikirkannya perlu untuk menutup mana-mana kolam renang persendirian jika dia berpuas hati bahawa—

(a) telah berlaku pelanggaran mana-mana peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil ini atau mana-mana syarat atau sekatan lesen;

(b) penutupan itu adalah perlu untuk atau yang bermanfaat untuk kepentingan awam; atau

(c) lesen tersebut telah diperolehi secara tidak wajar atau menyalahi undang-undang.

(2) Tiada apa-apa tuntutan gantirugi boleh dibuat terhadap Majlis bagi menguatkuasakan kuasa menutup di bawah undang-undang kecil ini.

(3) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini melakukan suatu kesalahan.

Penutupan kolam untuk kegunaan eksklusif

37. Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa boleh pada bila-bila masa menutup kolam renang buat sementara waktu kepada orang awam atau bahagian orang awam atau memberi kebenaran eksklusif kepada sekolah, kelab atau pertubuhan bagi tujuan pertandingan sama ada secara percuma atau dengan bayaran dan membuat atau membenarkan dibuat bayaran masuk atau menggunakannya apabila ditutup kepada orang awam.

Majlis tidak bertanggungan atas kehilangan atau kerosakan

38. Majlis atau mana-mana pegawai diberi kuasa yang menguatkuasakan mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini tidak bertanggungan atas apa-apa kerosakan atau kehilangan yang berlaku akibat dari penguatkuasaan sedemikian.

Halangan, dsb.

39. Mana-mana yang menyerang, menggalang, menghalang atau melengah-lengahkan Pihak Berkuasa Melesen, pegawai diberi kuasa atau mana-mana pegawai yang melaksanakan kewajipannya dengan sah di bawah Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN VI

AM

Penalti

40. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan bagi kesalahan yang berterusan dilakukan setelah sabitan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan.

Pendakwaan

41. Tiada pendakwaan boleh dimulakan bagi suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini kecuali dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

Pengkompaunan kesalahan

42. (1) Yang Dipertua, Setiausaha atau Pegawai Undang-Undang Majlis boleh mengkompaunkan mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Undang-Undang Kecil ini dan ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaunkan dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu apabila dibayar kepada Majlis sejumlah wang yang tidak melebihi satu ribu ringgit bagi kesalahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah perenggan (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Yang Dipertua, Setiausaha atau Pegawai Undang-Undang Majlis, pendakwaan terhadap kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(3) Jika suatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah perenggan (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat dan apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan.

(4) Kesemua wang yang diterima di bawah undang-undang kecil ini hendaklah dibayar kepada kumpulan wang yang diwujudkan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubung dengan kerajaan tempatan.

UNDANG-UNDANG KECIL PASAR (MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA) 2007

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-Undang Kecil

1. Nama, permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Tafsiran

BAHAGIAN II

PERMOHONAN LESEN

4. Larangan ke atas pasar persendirian, gerai atau petak di sesuatu pasar awam tanpa lesen
5. Permohonan lesen
6. Sahnya lesen
7. Lesen
8. Fi lesen
9. Penyerahan lesen
10. Terma dan syarat lesen
11. Penggantungan lesen
12. Pembatalan lesen
13. Rayuan
14. Mempamerkan lesen
15. Tuan punya gerai atau petak hendaklah hadir
16. Pelantikan nomini
17. Gerai atau petak tidak boleh diserahhak, dipajak, disewa atau disewa kecil

BAHAGIAN III

KEHENDAK KHAS BAGI LESEN PASAR PERSENDIRIAN

Undang-Undang Kecil

18. Kehendak bangunan bagi pasar persendirian
19. Terma dan syarat lesen pasar persendirian
20. Lesen gerai dikehendaki dalam pasar persendirian

BAHAGIAN IV

KEHENDAK KEBERSIHAN DAN KESIHATAN

21. Kehendak bagi penjualan daging dan ikan
22. Bekalan air
23. Kehendak kebersihan
24. Kebersihan kawasan gerai atau petak hendaklah dipelihara bersih
25. Pembuangan sampah
26. Pemeriksaan perubatan

BAHAGIAN V

LARANGAN

27. Larangan ke atas pembaziran air
28. Penjualan makanan tidak berkhasiat dilarang
29. Halangan
30. Peredup dan ubahsuaian
31. Penggunaan kereta beroda besi adalah dilarang
32. Membawa masuk kenderaan
33. Api
34. Menyalahgunakan gerai atau petak
35. Kacau ganggu
36. Meminta sedekah dan mendedahkan apa-apa kecacatan dilarang
37. Larangan bekerja di pasar
38. Mengganggu pepasangan elektrik atau air
39. Pemasangan perkakas atau sambungan elektrik

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

Undang-Undang Kecil

40. Peraturan tempat penjualan

41. Pas kenderaan

42. Pas untuk tuan punya gerai atau petak dan pembantu

43. Bentuk pas

44. Pas gantian

45. Waktu operasi pasar awam

BAHAGIAN VII

PENGUATKUASAAN

46. Kuasa untuk memeriksa

47. Kuasa untuk mengusir orang yang melanggar peraturan dan menamatkan pajakan

48. Kuasa penangkapan

49. Kuasa menyita

50. Kuasa menutup

BAHAGIAN VIII

AM

51. Penalti am

52. Pendakwaan

53. Pengkompaunan kesalahan

54. Kuasa pegawai polis di bawah Undang-Undang Kecil ini

55. Pembatalan dan peruntukan peralihan

JADUAL

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PASAR
(MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen 73*(d)* Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Perbandaran Ampang Jaya membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama, permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang–Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pasar (Majlis Perbandaran Ampang Jaya) 2007**.

(2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada 19 Julai 2007.

Pemakaian

2. Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

Tafsiran

3. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"gerai" termasuklah mana-mana gerai berkunci, meja, setor, bangku panjang, bakul, kerusi, kayu kandar, petak peraga dinding, papan tunjuk dari apa-apa jua jenis atau apa-apa lain yang berkaitan dengannya, sama ada mudah alih atau bukan mudah alih dan sama ada beroda atau tidak, yang di atasnya atau di dalamnya makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis dijual atau didedahkan untuk jualan di mana-mana tempat persendirian atau tempat awam;

"Majlis" ertinya Majlis Perbandaran Ampang Jaya;

"pasar" termasuklah pasar awam dan pasar persendirian;

"pasar awam" ertinya sesuatu pasar yang dipunyai, dipajakkan atau diselenggarakan oleh Majlis;

"pasar persendirian" ertinya sesuatu pasar selain pasar awam;

"petak" ertinya mana-mana ruangan yang ditetapkan dalam lingkungan sesuatu pasar dan digunakan untuk menjual apa-apa barang yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen; dan

"Pihak Berkuasa Melesen" ertinya Yang Dipertua atau Setiausaha atau Pegawai Kesihatan Majlis atau mana-mana pegawai diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua;

"tuan punya gerai" ertinya mana-mana orang yang dilesen oleh Pihak Berkuasa Melesen untuk menjual dalam pasar termasuklah orang yang bertanggungjawab terhadap gerai tersebut.

BAHAGIAN II

PERMOHONAN LESEN

Larangan ke atas pasar persendirian, gerai atau petak di sesuatu pasar awam tanpa lesen

4. (1) Tiada seorang pun boleh menubuhkan, mengelolakan atau menjalankan pasar persendirian, gerai atau petak di sesuatu pasar awam, di mana-mana tempat, pegangan atau bangunan, tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Sesiapa yang melanggar perenggan (1) adalah melakukan kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Permohonan lesen

5. Setiap permohonan bagi mendapatkan lesen hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pihak Berkuasa Melesen dalam borang yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen dari semasa ke semasa.

Sahnya lesen

6. Sesuatu lesen melainkan jika ia tidak digantung atau dibatalkan hendaklah terus berkuat kuasa daripada tarikh pembayaran sehingga 31 Disember dan hendaklah diperbaharui sebelum tamat tempoh lesen itu.

Lesen

7. Setiap lesen hendaklah menyatakan—

(a) tempoh sahnya;

(b) jenis barang; dan

(c) terma, syarat dan sekatan sebagaimana yang difikirkan patut untuk dikenakan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Fi lesen

8. (1) Fi lesen bagi gerai, petak dan pasar persendirian, adalah seperti yang diperihalkan dalam Jadual Pertama dan Jadual Kedua.

(2) Fi lesen hendaklah dibayar terlebih dahulu sebelum lesen itu dikeluarkan.

Penyerahan lesen

9. Pemegang lesen hendaklah menyerahkan balik lesennya kepada Pihak Berkuasa Melesen apabila lesen itu tamat tempohnya, dibatalkan atau digantung.

Syarat lesen

10. Setiap lesen dikeluarkan adalah tertakluk kepada terma dan syarat difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa Melesen untuk dikenakan dan sekiranya mana-mana terma dan syarat itu dilanggar, lesen itu boleh digantung, dibatalkan atau dimansuhkan pada bila-bila masa oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Penggantungan lesen

11. (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengarahkan sesuatu lesen itu digantung sementara pemegang lesen mengemukakan suatu surat tunjuk sebab menentang pembatalan lesen dibuat.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengarahkan penangguhan sementara operasi bagi lesen gerai, petak atau pasar persendirian yang digantung.

Pembatalan lesen

12. (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh membatalkan sesuatu lesen yang diberikan jika berpuas hati bahawa—

(a) pemegang lesen itu melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini atau gagal mematuhi apa-apa terma dan syarat atau sekatan yang dikenakan ke atasnya, tidak kira sama ada pendakwaan telah dibawa bagi sesuatu kesalahan berkenaan pelanggaran sedemikian; atau

(b) pemegang lesen itu telah, sama ada berkaitan dengan permohonan lesen itu atau pada bila-bila masa selepas lesen dikeluarkan, mengemukakan kepada Pihak Berkuasa Melesen, dokumen atau pengisytiharan yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat sama ada dibuat oleh atau bagi pihak pemegang lesen; atau

(c) pemegang lesen itu telah disabitkan atas apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Sebelum membatalkan sesuatu lesen, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah memberikan kepada pemegang lesen itu suatu notis bertulis mengenai niatnya untuk berbuat sedemikian dan menghendaki pemegang lesen itu mengemukakan suatu surat tunjuk sebab dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh notis, dengan menyatakan sebab lesen itu tidak patut dibatalkan.

(3) Jika Pihak Berkuasa Melesen memutuskan untuk membatalkan lesen tersebut selepas pemegang lesen mengemukakan surat tunjuk sebab di bawah

perenggan (2), Pihak Berkuasa Melesen serta merta memberitahu pemegang lesen secara bertulis mengenai keputusannya itu.

(4) Pembatalan sesuatu lesen hendaklah mula berkuat kuasa—

(a) jika tiada rayuan di bawah undang-undang kecil 13 dibuat terhadap pembatalan sedemikian, apabila luputnya tempoh empat belas (14) hari dari tarikh notis pembatalan itu disampaikan kepada pemegang lesen; atau

(b) jika terdapat rayuan terhadap pembatalan sedemikian, apabila pembatalan itu disahkan oleh Majlis.

(5) Jika suatu lesen telah dibatalkan di bawah perenggan (3) di atas, pemegang lesen yang lesennya dibatalkan sedemikian tidak boleh menjalankan apa-apa aktiviti yang dilesenkan sehinggalah rayuan itu didengar dan pembatalan itu telah diketepikan oleh Majlis.

(6) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (5) adalah melakukan kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali dan juga boleh didenda tambahan sebanyak dua ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

(7) Jika pembatalan sesuatu lesen telah mula berkuat kuasa, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah seberapa segera yang munasabah—

(a) menyampaikan suatu salinan notis pembatalan lesen kepada orang yang mengurus dan mengawal premis berlesen tersebut; atau

(b) menampal suatu salinan notis pembatalan lesen pada tempat yang mudah dilihat di premis berlesen tersebut.

(8) Apa-apa kelewatan atau kegagalan untuk menyampaikan notis pembatalan atau menampal notis sedemikian tidaklah dengan apa jua cara menyentuh kesahan pembatalan itu.

Rayuan

13. (1) Sesiapa yang terkilan dengan keputusan Pihak Berkuasa Melesen terhadap—

(a) penolakan pembaharuan lesen;

(b) penggantungan atau pembatalan lesen;

(c) sekatan lesen; atau

(d) penyitaan apa-apa barang,

boleh merayu secara bertulis kepada Majlis dalam masa empat belas hari dari tarikh notis penolakan, pengantungan, pembatalan atau sekatan lesen itu disampaikan kepada orang tersebut.

(2) Keputusan Majlis terhadap sebarang rayuan adalah muktamad dan konklusif.

Mempamerkan lesen

14. Seseorang pemegang lesen—

(a) sesuatu pasar persendirian, hendaklah pada setiap masa mempamerkan lesennya di bahagian yang mudah dilihat di premisnya; dan

(b) sesuatu petak atau gerai dalam hal pasar awam hendaklah menyimpan lesen itu sendiri atau di suatu tempat yang mudah dikeluarkan apabila lesen itu diminta.

Tuan punya gerai atau petak hendaklah hadir

15. Seseorang tuan punya gerai atau petak di sesuatu kawasan pasar—

(a) hendaklah pada setiap masa berada dan menjalankan atau mengawasi penjualan di gerai atau petaknya melainkan jika dia tidak dapat berbuat demikian oleh kerana sesuatu sebab yang munasabah; dan

(b) boleh dengan kebenaran Pihak Berkuasa Melesen secara bertulis, mengambil kerja seorang pembantu yang diberi kuasa dan tuan punya gerai atau petak itu bertanggungjawab atas tindakan pembantunya dan hendaklah hadir sendiri di gerai atau petak itu dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengahari dan pada masa sepertimana yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Pelantikan nomini

16. (1) Jika seorang pemegang gerai atau petak di mana–mana pasar awam meninggalkan gerainya selama tempoh tiga puluh hari atau lebih, dia hendaklah melantik seorang nomini menggantikannya dengan mendapat kelulusan secara bertulis terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa Melesen dan apa-apa kelulusan di bawah Undang-Undang Kecil ini tidak boleh melebihi tempoh yang ditetapkan oleh Majlis;

(2) Fi sebanyak Ringgit Malaysia sepuluh hendaklah dibayar oleh tuan punya gerai atau petak bagi pelantikan seorang nomini.

Gerai atau petak tidak boleh diserahhak, dipajak, disewa atau disewa kecil

17. Seorang tuan punya gerai atau petak tidak boleh menyerah hak, memajak, menyewa atau menyewa kecil gerai atau petak tanpa kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Melesen.

BAHAGIAN III

KEHENDAK KHAS BAGI LESEN PASAR PERSENDIRIAN

Kehendak bangunan bagi pasar persendirian

18. (1) Dinding bagi pasar persendirian hendaklah cukup kemas dengan permukaannya yang licin yang boleh dibersihkan dengan mudah dan cepat tanpa apa-apa ceruk atau sudut yang mungkin mengumpulkan habuk.

(2) Lantai hendaklah diperbuat daripada bahan kalis air dengan dikemas dan dicuramkan dengan licin supaya segala bendalir mudah mengalir ke parit.

(3) Parit hendaklah dibina mengikut syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen dan cukup bilangannya serta cerunnya supaya dapat mengalirkan keluar segala air dan bendalir lain.

(4) Lantai di tingkat atas hendaklah dibina dengan sempurna seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Terma dan syarat lesen pasar persendirian

19. (1) Dalam hal sesuatu pasar persendirian, Pihak Berkuasa Melesen boleh menetapkan—

(a) bilangan maksimum gerai, petak atau lot yang boleh didirikan atau diperuntukkan dalam pasar persendirian itu;

(b) kedudukan dalam kawasan pasar persendirian yang mana gerai atau petak itu boleh didirikan atau ditandakan gerai atau petaknya;

(c) jenis makanan yang telah dimasak atau tidak dimasak, minuman atau barang yang dijual atau yang akan dijual dalam setiap seksyen atau bahagian pasar persendirian; dan

(d) apa-apa kehendak lain sebagaimana Pihak Berkuasa Melesen fikirkan perlu.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengeluarkan lesen bagi pasar persendirian atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.

Lesen gerai atau petak dikehendaki dalam pasar persendirian

20. Tiada seorang pun boleh menjual atau mendedahkan atau menyimpan untuk dijual haiwan atau daging, ikan, ayam, itik, buah-buahan, sayur-sayuran atau benda makanan lain yang mudah rosak bertujuan untuk makanan manusia atau apa-apa pakaian, dagangan atau barang lain di mana-mana pasar persendirian kecuali dalam gerai atau petak yang baginya lesen telah diberi oleh Pihak Berkuasa Melesen.

BAHAGIAN IV

KEHENDAK KEBERSIHAN DAN KESIHATAN

Kehendak bagi penjualan daging dan ikan

21. (1) Dalam mana-mana pasar persendirian di mana daging atau ikan dipotong, disiang, dicincang, disimpan, dipamerkan atau didedahkan untuk dijual, dindingnya hendaklah dibina setinggi 180 sentimeter dari lantai yang permukaannya daripada jubin gilap atau lain-lain bahan kalis air sebagaimana yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Semua meja, kaunter, bangku panjang atau petak peraga yang digunakan untuk mempamerkan apa-apa daging atau ikan untuk dijual hendaklah diliputi marmar, jubin gilap, keluli berkilat, aluminium, kaca atau mana-mana bahan lain yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(3) Penyangkuk untuk menggantung daging atau ikan yang dipamerkan untuk dijual hendaklah diletakkan sekurang-kurangnya satu meter daripada beranda atau kaki lima dan hendaklah daripada bahan kalis karat dan hendaklah ditukar apabila Pihak Berkuasa Melesen mengarahkan berbuat demikian.

(4) Peti sejuk, penyejuk beku atau pendingin daripada sesuatu bentuk yang diluluskan hendaklah dipasang jika dikehendaki berbuat demikian oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(5) Menyiang dan menyembelih ayam itik tidak boleh dijalankan di mana-mana pasar kecuali di tempat sebagaimana yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan.

(6) Ayam itik hidup yang dibawa ke dalam pasar hendaklah disimpan dalam kurungan plastik atau kurungan logam.

Bekalan air

22. Bekalan air yang bersih hendaklah sentiasa ada di premis itu yang didapati daripada bekalan air awam atau daripada sumber lain sebagaimana yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Kehendak kebersihan

23. Pemegang lesen sesuatu pasar persendirian atau sesuatu gerai atau petak di sesebuah pasar awam dan persendirian hendaklah mematuhi kehendak yang berikut—

(a) pada bila-bila masa yang diarahkan oleh Pihak Berkuasa Melesen, semua barang mudah alih hendaklah dikeluarkan daripada premis berlesen itu dan keseluruhan premis itu dibersihkan, dicatkan, dan segala pembaikan yang perlu hendaklah dibuat terhadap premis itu;

(b) semua makanan yang bertujuan untuk dijual hendaklah berada dalam keadaan bersih dan dilindungi dengan berkesannya daripada lalat, vermin, serangga, habuk, kotoran atau benda lain yang merosakkan;

(c) semua perkakas dan pepasangan yang digunakan di premis itu hendaklah berada dalam keadaan bersih dan bebas daripada apa-apa endapan merbahaya atau kecemaran;

(d) tiada apa-apa barang dari jenis alatan tidur atau pakaian boleh digantung atau disimpan dalam mana-mana bahagian pasar selain suatu kawasan yang disediakan khas untuk tujuan itu;

(e) menyimpan makanan, sama ada telah masak atau mentah dalam keadaan bersih dan kemas supaya ianya tidak dihinggapi lalat, vermin, serangga, kotoran, habuk atau barang lain atau benda yang merbahaya;

(f) membungkus segala makanan untuk pelanggan dengan kertas atau bahan lain yang bersih dan tidak tercemar dengan apa jua cara;

(g) menyimpan segala perkakas dan alat yang digunakan berkaitan dengan perniagaannya bersih dan tidak tercemar dengan apa-apa cara pun, dan

(h) menyelenggara diri dan pakaiannya supaya berada dalam keadaan bersih.

Kebersihan kawasan gerai hendaklah dipelihara bersih

24. Tiap-tiap tuan punya gerai hendaklah menjaga mana-mana lebuh, lorong atau ruang di hadapan, di belakang atau di tepi gerai atau petaknya dan di sekitarnya supaya berada dalam keadaan bersih sehingga memuaskan Pihak Berkuasa Melesen.

Pembuangan sampah

25. (1) Setiap tuan punya gerai atau petak hendaklah mengadakan dan menyelenggara secara teratur berkenaan dengan gerainya bilangan tong sampah yang mencukupi yang bertutup dan baik daripada bentuk dan bahan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Tiada seorang pun tuan punya gerai atau petak atau orang lain boleh meletak atau menyebabkan atau membenarkan diletak apa-apa sampah sarap, kotoran atau bahan atau benda lain yang dibuang olehnya semasa menjalankan perniagaannya di mana-mana tempat selain tong sampah yang tersebut.

(3) Segala sampah hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik atau bekas lain yang ringan sebagaimana diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen sebelum diletakkan ke dalam tong sampah.

(4) Setiap tuan punya gerai atau petak hendaklah menentukan segala sampah yang dikumpul dalam urusan perniagaannya diletakkan dari semasa ke semasa di tempat yang disediakan untuk tujuan itu.

(5) Tiada seorangpun tuan punya gerai atau petak boleh menyebabkan atau membenar dimasukkan, ditumpahkan, ditaburkan atau dibuang apa-apa darah, air garam, cecair buangan atau bahan lain yang busuk ke dalam mana-mana longkang atau ke atas lantai pasar kecuali di tempat yang ditetapkan bagi maksud itu oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(6) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini adalah melakukan kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali dan juga boleh didenda tambahan sebanyak satu ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Pemeriksaan perubatan

26. (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh pada bila-bila masa mengarahkan supaya mana-mana pemegang lesen, tuan punya gerai, pemborong, pengendali, pembekal, nomini atau pembantu menjalankan pemeriksaan perubatan.

(2) Pemeriksaan perubatan sedemikian hendaklah dijalankan oleh seorang pegawai perubatan atau pegawai kesihatan yang dilantik atau ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(3) Jika mana-mana orang yang diperiksa sedemikian didapati oleh pegawai perubatan atau pegawai kesihatan itu mengidap penyakit berjangkit atau infeksi atau apa-apa penyakit kulit yang berbahaya atau pada pendapat pegawai perubatan atau pegawai kesihatan itu, berkemunginan menjadi punca infeksi, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah dengan serta-merta menghilangkan kelayakan orang yang menghidap penyakit itu daripada mengendalikan barang-barang atau melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti pasar sehingga suatu masa pegawai perubatan atau pegawai kesihatan itu mengesahkan bahawa orang itu telah sembuh atau tidak lagi berkemungkinan menjadi punca infeksi.

(4) Mana-mana orang yang—

(a) enggan menjalani pemeriksaan perubatan apabila diarahkan berbuat demikian; atau

(b) setelah menjalani pemeriksaan perubatan dihilangkan kelayakan di bawah perenggan (3),

hendaklah dengan serta-merta berhenti bekerja di mana-mana pasar.

BAHAGIAN V

LARANGAN

Larangan ke atas pembaziran air

27. Jika bekalan air awam disediakan dalam mana-mana pasar awam, tiada sesiapapun boleh membazir air dan semua orang hendaklah mematuhi arahan sebagaimana yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Penjualan makanan yang tidak berkhasiat dilarang

28. (1) Tiada seorang pun boleh mempamerkan untuk dijual atau menjual di mana-mana pasar apa-apa benda makanan atau minuman yang tidak berkhasiat untuk makanan manusia.

(2) Pihak Berkuasa Melesen atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Majlis boleh menyita, menyiasat dan memeriksa mana-mana binatang, burung, daging dan ikan yang berpenyakit atau buah-buahan, sayur-sayuran dan benda makanan dan minuman lain yang tidak berkhasiat atau tidak layak untuk dimakan oleh manusia dan boleh memerintahkan benda itu dimusnahkan jika difikirkan patut.

Halangan

29. Tiada seorang pun tuan punya gerai atau petak dalam sesuatu pasar awam boleh—

(a) meletak, mendirikan atau menempatkan gerai atau petaknya melebihi had yang diuntukkan baginya dan tiada perlindungan panas atau penutup melebihi tiga puluh sentimeter dari gerai atau petak itu melainkan jika diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen secara bertulis;

(b) menyebabkan atau membenarkan mana-mana barang, barang dagangan atau barang lain, alat atau benda yang berkaitan dengan perniagaannya diletak, dipamer atau didedah untuk dijual di atas mana-mana tangga, lorong, jalan lalu atau jalan tembus pasar atau sebelah atas, di atas atau melintang mana-mana parit atau bahagiannya di pasar;

(c) menyebabkan atau membenarkan barang dagangan, barang, alat atau benda lain yang berkaitan dengan perniagaannya, diletak, dipamerkan atau didedah melebihi had gerai atau petak yang diuntukkan kepadanya;

(d) menyebabkan sesuatu halangan dalam sesuatu pasar atau di mana-mana lebuh jalan lalu atau hala ke sesuatu pasar dengan apa-apa kenderaan, barang, kotak, bakul, kereta sorong atau benda lain; dan

(e) mendirikan apa-apa kotak, tetingkat para, atau rangkai bina lain di gerai atau petak yang tingginya melebihi 2.4 meter daripada paras lantai, atau timbunan atau susunan barang-barang, kotak, bakul, bungkusan atau benda lain di atas gerai atau petak yang melebihi paras tinggi tersebut itu.

Peredup dan ubahsuaian

30. Tiada seorang pun boleh mendirikan apa-apa peredup atau sekatan atau membuat apa-apa perubahan atau tambahan kepada sesuatu gerai tanpa persetujuan bertulis daripada Pihak Berkuasa Melesen.

Penggunaan kereta beroda besi adalah dilarang

31. Tiada seorang pun boleh menggunakan sesuatu kereta tolak atau troli beroda besi bagi maksud mengangkut barang dalam lingkungan sesuatu pasar awam.

Membawa masuk kenderaan

32. Tiada seorang pun boleh memandu mana-mana kenderaan bermotor atau membawa basikal atau basikal roda tiga, masuk ke dalam mana-mana pasar bagi maksud mengangkut barang untuk dijual melainkan jika dibenarkan secara bertulis oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Api

33. Api tidak boleh dinyalakan dan memasak atau merebus tidak boleh dilakukan di dalam sesuatu pasar, kecuali di tempat atau tempat sebagaimana

yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan olehnya.

Menyalahgunakan gerai atau petak

34. Tiada seorang pun boleh duduk, berdiri, baring atau tidur di atas sesuatu gerai atau petak dalam sesuatu pasar selepas waktu operasi.

Kacau ganggu

35. Tiada seorang pun boleh dalam sesuatu pasar—

(a) melakukan kacau ganggu;

(b) meludah di atas lantai, gerai, petak atau bahagian lain pasar;

(c) membuang apa-apa sayur-sayuran, najis binatang, sisa, sampah sarap atau bahan atau benda busuk lain ke atas sesuatu gerai, petak, jalan raya, jalan lalu, tangga atau mana-mana bahagian pasar, kecuali ke dalam tong sampah atau bekas sampah; atau

(d) membela anjing atau apa-apa haiwan, atau membawa anjing atau apa-apa peliharaan sama ada berikat atau tidak ke dalam pasar, atau dengan sengaja membiarkan atau membenarkan anjing atau lain-lain binatang mengekorinya ke dalam pasar.

Meminta sedekah dan mendedahkan apa-apa kecacatan dilarang

36. Tiada seorang pun boleh mengemis atau meminta sedekah atau mempamer apa-apa kudis, luka, penyakit atau kecacatan pada tubuh badan di pasar dan mana Pihak Berkuasa Melesen hendaklah mengusir mana-mana orang itu daripada pasar tersebut dan mana-mana orang yang sedemikian tidak boleh terlibat atau membantu dalam perniagaan di dalamnya.

Larangan bekerja di pasar

37. Tiada seorang pun yang diketahui mengidap penyakit merebak atau berjangkit atau membawa jangkitan apa-apa penyakit boleh diambil kerja dalam persediaan atau penjualan makanan dalam sesuatu pasar; dan seorang yang diambil kerja dikehendaki berbuat demikian oleh Pihak Berkuasa Melesen menjalani pemeriksaan perubatan.

Mengganggu pepasangan elektrik atau air

38. Tiada seorang pun boleh mengubah atau mengganggu sesuatu pepasangan elektrik atau air dalam sesuatu pasar awam.

Pemasangan perkakas atau sambungan elektrik

39. Tiada apa jua perkakas atau sambungan elektrik boleh dipasang atau disambung oleh seseorang tuan punya gerai atau petak dalam sesuatu pasar awam tanpa kebenaran Pihak Berkuasa Melesen secara bertulis terlebih dahulu dan tuan punya gerai hendaklah menanggung segala kos dan perbelanjaan

mengenai penyambungan, pendawaian atau pemasangan itu dan hendaklah membayar segala caj elektrik sebagaimana yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

Peraturan tempat penjualan

40. Pihak Berkuasa Melesen di dalam perkara suatu pasar awam dan seseorang pemegang lesen pasar persendirian boleh mengumpulkan bahagian atau pecahan yang berlainan bagi pasar awam atau pasar persendirian, mengikut mana yang berkenaan, untuk jualan berlainan jenis makanan yang sudah dimasak atau makanan mentah, minuman, benda atau barang dan tiada seorang pun boleh mempamer untuk dijual atau menjual apa-apa makanan, minuman, benda atau barang-barang di tempat lain selain dalam bahagian untuk menjualkan makanan, minuman, benda atau barang-barang itu.

Pas kenderaan

41. Semua kenderaan yang memasuki pasar awam selepas jam 7.30 malam hendaklah memiliki pas daripada Pihak Berkuasa Melesen.

Pas untuk tuan punya gerai atau petak dan pembantu

42. Semua tuan punya gerai atau petak dan pembantunya yang memasuki pasar awam selepas jam 7.30 malam hendaklah mendapatkan pas daripada Pihak Berkuasa Melesen.

Bentuk Pas

43. (1) Setiap pas yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 41 dan 42, hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen dari masa ke semasa.

(2) Setiap pas hendaklah mengandungi—

(a) tempoh sahnya;

(b) jenis kenderaan atau nama tuan punya gerai atau petak dan pembantunya; dan

(c) terma, syarat dan sekatan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(3) Bayaran yang boleh dikenakan bagi sesuatu pas untuk kenderaan, tuan punya gerai atau petak dan pembantunya adalah seperti dalam Jadual Ketiga.

(4) Sesuatu pas kecuali telah digantung atau dibatalkan terlebih dahulu oleh Pihak Berkuasa Melesen sah mulai daripada tarikh bayaran sehingga 31 Disember dan boleh diperbaharui pada atau sebelum tamat tempoh sah pas tersebut.

(5) Setiap pas yang dikeluarkan akan tertakluk kepada terma dan syarat sebagaimana yang difikir perlu oleh Pihak Berkuasa Melesen dan jika terma dan syarat tersebut dilanggar, pas itu boleh digantung atau dibatalkan pada bila-bila masa.

(6) Setiap pemegang pas hendaklah menyerahkan pas mereka apabila tempohnya tamat, digantung atau dibatal oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Pas gantian

44. (1) Pemegang pas hendaklah dengan serta-merta melaporkan kepada Pihak Berkuasa Melesen atas kehilangan atau kerosakan pada pas.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengeluarkan pas yang baru dengan mengenakan bayaran fi seperti di dalam Jadual Ketiga.

Waktu operasi pasar awam

45. (1) Semua pasar awam hendaklah dibuka kepada orang ramai pada setiap hari mengikut waktu yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Tiada sesiapapun boleh berada dalam sesebuah pasar awam di luar waktu operasinya melainkan jika mendapat kebenaran secara bertulis daripada Pihak Berkuasa Melesen.

BAHAGIAN VII

PENGUATKUASAAN

Kuasa untuk memeriksa

46. Tiada seorang pun boleh menghalang mana-mana pegawai diberi kuasa oleh Pihak Berkuasa Melesen daripada memasuki atau memeriksa mana-mana bahagian sesuatu premis pasar pada bila-bila masa.

Kuasa untuk mengusir orang yang melanggar peraturan dan menamatkan pajakan

47. Mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Pihak Berkuasa Melesen boleh membuang atau menyebabkan diusir daripada sesuatu pasar awam, mana-mana orang atau pembantunya yang telah disabitkan atas sesuatu kesalahan atau kerana mengingkari mana-mana undang-undang kecil berhubungan dengan pasar dan boleh menghalang mana-mana orang sedemikian atau pembantunya daripada menjalankan lagi apa-apa urusan perniagaan dalam pasar itu atau menduduki mana-mana gerai, kedai atau tempat lain di dalamnya dan boleh menamatkan apa-apa pajakan/sewa atau tempoh pemegangan orang itu mengenai sesuatu gerai, kedai atau tempat lain.

Kuasa penangkapan

48. (1) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai diberi kuasa boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang—

(a) yang semunasabahnya dipercayai olehnya telah melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini; atau

(b) yang enggan memberikan nama dan alamatnya apabila diminta atau jika ada sebab untuk meragui ketepatan nama dan alamat yang diberikan.

(2) Seseorang yang ditangkap di bawah undang-undang kecil ini hendaklah dibawa ke balai polis dan hendaklah dibawa ke hadapan seorang Majistret dalam masa dua puluh empat jam, melainkan jika sebelum dari masa itu nama dan kediamannya yang sebenarnya telah dapat ditentukan, dan dalam hal yang sedemikian orang itu hendaklah dilepaskan dengan serta-merta apabila dia menyempurnakan suatu bon untuk hadir di hadapan seorang Majistret jika dikehendaki sedemikian.

(3) Apabila mana-mana orang sedemikian dibawa ke hadapan seorang Majistret, Majistret itu boleh sama ada menghendaki dia menyempurnakan suatu bon, dengan atau tanpa penjamin untuk hadir di hadapan seorang Majistret sekiranya dikehendaki, atau boleh memerintahkan supaya dia ditahan dalam jagaan sehingga dia dapat dibicarakan.

Kuasa menyita

49. (1) Mana-mana pegawai diberi kuasa boleh menyita atau mengalihkan apa-apa barang atau benda yang menyalahi Undang-Undang Kecil ini dengan risiko ditanggung oleh pemunya.

(2) Apa-apa benda atau barang yang disita di bawah perenggan (1) ini adalah daripada jenis yang mudah rosak atau yang mengikut sifatnya lekas rosak atau jika penjagaan benda atau barang itu melibatkan perbelanjaan dan kesusahan yang tidak munasabah, atau dipercayai akan membahayakan orang ramai, pegawai diberi kuasa boleh mengarahkan supaya benda atau barang itu dilupuskan mengikut cara yang ditentukan oleh Majlis.

(3) Mana-mana orang yang menuntut apa-apa benda atau barang selain benda atau barang yang disita di bawah perenggan (2), boleh menuntut benda atau barang tersebut daripada Majlis dalam tempoh minima tujuh hari bekerja atau maksima satu bulan dari tarikh benda atau barang itu disita tertakluk kepada apa-apa syarat dan pembayaran yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(4) Sekiranya, tiada apa-apa tuntutan dibuat selepas tempoh tiga puluh hari, Majlis bolehlah melupuskan benda atau barang itu mengikut cara yang ditentukan Majlis dan apa-apa hasil yang diperoleh hendaklah dikreditkan kepada Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Tempatan.

(5) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai diberi kuasa tidaklah bertanggungan kepada mana-mana orang bagi apa-apa kemerosotan, walau apa pun sebabnya,

dalam kualiti apa-apa benda atau barang yang disita di bawah undang-undang kecil ini.

Kuasa menutup

50. (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengarahkan mana-mana pengurus, pemilik atau pemegang lesen mana-mana gerai, petak atau pasar persendirian yang dijalankan tanpa lesen atau yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil atau syarat-syarat yang dikeluarkan oleh Majlis kepada mana-mana pemegang lesen supaya gerainya, petaknya atau pasar persendiriannya ditutup.

(2) Majlis boleh mengambil apa-apa langkah yang diperlukan termasuk mendapatkan perintah Mahkamah, jika perlu, bagi mempastikan arahan yang dikeluarkan dipatuhi.

(3) Mana-mana orang yang menghalang atau melanggar arahan yang dikeluarkan oleh Majlis adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh ditangkap tanpa waran oleh mana-mana pegawai polis atau kakitangan Majlis.

(4) Tiada apa-apa tuntutan gantirugi boleh dibuat terhadap Majlis bagi menguatkuasakan kuasa menutup di bawah Undang-Undang Kecil ini.

BAHAGIAN VIII

AM

Penalti am

51. Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata boleh apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal sesuatu kesalahan yang berterusan boleh sebagai tambahan didenda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan.

Pendakwaan

52. Tiada pendakwaan boleh dimulakan terhadap kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini kecuali oleh atau dengan keizinan Pendakwa Raya.

Pengkompaunan kesalahan

53. (1) Yang Dipertua, Setiausaha atau Pegawai Undang-Undang Majlis boleh mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Undang-Undang Kecil ini dan ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar kepada Majlis sejumlah wang yang tidak melebihi satu ribu ringgit bagi kesalahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah perenggan (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan dan jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Yang Dipertua atau Setiausaha atau Pegawai Undang-Undang Majlis, pendakwaan terhadap kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(3) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah perenggan (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat dan apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan.

(4) Kesemua wang yang diterima di bawah undang-undang kecil ini hendaklah dibayar kepada kumpulan wang yang diwujudkan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubung dengan kerajaan tempatan.

Kuasa pegawai polis di bawah Undang-Undang Kecil ini

54. Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Undang-Undang Kecil ini boleh mengurangkan kuasa seseorang pegawai polis untuk menyiasat apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Pembatalan dan peruntukan peralihan

55. (1) Undang-Undang Kecil Pasar (Majlis Perbandaran Ampang Jaya) 1992 [*Sel. P.U.* 53/92] adalah dibatalkan.

(2) Apa-apa notis, perintah, kompaun, lesen atau dokumen yang dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil yang dibatalkan hendaklah, disifatkan telah dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini, dan hendaklah terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan.

JADUAL PERTAMA

FI TAHUNAN LESEN GERAI ATAU PETAK

(undang-undang kecil 8)

Bil.	Jenis Gerai	Kadar Lesen Setahun (RM) (A)	Kadar Lesen Setahun (RM) (B)
1.	Gerai Ayam /Itik	200	400
2.	Gerai Daging Kambing	200	400
3.	Gerai Daging Lembu	200	400
4.	Gerai Daging Babi/babi Panggang	200	400

Bil.	Jenis Gerai	Kadar Lesen Setahun (RM) (A)	Kadar Lesen Setahun (RM) (B)
5.	Gerai Ayam/Itik/Arnab Proses	100	200
6.	Gerai Ikan	100	200
7.	Bebola Ikan/Sotong/Daging Ayam Dll	100	200
8.	Gerai Kerang/Ketam/Hasil Laut	100	200
9.	Gerai Telur	100	200
10.	Gerai Taufoo/Mee/Kuey Teow	100	200
11.	Gerai Makanan Beku	200	-
12.	Bilik Sejuk	200	-
13.	Gerai Airbatu	100	200
14.	Gerai Barang Runcit	160	320
15.	Gerai Serbuk Lada/Rempah	100	200
16.	Gerai Buah-buahan	100	200
17.	Gerai Sayur-sayuran	100	200
18.	Lain-lain	100	200

*Nota: Kadar A hendaklah terpakai bagi gerai/premis di semua pasar yang menjalankan perniagaan secara runcit.
Kadar B hendaklah terpakai bagi gerai/premis di semua pasar yang menjalankan perniagaan secara borong.

JADUAL KEDUA

(undang-undang kecil 8)

FI TAHUNAN BAGI LESEN BAGI PASAR PERSENDIRIAN

No.	Saiz Pasar	RM
1.	Keluasan lantai kurang daripada 154 meter persegi	300
2.	Keluasan lantai di antara 154 – 462 meter persegi	500
3.	Keluasan lantai melebihi 462 meter persegi	800

JADUAL KETIGA

(undang-undang kecil 43)

FI UNTUK PAS

No.	JENIS PAS	KADAR (RM)
1	Kenderaan	10.00
2.	Tuan punya gerai atau petak	5.00
3.	Pembantu gerai atau petak	5.00

Dibuat oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya dalam mesyuaratnya pada 30 Mei 2007.

MOHAMMAD BIN YACOB
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam mesyuaratnya pada 4 Julai 2007.

SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Selangor

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

MARKETS (AMPANG JAYA MUNICIPAL COUNCIL) BY-LAWS 2007

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

PART I

PRELIMINARY

By-Law

1. Citation, commencement
2. application
3. Interpretation

PART II

APPLICATION FOR LICENCE

4. Prohibition on private market, stall or pitch in public market without licence
5. Application for licence
6. Validity of licence
7. Licence
8. Fees for licence
9. Surrender of licence
10. Conditions of licence
11. Suspension of licence
12. Revocation of licence
13. Appeal
14. Display of licence
15. Stallholder or pitchholder to be present
16. Appointment of nominee
17. Stall or pitch not to be assigned, leased, let-out or sub-let

Part III

SPECIAL REQUIREMENTS OF LICENCE FOR PRIVATE MARKET

By-Law

18. Building requirements of private market
19. Terms and conditions for issuance of licence for private market
20. Stall licence required in market

Part IV

REQUIREMENTS FOR HYGIENE AND HEALTH

21. Requirements for sale of meat and fish
22. Water supply
23. Sanitary requirements
24. Surrounding of stall or pitch to be kept clean
25. Disposal of refuse
26. Medical examination

Part V

PROHIBITION

27. No waste of water
28. Sale of unwholesome food prohibition
29. Obstruction
30. Sunshades and alterations
31. Use of iron wheel carts prohibited
32. Entry of vehicle
33. Fire
34. Misuse of stall or pitch
35. Nuisance
36. Begging and exposure of any deformity prohibited
37. Prohibition from working in market
38. Interference with electrical and water installation
39. Installation of electrical appliances and connection

Part VI

MISCELLANEOUS

By-Law

40. Regulation of place for sale
41. Vehicle pass
42. Pass for stallholder, pitchholder and assistant
43. Form of pass
44. Replacement pass
45. Operational hours of public market

Part VII

ENFORCEMENT

46. Power of inspection
47. Power to expel person breaching regulation and to terminate lease or tenancy
48. Power to arrest
49. Power of seizure
50. Power of closure

Part VIII

GENERAL

51. General penalty
52. Prosecution
53. Compounding of offences
54. Powers of police officers under this By-Laws
55. Repeal and transitional provision

Schedule

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

MARKETS (AMPANG JAYA MUNICIPAL COUNCIL) BY-LAWS 2007

IN exercise of the powers conferred by subsection 73*(d)* of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], the Ampang Jaya Municipal Council makes, and pursuant to section 103 of the said Act the State Authority confirms, the following by-laws:

PART I

PRELIMINARY

Citation, commencement

1. (1) This By-Laws may be cited as the **Markets (Ampang Jaya Municipal Council) By-Laws 2007**.

(2) This By-Laws shall come into operation on 19 July 2007.

Application

2. This By-Laws shall apply only to the area administered by the Ampang Jaya Municipal Council.

Interpretation

3. In this By-Laws, unless the context otherwise requires—

"stall" includes any lock-up stall, table, store, bench, basket, chair, kandar stick, wall show-case, showboard of whatever nature or any other appurtenances whether portable or non-portable and whether on wheels or not, whereon or wherein food, drinks or goods of any kind are sold or exposed for sale in any private or public place;

"Council" means the Ampang Jaya Municipal Council;

"market" includes public market and private markets;

"public market" means any market owned, leased or maintained by the Council;

"private market" means any market other than a public market;

"pitch" means any space designated within the precincts of a market and used for sale of any articles approved by the Licensing Authority;

"Licensing Authority" means the President of Ampang Jaya Municipal Council or the Secretary or the Health Officer of the Council or any other officer authorised in writing by the President;

"stallholder" means any person licenced by the Licensing Authority to sell in the market within the market and include the person in charge of such stall.

PART II

APPLICATION FOR LICENCE

Prohibition of private market, stall or pitch in public market without licence

4. (1) No person shall establish, conduct or carry on a private market, stall or pitch in a public market, in any place, holding or building without licence issued by the Licensing Authority.

(2) Any person who contravenes this By-Law shall be guilty of an offence and shall upon conviction be liable to a fine not more than one thousand ringgit or imprisonment for a term not exceeding six months or both.

Application for a licence

5. Every application for a licence shall be made in writing to the Licensing Authority in such form as prescribed by the Licensing Authority from time to time.

Validity of licence

6. A licence unless sooner suspended or cancelled by the Licensing Authority shall remain in force from the date of payment until the 31 day of December and shall be renewed on or before the expiry date of the licence.

Licence

7. Every licence shall specify—

(a) its validity period;

(b) the type of goods; and

(c) the terms, conditions and restrictions as the Licensing Authority may think fit.

Fees for licence

8. (1) The fee payable for licence on stall, pitch and private market shall be as prescribed in the First Schedule and the Second Schedule.

(2) The licence fee shall be paid in advance before the issuance of licence.

Surrender of licence

9. The licence holder shall surrender his licence to the Licensing Authority upon its expiry, revocation or suspension.

Conditions of licence

10. Every licence issued is subject to term and condition as the Licensing Authority may think fit and if any term and condition is breached, the licence may be suspended or revoked at any time by the Licensing Authority.

Suspension of licence

11. (1) The Licensing Authority may direct a license to be suspended temporarily pending the licensee submitting a show cause letter against the revocation of a licence made.

(2) The Licensing Authority may order a temporary cease of operation in any licensed stall, pitch or private market under suspension.

Revocation of licence

12. (1) The Licensing Authority may revoke a licence granted if satisfied that—

(a) the licensee contravenes any provisions of these By-Laws or fails to comply with any term and condition imposed on the licensee, regardless of no prosecution has been instituted for such contravention;

(b) the licensee has, whether relevant to the application of the licence or at any time after the licence being issued, produce to the Licensing Authority, false document or false declaration, misleading or inaccurate whether made by or on behalf of the licensee; or

(c) the licensee has been convicted on any offence committed under this By-Laws.

(2) Prior to the revocation of a licence, the Licensing Authority shall issue the licensee, a notice in writing about the intention to revoke such licence and requires the licensee to submit a show cause letter within seven (7) days from the date of the notice, stating reasons why the licence should not be revoked.

(3) If the Licensing Authority has decided to revoke such licence after the licensee has submitted his show cause letter under paragraph (2), the Licensing Authority shall immediately inform the licensee in writing about the outcome of the decision.

(4) The revocation of a licence shall come into force—

(a) if no appeal under by-law 13 was made against such revocation, when fourteen (14) days from the date of revocation notice served on the licensee lapsed; or

(b) if appeal against such revocation was made, when the revocation is confirmed by the Council.

(5) If a licence has been revoked under paragraph (3) above, the licensee whose licence was revoked as such shall not conduct any activity previously licensed until such appeal is being heard and the revocation is quashed by the Council.

(6) Any person who contravenes the provision of paragraph (5) shall be guilty of an offence and is liable on conviction, to a fine not exceeding two thousand ringgit or a term of imprisonment not exceeding one year or both and additional fine not exceeding two hundred ringgit for each day during which such offence is continued after conviction.

(7) If a revocation of a licence has come to force, the Licensing Authority shall as soon as it is reasonable—

(a) serve a copy of such revocation notice to person managing and controlling such licensed premise; or

(b) patch a copy of such revocation notice on a conspicuous place in the licensed premise.

(8) Any delay or failure to serve or patch such revocation notice shall not in any way affect the validity of such revocation.

Appeal

13. (1) Any person aggrieved with the decision of the Licensing Authority on—

(a) refusal to renew licence;

(b) suspension or revocation if licence;

(c) restriction on licence; or

(d) seizure of any goods,

may appeal in writing to the Council within fourteen (14) days from the date of the notice of refusal or suspension, revocation, or seizure served on such person.

(2) The Council's decision on any appeal made under this by-law is final and conclusive.

Display of licence

14. A licencee—

(a) of a private market, shall at all times display his licence in some conspicuous part of his premise; and

(b) for a stall or pitch in a public market shall keep his licence on his person or in such place as to enable him to produce it on demand.

Stallholder or pitchholder to be present

15. A stallholder or a pitchholder in any market place—

(a) shall at all times be present and conduct or superintend the sales at his stall or pitch unless unable to do so for some reasonable cause; and

(b) may with the permission of the Licensing Authority in writing, employ an authorised assistant he shall be responsible for the actions of his assistants and shall personally be present at the stall or pitch from 8.00 a.m. to 12.00 noon and at any times as prescribed by the Licensing Authority.

Appointment of nominee

16. (1) If a stallholder or a pitchholder in any public market leaves the stall or pitch for a period of thirty days or more, he shall appoint a nominee in his place with the prior approval in writing of the Licensing Authority and any approval under this By-Law shall not exceed the period specified by the Council.

(2) A fee of ten Ringgit Malaysia shall be payable by a stallholder or a pitchholder for the appointment of a nominee.

Stall or pitch not to be assigned, leased, let-out or sub-let

17. A stallholder or pitchholder shall not assign, lease, let out or sublet his stall or pitch without written consent of the Licensing Authority.

PART III

SPECIAL REQUIREMENTS OF LICENCE FOR PRIVATE MARKET

Building requirements of private market

18. (1) The walls of a private market shall be well finished with a smooth surface capable of being easily and quickly cleansed without recesses or angle that are likely to collect dust.

(2) The floors shall be made of strong impervious material smoothly finished and graded so that all fluids may readily gain access to the drains.

(3) The drains shall be constructed according to the conditions as determined by the Licensing Authority and be sufficient in number and gradient so as to carry off all water and other fluids.

(4) The floors of the upper storey shall be properly constructed according to the conditions as determined by the Licensing Authority.

Terms and conditions for issuance of licence of private market

19. (1) In the case of a private market, the Licensing Authority may specify—

(a) the maximum number of stalls, pitches or lots that may be set up or allotted within that private market;

(b) the position within the precincts of that private market in which such stalls or pitches may be set up or marked out;

(c) the nature of the cooked or uncooked food, drink, or goods sold or to be sold in each section or portion of the private market; and

(d) such other requirements as the Licensing Authority may deem necessary.

(2) The Licensing Authority may issue licence for private market on such terms and conditions as he may think fit.

Stall or pitch licence required in market

20. No person shall sell or expose or store for sale animals or meat, fish, poultry, fruits, vegetables or other perishable articles of food intended for human consumption, or any clothing, merchandise or other goods in any market except in a stall or pitch in respect of which he has granted a licence by the Licensing Authority.

Part IV

REQUIREMENTS FOR HYGIENE AND HEALTH

Requirements for sale of meat and fish

(b) more than four dogs on his premises which has an area of more than one thousand square metres.

(2) No person shall own, keep, harbour or allow to be kept or harboured any dog above the ground floor of any building.

Sanitary requirements regarding the keeping of dogs

9. (1) The owner of a licensed dog shall ensure that the dog and the place where the dog is kept are maintained in a sanitary condition at all times.

(2) The owner of a licensed dog shall rid his premises of any faecal matter discharged by the dog and such faecal matter shall be disposed of in such manner or by such means as will not be likely to cause offence or nuisance to any other persons.

Protection against cruelty and harmful actions

10. (1) The owner of a licensed dog shall ensure that the dog is properly fed and maintained.

(2) If any person—

(a) cruelly beat, kick, ill treat, torture, infuriate or terrify any licensed dog, or cause or permit the dog to be so used, or by wantonly or unreasonably doing or omitting to do any act, causes any unnecessary pain or suffering to the dog;

(b) convey, carry or allow to conveyed or carried any licensed dog in such manner or position as to cause any unnecessary pain or suffering to the dog;

(c) cause, procure or assist at the fighting of any licensed dog; or

(d) without any reasonable cause or excuse, administer or allow to be administered any poisonous or injurious drug or substance to any licensed dog, or willfully cause any such drug or substance to be taken by such dog,

such person commits an offence for cruelty under these By-Laws.

(3) For the purposes of this By-Law, an owner shall be deemed to have permitted cruelty if he failed to exercise reasonable care and supervision in respect of the protection of the dog as prescribed under paragraph (2).

Diseased dog

11. (1) In the event of a licensed dog being diseased, the owner of the dog shall forthwith have the dog examined and treated by a veterinary surgeon and such dog shall not be allowed to be kept in the owner's premises unless the dog has been examined and treated by the veterinary surgeon or is undergoing treatment and has been allowed by the veterinary surgeon to be kept therein.

(2) Where it appears to the Licensing Authority that a licensed dog is suffering from any disease, the Licensing Authority may, by notice in writing, require the owner of such dog to have it examined by a veterinary surgeon within a specified period at the expense of the owner.

(3) Where any licensed dog has been examined by a veterinary surgeon under paragraph (1) or (2) and the veterinary surgeon is of the opinion that the dog is suffering from a disease which is a danger to the health and welfare of humans or animals, the owner of such dog shall immediately inform the Licensing Authority thereof, and the Licensing Authority may cause the dog to be seized and detained for isolation or destruction to prevent the outbreak of any such dangerous disease.

(4) The Licensing Authority may detain the diseased licensed dog in isolation for such period as necessary for observation and treatment, and where he is satisfied that the dog is free from the disease, the Licensing Authority shall inform the owner to recover the dog within a specified period upon payment of the costs incurred by the Council for such detention and treatment.

(5) Where the licensed dog is not recovered by the owner or the owner refused to pay the costs incurred by the Licensing Authority under paragraph (4), the Licensing Authority may cause the dog to be sold, destroyed or otherwise disposed of and no compensation shall be payable to the owner by the Licensing Authority.

(6) Where the Licensing Authority is satisfied that it is necessary for a diseased licensed dog to be destroyed, he shall dispose of the said carcass as he thinks fit and no compensation shall be payable to the owner for such disposal.

Immunisation against rabies

12. All dogs shall be immunized against rabies *(Hydrofobia)* either by the Selangor State Veterinary Officer or other veterinary surgeon.

Nuisance by incessant barking, defecation and otherwise

13. (1) The owner of a licensed dog shall take all necessary steps to ensure that the dog does not cause any nuisance, to the neighbourhood or environment, particularly by incessant barking, or otherwise.

(2) The owner of a licensed dog shall take all necessary steps to ensure that the dog does not defecate or urinate in a public place.

Dogs to be on leash, *etc.* and not to be straying

14. (1) The owner of a licensed dog shall ensure that such dog is under the effective control of some person by means of a leash or a chain cord at all times whenever the dog is taken out of the owner's premises.

(2) The owner of a licensed dog shall ensure that the dog does not stray outside his premises.

Dog attacks, *etc.*

15. (1) If a licensed dog chases, attacks or bites any person, whether or not any injury is caused, the owner of the dog is guilty of an offence.

(2) Without prejudice to paragraph (1), the owner of the dog shall be liable in damages for the injury caused by the dog.

(3) Where any such injury has been done by a licensed dog and there exist a doubt as to who is the owner of the dog, the occupier of any house or premises where the dog was kept or permitted to live or remain at the time of the injury shall be presumed to be the owner of the dog, and shall be liable for the injury unless he proves that he was not the owner of the dog at that time;

Provided that where there are more occupiers than one in any house or premises let in separate apartments or lodgings or otherwise, the occupier of that particular part of the house or premises in which the dog has been kept or permitted to live or remain at the time of the injury shall be presumed to be the owner of the dog.

(4) No compensation shall be payable to any person under this by-law in respect of injury sustained in any house or premises except upon proof that he entered such house or premise in the ordinary course of this duties or with express or implied permission of the occupier.

(5) No criminal liability shall arise under these By-Laws in respect of any injury sustained by any person in any house or premises unless such person has entered such house or premises in the ordinary course of his duties or with the express or implied permission of the occupier.

Dangerous dogs

16. (1) The Licensing Authority may take cognizance of a complaint that a licensed dog is dangerous and not kept under proper control.

(2) Where it appears to the Licensing Authority having cognizance of such complaint that such dog is dangerous, the Licensing Authority may make an order directing the owner to keep the dog under proper control.

(3) Where a licensed dog is proven to have attacked or injured any person, it may be dealt as a dangerous dog.

(4) In these By-Laws, a licensed dog is deemed not to be kept under proper control if it is neither muzzled nor kept on a leash or chain cord.

(5) Where the owner fails to comply with the order as directed by Licensing Authority under paragraph (2) or where it is proven that the licensed dog has again attacked or injured any person, the Licensing Authority may order for the dog to be seized and destroyed, and no compensation shall be payable to the owner for the destruction of such dog by the Licensing Authority.

Seizure or destruction of stray dogs

17. (1) Any dog found straying in a public place or any unlicensed dog found in any premises may be seized by the Licensing Authority and be detained until the owner claimed it and paid the specified fee in the Schedule.

(2) Where any dog seized in accordance with these By-Laws is found to be a licensed dog by the badge it wears, the Licensing Authority shall serve on the person whose name and address has been entered in the register as the owner a notice stating that the dog has been seized and is liable to be sold or destroyed if not claimed within seven days after the date of the notice.

(3) A notice under these By-Laws may be served—

(a) by delivering the notice in writing to the person on whom it is to be served;

(b) by leaving the notice in writing at that person's address as stated in the register;

(c) by forwarding the notice in writing by post to that person's address as stated in the register; or

(d) by conveying that substance of the notice by telephone, if any, as stated in the register.

(4) Where any dog seized in accordance with these By-Laws—

(a) has been detained—

(i) for seven day after the seizure; or

(ii) in the case of a notice served in accordance with paragraph (2), for seven days after the notice was served; and

(b) has not been claimed by the owner or the owner refused to pay the specified fee,

then the Licensing Authority may cause the dog to be sold, destroyed or otherwise disposed of.

(5) The Licensing Authority may cause a dog seized under paragraph (1) to be destroyed immediately it is seized if in his opinion the dog is in such condition that it ought to be destroyed forthwith.

(6) The Licensing Authority shall not be liable to pay any compensation to any owner for any injury or the death of any dog while the dog is detained.

(7) The Licensing Authority shall not be liable to pay any compensation to any owner for the sale, destruction or disposal of any dog under paragraph (4) or (5).

Kennel establishment to be licensed

18. (1) No person shall construct or use any building, holding or premises as kennel establishment unless licensed by the Licensing Authority under this By-Law.

(2) An application for a licence shall be made in such form as may be provided by the Licensing Authority and the applicant may be required to submit supporting evidence that due notice of the proposed kennel establishment has been given to any person residing or occupying any building or premises within the locality where the kennel establishment is to be situated and that the proposed land use is in conformity with the development plan or any planning permission granted under the Town and Country Planning Act 1976.

(3) Where notice of the proposed kennel establishment as referred to in paragraph (2) is required to be given, the Licensing Authority shall have regard to any objections raised.

(4) In determining whether to approve an application for a licence, the Licensing Authority shall in particular, but without prejudice to his discretion to withhold a licence on other grounds, have regard to the need for securing—

(a) that the dogs will at all times be kept in accommodation suitable in respects of size, lighting, ventilation and cleanliness;

(b) that the dogs will be adequately supplied with suitable food and drink and bedding material;

(c) that all reasonable precautions will be taken to prevent the spread among the dogs of infectious diseases, including the provision of adequate isolation facilities;

(d) the appropriate steps will be taken in case of fire or other emergency;

(e) that the register be kept containing a description of any dogs received into the establishment, date of arrival and departure, name and address of owner, and such register to be available for inspection at all times by the Licensing Authority.

Issuances of licence

19. (1) Upon approval of the application, the licence fee as prescribed in the Schedule shall be paid.

(2) The Licensing Authority shall issue a licence to the applicant, with or without conditions as the Licensing Authority deems necessary or expedient for securing all or any of the items specified in by-laws 18(4), and the licence shall be valid for twelve months and is renewable upon payment of the prescribed fee but may be cancelled at any time by the Licensing Authority if he is dissatisfied with the conduct of the establishment or the applicant has breached any conditions that has been imposed.

Power of entry and inspection

20. For the purpose of ascertaining whether an offence has been committed or is being committed against these By-Laws, the Licensing Authority or authorised officer may, at all reasonable times, enter and inspect—

(a) any building, holding, or premises where the Licensing Authority has reason to believe a person is carrying on a kennel establishment;

(b) any building, holding or premises as respects which a licence to carry on a kennel establishment has been applied for under these By-Laws;

(c) any building or premises as respects which a licence granted in accordance with the provisions of these By-Laws is in force; or

(d) any building or premises as respects where any offence has been commited under these By-Laws.

Penalties

21. Any person who contravenes or fails to comply with any of the provisions of these By-Laws or any conditions or directions or orders given by the Licensing Authority commits an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to a terms of imprisonment not exceeding one year or to both.

Prosecution

22. No prosecution shall be instituted for an offence under these By-Laws except with the written consent of the Public Prosecutor.

Compounding of offences

23. (1) The President, the Secretary or the Legal Officer of the Council may compound any offence committed by any person under these By-Laws and prescribed to be a compoundable offence by making a written offer to the person suspected of having committed the offence to compound the offence upon payment to the Council of an amount of money not exceeding one thousand ringgit for that offence within the time specified in the offer.

(2) An offer under paragraph (1) may be made at any time after the offence has been committed but before any prosecution for it has been instituted, and if the amount specified in the offer is not paid within the period specified in the offer or within such extended period as the President, the Secretary or the Legal Officer may grant, prosecution for the offence may be instituted at any time after that against that person to whom the offer was made.

(3) If an offence has been compounded under paragraph (1), no prosecution shall be instituted after that in respect of the offence against the person to whom the offer to compound was made and anything seized in connection with the offence unless has been earlier disposed off, shall be released, subject to such terms and condition as may be prescribed.

(4) All monies received under these By-Laws shall be paid into the fund constituted under any law relating to local government.

Repeal and transitional provision

24. (1) The Licensing and Controlling of Dogs (Ampang Jaya Municipal Council) By-Laws 1995 [*Sel P.U. 36/95*] are hereby repealed.

(2) A licence issued under the repealed By-Laws which has not expired shall continue in force and have effect as if it has been issued under these By-Laws.

(3) Any notice, order, compound, licence or documents made or issued under the repealed By-Laws shall be deemed to be made or issued under these By-Laws and shall continue to remain in force until revoked thereunder.

SCHEDULE

(By-laws 17 and 19)

Charges per dog per day – RM5.00

Annual licence fee for kennel establishment – RM150.00

Made by the Ampang Jaya Municipal Council in the meeting on 30 May 2007.

MOHAMMAD BIN YACOB
President,
Ampang Jaya Municipal Council

Confirmed by the State Authority in the meeting on the 4 July 2007.

SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR
Clerk,
State Executive Council,
Selangor

Sel. P.U. 118.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL HOTEL (MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA) 2007

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-undang kecil

1. Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PELESENAN

3. Larangan
4. Permohonan lesen
5. Lesen tidak boleh dipindah milik
6. Fi tidak boleh dibayar balik
7. Deposit
8. Penggantungan atau pembatalan lesen
9. Tempoh sah lesen
10. Membaharui lesen
11. Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan
12. Lesen sementara
13. Penyerahan balik lesen

BAHAGIAN III

KEHENDAK-KEHENDAK LESEN

14. Ukuran pemuatan bilik-bilik hotel
15. Menyediakan bilik mandi dan tandas
16. Daftaran hendaklah disimpan

Undang-undang kecil

17. Penyakit hendaklah dilaporkan
18. Bilik-bilik hendaklah disembur
19. Kawalan kebersihan dan struktur bangunan
20. Mengadakan tong sampah
21. Bekalan air
22. Pengambilan pekerja
23. Pencegahan kebakaran
24. Kacau ganggu

BAHAGIAN IV

PENGUATKUASAAN

25. Kuasa untuk menyiasat
26. Kuasa untuk masuk dan memeriksa
27. Penggeledahan
28. Pemeriksaan orang perempuan
29. Penyitaan
30. Pelucuthakan
31. Pelucuthakan jika ada pendakwaan
32. Pelucuthakan jika tiada pendakwaan
33. Tiada kos atau gantirugi berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan
34. Kuasa untuk menutup hotel
35. Kuasa menangkap
36. Majlis tidak bertanggungan atas kehilangan atau kerosakan
37. Halangan, dsb.

BAHAGIAN V

PELBAGAI

38. Kesalahan oleh pekhidmat atau ejen
39. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan
40. Penalti am
41. Pendakwaan
42. Pengkompaunan kesalahan
43. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan
44. Peruntukan pemansuhan dan peralihan

JADUAL

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL HOTEL
(MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 102 dan 102A Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Perbandaran Ampang Jaya dengan ini membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Hotel (Majlis Perbandaran Ampang Jaya) 2007**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 19 Julai 2007.

(3) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai bagi kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya sahaja.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"hotel" ertinya mana-mana premis di mana—

(a) orang-orang diberi tempat berlindung atau menginap untuk apa-apa jenis sewa atau ganjaran; atau

(b) bilik-bilik dilengkapi oleh pemunya, penerima pajak, penyewa utama, penghuni atau pengurus premis itu untuk kegunaan domestik bagi orang yang diberi tempat berlindung atau menginap itu;

(c) termasuklah asrama (kecuali yang ditafsirkan di bawah butiran 2*(cc)* atau motel, rumah tumpangan, rumah penginapan atau rumah tetamu;

tetapi tidaklah termasuk—

(aa) mana-mana premis di mana aktiviti yang disebut dalam perenggan *(a)* dan *(b)* sedang dijalankan oleh atau bagi pihak Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri atau mana-mana badan berkanun yang ditubuhkan oleh mana-mana undang-undang bertulis yang lain;

(bb) mana-mana kemudahan jagaan kesihatan persendirian, pusat jagaan kanak-kanak atau pusat jagaan yang penubuhan atau pengendaliannya dikawal atau dikawal selia di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain;

(cc) mana-mana asrama yang ditubuhkan oleh atau bagi pihak mana-mana institusi pendidikan swasta atau institusi pendidikan tinggi swasta dan dikawal atau dikawal selia di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain;

(dd) mana-mana premis yang disewakan atas asas tuan tanah dan penyewa.

"hotel berlesen" ertinya hotel yang diberikan suatu lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini;

"lesen" ertinya lesen yang diberikan di bawah undang-undang kecil 5 atau lesen sementara yang diberikan di bawah undang-undang kecil 9;

"Majlis" ertinya Majlis Perbandaran Ampang Jaya;

"orang" termasuklah sesuatu kumpulan orang, diperbadankan atau tak diperbadankan, sesuatu usahasama atau amanah;

"Pegawai Kesihatan" mempunyai erti seperti yang diberikan kepadanya dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976;

"pegawai diberi kuasa" ertinya mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua;

"pemegang lesen" ertinya mana-mana orang yang kepadanya lesen dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini;

"penghuni" ertinya orang yang menghuni hotel, atau yang bertanggungjawab bagi, mengurus atau mengawal premis itu sama ada untuk dirinya sendiri atau sebagai ejen seseorang lain tetapi tidaklah termasuk penginap;

"penyakit berjangkit" ertinya apa-apa penyakit yang dinyatakan sebagai penyakit berjangkit berbahaya di bawah seksyen 2 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*];

"Pihak Berkuasa Melesen" ertinya Yang Dipertua, Setiausaha suatu Pihak Berkuasa Tempatan atau mana-mana pegawai yang diberikuasa secara bertulis untuk mengeluarkan lesen oleh Yang Dipertua;

"syarat" atau "sekatan", apabila digunakan berkaitan dengan lesen, ertinya sesuatu syarat atau sekatan yang dikenakan di bawah undang-undang kecil 6;

"Undang-Undang Kecil ini" termasuklah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Undang-Undang Kecil ini;

"Yang Dipertua" ertinya Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

BAHAGIAN II

PELESENAN

Larangan

3. (1) Tiada seorang pun boleh mengendalikan sesuatu hotel melainkan jika dia telah diberi lesen oleh Pihak Berkuasa Melesen berkenaan dengan hotel itu mengikut peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

(2) Tiada seorang pun boleh menguruskan sesuatu hotel melainkan jika hotel itu ialah suatu hotel berlesen.

(3) Bagi maksud Undang-Undang Kecil ini—

(a) seseorang yang merupakan pemunya, penerima pajak, penyewa utama, penghuni atau pengurus mana-mana premis yang digunakan sebagai hotel hendaklah, melainkan jika dibuktikannya sebaliknya, disifatkan sebagai mengendalikan hotel itu; dan

(b) mana-mana orang yang pada masa itu terlibat dalam pengurusan atau mengawal hotel itu hendaklah, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, disifatkan sebagai menguruskan hotel itu.

Permohonan lesen

4. (1) Suatu permohonan untuk mendapatkan atau memperbaharui lesen hendaklah dibuat mengikut apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengarahkan mana-mana pemohon supaya hadir sendiri atau dalam hal suatu perbadanan atau firma, oleh seorang pengarah, pekerja atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh perbadanan atau firma tersebut, semasa permohonan dibuat.

(3) Mana-mana pemohon hendaklah membuat pembayaran fi pemprosesan seperti yang ditetapkan di dalam Jadual Kedua semasa permohonan dikemukakan dan fi pemprosesan tidak akan dikembalikan sama ada permohonan diluluskan atau tidak diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(4) Apabila permohonan itu diluluskan, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah mengeluarkan lesen yang tertakluk kepada—

(a) pembayaran deposit seperti jumlah yang ditetapkan oleh Majlis sebagai jaminan untuk memastikan bahawa peruntukan Undang-Undang Kecil ini dan syarat lesen dipatuhi;

(b) pembayaran apa-apa fi yang ditetapkan di dalam Jadual Pertama; dan

(c) apa-apa syarat atau sekatan yang dinyatakan di dalamnya.

(5) Lesen tersebut hendaklah dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(6) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengeluarkan lesen bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun dan boleh diperbaharui tertakluk kepada permohonan pembaharuan yang dibuat kepada Pihak Berkuasa Melesen dan bayaran fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Lesen tidak boleh dipindahmilik

5. (1) Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini tidak boleh dipindahmilik kecuali dengan kebenaran bertulis Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Permohonan untuk memindahmilik lesen hendaklah dibuat mengikut apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(3) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengkehendaki pemegang lesen memberi apa-apa dokumen atau maklumat tambahan sebagaimana yang didapati perlu semasa permohonan dibuat.

(4) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengarahkan mana-mana pemohon supaya hadir sendiri atau dalam hal suatu perbadanan atau firma, oleh seorang pengarah, pekerja atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh perbadanan atau firma tersebut, semasa permohonan dibuat.

(5) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengkehendaki pemegang lesen untuk menyelesaikan sebarang bayaran tertunggak kepada pihak Majlis sebelum meluluskan permohonan tersebut.

(6) Bayaran pindahmilik lesen ialah sebanyak dua puluh peratus daripada bayaran lesen yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(7) Mana-mana permohonan pindahmilik lesen hendaklah membuat pembayaran fi pemprosesan seperti yang ditetapkan dalam Jadual Kedua semasa permohonan dibuat dan ianya tidak akan dikembalikan.

Fi tidak boleh dibayar balik

6. Fi lesen yang telah dibayar di bawah Undang-Undang Kecil ini tidak boleh dikembalikan.

Deposit

7. (1) Deposit yang dibayar di bawah subperenggan 4(4)*(a)* hendaklah mengikut jumlah seperti yang ditentukan oleh Majlis.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh melupuskan deposit sepenuhnya atau sebahagiannya sekiranya Pihak Berkuasa Melesen berpuas hati bahawa terdapatnya perlanggaran syarat lesen atau sekatan lesen atau pada pembatalan lesen sebelum tarikh tamat atau perlanggaran mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

(3) Lesen hendaklah terbatal apabila deposit dilupuskan, melainkan dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen dengan permohonan dari pemegang lesen untuk melanjutkan lesen dan tertakluk kepada pembayaran semula deposit sekiranya dilupuskan.

(4) Pembayaran deposit di bawah subperenggan 4(4)(*a)* hendaklah, melainkan dilupuskan menurut perenggan (2), dikembalikan kepada pemegang lesen selepas pemegang lesen menamatkan pengendalian premis berlesen dan selepas penyerahan balik lesen kepada Pihak Berkuasa Melesen sekiranya lesen itu tamat.

Penggantungan atau pembatalan lesen

8. (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh pada bila-bila masa menggantung atau membatalkan suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini sekiranya telah berlaku kegagalan mematuhi mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini atau pelanggaran apa-apa syarat atau sekatan lesen.

(2) Mana-mana orang yang menjalankan atau menguruskan suatu premis berlesen semasa tempoh penggantungan lesen atau setelah lesen dibatalkan adalah melakukan suatu kesalahan.

Tempoh sah lesen

9. Sesuatu lesen jika tidak digantung atau dibatalkan terlebih dahulu hendaklah terus berkuatkuasa dari tarikh pembayaran fi lesen sehingga 31 Disember tahun semasa.

Membaharui lesen

10. (1) Suatu permohonan lesen boleh dibuat kepada Pihak Berkuasa Melesen dengan bayaran fi sepertimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengkehendaki pemohon memberikan apa-apa dokumen atau maklumat tambahan yang difikirkan perlu semasa permohonan dibuat.

(3) Pihak Berkuasa Melesen boleh memperbaharui lesen itu atau enggan membaharui lesen itu dan hendaklah memberitahu pemohon secara bertulis mengenai keputusannya itu.

(4) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengkehendaki pemohon untuk menyelesaikan sebarang bayaran kepada Majlis sebelum meluluskan permohonan tersebut.

Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan

11. (1) Seorang pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesen pada sepanjang masa di suatu tempat yang mudah dilihat di dalam premis berlesen dan hendaklah mengemukakannya sekiranya dikehendaki berbuat demikian oleh Pihak Berkuasa Melesen atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa.

(2) Seorang pemegang lesen yang gagal untuk mempamer atau mengemukakan lesen di bawah perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan bolehlah dikenakan hukuman denda yang tidak melebihi lima ratus ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(3) Bagi maksud Undang-Undang Kecil ini, sebutan tentang sesuatu lesen hendaklah termasuk salinan lesen itu yang diperakui oleh Pihak Berkuasa Melesen sebagai salinan sebenar lesen itu dan salinan lesen yang diperakui hanya boleh dikeluarkan tertakluk kepada kadar bayaran dalam Jadual Kedua.

Lesen Sementara

12. (1) Suatu lesen sementara boleh dikeluarkan kepada mana-mana pemohon sementara menanti keputusan oleh Pihak Berkuasa Melesen ke atas permohonan bagi suatu lesen.

(2) Lesen sementara yang dikeluarkan di bawah perenggan (1) hendaklah sah bagi tempoh tidak melebihi enam bulan dari tarikh ianya dikeluarkan.

(3) Tertakluk kepada perenggan (5), suatu lesen sementara boleh dilanjutkan bagi tempoh tidak melebihi enam bulan selanjutnya atas permohonan secara bertulis oleh pemohon pada atau sebelum tarikh akhir tempoh enam bulan yang pertama.

(4) Tempoh sah suatu lesen sementara hendaklah tidak melebihi tempoh dua belas bulan dari tarikh ianya itu dikeluarkan.

(5) Lesen sementara yang dikeluarkan hendaklah dibatalkan dengan serta-merta apabila permohonan bagi suatu lesen tidak diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(6) Fi bagi suatu lesen sementara atau apa-apa perlanjutan lesen sementara hendaklah tidak melebihi jumlah fi yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(7) Pemegang suatu lesen sementara hendaklah mempunyai hak, kewajipan, liabiliti dan obligasi yang sama sebagaimana pemegang lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Penyerahan balik lesen

13. Pemegang lesen hendaklah menyerahkan balik lesennya kepada Pihak Berkuasa Melesen apabila lesen itu telah tamat tempoh, digantung atau dibatalkan.

BAHAGIAN III

KEHENDAK-KEHENDAK LESEN

Ukuran pemuatan bilik-bilik hotel

14. (1) Pada masa mengeluarkan lesen untuk sesebuah hotel, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah memperuntukkan kepada setiap bilik di dalam hotel itu suatu tiket bercetak menunjukkan jumlah orang yang boleh menghuni sesebuah bilik di hotel itu.

(2) Jumlah orang hendaklah merujuk kepada isipadu sesebuah bilik, dan di dalam sebuah bilik tidur, ruang udara hendaklah dibenarkan seperti berikut:

(a) tidak kurang dari empat ratus kaki isipadu (11.3 meter isipadu) bagi setiap orang dewasa; dan

(b) dua ratus lima puluh kaki isipadu (7 meter isipadu) bagi setiap kanak-kanak di bawah umur sebelas tahun;

Dengan syarat pada pengukuran ruang udara itu, tiada ruangan pada ketinggian melebihi dari sepuluh kaki (3 meter) dari lantai bilik itu boleh diambilkira ke dalam pertimbangan.

(3) Pemegang lesen hendaklah menyimpan setiap tiket itu dan sesalinan dipamerkan supaya mudah dilihat di dinding bilik di mana ianya diperuntukkan dan tiada penghuni boleh melebihi dari jumlah yang diterangkan di dalam tiket seperti yang telah ditetapkan terhadap bilik itu.

Menyediakan bilik mandi dan tandas

15. Pihak Berkuasa Melesen hendaklah tidak memberikan lesen untuk operasi hotel jika ianya tidak berpuas hati bahawa premis tersebut mempunyai—

(a) kemudahan untuk membasuh dan mandi yang memuaskan untuk tetamu;

(b) tandas yang mencukupi; atau

(c) struktur bangunan, pencahayaan dan peredaran udara yang baik bagi setiap tandas.

Daftaran hendaklah disimpan

16. Pemegang lesen hendaklah mendaftarkan butir-butir berikut terhadap semua tetamunya yang menggunakan bilik itu:

(a) nama, kerakyatan, umur dan jantina;

(b) tarikh ketibaan dan tarikh berlepas;

(c) nombor kad pengenalan, pasport dan lain-lain pengenalan diri, bidang pekerjaan dan alamat asal tempat tinggal; dan

(d) lain-lain butir yang diarahkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Penyakit hendaklah dilaporkan

17. (1) Pemegang lesen hendaklah melaporkan dengan serta-merta kepada Pihak Berkuasa Melesen dan pihak berkuasa berkenaan kesihatan apabila mengetahui tentang apa-apa penyakit berjangkit yang dihidapi oleh mana-mana tetamunya.

(2) Pemegang lesen atau penghuni hendaklah memberikan bantuan yang diperlukan oleh Pihak Berkuasa Melesen dan pihak berkuasa berkenaan kesihatan dan hendaklah mematuhi segala arahan yang diberikan oleh pihak berkuasa berkenaan berkaitan kesihatan selepas pengesahan penyakit berjangkit itu di hotel tersebut, termasuklah arahan untuk kuarantin atau perpindahan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) dan (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Bilik-bilik hendaklah disembur

18. Pemegang lesen hotel tidak boleh membenarkan mana-mana orang untuk menyewa mana-mana bilik yang telah dibasmi kuman sepenuhnya sehingga Pihak Berkuasa Melesen berpuas hati.

Kawalan kebersihan dan struktur bangunan

19. (1) Suatu hotel hendaklah berada di dalam keadaan bersih pada setiap masa.

(2) Semua ruang tangga termasuk tangga kecemasan hendaklah pada setiap masa mempunyai pencahayaan, peredaran udara yang cukup dan tangga-tangga dipasang dengan pemegang.

(3) Pihak Berkuasa Melesen boleh memberikan kuasa kepada Pegawai Kesihatan secara bertulis untuk memasuki dan memeriksa mana-mana hotel. Pegawai Kesihatan boleh membuat apa-apa cadangan kepada Pihak Berkuasa Melesen dan boleh mengeluarkan apa-apa arahan atau perintah kepada pemegang lesen berkenaan keadaan kebersihan di hotel tersebut.

(4) Pada bila-bila masa yang sesuai, Pihak Berkuasa Melesen boleh mengarahkan hotel atau sebahagian daripadanya ditutup buat sementara sahaja untuk kerja-kerja pembersihan warna atau kapur, mengecat atau apa-apa jua pengubahsuaian struktur yang difikirkan perlu oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(5) Mana-mana orang yang gagal untuk mematuhi arahan yang dibuat oleh Pegawai Kesihatan adalah melaukukan suatu kesalahan dan boleh jika disabitkan, dikenakan denda tidak lebih lima ratus ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi tempoh tiga bulan atau kedua-duanya sekali dan denda tambahan tidak lebih lima puluh ringgit bagi tiap-tiap satu hari selama tempoh kesalahan itu diteruskan selepas sabitan sehingga arahan itu dipatuhi.

Mengadakan tong sampah

20. (1) Pemegang lesen hendaklah mengadakan tong sampah yang cukup di premisnya.

(2) Semua sampah sarap hendaklah dimasukkan ke dalam karung plastik atau lain-lain bekas yang sesuai sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah.

(3) Semua sampah sarap dalam tong sampah hendaklah dibuang menurut cara yang sebagaimana diarahkan oleh Pihak Berkuasa Melesen dari masa ke semasa.

(4) Sampah boleh dipungut oleh Majlis dengan bayaran sebagaimana yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Bekalan air

21. (1) Bekalan air yang tetap dan mencukupi hendaklah disediakan pada setiap masa di mana-mana premis berlesen dan semua pili air hendaklah disambung terus ke paip air utama dari bekalan air awam.

(2) Permohonan untuk penyambungan bekalan air ke premis berlesen hendaklah dikemukakan mengikut prosedur dan mendapat kelulusan dari pihak berkuasa yang berkenaan.

(3) Tiada bekalan air boleh diambil dari pili atau sumber lain dari dalam tandas atau bilik air.

Pengambilan pekerja

22. Pengambilan dan syarat-syarat perjawatan pekerja-pekerja bagi mana-mana hotel hendaklah memenuhi kehendak-kehendak yang diperuntukkan di bawah Akta Pekerja 1955.

Pencegahan kebakaran

23. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa—

(a) kelengkapan memadam kebakaran yang mencukupi disediakan, diselenggara dan berfungsi dengan baik;

(b) semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar yang mencukupi disediakan, diselenggara dan berfungsi dengan baik; dan

(c) semua tangga, laluan pelantar dan jalan keluar bebas dari segala halangan dan tiap-tiap pintu di dalamnya dibina dan dipasang sedemikian cara supaya dapat dibuka dengan senang.

Kacau ganggu

24. Pemegang lesen tidak boleh membuat atau menyebabkan bising yang akan menjadi kacau ganggu semasa menjalankan aktiviti perniagaan.

BAHAGIAN IV

PENGUATKUASAAN

Kuasa untuk menyiasat

25. Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai yang diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor boleh menyiasat apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Kuasa untuk masuk dan memeriksa

26. (1) Pihak Berkuasa Melesen, pegawai yang diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor boleh pada setiap masa yang munasabah, tanpa waran dengan tujuan untuk menentukan sama ada syarat atau sekatan sesuatu lesen atau peruntukan Undang-Undang Kecil ini dipatuhi—

(a) memasuki mana-mana hotel; dan

(b) menjalankan apa-apa pemeriksaan di hotel itu.

(2) Jika Pihak Berkuasa Melesen, pegawai yang diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor ada sebab untuk mempercayai adanya berlaku suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini di mana-mana hotel, maka orang yang tinggal di dalam atau menjaga tempat itu hendaklah membenarkan Pihak Berkuasa Melesen, pegawai yang diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor itu masuk dengan bebas ke dalamnya, iaitu apabila diminta oleh mana-mana orang yang tersebut itu, dan memberikan segala kemudahan yang munasabah untuk menjalankan penggeledahan di dalamnya.

(3) Jika tidak dapat masuk ke dalam mana-mana hotel mengikut perenggan (2) di atas, maka adalah sah bagi Pihak Berkuasa Melesen, pegawai yang diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor, setelah memperkenalkan dirinya dan tujuan kemasukan itu kepada pemegang lesen atau pekerjanya, untuk memasuki ke dalam hotel itu tanpa waran dan menggeledah tempat itu dan bolehlah memecahkan mana-mana pintu luar atau dalam atau tingkap supaya dapat masuk ke dalamnya.

(4) Apabila mana-mana hotel yang hendak digeledah atau diperiksa di bawah Undang-Undang Kecil ini tertutup, maka pemegang lesen, pekerjanya atau orang yang menjaga hotel itu, jika ada, hendaklah atas permintaan Pihak Berkuasa Melesen, pegawai yang diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor membuka atau menyebabkan hotel itu dibuka, dan hendaklah membenarkan mana-mana pegawai tersebut masuk apabila diminta olehnya dan hendaklah memberi segala kemudahan yang munasabah bagi menjalankan penggeledahan di dalamnya dan jika hotel itu tidak dapat dimasuki, maka mana-mana pegawai tersebut boleh mengambil tindakan mengikut cara yang diperuntukkan oleh perenggan (3) jika dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa satu kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini telah dilakukan di tempat itu.

Penggeledahan

27. (1) Jika mana-mana Majistret, atas maklumat bertulis dan selepas siasatan yang difikirkannya perlu, mempunyai sebab untuk percaya bahawa—

(a) suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini telah atau sedang dilakukan di mana-mana premis; atau

(b) apa-apa keterangan atau benda yang perlu untuk penyiasatan apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang ini boleh ditemui di mana-mana premis,

dia boleh melalui waran, membenarkan Pihak Berkuasa Melesen, pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang dinamakan dalam waran itu, dengan apa-apa bantuan yang diperlukan untuk masuk dan menggeledah tempat itu.

(2) Walau apa pun perenggan (1), jika Pihak Berkuasa Melesen, pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor ada alasan yang munasabah untuk percaya bahawa—

(a) suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini telah atau sedang dilakukan di mana-mana premis; dan

(b) oleh sebab apa-apa kelengahan untuk mendapatkan waran geledah tujuan penggeledahan itu mungkin akan terkecewa,

maka Pihak Berkuasa Melesen, pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor boleh memasuki tempat itu dan menggeledah tempat itu dan memeriksa mana-mana orang yang semunasabahnya dipercayai olehnya mempunyai kaitan dalam pengurusan mana-mana premis berlesen itu.

Pemeriksaan orang perempuan

28. Tiada orang perempuan boleh diperiksa di bawah undang-undang kecil 26 atau 27 kecuali oleh seorang perempuan lain dan pemeriksaan itu hendaklah dijalankan dengan memberikan perhatian teliti kepada kesopanan.

Penyitaan

29. (1) Pihak Berkuasa Melesen, pegawai yang diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang menjalankan kuasa di bawah undang-undang kecil 26 atau 27, boleh menyita apa-apa benda yang semunasabahnya dipercayai olehnya sebagai mempunyai kaitan dengan, atau dapat memberikan keterangan tentang, pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Pihak Berkuasa Melesen, pegawai yang diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang menyita apa-apa benda di mana-mana hotel di bawah perenggan (1) hendaklah menyediakan suatu senarai benda yang disita dan dengan segera menyerahkan suatu salinan yang ditandatangani olehnya kepada pemegang lesen, penghuni atau tuan punya hotel itu, atau pengkhidmat atau ejennya, yang berada di hotel itu.

(3) Jika hotel itu tidak berpenghuni, Pihak Berkuasa Melesen, pegawai yang diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang menyita itu hendaklah bilamana mungkin menampalkan senarai benda yang disita itu di tempat yang mudah dilihat di premis itu.

(4) Apa-apa benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(5) Jika, oleh sebab jenis, saiz atau amaunnya, tidaklah praktik untuk memindahkan apa-apa benda yang disita di bawah undang-undang kecil ini, Pihak Berkuasa Melesen, pegawai yang diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang menyita itu hendaklah dengan apa-apa cara menyelak benda itu dalam premis yang di dalamnya ia dijumpai.

(6) Mana-mana orang yang tanpa kuasa yang sah memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam perenggan (5) atau memindahkan apa-apa benda yang dilak atau cuba berbuat demikian adalah melakukan satu kesalahan.

Pelucuthakan

30. Semua benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh dilucuthakkan.

Pelucuthakan jika ada pendakwaan

31. (1) Jika ada pendakwaan yang melibatkan apa-apa benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini, maka pelucuthakan atau pelepasan mana-mana benda sedemikian hanya boleh dibuat mengikut perintah Mahkamah yang di hadapannya pendakwaan itu telah diadakan.

(2) Walau apa pun perenggan (1), jika dibuktikan sehingga Mahkamah berpuas hati bahawa—

(a) suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini telah dilakukan; dan

(b) mana-mana benda ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu,

Mahkamah hendaklah melucuthakkan benda itu walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Semua benda yang dilucuthakkan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah diserahkan kepada Pihak Berkuasa Melesen dan hendaklah dilupuskan mengikut arahan Pihak Berkuasa Melesen itu.

Pelucuthakan jika tiada pendakwaan

32. (1) Jika tiada pendakwaan yang melibatkan apa-apa benda yang telah disita di bawah Undang-Undang Kecil ini, maka benda itu hendaklah diambil dan disifatkan telah terlucuthak apabila tamat tempoh satu bulan kalender dari tarikh penyitaannya melainkan jika suatu tuntutan telah dibuat baginya sebelum tamat tempoh itu mengikut cara yang dinyatakan dalam perenggan (2).

(2) Mana-mana orang yang mengatakan bahawa dia adalah pemunya apa-apa benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini dan bahawa benda itu tidak boleh dilucuthakkan boleh, sama ada sendiri atau melalui ejennya yang diberikuasa secara bertulis, memberikan notis bertulis kepada Pihak Berkuasa Melesen bahawa dia menuntut benda yang disita itu.

(3) Apabila Pihak Berkuasa Melesen menerima notis di bawah perenggan (2) dia boleh mengarahkan supaya benda itu dilepaskan dengan atau tanpa kos atau supaya perkara itu dirujuk kepada seorang Majistret.

(4) Majistret yang kepadanya rujukan dibuat di bawah perenggan (3) hendaklah mengeluarkan saman menghendaki—

(a) orang yang menuntut bahawa dia adalah pemunya benda yang disita; dan

(b) orang yang daripadanya benda itu disita,

hadir di hadapannya pada hari yang ditetapkan dalam saman itu.

(5) Pada hari yang ditetapkan di bawah perenggan (4), dan setelah dibuktikan bahawa saman telah disampaikan dengan sewajarnya kepada setiap orang yang disebut dalam subperenggan 4*(a)* dan 4*(b)*, Majistret hendaklah terus memeriksa perkara itu, walaupun mana-mana orang itu tidak hadir.

(6) Jika, setelah selesai pemeriksaan yang dibuat di bawah perenggan (5) berkenaan dengan sesuatu benda, Majistret berpuas hati bahawa—

(a) suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini telah dilakukan; dan

(b) benda itu ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu,

Majistret itu hendaklah memerintahkan pelucuthakan benda itu; tetapi jika Majistret tidak berpuas hati sedemikian, dia hendaklah memerintahkan supaya benda itu dilepaskan dan diserahkan kepada orang yang pada pendapatnya berhak kepada benda itu.

Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan

33. Tiada seseorang pun boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan apa-apa benda yang disita pada menjalankan atau yang berupa sebagai menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Undang-Undang Kecil ini, berhak kepada kos prosiding

itu atau kepada apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

Kuasa untuk menutup hotel

34. Tanpa menjejaskan perjalanan kuasa yang diberikan kepadanya di bawah undang-undang kecil 26 dan 27, Pihak Berkuasa Melesen boleh, dengan serta-merta mengambil langkah yang difikirkannya perlu untuk menutup hotel jika dia berpuas hati bahawa—

(a) telah berlaku pelanggaran mana-mana peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil ini atau mana-mana syarat atau sekatan lesen;

(b) penutupan itu adalah perlu untuk kepentingan awam; atau

(c) lesen tersebut telah diperolehi secara tidak wajar atau menyalahi undang-undang.

Kuasa menangkap

35. (1) Pihak Berkuasa Melesen, pegawai yang diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor boleh menangkap tanpa waran seseorang yang melakukan di hadapannya atau yang dia dengan munasabah telah melakukan sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini—

(a) jika nama atau alamat orang itu tidak diketahui olehnya dan orang itu enggan memberi nama dan alamatnya; atau

(b) jika ada sebab bagi meragukan yang nama atau alamat itu tepat.

(2) Seseorang yang ditangkap di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah ditahan dan hendaklah dibawa ke hadapan Mahkamah Majistret dalam tempoh dua puluh empat jam melainkan jika nama dan alamatnya dapat ditentukan terlebih dahulu daripada itu.

Majlis tidak bertanggungan atas kehilangan atau kerosakan

36. Majlis atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa yang menguatkuasakan mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini tidak bertanggungan atas apa-apa kerosakan atau kehilangan yang berlaku akibat dari penguatkuasaan sedemikian.

Halangan, dsb.

37. Seseorang yang menyerang, menggalang, menghalang atau melengah-lengahkan Pihak Berkuasa Melesen, pegawai yang diberi kuasa atau mana-mana pegawai yang melaksanakan kewajipannya dengan sah di bawah Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman denda yang tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara yang tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN V

PELBAGAI

Kesalahan oleh pekhidmat atau ejen

38. Jika sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini telah dilakukan oleh mana-mana pekhidmat atau ejen mana-mana pemegang lesen, atau oleh mana-mana pekhidmat atau ejen pemunya atau penghuni sesuatu hotel yang tidak berlesen, maka pemegang lesen, pemunya atau penghuni itu hendaklah disifatkan telah juga melakukan kesalahan itu melainkan jika, setelah mengambil kira segala hal keadaan, dia membuktikan—

(a) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan, keizinan atau ketinggalannya; dan

(b) bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-berjaga yang munasabah dan menjalankan usaha yang wajar untuk mencegah pelakuan kesalahan itu.

Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan

39. Jika sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini telah dilakukan oleh suatu pertubuhan perbadanan, mana-mana orang yang pada masa kesalahan itu dilakukan ialah seorang ahli lembaga pengarah, seorang pengurus, seorang setiausaha atau seorang pegawai yang memegang suatu jawatan atau suatu kedudukan yang serupa dengan jawatan pengurus atau setiausaha pertubuhan perbadanan itu hendaklah disifatkan telah juga melakukan kesalahan itu dan boleh apabila disabitkan dikenakan hukuman yang sama dengan hukuman yang boleh dikenakan ke atas pertubuhan perbadanan itu di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Penalti am

40. Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal sesuatu kesalahan yang berterusan boleh sebagai tambahan didenda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan.

Pendakwaan

41. Tiada pendakwaan boleh dimulakan terhadap kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini kecuali dengan izin bertulis Pendakwa Raya.

Pengkompaunan kesalahan

42. (1) Yang Dipertua, Setiausaha atau Pegawai Undang-Undang Majlis boleh mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Undang-Undang Kecil ini dan ditetapkan sebagai kesalahan boleh dikompaun dengan membuat

suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu apabila dibayar kepada Majlis sejumlah wang yang tidak melebihi satu ribu ringgit bagi kesalahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(3) Tanpa menjejaskan perenggan (2), pemegang lesen boleh merayu terhadap keputusan pihak berkuasa melesen dalam masa empat belas hari daripada tarikh penerimaan notis itu dan pihak berkuasa melesen boleh menangguhkan keputusannya di bawah perenggan (1) sementara rayuan itu diputuskan.

(4) Keputusan pihak berkuasa melesen adalah muktamad.

Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan

13. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesennya pada sepanjang masa di suatu tempat yang boleh dilihat dan hendaklah mengemukakannya sekiranya dikehendaki berbuat demikian oleh pihak berkuasa melesen atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa.

(2) Seseorang pemegang lesen yang gagal untuk mempamer atau mengemukakan lesennya di bawah perenggan (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman denda yang tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(3) Bagi maksud peruntukan ini, suatu rujukan kepada "lesen" hendaklah termasuk suatu salinan yang disahkan oleh pihak berkuasa melesen sebagai suatu salinan benar lesen.

Kawasan pengiklanan

14. (1) Suatu iklan yang dilesenkan di bawah undang-undang kecil ini hanya boleh dipamerkan di tempat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa melesen.

(2) Mana-mana orang yang gagal mematuhi perenggan (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Pengecualian

15. (1) Tiada lesen diperlukan bagi—

(a) nombor jalan;

(b) plat nama pada rumah yang menunjukkan nama dan alamat penghuni;

(c) iklan yang menunjukkan bahan yang berbahaya, sama ada mengandungi maklumat berkenaan bahan sedemikian atau tidak;

(d) iklan yang memberikan arahan bagaimana untuk masuk atau keluar daripada sesuatu harta, jualan, pajakan atau sewaan suatu harta, atau penggunaan peralatan atau maklumat berhubung keselamatan yang dipamerkan pada harta atau premis berkenaan sahaja dan saiznya tidak melebihi satu meter persegi untuk menyampaikan maklumat yang mencukupi kepada penerima yang dimaksudkan;

(e) apa-apa papan tanda kontraktor kejuruteraan awam atau bangunan yang tidak melebihi tiga meter persegi berkenaan dengan projek yang dijalankan di atas suatu harta dan dipamerkan pada harta itu sahaja;

(f) apa-apa notis rasmi yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa melesen, mahkamah, badan awam atau pekhidmat awam dalam menjalankan tugas rasminya;

(g) bendera rasmi bagi Malaysia, mana-mana negeri dalam Malaysia, pihak berkuasa melesen dan negara asing;

(h) bendera rasmi mana-mana firma, perbadanan, syarikat, persatuan, pertubuhan koperasi atau mana-mana organisasi lain yang berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, Akta Syarikat 1965, Akta Pertubuhan 1966 atau Akta Koperasi 1993 yang dikibarkan pada tiang yang dibenarkan dalam lingkungan hartanya;

(i) iklan masyarakat sosial; dan

(j) apa-apa iklan lain yang boleh ditetapkan oleh pihak berkuasa melesen dari semasa ke semasa.

(2) Hanya satu iklan boleh dipamerkan berkenaan dengan iklan yang diberikan pengecualian di bawah perenggan (1) pada suatu masa dan hendaklah tertakluk kepada undang-undang kecil 3, 18 dan 19.

(3) Pengecualian yang diberikan di bawah perenggan (1) boleh dibatalkan oleh pihak berkuasa melesen pada bila-bila masa.

BAHAGIAN IV

PENYELENGGARAAN IKLAN

Iklan hendaklah berada dalam keadaan baik

16. Semua iklan hendaklah berada dalam keadaan baik, bersih dan keadaan yang memuaskan pada setiap masa.

Iklan yang dilarang

17. Iklan yang berikut dilarang daripada didirikan melainkan jika dibenarkan oleh pihak berkuasa melesen:

(a) iklan yang menyebabkan bahaya kepada lalu lintas seperti iklan yang menggunakan lampu yang memancar atau berputar, imej atau laser yang bergerak atau berubah-ubah;

(b) iklan yang menyerupai iklan atau isyarat jalan raya atau lalu lintas;

(c) iklan yang menggunakan bahan yang memantulkan cahaya yang boleh menyebabkan gangguan penglihatan, iklan yang menyebabkan lebihan paras silau atau cahaya sehingga suatu darjah yang berbahaya;

(d) iklan yang menghalang garis nampak apa-apa lengkok, selekoh, pusingan, persimpangan atau lintasan kenderaan;

(e) iklan yang berada di dalam hak lalu lalang awam yang dipasang pada mana-mana harta awam;

(f) iklan yang beranimasi, bergerak, berayun, berputar, memancar, berkelip, bersinar, berubah-ubah atau mengandungi imej yang berubah-ubah dan termasuklah lampu limpah, cahaya lampu berpendarflour atau laser kecuali jika yang sedemikian itu terletak di kawasan yang dikhaskan oleh pihak berkuasa melesen;

(g) iklan yang tidak berkaitan dengan premis yang padanya iklan itu dipasang;

(h) iklan yang mempunyai lapang mendatar atau menegak yang kurang daripada pendawaian tenaga elektrik hidup atau komunikasi yang dibenarkan daripada yang ditetapkan oleh peraturan atau kaedah agensi yang berkenaan;

(i) iklan yang ditempatkan atau merupakan sebahagian daripada atap atau cucur atap sesuatu bangunan melainkan jika iklan itu tidak melebihi ketinggian garis atap;

(j) iklan yang tidak melambangkan budaya dan cara hidup masyarakat Malaysia;

(k) iklan politik; dan

(l) apa-apa iklan lain yang difikirkan patut dilarang oleh pihak berkuasa melesen daripada didirikan atau dipamerkan dari semasa ke semasa.

Unjuran

18. Unjuran iklan yang dipamerkan di atas bangunan hendaklah diukur daripada garis jalan yang tetap.

Keselamatan

19. Apa-apa struktur atau lekapan yang didirikan bagi tujuan mempamerkan apa-apa iklan hendaklah diperaku oleh seorang jurutera awam atau jurutera struktur yang berdaftar dan perakuan sedemikian hendaklah termasuk kestabilan struktur bangunan atau bahagian bangunan yang menyokong iklan itu.

Penyelenggaraan

20. (1) Pihak berkuasa melesen boleh, melalui suatu notis yang bertulis, mengarahkan mana-mana orang yang mendirikan atau mempamerkan apa-apa iklan untuk mengecat semula, menggantikan atau membersihkan iklan itu dalam apa-apa tempoh masa sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu.

(2) Jika iklan itu berkemungkinan menyebabkan kekeliruan atau gangguan kepada orang awam, pihak berkuasa melesen boleh secara bertulis, mengarahkan orang yang mempamerkan iklan itu untuk mengubah suai iklan tersebut dengan apa-apa cara dan dalam masa sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu.

Penurunan iklan

21. (1) Pihak berkuasa melesen boleh mengarahkan penurunan secara terus atau penghapusan mana-mana iklan, termasuklah mana-mana struktur yang didirikan khas bagi iklan itu dalam hal keadaan yang berikut:

(a) iklan itu dan strukturnya berada dalam keadaan yang buruk;

(b) iklan itu berlainan daripada yang diluluskan oleh pihak berkuasa melesen; atau

(c) iklan itu melanggar mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini.

(2) Pihak berkuasa melesen atau pegawainya yang diberi kuasa boleh memasuki mana-mana premis pada bila-bila masa yang munasabah dan melaksanakan penurunan atau penghapusan mana-mana iklan jika arahan penurunan atau penghapusan secara terus iklan itu di bawah perenggan (1) tidak dipatuhi.

(3) Perbelanjaan yang dikenakan bagi penurunan atau penghapusan iklan di bawah perenggan (2) hendaklah ditanggung oleh orang yang mendirikan atau mempamerkan iklan itu, tuan punya atau penghuni premis yang di atasnya iklan itu didirikan atau dipamerkan.

(4) Pihak berkuasa melesen boleh, bagi maksud memperbaiki, mengecat semula atau membersihkan mana-mana tempat atau struktur, menurunkan mana-mana iklan walaupun lesen bagi iklan itu masih sah dan tiada pembayaran balik wang akan dibuat kepada pemegang lesen iklan berkenaan dengan lesen itu.

(5) Pihak berkuasa melesen tidak bertanggungjawab bagi apa-apa kerosakan yang dilakukan oleh pihak berkuasa melesen atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa dalam menjalankan peruntukan di bawah undang-undang kecil ini.

BAHAGIAN V

PENGUATKUASAAN

Kuasa memasuki dan memeriksa premis

22. (1) Mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh pada bila-bila masa—

(a) memasuki dan memeriksa mana-mana premis untuk membuat apa-apa pertanyaan atau penyiasatan berkenaan apa-apa kesalahan yang dilakukan atau disyaki telah dilakukan;

(b) mengambil apa-apa langkah yang perlu untuk menurunkan mana-mana iklan yang menyalahi undang-undang atau yang bercanggah dengan undang-undang kecil ini; atau

(c) membuat apa-apa perbuatan lain yang perlu untuk memberi kuat kuasa kepada mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini.

Kuasa untuk menyiasat

23. Yang Dipertua atau mana-mana pegawai diberi kuasa olehnya boleh menyiasat apa-apa kesalahan di bawah undang-undang kecil ini.

Penggeledahan dengan waran

24. (1) Jika pada hemat seorang Majistret, berdasarkan maklumat bertulis dan selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu, bahawa suatu kesalahan di bawah undang-undang kecil ini telah dilakukan di mana-mana premis atau berkenaan dengan mana-mana premis, Majistret itu boleh mengeluarkan waran yang memberi kuasa mana-mana pegawai yang diberi kuasa yang dinamakan dalamnya untuk masuk ke dalam premis itu dengan apa-apa bantuan yang mungkin diperlukan, dan jika perlu, dengan kekerasan.

(2) Seseorang pegawai yang diberi kuasa boleh, di dalam premis yang dimasuki di bawah perenggan (1), memeriksa—

(a) apa-apa buku, akaun atau dokumen lain, termasuk data berkomputer, yang mengandungi atau yang semunasabahnya disyaki mengandungi maklumat tentang apa-apa kesalahan yang disyaki telah dilakukan; dan

(b) apa-apa tanda, papan tanda, kad, surat, risalah, dokumen, butiran, benda atau barang yang semunasabahnya dipercayai memberikan keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu,

dan boleh menyita mana-mana buku, akaun, dokumen atau data itu atau apa-apa salinan buku, akaun, dokumen atau data sedemikian atau mana-mana tanda, papan tanda, kad, surat, risalah, butiran, benda atau barang sedemikian.

(3) Seorang pegawai yang diberi kuasa yang menjalankan penggeledahan di bawah perenggan (1) boleh, jika pada pendapatnya semunasabahnya perlu untuk berbuat demikian bagi maksud menyiasat kesalahan itu, memeriksa mana-mana orang yang berada dalam atau di premis itu.

(4) Seorang pegawai yang diberi kuasa yang memeriksa seseorang di bawah perenggan (3) boleh menyita atau mengambil milik apa-apa buku, akaun, dokumen, benda atau barang yang dijumpai pada orang itu bagi maksud penyiasatan yang dijalankan oleh pegawai itu.

(5) Jika, oleh sebab sifat, saiz atau jumlahnya, tidak praktikal untuk memindahkan apa-apa buku, akaun, dokumen, benda atau barang yang disita di bawah undang-undang kecil ini, pegawai yang diberi kuasa yang membuat penyitaan itu hendaklah, dengan apa-apa cara, menyelak buku, akaun, dokumen, benda atau barang itu dalam premis atau bekas di mana barang itu dijumpai.

(6) Seseorang yang, tanpa kuasa yang sah, memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam perenggan (5) atau memindahkan apa-apa buku, akaun, dokumen, benda atau barang yang dilak atau cuba untuk berbuat demikian, melakukan suatu kesalahan.

Penggeledahan tanpa waran

25. Jika Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa, dalam mana-mana hal keadaan yang disebut dalam undang-undang kecil 24 mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa oleh sebab kelewatan dalam memperoleh suatu waran geledah di bawah undang-undang kecil ini tujuan penggeledahan akan terjejas atau keterangan mengenai pelakuan sesuatu kesalahan berkemungkinan akan diganggu, dipindahkan, dirosakkan atau dimusnahkan, pegawai itu boleh masuk ke dalam premis itu dan menjalankan semua kuasa yang disebut dalam undang-undang kecil 24 dengan sepenuhnya dan secukupnya seolah-olah dia diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh suatu waran yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil itu.

Pemeriksaan orang perempuan

26. Tiada orang perempuan boleh diperiksa di bawah undang-undang kecil 24 atau 25 kecuali oleh seorang perempuan lain dan pemeriksaan itu hendaklah dijalankan dengan memberikan perhatian teliti kepada kesopanan.

Kuasa untuk menghendaki nama, dsb., diberikan

27. Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh menghendaki mana-mana orang yang dengan semunasabahnya dipercayai telah melakukan atau mempunyai apa-apa kaitan dengan apa-apa kesalahan di bawah undang-undang kecil ini supaya memberikan nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat dan butiran lengkap sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Yang Dipertua atau pegawai diberi kuasa itu.

Pemeriksaan orang yang ada pengetahuan tentang kes

28. (1) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai diberi kuasa boleh, dalam menjalankan kuasa menyiasat di bawah undang-undang kecil ini, memeriksa mana-mana orang yang dia semunasabahnya percaya mempunyai pengetahuan tentang fakta dan hal keadaan kes.

(2) Orang yang diperiksa oleh Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa itu terikat di sisi undang-undang untuk menjawab segala soalan yang berhubungan dengan kes itu yang dikemukakan kepadanya tetapi orang itu boleh enggan menjawab apa-apa soalan yang jawapannya cenderung untuk mendedahkannya kepada pertuduhan jenayah, penalti atau pelucuthakan.

(3) Seseorang yang membuat pernyataan di bawah undang-undang kecil ini terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat secara keseluruhan atau sebahagiannya sebagai jawapan kepada soalan.

(4) Yang Dipertua atau pegawai yang diberi kuasa yang memeriksa seseorang di bawah undang-undang kecil ini hendaklah terlebih dahulu memberitahu orang itu tentang peruntukan perenggan (2) dan (3).

(5) Sesuatu pernyataan yang dibuat oleh seseorang di bawah undang-undang kecil ini hendaklah, bilamasa boleh, diubah ke dalam bentuk bertulis dan ditandatangan oleh orang yang membuatnya atau ditandakan dengan cap ibu jarinya selepas pernyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa yang dibuatnya dan selepas dia telah diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang di mahu.

Kuasa menangkap

29. (1) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang—

(a) yang dia semunasabahnya percaya telah melakukan suatu kesalahan di bawah undang-undang kecil ini; atau

(b) yang enggan memberikan nama dan alamatnya apabila diminta atau jika ada sebab untuk meragui ketepatan nama dan alamat yang diberikan.

(2) Seseorang yang ditangkap di bawah undang-undang kecil ini hendaklah dibawa ke balai polis dan dibawa ke hadapan seorang Majistret dalam masa dua puluh empat jam, melainkan jika sebelum dari masa itu nama dan alamatnya yang sebenar telah dapat ditentukan dan dalam hal yang sedemikan orang itu hendaklah dilepaskan dengan serta merta apabila dia menyempurnakan suatu bon untuk hadir di hadapan seorang Majistret jika dikehendaki sedemikian.

(3) Apabila mana-mana orang sedemikian dibawa ke hadapan seorang Majistret, Majistret itu boleh sama ada menghendaki dia menyempurnakan suatu bon, dengan atau tanpa penjamin untuk hadir di hadapan seorang Majistret sekiranya dikehendaki, atau boleh memerintahkan supaya dia ditahan dalam jagaan sehingga dia dapat dibicarakan.

Senarai benda yang disita

30. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan (2), jika apa-apa buku, akaun, dokumen, benda atau barang disita di bawah undang-undang kecil ini, pegawai diberi kuasa yang membuat penyitaan itu hendaklah menyediakan suatu senarai benda yang disita itu dan dengan serta-merta menyerahkan sesalinan senarai itu yang ditandatangani olehnya kepada pemegang lesen atau penghuni yang premisnya telah digeledah, ejen atau pekhidmat pemegang lesen atau penghuni itu di premis itu.

(2) Jika premis itu tidak didiami, pegawai yang diberi kuasa yang membuat penyitaan itu hendaklah melekatkan senarai benda yang disita itu supaya mudah dilihat di premis itu.

Benda atau barang yang mengikut tabiinya lekas rosak

31. (1) Jika apa-apa benda atau barang yang disita dalam pelaksanaan kuasa yang diberikan di bawah undang-undang kecil ini daripada jenis yang tidak tahan lama atau yang mengikut tabiinya lekas rosak atau reput, atau jika penjagaan benda atau barang itu melibatkan perbelanjaan dan kesusahan yang tidak munasabah, atau dipercayai menyebabkan halangan atau membahayakan orang ramai Yang Dipertua atau pegawai yang diberi kuasa boleh mengarahkan supaya benda atau barang itu dilupuskan.

(2) Yang Dipertua atau pegawai yang diberi kuasa itu tidaklah bertanggungan kepada mana-mana orang terhadap apa-apa kemerosotan, walau apa pun sebabnya, dalam kualiti apa-apa benda atau barang yang disita di bawah undang-undang kecil ini.

Majlis tidak bertanggungan atas kehilangan atau kerosakan

32. Majlis atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa yang menguatkuasakan mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini tidak bertanggungan atas apa-apa kerosakan atau kehilangan yang berlaku akibat dari penguatkuasaan sedemikian.

Halangan dsb.

33. Seseorang yang—

(a) menyerang, menggalang, menghalang atau melengah-lengahkan Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa yang melaksanakan kewajipannya dengan sah di bawah undang-undang kecil ini;

(b) gagal mematuhi apa-apa permintaan, notis, perintah atau kehendak yang sah yang dibuat dengan wajar kepadanya oleh seseorang pegawai yang diberi kuasa dalam pelaksanaan kewajipannya di bawah undang-undang kecil ini;

(c) enggan memberi mana-mana pegawai yang diberi kuasa akses kepada mana-mana premis atau enggan diperiksa oleh mana-mana orang yang diberi kuasa di bawah undang-undang kecil ini;

(d) meninggalkan, enggan atau abai untuk memberi kepada seorang pegawai yang diberi kuasa apa-apa maklumat yang semunasabahnya dikehendaki daripadanya dan yang dia berkuasa untuk memberikannya;

(e) memberikan maklumat yang palsu, tidak benar atau mengelirukan kepada seseorang pegawai yang diberi kuasa; atau

(f) tidak mengemukakan, menyembunyikan atau cuba menyembunyikan apa-apa buku, akaun, dokumen, benda atau barang yang berhubungan dengannya daripada seseorang pegawai yang diberi kuasa yang semunasabahnya dipercayai telah digunakan dalam melakukan apa-apa kesalahan di bawah undang-undang kecil ini atau yang boleh disita di bawah undang-undang kecil ini,

melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman denda yang tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara yang tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

Anggapan

34. Dalam mana-mana pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah undang-undang kecil ini, hendaklah dianggap sehingga dibuktikan sebaliknya bahawa—

(a) mana-mana iklan yang didirikan atau dibina di atas atau di dalam mana-mana premis, telah dipamerkan oleh atau dengan kebenaran tuan punya atau penghuni premis itu;

(b) mana-mana iklan mengenai sesuatu keluaran, telah dipamerkan oleh pengilang keluaran itu atau mengenai suatu keluaran import oleh ejen tunggal tempatan atau pengedar tempatan bagi keluaran itu; dan

(c) mana-mana iklan mengenai suatu pertunjukan, telah dipamerkan oleh penganjur pertunjukan itu atau jika penganjur tidak diketahui, oleh orang yang kepadanya hasil jualan tiket bagi pertunjukan itu akan dibayar atau oleh orang yang akan mendapat keuntungan daripada iklan itu.

Pendakwaan

35. Tiada pendakwaan boleh dimulakan bagi suatu kesalahan di bawah undang-undang kecil ini kecuali dengan izin Pendakwa Raya.

Pengkompaunan kesalahan

36. (1) Yang Dipertua, Setiausaha atau Pegawai Undang-Undang Majlis boleh mengkompauan mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah undang-undang kecil ini dan ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu apabila dibayar kepada Majlis sejumlah wang yang tidak melebihi satu ribu ringgit bagi kesalahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah perenggan (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan dan jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Yang Dipertua, Setiausaha atau Pegawai Undang-Undang Majlis, pendakwaan terhadap kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(3) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah perenggan (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat dan apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan.

(4) Kesemua wang yang diterima di bawah undang-undang kecil ini hendaklah dibayar kepada kumpulan wang yang diwujudkan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubung dengan kerajaan tempatan.

Penalti

37. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman denda yang tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan bagi mana-mana kesalahan yang berterusan dilakukan setelah sabitan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan.

Penyampaian dokumen

38. Penyampaian atau apa-apa notis, perintah, kompaun atau dokumen yang dikehendaki disampaikan di bawah undang-undang kecil ini boleh disampaikan dengan cara—

(a) menyerahkan kepada penama yang di atas namanya notis, perintah, kompaun atau dokumen itu dikeluarkan;

(b) meninggalkan pada alamat terakhir yang diketahui yang ke atasnya notis, perintah, kompaun atau dokumen itu dikeluarkan apabila penyampaian ke diri tidak dapat dilaksanakan;

(c) menghantar melalui pos berdaftar ke alamat yang terakhir yang diketahui; atau

(d) dengan cara mengiklankannya di dalam mana-mana akhbar harian.

Kuasa untuk meminda atau memansuhkan jadual

39. Pihak berkuasa melesen boleh menambah, meminda atau membatalkan kesemua atau mana-mana bahagian dalam mana-mana Jadual di bawah undang-undang kecil ini sekiranya ia berpendapat perlu untuk berbuat demikian.

Pemansuhan dan peralihan

40. (1) Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Perbandaran Ampang Jaya) 1992 [*Sel. P.U. 60/92*] dengan ini dimansuhkan.

(2) Apa-apa notis, perintah, kompaun, lesen atau dokumen yang telah dikeluarkan di bawah undang-undang kecil yang telah dimansuhkan ini atau yang dibuat dahulu hendaklah terus terpakai dan berkuatkuasa seolah-olah telah dikeluarkan atau dibuat di bawah undang-undang kecil ini sehingga dibatalkan.

JADUAL

(Undang-undang kecil 8)

FI LESEN

Bil.	Jenis iklan	Keluasan/kuantiti	Fi tahunan
1.	Iklan tidak bercahaya	*(a)* tidak melebihi lima meter persegi;	RM100.00
		(b) bagi tambahan setiap satu meter persegi atau sebahagiannya, diukur meliputi keluasan iklan dipamerkan	RM10.00
2.	Iklan bercahaya	*(a)* tidak melebihi lima meter persegi;	RM150.00
		(b) bagi tambahan setiap satu meter persegi atau sebahagiannya, diukur meliputi keluasan iklan dipamerkan	RM15.00
3.	Jika sangga permukaan iklan itu melebihi keluasan kawasan yang digunakan untuk mempamerkan iklan	bagi setiap satu meter persegi atau sebahagiannya	RM5.00
4.	Iklan yang bersaiz tidak melebihi satu meter persegi dan untuk dipamerkan melebihi satu tempat	*(a)* bagi setiap 100 buah iklan yang pertama atau sebahagiannya;	RM100.00
		(b) bagi tambahan setiap 100 buah iklan atau sebahagiannya	RM50.00
5.	Iklan yang dipamer di atas bangunan dan mengunjur keluar 150mm melebihi bangunan itu, dan jika kedua-dua belah papan iklan digunakan, tiap-tiap satu muka iklan itu hendaklah diukur berasingan	*(a)* iklan tidak bercahaya – luas dua meter persegi atau sebahagiannya;	RM100.00
		(b) iklan tidak bercahaya – bagi setiap tambahan satu meter persegi atau sebahagiannya;	RM150.00
		(c) iklan bercahaya – luas dua meter persegi atau sebahagiannya;	RM150.00
		(d) iklan bercahaya – bagi setiap tambahan satu meter persegi atau sebahagiannya.	RM25.00
6.	Tanda langit – luas kawasan yang digunakan untuk pameran	*(a)* bagi setiap satu meter persegi atau sebahagiannya;	RM100.00
		(b) jika sokongan melebihi luas kawasan iklan, setiap tambahan satu meter persegi atau sebahagiannya	RM20.00

Bil.	Jenis iklan	Keluasan/kuantiti	Fi tahunan
7.	Poster yang dipamer pada tempat/tiangnya	bagi setiap satu meter persegi atau sebahagiannya	RM10.00 sebulan
8.	Sepanduk	*(a)* bagi saiz yang tidak melebihi lapan meter persegi	RM20.00 sebulan
		(b) bagi saiz yang melebihi lapan meter persegi	RM10.00 sebulan
9.	Iklan dalam bentuk huruf atau logo yang dipamerkan pada dinding, tembok atau bumbung tanpa bingkai, hendaklah diukur mengikut tinggi sebenar huruf atau logo yang digunakan	*(a)* iklan tidak bercahaya – luasnya tidak melebihi lapan meter persegi;	RM150.00
		(b) iklan tidak bercahaya – bagi tambahan setiap satu meter persegi atau sebahagiannya;	RM10.00
		(c) iklan bercahaya – luasnya tidak melebihi lapan meter persegi;	RM100.00
		(d) iklan bercahaya – bagi tambahan setiap satu meter persegi	RM10.00

Dibuat oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya dalam Mesyuaratnya pada 28 Jun 2007.

MOHAMMAD BIN YACOB
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam Mesyuaratnya pada 4 Julai 2007.

SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Selangor

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

ADVERTISEMENT (AMPANG JAYA MUNICIPAL COUNCIL) BY-LAWS 2007

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

PART I

PRELIMINARY

By-laws

1. Citation, application and commencement
2. Interpretation

PART II

LANGUAGE OF ADVERTISEMENT

3. Language of advertisement
4. Correct use of the national language
5. Advertisement of liquor
6. Usage of *Halal* signage

PART III

LICENCE

7. Prohibition of displaying an advertisement without licence
8. Application for licence
9. Licence not transferable
10. Fee not refundable
11. Deposit
12. Suspension or revocation of licence
13. Licence to be exhibited and produced
14. Areas of advertisement
15. Exemption

Part IV

MAINTENANCE OF ADVERTISEMENTS

By-laws

16. Advertisement to be in good condition
17. Prohibited advertisements
18. Projection
19. Safety
20. Maintenance
21. Removal of advertisements

Part V

ENFORCEMENT

22. Power to enter and inspect premises
23. Power to investigate
24. Search by warrant
25. Search without warrant
26. Search of female person
27. Power to require name, *etc*., to be given
28. Examination of person acquainted with case
29. Power to arrest
30. List of things seized
31. Things or goods subject to speedy and natural decay
32. Council not liable for loss or damage
33. Obstructions, *etc*.

Part VI

MISCELLANEOUS

34. Presumption
35. Prosecution
36. Compounding of offences
37. Penalty
38. Service of documents
39. Power to amend or repeal schedule
40. Repeal and transitional provision

Schedule

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

ADVERTISEMENT (AMPANG JAYA MUNICIPAL COUNCIL)
BY-LAWS 2007

IN exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], the Ampang Jaya Municipal Council makes, and pursuant to section 103 of the Act, the State Authority confirms the following by-laws:

PART I

PRELIMINARY

Short title, application and commencement

1. (1) This By-laws may be cited as the **Advertisement (Ampang Jaya Municipal Council) By-Laws 2007**.

(2) This By-Laws shall apply only to the area administered by Ampang Jaya Municipal Council.

(3) This By-Laws comes into operation on 19 July 2007.

Interpretation

2. (1) In this by-laws, unless the context otherwise requires—

"registered architect" means a person registered under the Architect Act 1967 [*Act 117*];

"fee" means fee prescribed in the First Schedule;

"advertisement" means any notification, intimation or publication exhibited, displayed or erected for the purpose of bringing to the notice of the public any article, production, trade, business, profession, firm, corporation, organization, institution, place, premises, event, activity, information or any other matter, on any hoarding, electronic box, board, roof, wall, paling, fence, tree, frame, plate, cloth, bar, pillar, post, wire, casing or any other structure of contrivance or any part thereof, on, in or over any land and includes sky sign, balloon, backdrop, banner, poster, directional sign or signboard but does not include election advertisement;

"illuminated advertisement" means any advertisement which is being illuminated from within a structure or frame of the advertisement itself by electric light such as ball lamp, fluorescent, neon and spotlight or other apparatus fixed, outside the structure or frame which emits light toward the advertisement resulting it to be seen clearly at night time;

"non illuminated advertisement" means any advertisement other than illuminate advertisement;

"election advertisement" shall have the same meaning assigned to it under the Election Advertisement (Ampang Jaya Municipal Council) By-Laws 1992 [*Sel. P.U.* ……];

"registered civil engineer" or "registered structural engineer" means a person registered as such under the Registration of Engineers Act 1967 [*Act 138*];

"licence" means a licence issued under this by-laws;

"sign board" means any board which displays the name or the registered trade mark of any person, firm, corporation or organization, the nature of trade, business or profession carried on by such person, firm, corporation or organization;

"licensing authority" means the President, Secretary or any officer authorized in writing by the President;

"licensee" means a person to whom the licence is issued under this by-laws;

"Council" means the Ampang Jaya Municipal Council;

"poster" means an advertisement measuring not more than sixty centimeters by ninety centimeters and not of permanent in nature;

"directional sign" means a display in any manner the registered trade mark or the nature of the trade, business or profession of any person, firm, corporation or organization and intended to point the way to the premises where a sign board would not be visible from the street;

"poster stand" means a stand provided by the Council for display of posters; and

"sky sign" means any erection consisting of a frame, hoarding, board, bar, pillar, post, wire or any combination thereof, any erection of like nature, any visible object which floats or is kept in position by other flexible attachment, displayed for the purpose of trade or professional advertisement, in such position as to be conspicuously visible against the sky from any street or public place.

(2) In this by-laws, reference to the person exhibiting an advertisement shall be construed as a reference to the person who, by himself, servant or agent, exhibits or cause to be exhibited such advertisement and shall be deemed to include—

(a) the owner or the occupier of the land on which the advertisement is displayed; and

(b) any person, firm, corporation or organization in respect of whose goods, trade, business, profession, events or other concerns, publicity is given by the advertisement.

PART II

LANGUAGE OF ADVERTISEMENT

Language of advertisement

3. (1) The national language shall be used for all advertisements whether by itself or together with any other language.

(2) If the national language is used together with any other language in an advertisement, the words in the national language shall be—

(a) thirty percent larger than the other language in measurement;

(b) prominently displayed; and

(c) grammatically correct.

(3) Any person who fails to comply with paragraph (1) or (2) shall be guilty of an offence and shall upon conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment not exceeding one year or both.

(4) Notwithstanding paragraph (3), if the name of the firm, corporation, company, society, co-operative society or any other organization as registered under the Registration of Business Act 1956 [*Act 179*], Companies Act 1965 [*Act 125*], the Societies Act 1966 [*Act 335*] or the Co-operative Societies Act 1993 [*Act 502*] does not comprise of or include words in the national language, such words need not be translated into the national language.

Correct use of the national language

4. (1) If it appears to the licencing authority that the national lenguage has not been used correctly in any advertisement, the licencing authority may by notice in writing order the person who has exhibited, erected, caused or permit the advertisement to be exhibited or erected, to alter the advertisement so as to correct the error in such manner and within such time as the licencing authority may specify in the notice.

(2) Any person who fails to comply with the notice issued by the licencing authority shall be guilty of an offence and shall upon conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment not exceeding one year or both.

Advertisement of liquor

5. Any premise selling food or beverages which displays any advertisement of liquor or alcoholic beverages shall—

(a) display the advertisement in the premises only; and

(b) the advertisement shall not be larger than the main advertisement.

Usage of *Halal* signage

6. (1) No person shall use the word, logo or *Halal* or *Ditanggung Halal* signage without a certificate of *halal* issued by the Islamic Development Department of Malaysia, the Selangor Islamic Council or any other relevant authority.

(2) Any person who contravenes paragraph (1) shall be guilty of an offence and shall upon conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment not exceeding one year or both.

(3) The licensing authority may inspect the authenticity and validity of the aforesaid certificate and any person who fails to produce the certificate upon request made by the licencing authority shall be guilty of an offence.

PART III

LICENCE

Prohibition of displaying an advertisement without a licence

7. No person shall exhibit any advertisement without a licence issued by the licensing authority under this by-laws.

Application for licence

8. (1) Any application for the issuance or renewal of a licence shall be made in such form determined by the licensing authority and each application shall be accompanied with—

(a) two copies of a sketch showing full details of the proposed advertisement;

(b) site plan or location plan on the scale of 1:750 showing the location of the proposed advertisement;

(c) a plan of the structure to be erected for the purpose of exhibiting the advertisement together with a certificate of a registered architect or a registered structural engineer certifying that the structure will be sound for the period which the advertisement is expected to be exhibited; and

(d) a written assessment by a registered civil engineer of structural engineer as to the stability of the building or part of the building to which the advertisement will be affixed.

(2) The licensing authority may require an applicant to attend in person or, in the case of a corporation or firm, by a director or employee or any person authorized by the corporation or firm, at the time of the issuance or renewal of the licence.

(3) Upon approval of the application, the licensing authority shall issue a licence subject to—

(a) payment of a deposit, such sum as the Council may determine;

(b) payment of any fee as set out in the Schedule; and

(c) any condition and restriction as may be specified therein.

(4) The licence shall be in such form as the licensing authority may determine with a reference number which shall be displayed on the advertisement.

(5) The licensing authority may issue a licence for a period not exceeding three years and is renewable, subject to an application for renewal being made to the Licensing Authority and the payment of the fee set out in the Schedule.

Licence not transferable

9. A licence issued under this by-laws is not transferable.

Fee not refundable

10. Fee paid under this by-laws shall not be refundable.

Deposit

11. (1) The deposit paid under subparagraph 8(3)*(a)* shall be at such amount determined by the council.

(2) The deposit shall serve as a security and shall be liable to forfeiture in whole or in part by the licensing authority for non-compliance of any provision of this by-laws or breach of any condition or restriction of the licence upon revocation of the licence.

(3) On the forfeiture of such deposit, the licence shall be deemed to have been revoked, unless the licencing authority, on application of the licencee, allow the licence to continue be in force subject to the repayment of the deposit that has been forfeited.

Suspension or revocation of licence

12. (1) The licencing authority may at any time suspend or revoke a licence if there has been non-compliance of any provision of this by-laws or a breach of any condition or restriction of the licence by giving a notice in writing to the licencee.

(2) The licencee shall remove the advertisement within thirty days after the receipt of the notice, failure of which shall be an offence and shall upon conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment not exceeding one year or to both.

(3) Notwithstanding paragraph (2), the licencee may appeal against the decision of the licencing authority within fourteen days of receipt of the notice and the licencing authority may suspend its decision under paragraph (1) pending the disposal of the appeal.

(4) The decision of the licencing authority shall be final.

Licence to be exhibited and produced

13. (1) A licencee shall exhibit his licence at all times at a conspicuous place and shall produce such licence if required to do so by the licencing authority or any authorized officer.

(2) A licencee who fails to exhibit or produce his licence under paragraph (1) shall be guilty of an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both.

(3) For the purposes of this provision, a reference to a "licence" shall include a copy of a licence certified by the licensing authority to be a true copy of the licence.

Areas of advertisement

14. (1) An advertisement licenced under this by-laws shall only be exhibited at the places determined by the licencing authority.

(2) Any person who fails to comply with paragraph (1) shall be guilty of an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment not exceeding one year or to both.

Exemption

15. (1) No licence shall be required for—

(a) street numbers;

(b) name plates on houses which indicate the name and or address of the occupant;

(c) advertisement indicating hazardous materials, whether or not containing information about such material;

(d) advertisements that provide instructions on how to enter or exit a property, or the sale, lease or rent of a property, use of equipment or security related information displayed on the relevant property or premises only and the size shall not exceed one square meter to convey sufficient information to the intended recipient;

(e) any building or civil engineering contractor's signboard not exceeding three square meters in respect of a project carried on a property and displayed on that property only;

(f) any official notices issued by the licencing authority, courts, public bodies or public officers in carrying out his duties;

(g) official flags of Malaysia, any states in Malaysia, the licencing authority and foreign countries;

(h) official flags of any firm, corporation, company, society, co-operative society or any other organization registered under the Registration of Business Act 1956, Companies Act 1965, Societies Act 1966 or Co-operatives Societies Act 1993 which are raised within the property of the same on approved posts; and

(i) social community advertisements; and

(j) any other advertisement which the licencing authority may determine from time to time.

(2) Only one advertisement shall be displayed in respect of advertisements exempted under paragraph (1) at one particular time and be subjected to by-laws 3, 18 and 19.

(3) The exemption granted under paragraph (1) may be revoked by the licencing authority at any time.

PART IV

MAINTENANCE OF ADVERTISEMENTS

Advertisement to be in good condition

16. All advertisement shall be maintained in a good, clean and satisfactory condition at all times.

Prohibited advertisements

17. The following advertisements are prohibited from being erected unless otherwise approved by the licencing authority:

(a) advertisements which cause traffic hazard such as advertisements which use flashing or revolving lights, moving or variable images or lasers;

(b) advertisements which resemble road and traffic advertisements or traffic signals;

(c) advertisements which use reflective materials which may result in visual interference, advertisements which causes excessive levels of glare or light to a hazardous degree;

(d) advertisements which obstruct the line of sight of any corner, bend, turning, intersection or vehicle crossing;

(e) advertisements within the public right of way or which are attached to any public property;

(f) advertisements which are animated, moving, swinging, rotating, flashing, blinking, scintillating, fluctuating, or contain variable images and include flood, fluorescent gel or laser lights except if the same are located at the areas specifically designated by the licencing authority;

(g) advertisements which are not connected to the premises upon which the same are attached;

(h) advertisements which have less than the horizontal or vertical clearance allowed from authorized communication or energized electrical power lines other than prescribed by the regulations or rules of the respective agencies concerned;

(i) advertisements which are placed or form part of a roof or parapet of a building unless the same do not exceed the height of the existing rooflines;

(j) advertisements which do not reflect the culture or lifestyle of the Malaysian community;

(k) political advertisements; and

(l) any other advertisements which the licencing authority may deem fit to prohibit from being erected or exhibited from time to time.

Projections

18. The projection of advertisements displayed on buildings shall be measured from the regular line of the street.

Safety

19. Any structure or fixtures erected for the purposes of displaying any advertisement shall be certified by a registered civil or structural engineer and such certification shall include the structural stability of the building or part of the building supporting the advertisements.

Maintenance

20. (1) The licencing authority may, by notice in writing, order any person erecting or exhibiting any advertisement to repaint, replace or clean the advertisement within such time as may be specified in the notice.

(2) If the advertisement is likely to cause confusion or annoyance to the public, the licencing authority may, by notice in writing, order the person exhibiting the advertisement to modify the said advertisement in such manner and within such time as may be specified in the notice.

Removal of advertisements

21. (1) The licencing authority may order the summary removal or erasure of any advertisement, including any structure erected specially for the advertisement, in the following circumstances:

(a) where the advertisement and structures is in a dilapidated condition;

(b) the advertisement is different from the one that was approved by the licencing authority; or

(c) the advertisement is in contravention of any provision of this by-laws.

(2) The licencing authority or its authorized officers may enter into any premises at all reasonable times and execute the removal or erasure of any advertisement if the order of the summary removal or erasure of the advertisement under paragraph (1) has not been complied with.

(3) The expenses incurred for the removal or erasure of the advertisement under paragraph (2) shall be borne by the person erecting or exhibiting the advertisement or the owner or occupier of the premises on which the advertisement is erected or exhibited.

(4) The licencing authority may, for the purposes of repairing, repainting or cleaning any place or structure, remove any advertisement, even though the licence for such advertisement is still valid and no refund shall be made on the licencee in respect of such licence.

(5) The licencing authority shall not be responsible for any damage done by the licencing authority or any authorized officer in the course of carrying out the provisions under this by-laws.

Part V

ENFORCEMENT

Power to enter and inspect premises

22. (1) Any authorized officer may at any reasonable time—

(a) enter and inspect any premises to make any enquiry or investigate any offence committed or suspected to have been committed;

(b) take any necessary step to remove any illegal advertisement or any advertisement in violation of this by-laws; or

(c) do any other acts necessary to give effect to any provision of this by-laws.

(2) Any person who obstructs the licencing authority or any authorized officers commits an offence under this by-laws.

Power to investigate

23. The President or any authorized officer may investigate any offence under this by-laws.

Search by warrant

24. (1) If it appears to a Magistrate, upon written information and after such inquiry as he deems necessary, that an offence under this by-laws has been committed or is being committed on or in respect of any premises, the Magistrate may issue a warrant authorizing any authorized officer named therein, to enter such premises with such assistance as may be required, and if necessary by force.

(2) An authorized officer may, in the premises entered under paragraph (1), inspect—

(a) any books, accounts or other documents, including computerized data, which contain or are reasonably suspected to contain information as to any offence suspected to have been committed; and

(b) any mark, signboard, card, letter, pamphlet, document, item, thing or goods that is reasonably believed to furnish evidence of the commission of such offence, and may seize any of such books, accounts, documents or data or any copy of such books, accounts, documents or data or any such mark, signboard, card, letter, pamphlet, item, thing or goods.

(3) An authorized officer conducting a search under paragraph (1) may, if in his opinion it is reasonably necessary to do so for the purpose of investigating into the offence, search any person who is in or on such premises.

(4) An authorized officer making a search of a person under paragraph (3) may seize or take possession of any books, accounts, documents, things or goods found on such person for the purpose of the investigation being carried out by such officer.

(5) Where, by reason of their nature, size or amount, it is not practicable to remove any books, accounts, documents, things or goods seized under this section, the authorized officer making the seizure shall, by any means, seal such books, accounts, documents, things or goods in the premises or container in which they are found.

(6) A person who, without lawful authority breaks, tampers with or damages the seal referred to in paragraph (5) or removes any books, accounts, documents, things or goods under seal or attempts to do so, commits an offence.

Search without warrant

25. If the President or any authorized officer, in any circumstances referred to in by-laws 24, has reasonable cause to believe that by reason of delay in obtaining a search warrant under that by-laws the object of the search would be frustrated or the evidence of the commission of the offence is likely to be tampered with, removed, damaged or destroyed, such officer may enter the premises and exercise all the powers referred to in by-laws 24 in as full and ample a manner as if he were authorized to do so by a warrant issued under that section.

Search of female person

26. No female person shall be searched under by-laws 24 or 25 except by another female person and such search shall be conducted with strict regard to decency.

Power to require name, *etc.*, to be given

27. The President or any authorized officer may require any person whom he reasonably believes to have committed or has any connection with any offence under this by-laws to furnish his full name, identity card number, address and full particulars as the President or authorized officer deems necessary.

Examination of person acquainted with case

28. (1) The President or any authorized officer, when exercising the power of investigation under this by-laws, may examine orally any person supposed to be acquainted with the facts and circumstances of the case.

(2) The person examined by the President or any authorized officer shall be legally bound to answer all questions relating to the case put to him, but such person may refuse to answer any question the answer to which would have a tendency to expose him to a criminal charge, penalty or forfeiture.

(3) A person making a statement under this section shall be legally bound to state the truth, whether or not such statement is made wholly or partly in answer to questions.

12. Pemegang lesen hendaklah menyerahkan balik lesennya kepada Pihak Berkuasa Melesen apabila lesen itu telah tamat tempoh, digantung atau dibatalkan.

Lesen gantian

13. (1) Jika Pihak Berkuasa Melesen berpuas hati bahawa apa-apa lesen yang diberikan telah hilang, cacat atau rosak, Pihak Berkuasa Melesen itu boleh mengeluarkan suatu lesen gantian untuk menggantikan lesen itu apabila dibayar fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(2) Suatu lesen gantian tidak boleh dikeluarkan berkenaan dengan lesen yang telah hilang melainkan jika satu laporan polis telah dibuat oleh pemegang lesen dan sesalinannya diserahkan kepada Pihak Berkuasa Melesen.

(3) Suatu lesen gantian tidak boleh dikeluarkan berkenaan dengan lesen yang diberikan telah cacat atau rosak melainkan jika lesen itu diserahkan balik kepada Pihak Berkuasa Melesen untuk pembatalan.

Pemegang lesen tidak hadir

14. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah sentiasa hadir dan menjalankan atau mengawasi perniagaannya di gerai atau petaknya.

(2) Tertakluk kepada perenggan (3), Pihak Berkuasa Melesen boleh mengecualikan seorang pemegang lesen daripada perenggan (1) jika berpuashati dengan alasan yang diberikannya dan membenarkan mana-mana orang untuk mengendalikan perniagaan itu bagi pihaknya semasa tempoh ketiadaannya atau membenarkan gerai itu ditutup.

(3) Jika pemegang lesen tidak dapat menguruskan perniagaan di gerainya selama tempoh tiga puluh hari atau lebih, dia hendaklah melantik seorang nomini mengambil tempatnya dengan mendapat kelulusan secara bertulis daripada Pihak Berkuasa Melesen.

(4) Sesuatu permohonan bagi kelulusan itu hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah menyatakan nama, alamat terbaru dan nombor kad pengenalan orang yang hendak dinamakan itu dan hendaklah disertakan bersama sekeping gambar terbaru berukuran pasport orang itu.

(5) Pihak Berkuasa Melesen tidak boleh memberi apa-apa kelulusan di bawah perenggan (3) bagi apa-apa tempoh lebih daripada tiga bulan kecuali dalam keadaan-keadaan yang difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(6) Jika mana-mana orang dilantik di bawah perenggan (2) atau (3) kewajipan dan tanggungjawab yang dikenakan ke atas pemegang lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah ditanggung oleh orang itu yang boleh didakwa atas apa-apa pelanggaran Undang-Undang Kecil ini atau syarat-syarat dan sekatan-sekatan lesen seolah-olah dia adalah pemegang lesen.

(7) Fi yang kena dibayar berkenaan dengan perlantikan seorang nomini hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Pengambilan pembantu

15. (1) Tiada seorangpun pemegang lesen boleh mengambil kerja mana-mana pembantu tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Sesuatu permohonan bagi mendapatkan kebenaran itu hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah menyatakan nama, alamat terbaru dan nombor kad pengenalan orang yang hendak diambil kerja dan hendaklah disertakan bersama sekeping gambar terbaru berukuran pasport orang itu.

(3) Jika sesuatu permohonan itu diluluskan, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah menghendaki pemegang lesen itu mengemukakan lesennya bagi maksud memasukkan butir-butir orang yang hendak diambil kerja itu di dalam lesen.

(4) Pemohon hendaklah membuat pembayaran fi pemprosesan seperti yang ditetapkan di dalam Jadual Pertama semasa permohonan dikemukakan dan fi pemprosesan tidak akan dikembalikan sama ada permohonan diluluskan atau tidak diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(5) Pengambilan kerja seseorang pembantu tidaklah mengecualikan pemegang lesen daripada undang-undang kecil 14(1).

BAHAGIAN III

GERAI DAN PENJAJA

Ukuran gerai

16. (1) Tiada suatu gerai, selain daripada gerai yang dibina oleh Majlis atau mana-mana badan Kerajaan atau badan berkanun, boleh melebihi 2 meter panjang dan 1 meter lebar melainkan dikecualikan secara bertulis oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Tiada suatu petak peraga dinding pun boleh didirikan tanpa mendapat kelulusan bertulis daripada Pihak Berkuasa Melesen.

Tambahan atau ubahan dilarang

17. (1) Tiada tambahan atau ubahan atau kajang atau apa-apa jenis atap boleh dibina di atas mana-mana gerai.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh pada bila-bila masa dengan atau tanpa notis meroboh tambahan atau ubahan atau kajang atau atap gerai yang telah dibina secara haram dan boleh mendapat kembali perbelanjaan yang ditanggung untuk menjalankan kerja itu daripada pemegang lesen.

Larangan

18. (1) Tiada seorangpun pemegang lesen boleh menjalankan perniagaannya–

(a) dalam lingkungan 9 meter dari persimpangan jalan;

(b) dalam lingkungan 3.6 meter dari pili bomba; atau

(c) di atas tangga, kaki lima atau laluan jalan kaki awam melainkan dibenarkan secara bertulis oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Tiada seorangpun pemegang lesen boleh menjalankan perniagaannya dengan cara yang boleh menghalang atau mengganggu kelancaran arus lalulintas kenderaan dan pergerakan bebas pejalan-pejalan kaki.

(3) Tiada seorangpun pemegang lesen boleh menggunakan pelaung, pembesar suara, mikrofon atau apa-apa alat lain untuk mempertingkatkan bunyi pada masa menjalankan perniagaan melainkan jika dikecualikan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Memindahkan daripada tempat menjaja

19. Setiap penjaja sementara hendaklah memindahkan dari petak atau tapaknya, gerai, kenderaan atau lain-lain alat yang berkaitan dengan perniagaannya pada waktu perniagaan ditutup tiap-tiap hari atau tiap-tiap malam.

Penjaja beredar

20. (1) Seorang penjaja beredar tidak boleh menjalankan perniagaan di mana-mana tempat kecuali dalam suatu kawasan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Seorang penjaja beredar tidak boleh tinggal tetap di sesuatu tempat kecuali pada waktu dia sedang menjual makanan, minuman atau barang kepada pelanggan dan pada waktu tidak menjual dia hendaklah sentiasa bergerak.

Penjaja beredar yang menggunakan van

21. (1) Seorang penjaja beredar yang menggunakan van hanya boleh menjalankan perniagaan di petak yang dibenarkan pada masa perniagaan yang ditentukan dalam lesen dan hendaklah memindahkan vannya dari petak itu pada waktu perniagaannya ditutup.

(2) Tiada seorangpun penjaja beredar yang menggunakan van boleh meletakkan atau mendedahkan untuk jualan makanan, minuman, barang atau benda yang digunakan atau berhubung dengan perniagaannya di luar van.

Kereta tolak

22. Kereta tolak yang digunakan oleh penjaja beredar tidak boleh melebihi 2 meter panjang dan 1 meter lebar dan atap atau kajang di atasnya tidak boleh lebih panjang daripada 1.3 meter dari mana-mana bahagian kereta tolak itu,

dan rekabentuk, struktur dan bahan yang digunakan untuk binaan kereta tolak itu hendaklah seperti yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Kenderaan

23. Jika kenderaan digunakan oleh penjaja beredar, saiz atau bentuk kenderaan itu hendaklah mengikut sebagaimana yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

BAHAGIAN IV

KEBERSIHAN DAN KESIHATAN

Pemeriksaan doktor

24. Setiap pemegang lesen, nomininya dan pembantunya hendaklah dikenakan pemeriksaan doktor atau pelalian mengikut sebagaimana diarahkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Kebersihan

25. Setiap pemegang lesen hendaklah menjaga—

(a) dirinya dan pakaiannya supaya berada dalam keadaan bersih;

(b) gerai dan lain-lain alat yang berkaitan dengan perniagaannya supaya berada dalam keadaan bersih dan sihat dan hendaklah mengecat atau mengecatnya semula pada bila-bila masa sebagaimana diarahkan oleh Pihak Berkuasa Melesen; dan

(c) kebersihan kawasan persekitarannya.

Kayu api atau arang tidak dibenarkan

26. Tiada seorangpun pemegang lesen boleh menggunakan kayu api atau arang di tempat perniagaannya bagi maksud menyediakan makanan melainkan dikecualikan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Penyebaran habuk, dsb.

27. Pemegang lesen tidak boleh menyebabkan, membenarkan atau mengizinkan penyebaran apa-apa kuantiti habuk, asap, wap, haba gas, pancaran, bau hiduan, getaran, asap atau jelaga dari gerainya yang adalah suatu kacau ganggu atau mencemarkan udara.

Bising

28. Pemegang lesen tidak boleh membuat atau menyebabkan bising yang boleh menyebabkan kacauganggu semasa menjalankan aktiviti perniagaannya.

Pengawalan serangga dan binatang perosak

29. (1) Pemegang lesen hendaklah pada setiap masa mengambil langkah perlu untuk menjadikan gerainya atau apa-apa barang yang dicadang atau didedahkan untuk jualan bersama-sama dengan bekasnya dan apa-apa alat yang menyertainya bebas daripada tikus, lalat, serangga, kutu atau hama membiak.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh pada bila-bila masa mengarahkan pemegang lesen untuk menjadikan gerainya bebas daripada tikus, lalat, serangga, kutu atau hama membiak.

(3) Jika arahan di bawah perenggan (2) gagal dipatuhi Pihak Berkuasa Melesen boleh melaksanakan arahan tersebut dan apa-apa perbelanjaan dilakukan oleh Pihak Berkuasa Melesen pada menjalankan apa-apa kerja dalam melaksanakan arahan tersebut, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah memberi suatu perakuan mengenai kos kerja itu kepada pemegang lesen dan perakuan Pihak Berkuasa Melesen itu adalah bukti muktamad mengenai jumlah wang yang kena bayar itu.

Makanan hendaklah ditutup

30. Seorang pemegang lesen hendaklah menyimpan semua benda makanan atau minuman di dalam bekas gelas atau apa-apa penutup lain supaya makanan dan minuman itu tidak disentuh atau dicemari oleh habuk, kotoran, asap, lalat atau serangga dan makanan atau minuman itu hendaklah dalam keadaan yang bersih.

Air paip untuk diminum, memasak atau membasuh

31. Tiada seorangpun penjaja boleh membekalkan untuk diminum atau digunakan untuk memasak atau membasuh atau apa-apa maksud lain berkaitan perniagaannya apa-apa air selain daripada bekalan air awam.

Kebersihan diri

32. Mana-mana orang yang menjual makanan atau minuman hendaklah menjaga diri dan pakaiannya supaya berada dalam keadaan bersih dan hendaklah memakai apron, penutup kepala dan apa-apa barang lain sebagaimana diarahkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Mengadakan tong sampah

33. Pemegang lesen hendaklah mengadakan tong sampah atau bekas yang cukup daripada apa-apa jenis dan ukuran sebagaimana yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen sebagai tempat mengisi sampah dan semua tong atau bekas sampah hendaklah dilapis dengan beg plastik atau lain-lain jenis beg yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Sampah busuk, pepejal basah atau apa-apa sampah lain

34. Segala sampah busuk atau sampah pepejal basah atau apa-apa sampah lain hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik dan diikat kemas atau lain-lain bekas yang sesuai sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah sebagaimana diarahkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Pembuangan sampah

35. Segala sampah dalam tong sampah hendaklah dibuang oleh pemegang lesen mengikut cara yang diarahkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Penyenggaraan gerai

36. (1) Pemegang lesen mana-mana gerai hendaklah menyenggara atau menyebabkan disenggarakan tiap-tiap bahagian gerai, pasangan atau lekapan supaya berada dalam keadaan bersih dan dalam keadaan baik pada setiap masa.

(2) Pemegang lesen mana-mana gerai tidak boleh—

(a) letak atau buang atau menyebab atau membenar ditempatkan atau membuang apa-apa abuk, debu, kertas, abu, bangkai, sampah, kotak, tong, karung atau lain-lain barang ke dalam sesuatu longkang, kawasan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah gerainya;

(b) simpan atau tinggal apa-apa jua benda atau barang di suatu tempat di mana ianya atau zarah daripadanya telah masuk atau mungkin masuk ke dalam sesuatu longkang, kawasan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah gerainya;

(c) jemur apa-apa benda makanan atau lain-lain benda atau barang di mana-mana longkang, kawasan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah gerainya;

(d) buang, letak, tumpah atau tabur apa-apa darah, air masin, cecair kotor atau lain-lain benda yang mengganggu atau kotor dari sesuatu jenis dialirkan atau masuk ke dalam longkang, kawasan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah gerainya;

(e) jatuh, tumpah atau tabur apa-apa debu, pasir, tanah, kelikir, batu, rumput, rumput kering, abu, sampah tred, sampah atau apa-apa barang lain atau benda masuk ke dalam longkang, kawasan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah gerainya;

(f) ayak, kirai, cuci, pukul atau dengan cara lain mengacau apa-apa kapur, abu, pasir, arang batu, rambut, kertas buangan, bulu atau lain-lain benda dengan sesuatu cara supaya ia diterbangkan atau mungkin diterbangkan oleh angin ke dalam longkang, kawasan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah gerainya; atau

(g) buang atau tinggal apa-apa botol, gelas, tin, bekas makanan, pembungkus makanan, zarah makanan atau apa-apa benda atau barang lain ke dalam longkang, kawasan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah gerainya.

BAHAGIAN V

PASAR MALAM DAN PASAR PAGI

Pasar malam dan pasar pagi

37. Pihak Berkuasa Melesen boleh menetapkan, menarik balik, membatalkan atau meminda tempat, hari dan waktu sesuatu pasar malam atau pasar pagi di kawasan Majlis.

Syarat dan sekatan

38. (1) Penjaja sementara yang menjaja di pasar malam atau pasar pagi hendaklah mematuhi semua syarat dan sekatan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh pada bila-bila masa menurut budibicaranya menarik balik pengadaan pasar malam atau pasar pagi jika penjaja sementara gagal mematuhi mana-mana syarat atau sekatan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

BAHAGIAN VI

PENGUATKUASAAN

Kuasa untuk masuk dan memeriksa

39. (1) Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai yang diberi kuasa boleh pada setiap masa yang munasabah, tanpa waran dengan tujuan untuk menentukan sama ada syarat atau sekatan sesuatu lesen atau peruntukan Undang-Undang Kecil ini dipatuhi—

(a) memasuki mana-mana gerai; dan

(b) menjalankan apa-apa pemeriksaan di gerai tersebut.

(2) Jika Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai yang diberi kuasa ada sebab untuk mempercayai adanya berlaku suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini di mana-mana gerai, maka pemegang lesen atau pembantunya hendaklah membenarkan Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai yang diberi kuasa itu masuk dengan bebas ke dalamnya, iaitu apabila diminta oleh mana-mana orang yang tersebut itu, dan memberikan segala kemudahan yang munasabah untuk menjalankan penggeledahan di dalamnya.

(3) Jika tidak dapat masuk ke dalam mana-mana gerai itu, mengikut perenggan (2) di atas, maka adalah sah bagi Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai yang diberi kuasa, setelah memperkenalkan dirinya dan tujuan kemasukan itu kepada pemegang lesen atau pekerjanya, untuk memasuki ke dalam gerai itu tanpa waran dan menggeledah gerai itu dan bolehlah memecahkan mana-mana pintu luar atau dalam atau tingkap supaya dapat masuk ke dalamnya.

(4) Apabila mana-mana gerai yang hendak digeledah atau diperiksa di bawah Undang-Undang Kecil ini tertutup, maka pemegang lesen atau pembantunya, jika ada, hendaklah atas permintaan Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai yang diberi kuasa membuka atau menyebabkan gerai itu dibuka, dan hendaklah membenarkan mana-mana pegawai tersebut masuk apabila diminta olehnya dan hendaklah memberi segala kemudahan yang munasabah bagi menjalankan penggeledahan di dalamnya dan jika gerai itu tidak dapat dimasuki, maka mana-mana pegawai tersebut boleh mengambil tindakan mengikut cara yang diperuntukkan oleh perenggan (3) jika dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa satu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini telah dilakukan di gerai itu.

Penggeledahan

40. (1) Jika mana-mana Majistret, atas maklumat bertulis dan selepas siasatan yang difikirkannya perlu, mempunyai sebab untuk percaya bahawa—

(a) suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini telah atau sedang dilakukan di mana-mana gerai; atau

(b) apa-apa keterangan atau benda yang perlu untuk penyiasatan apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh ditemui di mana-mana gerai,

dia boleh melalui waran, membenarkan Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai yang diberi kuasa, yang dinamakan dalam waran itu, dengan apa-apa bantuan yang diperlukan untuk masuk dan menggeledah gerai itu.

(2) Walau apa pun perenggan (1), jika Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai yang diberi kuasa, ada alasan yang munasabah untuk percaya bahawa—

(a) suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini telah atau sedang dilakukan di mana-mana gerai; dan

(b) oleh sebab apa-apa kelengahan untuk mendapatkan waran geledah tujuan penggeledahan itu mungkin akan terkecewa,

maka Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai yang diberi kuasa boleh memasuki gerai itu dan menggeledah gerai itu dan memeriksa mana-mana orang yang semunasabahnya dipercayai olehnya mempunyai kaitan dalam pengurusan mana-mana gerai itu.

Pemeriksaan orang perempuan

41. Tiada orang perempuan boleh diperiksa di bawah undang-undang kecil 39 atau 40 kecuali oleh seorang perempuan lain dan pemeriksaan itu hendaklah dijalankan dengan memberikan perhatian teliti kepada kesopanan.

Penyitaan

42. (1) Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai yang diberi kuasa yang menjalankan kuasa di bawah undang-undang kecil 39 dan 40, boleh menyita apa-apa benda yang semunasabahnya dipercayai olehnya sebagai mempunyai kaitan dengan, atau dapat memberikan keterangan tentang, pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai yang diberi kuasa yang menyita apa-apa benda di mana-mana gerai, di bawah perenggan (1) hendaklah menyediakan suatu senarai benda yang disita dan dengan segera menyerahkan suatu salinan yang ditandatangani olehnya kepada pemegang lesen atau pembantunya yang berada di gerai itu.

(3) Jika gerai tidak berpenghuni, Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai yang diberi kuasa yang menyita itu hendaklah bilamana mungkin menampalkan senarai benda yang disita itu di tempat yang mudah dilihat di gerai itu.

(4) Apa-apa benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(5) Jika, oleh sebab jenis, saiz atau amaunnya, tidaklah praktik untuk memindahkan apa-apa benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini, Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai yang diberi kuasa yang menyita itu hendaklah dengan apa-apa cara menyelak benda itu dalam gerai yang di dalamnya ia dijumpai.

(6) Mana-mana orang yang tanpa kuasa yang sah memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam perenggan (5) atau memindahkan apa-apa benda yang dilak atau cuba berbuat demikian adalah melakukan satu kesalahan.

Pelucuthakan

43. Semua benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh dilucuthakkan.

Pelucuthakan jika ada pendakwaan

44. (1) Jika ada pendakwaan yang melibatkan apa-apa benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini, maka pelucuthakkan atau pelepasan mana-mana benda sedemikian hanya boleh dibuat mengikut perintah Mahkamah yang di hadapannya pendakwaan itu telah diadakan.

(2) Walau apa pun perenggan (1), jika dibuktikan sehingga Mahkamah berpuas hati bahawa—

(a) suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini telah dilakukan; dan

(b) mana-mana benda ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu,

Mahkamah hendaklah melucuthakkan benda itu walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Semua benda yang dilucuthakkan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah diserahkan kepada Pihak Berkuasa Melesen dan hendaklah dilupuskan mengikut arahan Pihak Berkuasa Melesen itu.

Pelucuthakan jika tiada pendakwaan

45. (1) Jika tiada pendakwaan yang melibatkan apa-apa benda yang telah disita di bawah Undang-Undang Kecil ini, maka benda itu hendaklah diambil dan disifatkan telah terlucuthak apabila tamat tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyitaannya melainkan jika suatu tuntutan telah dibuat baginya sebelum tamat tempoh itu mengikut cara yang dinyatakan dalam perenggan (2).

(2) Mana-mana orang yang mengatakan bahawa dia adalah pemunya apa-apa benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini dan bahawa benda itu tidak boleh dilucuthakkan boleh, sama ada sendiri atau melalui ejennya yang diberikuasa secara bertulis, memberikan notis bertulis kepada Pihak Berkuasa Melesen bahawa dia menuntut benda yang disita itu.

(3) Apabila Pihak Berkuasa Melesen menerima notis di bawah perenggan (2) dia boleh mengarahkan supaya benda itu dilepaskan atau supaya perkara itu dirujukkan kepada seorang Majistret.

(4) Majistret yang kepadanya rujukan dibuat di bawah perenggan (3) hendaklah mengeluarkan saman menghendaki—

(a) orang yang menuntut bahawa dia adalah pemunya benda yang disita; dan

(b) orang yang daripadanya benda itu disita,

hadir di hadapannya pada hari yang ditetapkan dalam saman itu.

(5) Pada hari yang ditetapkan di bawah perenggan (4), dan setelah dibuktikan bahawa saman telah disampaikan dengan sewajarnya kepada setiap orang yang disebut dalam subperenggan 4*(a)* dan 4*(b)*, Majistret hendaklah terus memeriksa perkara itu, walaupun mana-mana orang itu tidak hadir.

(6) Jika, setelah selesai pemeriksaan yang dibuat di bawah perenggan (5) berkenaan dengan sesuatu benda, Majistret berpuas hati bahawa—

(a) suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini telah dilakukan; dan

(b) benda itu ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu,

Majistret itu hendaklah memerintahkan pelucuthakan benda itu; tetapi jika Majistret tidak berpuas hati sedemikian, dia hendaklah memerintahkan supaya benda itu dilepaskan dan diserahkan kepada orang yang pada pendapatnya berhak kepada benda itu.

Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan

46. Tiada seseorang pun boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan apa-apa benda yang disita pada menjalankan atau yang berupa sebagai menjalankan apa-apa kuasa yang

diberikan di bawah Undang-Undang Kecil ini, berhak kepada kos prosiding itu atau kepada apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

Kuasa untuk menutup gerai

47. (1) Tanpa menjejaskan perjalanan kuasa yang diberikan kepadanya di bawah undang-undang kecil 39 dan 40 Pihak Berkuasa Melesen boleh, dengan serta-merta mengambil langkah yang difikirkannya perlu untuk menutup mana-mana gerai jika dia berpuas hati bahawa—

(a) telah berlaku pelanggaran mana-mana peruntukan di bawah Undang-Undang kecil ini atau mana-mana syarat atau sekatan lesen; atau

(b) penutupan itu adalah perlu untuk kepentingan awam.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh menutup mana-mana gerai jika dia berpuas hati bahawa ia beroperasi tanpa lesen atau pun beroperasi dengan menggunakan lesen yang tidak sah.

Kuasa menangkap

48. (1) Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai yang diberi kuasa boleh menangkap tanpa waran seseorang yang melakukan di hadapannya atau yang dia dengan munasabah telah melakukan sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini—

(a) jika nama atau alamat orang itu tidak diketahui olehnya dan orang itu enggan memberi nama dan alamatnya; atau

(b) jika ada sebab bagi meragukan yang nama atau alamat itu tepat.

(2) Seseorang yang ditangkap di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah ditahan dan hendaklah dibawa ke hadapan Mahkamah Majistret dalam tempoh dua puluh empat jam melainkan jika nama dan alamatnya dapat ditentukan terlebih dahulu daripada itu.

Majlis tidak bertanggungan atas kehilangan atau kerosakan

49. Majlis atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa yang menguatkuasakan mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini tidak bertanggungan atas apa-apa kerosakan atau kehilangan yang berlaku akibat dari penguatkuasaan sedemikian.

Halangan, dsb.

50. Seseorang yang menyerang, menggalang, menghalang atau melengah-lengahkan Pihak Berkuasa Melesen atau mana-mana pegawai yang melaksanakan kewajipannya dengan sah di bawah Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman denda yang tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara yang tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN VII

PELBAGAI

Penalti am

51. Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata boleh apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal sesuatu kesalahan yang berterusan boleh sebagai tambahan didenda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan.

Pendakwaan

52. Tiada pendakwaan boleh dimulakan terhadap kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini kecuali dengan izin bertulis Pendakwa Raya.

Pengkompaunan kesalahan

53. (1) Yang Dipertua, Setiausaha atau Pegawai Undang-Undang Majlis boleh mengkompaunkan mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Undang-Undang Kecil ini dan ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaunkan dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu apabila dibayar kepada Majlis sejumlah wang yang tidak melebihi satu ribu ringgit bagi kesalahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah perenggan (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Yang Dipertua atau Setiausaha atau Pegawai Undang-Undang Majlis, pendakwaan terhadap kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(3) Jika suatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah perenggan (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat dan apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang berkaitan.

(4) Kesemua wang yang diterima di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dibayar kepada kumpulan wang yang diwujudkan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubung dengan kerajaan tempatan.

Peruntukan pemansuhan dan peralihan

54. (1) Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Perbandaran Ampang Jaya) 1992 [*Sel. P.U. 59/92*] dengan ini dimansuhkan.

(2) Apa-apa notis, perintah, kompaun, lesen atau dokumen yang dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil yang dimansuhkan ini atau yang dibuat dahulu hendaklah dianggap telah dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini, dan hendaklah terus terpakai sehingga dimansuhkan.

JADUAL PERTAMA

[perenggan 4(3)]

FI PEMPROSESAN LESEN

(a)	Borang	:	RM 5.00
(b)	Lesen	:	RM 50.00

[perenggan 10(3)]

FI SALINAN LESEN DIPERAKUI

(a)	Salinan lesen	:	RM 50.00

[perenggan 13(1)]

FI PENGGANTIAN LESEN

(a)	Borang	:	RM 5.00
(b)	Fi bagi penggantian lesen	:	RM50.00

[perenggan 14(7)]

FI PERLANTIKAN NOMINI

(a)	Borang	:	RM 5.00
(b)	Fi bagi perlantikan nomini	:	RM50.00

[perenggan 15(4)]

FI PENGAMBILAN PEMBANTU

(a)	Borang	:	RM 5.00
(b)	Fi bagi pengambilan pembantu	:	RM50.00

[perenggan 9(2)]

FI PEMINDAHAN GERAI

(a)	Borang	:	RM 5.00
(b)	Fi bagi pemindahan gerai	:	RM50.00

JADUAL KEDUA

[subperenggan 4(4)*(b)*]

FI LESEN

NO.	JENIS	KADAR FI (RM)
1.	Penjaja beredar:	
	(a) tanpa kenderaan (berjalan kaki);	30.00 setahun
	(b) basikal dan basikal roda tiga;	50.00 setahun
	(c) motosikal dan skuter;	70.00 setahun
	(d) gadi, kereta sorong, kereta tolak;	70.00 setahun
	(e) kereta, van, lori dan bas;	70.00 setahun
	(f) sampan dan rakit;	70.00 setahun
	(g) kapal dan bot; dan	72.00 setahun
	(h) lain-lain kenderaan.	72.00 setahun
2.	Penjaja statik	10.00 sebulan
3.	Petak peraga dinding	180.00 setahun
4.	Penjaja sementara	4.00 sebulan
5.	Penjaja sementara buah-buahan bermusim	10.00 sehari
6.	Penjaja sementara pada hari-hari perayaan, sambutan, upacara istimewa	10.00 sehari bagi satu petak
7.	Penjaja sementara di pasar malam atau pasar pagi	4.00 sehari bagi satu petak

Dibuat oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya dalam Mesyuaratnya pada 28 Jun 2007.

MOHAMMAD BIN YACOB
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam Mesyuaratnya pada 4 Julai 2007.

SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Selangor

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

HAWKERS (AMPANG JAYA MUNICIPAL COUNCIL) BY-LAWS 2007

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

PART I

PRELIMINARY

By-laws

1. Citation, commencement and application
2. Interpretation

PART II

LICENSING

3. Prohibition to hawk without licence
4. Application for licences
5. Duration of licence
6. Renewal of licence
7. Licence not transferable
8. Deposit
9. Stall licence to be of specific site
10. Licence to be exhibited and produced
11. Suspension or revocation of licence
12. Surrender of licence
13. Replacement of licence
14. Absence of licensee
15. The employment of assistant

PART III

STALL AND HAWKERS

16. Size of stall
17. Additions or alterations prohibited

By-laws

18. Prohibition
19. Placing and moving of stalls
20. Itinerant hawker
21. Itinerant hawker using van
22. Handcart
23. Vehicle

PART IV

CLEANLINESS AND HEALTH

24. Medical examination
25. Cleanliness
26. No firewood or charcoal
27. Spreading dust, *etc*.
28. Noisiness
29. Insect and pest control
30. Food shall be covered
31. Tap water for drinking, cooking or washing
32. Personal hygiene
33. Provision of refuse bins
34. Offensive, solid, wet refuse, *etc*.
35. Disposal of refuse
36. Maintenance of stall

PART V

NIGHT MARKET AND DAY MARKET

37. Night market and day market
38. Condition and restriction

PART VI

ENFORCEMENT

39. Power to enter and inspect
40. Search

By-laws

41. Search of female person
42. Seizure
43. Forfeiture
44. Forfeiture if there is prosecution
45. Forfeiture if there is no prosecution
46. No cost or damages arising from seizure to be recoverable
47. Power to close any stall
48. Power to arrest
49. Council not liable for loss or damage
50. Obstructions, *etc*.

PART VII

MISCELLANEOUS

51. General penalty
52. Prosecution
53. Compounding of offences
54. Repeal and transitional provision

SCHEDULE

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

HAWKERS (AMPANG JAYA MUNICIPAL COUNCIL) BY-LAWS 2007

IN exercise of the powers conferred by sections 73 and 102 of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], the Ampang Jaya Municipal Council makes, and pursuant to section 103 of the said Act the State Authority confirms, the following by-laws:

PART I

PRELIMINARY

Citation, commencement and application

1. (1) These by-laws may be cited as the **Hawkers (Ampang Jaya Municipal Council) By-Laws 2007**.

(2) These By-Laws shall come into operation on 19 July 2007.

(3) These By-Laws shall apply only to the area administered by the Ampang Jaya Municipal Council.

Interpretation

2. In these By-Laws, unless the context otherwise requires—

"goods" includes any services rendered;

"stall" includes any lock-up stall, table, store, stool, bench, basket, chair, vehicle, wall showcase, show board of whatever nature or any other appurtenances relating there to whether portable or non-portable and whether on wheels or not on wheels, whereon or wherein food, drinks or goods of any kind are sold or exposed for sale in any private or public place;

"vehicle" means any vehicle mechanically driven or otherwise and includes a bicycle and tricycle for the purpose of hawking;

"licence" means a hawker's licence or stall's licence granted under these By-Laws;

"Council" means Ampang Jaya Municipal Council;

"night or day market" means any place where hawking is allowed during the night or day on day or days fixed by the Licensing Authority at the times specified by the Licensing Authority;

"licensee" means any person to whom a licence under this By-Laws is granted;

"authorised officer" means any officer of the Council authorised in writing by the President;

"hawker" includes itinerant, static or temporary hawker;

"itinerant hawker" means any person who with or without vehicle goes from place to place to expose, distribute or deliver for sale any food, drinks or goods of any kind;

"temporary hawker" means any person who occasionally sets up a stall and sells or exposes for sale any food, drinks or goods in a pitch in a night or day market designated for such purpose by the Licensing Authority for such period as the Licensing Authority may determine;

"static hawker" means any person who sets up a stall in any public place or private premises and sells or exposes for sale any food, drinks or goods of any kind;

"pitch" means any space marked out by the Licensing Authority where food, drinks or goods of any kind sold or exposed for sale;

"Licensing Authority" means the President or Secretary of a local authority or any officer authorised in writing by the President thereof;

"public place" means any open space, parking place, road, gardens, recreation and pleasure ground or square, whether enclosed or not, set apart or appropriated for the use of the public or to which the public shall at any time have access;

"President" means the President of the Ampang Jaya Municipal Council.

PART II

LICENSING

Prohibition to hawk without licence

3. No person shall act as a hawker without a licence issued by the Licensing Authority under these By-Laws.

Application for licences

4. (1) An application for the issuance or renewal of a licence shall be made in such form as determined by the Licensing Authority.

(2) The Licensing Authority may require the applicant to attend in person at the time the application is made.

(3) The applicant shall made the payment of processing fee as stipulated in the First Schedule upon submission of the application and it is

non refundable whether the application is approved or disapproved by the Licensing Authority.

(4) Upon approval of the application, the Licensing Authority shall issue a licence subject to—

(a) the payment of a deposit, such sum as the Licensing Authority may determine as a security to ensure that provisions under these By-Laws and conditions of the licence are being complied with;

(b) payment of any fee as stipulated in the Second Schedule; and

(c) any condition or prohibition as specified therein.

(5) There shall be entered in a hawker's licence the following particulars—

(a) name, current address and identity card number of the licensee;

(b) recent passport size photograph of the licensee;

(c) the period for which the licence shall be valid;

(d) the type of licence;

(e) the type of food, drinks or goods to be sold;

(f) the name, address, identity card number and recent passport size photograph of the assistant employed by the licensee, if any;

(g) the business hours; and

(h) the terms, conditions and restrictions as the Licensing Authority may think fit to impose.

(6) There shall be entered in a stall licence the following particulars—

(a) name, recent address and the identity card number of the licensee;

(b) the period for which the licence shall be valid;

(c) the site of the business; and

(d) the terms, conditions and restrictions as the Licensing Authority may think fit to impose.

Duration of licence

5. Any licence unless sooner suspended or cancelled, shall remain in force from the date of the payment of licence fee until 31 December of the current year.

Renewal of license

6. (1) An application for renewal of licence can be made to the Licensing Authority upon payment of fee as stipulated in the Second Schedule.

(2) Licensing Authority may request the applicant to submit any additional document or information which they as deemed necessary at the time the application is made.

(3) Licensing Authority may renew the license or refuse to renew the license and shall inform the applicant of its decision in writing.

(4) Licensing Authority may request the applicant to settle any payment to the Council before granting the application.

(5) When a license in renewed the Licensing Authority may imposed new conditions.

Licence not transferable

7. (1) No licence shall be transferred or assigned without written approval of the Licensing Authority.

(2) Fee to transfer or assign licence is as stipulated in the First Schedule and shall be paid in advance.

Deposit

8. (1) The deposit paid under these By-Laws shall be as determined by the Licensing Authority.

(2) The Licensing Authority may forfeit the deposit in whole or in part if the Licensing Authority is satisfied that there is a breach of the conditions or restrictions of the licence or upon revocation of licence before the expiry date or contravention of the provisions of these By-Laws.

(3) Upon forfeiture of such deposit, the licence shall be deemed to be cancelled, unless the Licensing Authority on the application of the licensee allows the licence to continue to be in force subject to repayment of the deposit that is forfeited.

(4) The deposit paid under subparagraph 4(4)*(a)* shall, unless forfeited under paragraph (2), be refunded to the licensee after the licensee ceased operating the business and upon surrender of the licence to the Licensing Authority if the licence has expired.

Stall licence to be of specific site

9. (1) A stall licence shall be in respect of a specified site.

(2) Notwithstanding paragraph (1) the Licensing Authority may permit any relocation of any stall or pitch within the hawking place or from one hawking place to another and the fee payable shall be as stipulated in the First Schedule.

Licence to be exhibited and produced

10. (1) A licensee shall exhibit the licence at all times at a conspicuous place in the stall and shall produce such licence when required by the Licensing Authority or any authorised officer.

(2) A licencee who fails to exhibit or produce the licence under paragraph (1) commits an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding five hundred ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both.

(3) For the purpose of this provision, a reference to a "licence" shall include a copy of a licence certified by the Licensing Authority to be a true copy of the license and it shall be granted upon payment of fee as stipulated in the First Schedule.

Suspension or revocation of licence

11. (1) The Licensing Authority may, at any time suspend or revoke any licence if the licencee fails to comply with any provision of these By-Laws or any condition or restriction of the licence.

(2) Any person who operates or manages the stall during the suspension or after the revocation of the licence, commits an offence.

Surrender of licence

12. A licensee shall surrender his licence upon its expiry, suspension or revocation to the Licensing Authority.

Replacement of licence

13. (1) Where the Licensing Authority is satisfied that any licence granted has been lost, defaced or damaged, may issue a replacement licence in place thereof on payment of a fee as stipulated in the First Schedule.

(2) A replacement license shall not be issued in case of license has been lost unless a police report has been made by the licensee and a copy of it is surrendered to the Licensing Authority.

(3) A replacement license shall not be issued in case of deface or damage license unless the original license is surrendered back to the Licensing Authority for cancellation.

Absence of licensee

14. (1) A licensee shall at all times be present and conduct or attend to the business at his stall or pitch.

(2) Subject to paragraph (3), the Licensing Authority may exempt a licensee from paragraph (1) on being satisfied with the reason given by him and permit any person to operate the business on his behalf during the period he is absent or permit the stall to be closed.

(3) Where a licensee cannot attend to his business at his stall for a period of thirty days or more he shall appoint a nominee in his place with the prior written approval of the Licensing Authority.

(4) An application for the approval shall be made in writing and shall state the name, recent address and identity card number of the person intended to be nominated and shall be accompanied with a recent passport size photograph of such person.

(5) The Licensing Authority shall not grant any approval under paragraph (3) for any period in excess of three months except in such circumstances as the Licensing Authority may think fit.

(6) Where any person is appointed under paragraph (2) or (3) the duties and responsibilities imposed on a licensee under these By-Laws shall fall upon such person who shall be liable to prosecution for any contravention of these By-Laws or the conditions and restrictions of the licence as if he were the licensee.

(7) A fee payable in respect of the appointment of a nominee shall be as stipulated in the First Schedule.

The employment of assistant

15. (1) No licensee shall employ any assistant without the prior written permission of the Licensing Authority.

(2) An application for such permission shall be made in writing and shall state the name, recent address and identity card number of the person intended to be employed and shall be accompanied with a recent passport size photograph of such person.

(3) Where the application is approved, the Licensing Authority shall require the licensee to submit his licence for the purpose of inserting the particulars of the person to be employed in such licence.

(4) An applicant shall made the payment of processing fee as stipulated in the First Schedule upon the application and it is non refundable whether the application is approved or disapproved by the Licensing Authority.

(5) The employment of an assistant shall not exempt the licensee from paragraph (1) of by-law 14.

Part III

STALL AND HAWKER

Size of stall

16. (1) No stall other than a stall constructed by the Council or any government or statutory body shall exceed 2 metres in length and 1 metre in width unless exempted by the Licensing Authority in writing.

(2) No wall showcases shall be constructed without prior written approval from the Licensing Authority.

Additions or alterations prohibited

17. (1) No additions or alterations or awnings or any type of cover shall be constructed to any stall.

(2) The Licensing Authority may at any time with or without notice remove the additions or alterations or awnings or cover of any stall that has been erected illegally and may recover from the licensee the expenses incurred in so doing.

Prohibition

18. (1) No licensee shall carry on his business—

(a) within 9 metres of a street junction;

(b) within 3.6 metres of a fire hydrant; or

(c) on a stairway, five foot way or a public pavement unless permitted in writing by the Licensing Authority.

(2) No licensee shall carry on his business in such a manner as to obstruct or to interfere with the free flow of vehicular traffic and of the free movement of pedestrians.

(3) No licensee shall use loudhailer, loudspeaker, microphone or any other instrument for intensifying sound in the course of business unless exempted by the Licensing Authority.

Placing and moving of stalls

19. A temporary hawker shall remove from his pitch or site, the stall, vehicle or other appurtenances relating to his business at the close of business each day or night as the case may be.

Itinerant hawker

20. (1) An itinerant hawker shall not carry on business anywhere other than in an area specified by the Licensing Authority.

(2) An itinerant hawker shall not remain stationary in any place except when actually engaged in the sale of food, drinks or goods to customers and when not so engaged he shall be continually on the move.

Itinerant hawker using van

21. (1) An itinerant hawker using a van shall only carry on his business at the permitted pitch during the business hours specified in the licence and shall remove his van from the pitch at the close of his business.

(2) No itinerant hawker using a van shall place or expose for sale food, drinks, goods or things used for on in connection with his business outside the van.

Handcart

22. The handcart used by an itinerant hawker shall not exceed 2 metres in length and 1 metre in width and the cover or awning over it shall not extend more than 1.3 metres beyond any part of the handcart, and the structural design, and material used for the construction of the handcart shall be as approved by the Licensing Authority.

Vehicle

23. Where a vehicle is used by a license for hawking purpose, it shall be of such size or shape as may be approved by the Licensing Authority.

PART IV

CLEANLINESS AND HEALTH

Medical examination

24. Every licensee, his nominee and his assistant shall be subjected to such medical examination or immunization as may be directed by the Licensing Authority.

Cleanliness

25. Every licensee shall maintain—

(a) his person and clothing in a state of cleanliness;

(b) his stall and other appurtenances relating to his business in a clean and sanitary condition and shall have it painted or repainted at such time as may be directed by the Licensing Authority; and

(c) his surrounding area clean.

No firewood or charcoal

26. No licensee shall use firewood or charcoal at his place of business for the purpose of preparing food unless exempted by the Licensing Authority.

Spreading dust, *etc.*

27. The licensee shall not cause, allow or approve spreading of any quantity of dust, smoke, vapors, heat gas, projection, smell, vibration, smoke or soot from the stall which is a nuisance or pollutes the atmosphere.

Noisiness

28. Licensee at the point in the activity of trading may not allow or cause to allow noisiness as it is considered as nuisance.

Insect and pest control

29. (1) Every licensee shall at all times take such suitable measures that may be necessary to ensure the stall is free from mice, flies, insects or flees or vermin to breed.

(2) The Licensing Authorities may at any times order the licensee to ensure the stall free from mice, flies, insects or flees or vermin to breed.

(3) If the order under paragraph (2) fail to be adhered, the Licensing Authorities may execute the order and where any expenses are incurred by the Licensing Authorities in carrying out any work, the Licensing Authority shall certify the cost thereto to the defaulting licensee and the certificate of Licensing Authority shall be final.

Food shall be covered

30. A licensee shall keep all articles of food or drinks in a glass case or any other enclosure so as not to allow such food or drinks to come into contact with or be contaminated by any dust, dirt, fume, flies or vermin and such food or drinks shall be in a clean and hygienic condition.

Tap water for drinking, cooking or washing

31. No licensee shall provide for drinking, or use for cooking or washing or any other purpose pertaining to his trade any water other than water from public water supply.

Personal hygiene

32. Any person who sells food or drinks shall maintain his person and clothing in a state of cleanliness and shall wear an apron, cap and any other thing as the Licensing Authority may direct.

Provision of refuse bins

33. A licensee shall provide adequate refuse bins or receptacles of such type and size as the Licensing Authority may approve for the reception of refuse and all refuse bins or receptacles shall be lined with plastic bags or other types of bags as may be determined by the Licensing Authority.

Offensive, solid, wet refuse, *etc.*

34. All offensive or wet solid refuse or any other refuse shall be placed in plastic bags and tied properly before depositing into refuse bins and shall be disposed off by the licensee in such manner as the Licensing Authority may direct.

Disposal of refuse

35. All refuse in the refuse bins shall be disposed off by the licensee in such manner as may be directed by the Licensing Authority.

Maintenance of stall

36. (1) The licensee of any stall shall maintain or cause to be maintained every part of the stall, including fittings or fixtures in a clean and good repair at all times.

(2) The licensee of any stall shall not—

(a) place or throw or cause or allow to be placed or thrown any dust, dirt, paper, ashes, carcase, refuse, boxes, barrels, bales or thing in any drain, walkway or street in front, rear or sides of the stall;

(b) keep or leave any article or thing whatsoever in any place where it or particles therefrom have passed or likely to pass into any drain, walkway or street in front, rear or sides of the stall;

(c) dry any article or thing in any drain, walkway or street in front, rear or sides of the stall;

(d) throw, place, spill or scatter any blood, brine, noxious liquid or other offensive or filthy matter of any kind in such manner as to run or fall into any drain, walkway or street in front, rear or sides of the stall;

17. Larangan membuang arang batu, bahan letupan, *dsb*.
18. Kawasan kampung
19. Fi

BAHAGIAN III

PENGUATKUASAAN

Undang-Undang Kecil

20. Kuasa penangkapan

21. Kuasa menyita

BAHAGIAN IV

AM

22. Penalti am

23. Pendakwaan

24. Pengkompaunan kesalahan

25. Kuasa pegawai polis di bawah Undang-Undang Kecil ini

26. Pembatalan dan peruntukan penalti

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PEMUNGUTAN, PEMBUANGAN DAN PELUPUSAN SAMPAH-SARAP (MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Perbandaran Ampang Jaya membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah-Sarap (Majlis Perbandaran Ampang Jaya) 2007**.

(2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada 19 Julai 2007.

Pemakaian

2. Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

Tafsiran

3. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"bahan buangan" termasuklah apa-apa keluaran sampingan, benda atau barang yang dibuang, ditolak atau rosak dalam proses pengilangan sama ada mempunyai nilai perdagangan atau tidak;

"bahan buangan bangunan" ertinya sampah yang dihasilkan semasa pembinaan rumah atau bangunan atau projek dan termasuklah apa-apa batu, kayu, pasir, tanah, simen, atap, zink atau bahan binaan lain;

"buangan perdagangan" ertinya apa–apa bahan buangan yang dijanakan oleh apa-apa aktiviti perdagangan;

"buangan perindustrian" ertinya apa-apa cecair buangan atau bahan buangan yang dijanakan daripada apa-apa aktiviti perindustrian;

"buang sampah" mempunyai erti yang sama yang disebutkan di bawah seksyen 47 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*];

"efluen" ertinya kumbahan termasuklah—

(a) cecair buangan yang dihasilkan di mana-mana premis, dan

(b) apa-apa pelepasan yang dijanakan oleh proses perindustrian.

"Majlis" ertinya Majlis Perbandaran Ampang Jaya;

"sampah–sarap isi rumah" ertinya apa–apa bahan buangan yang dijanakan dari rumah tetapi tidak termasuk sampah-sarap taman atau bahan buangan bangunan;

"sampah-sarap taman "termasuk daun, rumput, penjalar, pokok, dahan, atau tanah dari taman atau perkarangan sesebuah rumah atau bangunan atau jika tidak ada rumah atau bangunan, dari mana-mana tanah;

"tempat awam" mempunyai erti yang diberi kepadanya di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan termasuklah setiap lebuh raya, lebuh, jalan, jambatan, medan, jalan kecil, lorong, taman awam dan setiap panggung, tempat hiburan awam atau tempat kunjungan awam yang dikenakan bayaran untuk masuk atau tidak, atau orang awam mempunyai akses.

BAHAGIAN II

LARANGAN MEMBUANG SAMPAH

Larangan membuang sampah

4. Tiada seorang pun dibenarkan membuang apa-apa sampah di mana-mana tempat awam atau mana-mana tempat yang tidak ditetapkan oleh Majlis sebagai tempat buang sampah.

Meletakkan sampah-sarap di atas jalan

5. Tiada sampah-sarap, kotoran atau seumpamanya boleh diletakkan di mana-mana tempat awam kecuali dengan cara yang ditetapkan oleh Majlis.

Tong sampah

6. Tuan punya atau penghuni tiap-tiap rumah atau bangunan hendaklah mempunyai tong sampah yang bertutup dan hendaklah diselenggara dalam keadaan baik.

Pembuangan sampah-sarap rumah

7. (1) Semua sampah-sarap isi rumah hendaklah diisi dalam beg plastik dan diikat, sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah.

(2) Apa-apa kaca pecah, tin dan benda yang tajam hendaklah dibungkus dan dimasukkan ke dalam bekas guna habis yang berasingan dan diletakkan bersebelahan tong sampah untuk dipungut.

(3) Tong sampah rumah hendaklah diletakkan di sebelah luar pagar, di lorong belakang rumah atau di mana-mana tempat lain yang ditetapkan oleh Majlis untuk memudahkan pemungutan sampah.

(4) Semua tong sampah hendaklah diletakkan di dalam kaki tong sampah, kebuk sampah atau seumpamanya yang diluluskan oleh Majlis.

(5) Selain sampah-sarap isi rumah, pembuangan sampah sarap kelengkapan rumah hendaklah tertakluk kepada undang-undang kecil 10.

Sampah di bangunan berbilang tingkat

8. (1) Di bangunan berbilang tingkat di mana pelongsor sampah telah disediakan, Perbadanan Pengurusan bangunan atau jika tiada Perbadanan Pengurusan seperti itu, penduduk bangunan itu hendaklah menyediakan dan mengadakan tong sampah yang mana hendaklah diletakkan di dalam kebuk sampah.

(2) Tong sampah itu hendaklah dari saiz yang cukup untuk memadankan kebuk sampah yang disediakan di sebelah bawah pelongsor sampah dalam bangunan itu.

(3) Perbadanan Pengurusan bangunan atau penduduk hendaklah pada setiap masa menyelenggarakan pelongsor sampah, corong logam pelongsor dan pintu logam ke kebuk sampah.

(4) Jika tong sampah, pelongsor sampah, pintu logam, corong logam atau kebuk sampah tidak berada di dalam keadaan di mana ianya boleh digunakan dengan baik, Majlis boleh mengarahkan supaya Perbadanan Pengurusan bangunan atau penduduk atau pemunya premis menggantikan atau memperbaiki sebarang kecacatan.

Sampah-sarap taman

9. (1) Semua sampah-sarap taman hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik dan diletakkan dekat dengan tong sampah untuk dipungut.

(2) Sampah-sarap taman boleh dipungut oleh Majlis dengan bayaran fi.

Sampah-sarap kelengkapan rumah

10. Sampah-sarap kelengkapan rumah hendaklah—

(a) dibuang oleh tuan punya atau penghuni di satu kawasan yang ditetapkan oleh Majlis; atau

(b) di atas permohonan tuan punya atau penghuni, di buang oleh Majlis dengan fi yang ditentukan Majlis.

Buangan efluen

11. Tiada seorang pun boleh melepas atau menyebab atau membenar dilepaskan sebarang efluen kecuali efluen terolah yang mematuhi had pelepasan yang ditetapkan di bawah Jadual Ketiga, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Efluen-Efluen Industri) 1979 [*P.U. (A) 12/79*], pada tempat atau tempat-tempat pelepasan efluen sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis dan diluluskan secara bertulis oleh Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar.

Pembuangan buangan perindustrian dan buangan perdagangan

12. Apa-apa buangan perindustrian atau buangan perdagangan kecuali buangan yang disenaraikan dalam Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989 [*P.U. (A) 139/89*], hendaklah dilupuskan oleh badan-badan perindustrian atau perdagangan yang berkenaan di mana-mana satu tempat longgokan sampah yang diselenggarakan oleh Majlis atau dengan cara yang ditetapkan oleh Majlis.

Kawasan tempat pembuangan sampah

13. (1) Tiada seorang pun boleh memasuki kawasan pembuangan sampah kecuali dibenarkan oleh Majlis.

(2) Walau apa pun yang terkandung dalam perenggan (1), Majlis boleh mengenakan fi yang tertentu sebelum kebenaran diberikan.

(3) Tiada seorang pun boleh mengais, menyelongkar atau mengalihkan apa-apa bahan buangan daripada kawasan tempat pembuangan sampah.

Membuang kenderaan buruk dan tidak berguna

14. (1) Apa-apa kenderaan buruk atau tidak berguna hendaklah dibuangkan oleh tuan punya di tempat pembuangan sampah yang ditetapkan oleh Majlis.

(2) Tuan punya kenderaan buruk dan tidak berguna boleh memohon kepada Majlis supaya kenderaan buruk dan tidak berguna itu dibuangkan oleh Majlis dengan membayar fi yang ditentukan Majlis.

Larangan mengganggu isi kandungan tong sampah

15. Tiada seorang pun boleh mengais atau menyelongkar, atau mengalih apa-apa jua benda, atau menumpahkan atau menyelerakkan apa-apa jua isi kandungan mana-mana tong sampah.

Larangan membakar bahan buangan

16. Tiada seorang pun boleh membakar atau menyebabkan dibakar bahan-bahan pembakar, sampah-sarap atau bahan buangan melainkan aktiviti-aktiviti yang ditetapkan sebagaimana di dalam Perintah Kualiti Alam Sekeliling

(Aktiviti Yang Ditetapkan) (Pembakaran Terbuka) 2000 [*P.U. (A) 308/2000*] mengikut cara dan tempat yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar dan Majlis.

Larangan membuang arang batu, bahan letupan, dsb.

17. Sampah-sarap binaan, batu arang, bahan mudah terbakar atau bahan letupan tidak boleh dimasukkan ke dalam tong sampah rumah atau mana-mana tong lain yang disediakan untuk mengisi sampah tetapi hendaklah dilupuskan mengikut cara yang diperuntukkan bagi membuang sampah perindustrian.

Kawasan kampung

18. Tuan punya atau penghuni mana-mana rumah atau bangunan yang di dalam kawasan kampung hendaklah menyediakan lubang yang mempunyai saiz yang mencukupi untuk pengisian bahan buangan dan hendaklah bertanggungjawab untuk membuangkan bahan buangan tersebut sama ada dengan menanam atau membakarnya.

Fi

19. Majlis boleh dari semasa ke semasa menetapkan jumlah fi yang dikenakan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

BAHAGIAN III

PENGUATKUASAAN

Kuasa penangkapan

20. (1) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai diberi kuasa boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang—

(a) yang semunasabahnya dipercayai olehnya telah melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini; atau

(b) yang enggan memberikan nama dan alamatnya apabila diminta atau jika ada sebab untuk meragui ketepatan nama dan alamat yang diberikan.

(2) Seseorang yang ditangkap di bawah undang-undang kecil ini hendaklah dibawa ke balai polis dan hendaklah dibawa ke hadapan seorang Majistret dalam masa dua puluh empat jam, melainkan jika sebelum dari masa itu nama dan alamatnya yang sebenarnya telah dapat ditentukan, dan dalam hal yang sedemikian orang itu hendaklah dilepaskan dengan serta-merta apabila dia menyempurnakan suatu bon untuk hadir di hadapan seorang Majistret jika dikehendaki sedemikian.

(3) Apabila mana-mana orang sedemikian dibawa ke hadapan seorang Majistret, Majistret itu boleh sama ada menghendaki dia menyempurnakan suatu bon, dengan atau tanpa penjamin untuk hadir di hadapan seorang Majistret sekiranya dikehendaki, atau boleh memerintahkan supaya dia ditahan dalam jagaan sehingga dia dapat dibicarakan.

Kuasa menyita

21. (1) Mana-mana pegawai diberi kuasa boleh menyita atau mengalihkan apa-apa barang atau benda yang menyalahi Undang-Undang Kecil ini dengan risiko ditanggung oleh pemunya.

(2) Apa-apa benda atau barang yang disita di bawah perenggan (1) ini adalah daripada jenis yang mudah rosak atau yang mengikut sifatnya lekas rosak atau jika penjagaan benda atau barang itu melibatkan perbelanjaan dan kesusahan yang tidak munasabah, atau dipercayai akan membahayakan orang ramai, pegawai diberi kuasa boleh mengarahkan supaya benda atau barang itu dilupuskan mengikut cara yang ditentukan oleh Majlis.

(3) Mana-mana orang yang menuntut apa-apa benda atau barang selain benda atau barang yang disita di bawah perenggan (2), boleh menuntut benda atau barang tersebut daripada Majlis dalam tempoh minima tujuh hari bekerja atau maksima satu bulan dari tarikh benda atau barang itu disita tertakluk kepada apa-apa syarat dan pembayaran yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(4) Sekiranya, tiada apa-apa tuntutan dibuat selepas tempoh tiga puluh hari, Majlis bolehlah melupuskan benda atau barang itu mengikut cara yang ditentukan Majlis dan apa-apa hasil yang diperoleh hendaklah dikreditkan kepada Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Tempatan.

(5) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai diberi kuasa tidaklah bertanggungan kepada mana-mana orang bagi apa-apa kemerosotan, walau apa pun sebabnya, dalam kualiti apa-apa benda atau barang yang disita di bawah undang-undang kecil ini.

BAHAGIAN IV

AM

Penalti am

22. Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata boleh apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal sesuatu kesalahan yang berterusan boleh sebagai tambahan didenda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan.

Pendakwaan

23. Tiada pendakwaan boleh dimulakan terhadap suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini kecuali oleh atau dengan keizinan Pendakwa Raya.

Pengkompaunan kesalahan

24. (1) Yang Dipertua, Setiausaha atau Pegawai Undang-Undang Majlis boleh mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Undang-Undang Kecil ini dan ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar kepada Majlis sejumlah wang yang tidak melebihi satu ribu ringgit bagi kesalahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah perenggan (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Yang Dipertua atau Setiausaha atau Pegawai Undang-Undang Majlis, pendakwaan terhadap kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(3) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah perenggan (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat dan apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan.

(4) Kesemua wang yang diterima di bawah undang-undang kecil ini hendaklah dibayar kepada kumpulan wang yang diwujudkan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubung dengan kerajaan tempatan.

Kuasa pegawai polis di bawah Undang-Undang Kecil ini

25. Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Undang-Undang Kecil ini boleh mengurangkan kuasa seseorang pegawai polis untuk menyiasat apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Pembatalan dan peruntukan peralihan

26. (1) Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah-Sarap (Majlis Perbandaran Ampang Jaya) 1992 [*Sel. P.U. 61/92*] dibatalkan.

(2) Apa-apa notis, perintah, kompaun, lesen atau dokumen yang dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil yang dibatalkan atau yang dibuat dahulu hendaklah terus terpakai dan berkuat kuasa, setakat yang tidak bertentangan dengan Undang-Undang Kecil ini seolah-olah telah dikeluarkan atau dibuat di bawah Undang-Undang Kecil ini sehingga dibatalkan.

Dibuat oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya dalam mesyuaratnya pada 30 Mei 2007.

MOHAMMAD BIN YACOB
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam mesyuaratnya pada 4 Julai 2007.

SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Selangor

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

REFUSE COLLECTION, REMOVAL AND DISPOSAL (AMPANG JAYA MUNICIPAL COUNCIL) BY-LAWS 2007

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

PART I

PRELIMINARY

By-Law

1. Citation and commencement
2. Application
3. Interpretation

PART II

PROHIBITION ON LITTERING

4. Prohibition on littering
5. Deposit of refuse on street
6. Refuse bins
7. Disposal of household refuse
8. Refuse of the multi-storey building
9. Garden refuse
10. Home appliances refuse
11. Discharge of effluents
12. Dumping of industrial wastes and commercial wastes
13. Dumping ground area
14. Dumping of derelict and unwanted vehicle
15. Prohibition on tampering with contents of bins
16. Prohibition on burning of waste material
17. Prohibition on the disposal of coal, explosive substance, *etc*.
18. Kampong area
19. Fees

PART III

ENFORCEMENT

By-Law

20. Power to arrest

21. Power of seizure

PART IV

GENERAL

22. General penalty

23. Prosecution

24. Compounding of offences

25. Powers of police officers under this By-Laws

26. Repeal and transitional provision

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

REFUSE COLLECTION, REMOVAL AND DISPOSAL
(AMPANG JAYA MUNICIPAL COUNCIL) BY-LAWS 2007

IN exercise of the powers conferred by section 73 of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], the Ampang Jaya Municipal Council makes, and pursuant to section 103 of the said Act, the State Authority confirms the following by-laws:

PART I

PRELIMINARY

Citation and commencement

1. (1) This By-Laws may be cited as the **Refuse Collection, Removal and Disposal (Ampang Jaya Municipal Council) By-Laws 2007**.

(2) This By-Laws comes into operation on 19 July 2007.

Application

2. This By-Laws shall apply only to the area administered by the Ampang Jaya Municipal Council.

Interpretation

3. In this By-Laws unless the context otherwise requires—

"waste matter" includes any by-product, article or goods disposed, rejected or damaged in the process of manufacture, with or without commercial value.

"building material waste" means the refuse produced during the construction of any house or building or project and includes any stone, wood, sand, earth, cement, attap, zinc or other building material;

"commercial waste" means any waste matter generated by any commercial activity;

"industrial waste" means liquid waste or waste matter generated by any industrial activities;

"littering" means any act as mentioned under section 47 of the Street, Drainage and Buildings Act 1974 [*Act 133*];

"effluent" means sewage includes—

(a) liquid waste produced in any premise; and

(b) any discharge generated from industrial process.

"Council" means the Ampang Jaya Municipal Council;

"household refuse" means any waste matter generated from a house but does not include garden refuse or building material waste;

"garden refuse" includes leaves, grass, creepers, trees, branches or earth from a garden or lawn of any house or building or if there is no house or building, from any land;

"public place" has the same meaning as assigned to it under the Local Government Act 1976 and includes every highway, street, road, bridge, court, alley, lane, public garden and every theatre, place of public entertainment or other place of general resort to which admission is obtained by payment or gratuitously to which the public have access.

PART II

PROHIBITIONS ON LITTERING

Prohibition on littering

4. No person shall be allowed to litter any refuse in any public place or any place not determined by the Council as a dumping site.

Deposit of refuse

5. No refuse, dirt or the like shall be deposited on any public place except in the manner determined by the Council or in any place not determined by the Council as the place to deposit refuse, dirt or the like.

Refuse bins

6. The owner or occupier of every house or building shall provide refuse bin with lid and shall be maintained in good condition.

Disposal of household refuses

7. (1) All household refuse shall be put into plastic bag and to be tied before being put into the refuse bin.

(2) Any broken glass, cans and sharp objects shall be wrapped and put into a separate disposable receptacle and placed close to the refuse bin for collection.

(3) The household refuse bin shall be placed outside the gate, on a back-lane or at any other convenient place specified by the Council to facilitate the collection of refuse.

(4) All refuse bins shall be placed within the refuse bins stand or the refuse chamber or the likewise as approved by the Council.

(5) Other than household refuse, the disposal of home appliances refuse shall be subjected to by-law 10.

Refuse of the multi-storey buildings

8. (1) In a multi-storey building where a refuse chute has been provided, the Management Corporation of the building or if there is no such corporation, the occupier of the building shall provide and maintain a refuse bin, which shall be placed in the refuse chamber.

(2) The refuse bin shall be of a sufficient size to fit the refuse chamber provided at the bottom of the refuse chute in the building.

(3) The Management Corporation or the occupier of the building shall at all times maintain the refuse chute, the metal hopper of the chute and the metal door to the refuse chamber.

(4) If the refuse bin, the refuse chute, the metal door, the metal hopper or the refuse chamber is not in a proper working condition, the Council may order the Management Corporation or the occupier or owner of the premise to replace or repair any defect.

Garden refuse

9. (1) All garden refuse shall be put into plastic bags and placed close to the refuse bin for collection.

(2) Garden refuse may be collected by the Council on payment of fees.

Home appliances refuse

10. Home appliances refuse shall be—

(a) disposed by the owner or occupier at an area determined by the Council; or

(b) on application by the owner or occupier, disposed by the Council on payment of fee determined by the Council.

Discharge of effluents

11. No person shall discharge or cause or permit the discharge of any effluent unless regenerated effluent that complies with the discharge limit prescribed under the Third Schedule, Environmental Quality (Sewage and Industrial Effluents) Regulations 1979 [*P.U (A) 12/79*] or at the point or points of discharge of effluents as determined by the Council and approved in writing as the Director General of the Department of Environment.

Dumping of industrial waste and commercial waste

12. Any industrial waste or commercial waste except those listed under the First Schedule of the Environmental Quality (Scheduled Wastes) Regulations 1989 [*P.U (A) 139/89*] shall be disposed off by the respective industry or commercial establishment at one of the dumping grounds maintained by the Council or in the manner as prescribed by the Council.

Dumping ground area

13. (1) No person shall enter into the dumping ground area unless permitted by the Council.

(2) Notwithstanding paragraph (1), the Council may impose certain fee before permission is granted.

(3) No person shall rake, grub in or remove any waste material from the dumping ground area.

Dumping of derelict and unwanted vehicle

14. (1) Any derelict and unwanted vehicles shall be disposed off by the owner at the dumping ground as determined by the Council.

(2) The owner of any derelict and unwanted vehicle may apply to the Council so that the derelict and unwanted vehicle will be disposed of by the Council on payment of fees as determined by the Council.

Prohibition on tampering with contents of bin

15. No person shall rake or grub in, or remove anything from or spill or scatter any of the contents of any refuse bin.

Prohibition on burning of waste material

16. No person shall burn or cause to be burnt any combustible materials, refuse or waste matter except in such activities as prescribed in the Environmental Quality Act 1974 [*Act 127*] and Environmental Quality (Prescribed Activities) (Open Burning) Order 2000 [*P.U (A) 308/2000*] and in such manner and place approved by the Council.

Prohibition on the disposal of coal, explosive substance, *etc.*

17. Any building material waste, coal, highly inflammable or explosive substance shall not be put into the domestic refuse bins or any other bins provided for the collection of refuse but shall be disposed off in the manner provided for the removal of industrial waste.

***Kampung* area**

18. The owner or occupier of any house or building in the *kampung* area shall provide a pit of sufficient size for the reception of such waste matter and shall be responsible for the disposal of such waste matter by either burying or burning it.

Fees

19. The Council may from time to time prescribe the amount of fees to be imposed under these By-Laws.

PART III

ENFORCEMENT

Power to arrest

20. (1) The President or any authorized officer may arrest without warrant any person—

(*a*) whom he reasonably believes to have committed an offence under this By-Laws; or

(*b*) who refuses to give his name and address when it is requested for or if there is reason to doubt the accuracy of the name and the address given.

(2) A person arrested under this by-law shall be taken to a police station and shall be brought before a Magistrate within twenty-four hours, unless before that time his true name and address are ascertained, in which case such person shall be forthwith released on his executing a bond for his appearance before a Magistrate if so required.

(3) When any such person is taken before a Magistrate, such Magistrate may either require him to execute a bond, with or without a surety, for his appearance before a Magistrate if so required, or may order him to be detained in custody until he can be tried.

Power of seizure

21. (1) Any authorized officer may seize or remove any things or goods in contravention of this By-Laws with the risk to be borne by the owner;

(2) Where any things or goods seized under paragraph (1) are of perishable nature or are subject to speedy and natural decay or where the custody of such things or goods involves unreasonable expense and inconvenience, or is believed to cause hazard to the public, the authorized officer may direct that such things or goods may be disposed of in any manner as determined by the Council.

(3) Any person who claims any things or goods other than things or goods disposed under paragraph (2) above, may claim such things or goods from the Council within a minimum period of seven working days or a maximum period of one month from the date of such things or goods being seized subject to any condition and payment imposed by the Licensing Authority.

(4) If there is no claim made after the period of thirty days expires, the Council may dispose such things or goods according to the manner determined by the Council and any revenue received shall be credited to the Local Authority Fund.

(5) The President or any authorized officer shall not be liable to any person for any deterioration, however caused, in the quality of any things or goods seized under this by-law.

PART IV

GENERAL

General penalty

22. A person who commits an offence under this By-Laws for which no penalty is expressly provided shall on conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both, and in the case of a continuing offence shall in addition be liable to a fine not exceeding two hundred ringgit for each day the offence continues to be committed.

Prosecution

23. No prosecution shall be instituted for an offence under this By-Laws except by or with the consent of the Public Prosecutor.

Compounding of offences

24. (1) The President, Secretary or Legal Officer of the Council may compound any offence committed by any person under this By-Laws and prescribed to be a compoundable offence by making a written offer to the person suspected of having committed the offence to compound the offence upon payment to the Council of an amount of money not exceeding the amount of one thousand ringgit for that offence within the time specified in the offer.

(2) An offer under paragraph (1) may be made at any time after the offence has been committed but before any prosecution for it has been instituted, and if the amount specified in the offer is not paid within the period specified in the offer or within such extended period as the President, Secretary or Legal Officer may grant, prosecution for the offence may be instituted at any time after that against the person to whom the offer was made.

(3) If an offence has been compounded under paragraph (1), no prosecution shall be instituted after that in respect of the offence against the person to whom the offer to compound was made and anything seized in connection with the offence shall be released, subject to such terms and condition as may be prescribed.

(4) All moneys received under this by-law shall be paid into the fund constituted under any law relating to local government.

Powers of police officers under this By-Laws

25. Nothing contained in this By-Laws shall derogate from the powers of a police officer to investigate into any offence under this By-Laws.

Repeal and transitional provision

26. (1) Refuse Collection, Removal and Disposal By-Laws (Ampang Jaya Municipal Council) By-Laws 1992 [*Sel. P.U. 61/92*] is repealed.

(2) Any notice, order, compound, licence or documents made or issued under the repealed By-Laws shall, be deemed to be made or issued under this By-Laws, and shall continue to remain in force until revoked thereof.

Made by the Ampang Jaya Municipal Council in the meeting on 30 May 2007.

MOHAMMAD BIN YACOB
President,
Ampang Jaya Municipal Council

Confirmed by the State Authority in the meeting on the 4 July 2007.

SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR
Clerk,
State Executive Council,
Selangor

Sel. P.U. 124.

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

UNDANG-UNDANG KECIL KERJA TANAH (MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA) 2007

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-Undang Kecil

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Tafsiran

BAHAGIAN II

PENYERAHAN PELAN

4. Penyerahan dan perakuan pelan kerja tanah
5. Kewajipan jurutera
6. Pelan hendaklah dikemukakan dalam empat salinan
7. Laporan, pelan spesifikasi dan butiran hendaklah dikemukakan
8. Pelan boleh diserahkan secara berasingan
9. Kerja cerucuk
10. Jurutera hendaklah mengawas paras bunyi dan mengemukakan laporan mingguan mengenai pengawasan itu
11. Tataamalan yang berkaitan hendaklah dipatuhi

BAHAGIAN III

PERUNTUKAN KHAS BERHUBUNG DENGAN KERJA TANAH ASAS TAPAK

12. Kehendak mengenai cerucuk sasak keping keluli
13. Tanah hendaklah disiasat dan aras mata air hendaklah ditentukan

BAHAGIAN IV

PERUNTUKAN AM BERHUBUNG DENGAN KERJA TANAH

Undang-Undang Kecil

14. Permohonan berasingan untuk kerja pecah batu
15. Pemeliharaan tanah atas
16. Pokok tidak boleh ditebang sehingga tapak sedia untuk diusahakan
17. Kerja tanah melebihi tiga meter
18. Menjalankan kerja tanah secara berperingkat
19. Syarat yang boleh dikenakan pada bila-bila masa sebelum kerja boleh diteruskan ke peringkat yang berikutnya

BAHAGIAN V

PELBAGAI

20. Pelan, spesifikasi, butiran lanjut dan sebagainya jika dikehendaki
21. Pengangkutan
22. Kenderaan untuk kegunaan mengangkut bahan
23. Fi untuk memeriksa tapak
24. Cagaran sebelum permulaan kerja tanah
25. Pemeriksaan pelan
26. Parit hendaklah diselenggarakan sepanjang tempoh kerja
27. Kerja tanah dianggap dalam perlaksanaan
28. Kajian penilaian kesan ke atas alam sekitar
29. Papan tanda yang menunjukkan kerja-kerja yang sedang dijalankan hendaklah disediakan
30. Tugas jurutera untuk memaklumkan
31. Penalti
32. Pengecualian
33. Kuasa penangkapan
34. Kuasa menyita
35. Pendakwaan
36. Pengkompaunan kesalahan
37. Kuasa pegawai polis di bawah Undang-Undang Kecil ini
38. Pembatalan dan peruntukan peralihan

JADUAL

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

UNDANG-UNDANG KECIL KERJA TANAH (MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 70A Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*], Majlis Perbandaran Ampang Jaya membuat undang-undang kecil yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Majlis Perbandaran Ampang Jaya) 2007**.

(2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada 19 Julai 2007.

Pemakaian

2. Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

Tafsiran

3. Dalam Undang-Undang Kecil ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"Akta" ertinya Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974;

"jurutera" ertinya seorang yang didaftarkan sebagai jurutera professional di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967 [*Akta 138*];

"jurutera Majlis" ertinya seseorang jurutera seperti yang di senaraikan di bawah yang diperlukan untuk menjalankan fungsi seorang jurutera sebagaimana yang ditentukan di bawah Undang-Undang Kecil ini—

(a) jurutera yang diambil kerja sebagai kakitangan Majlis;

(b) jurutera daripada sebarang agensi Kerajaan yang dilantik oleh Majlis; dan

(c) jurutera yang diguna khidmat dengan fi oleh Majlis.

"kerja tanah" mempunyai erti yang sama seperti yang diberikan di bawah subseksyen 70A(18) Akta;

"kerja tanah asas" termasuklah pembinaan asas, tingkat bawah tanah, binagalas, cerucuk, peparit dan substruktur;

"kerja tanah kecil" ertinya mana-mana kerja tanah yang Majlis melalui arahan, kecualikan daripada peruntukan undang-undang kecil ini dan kerja tanah seperti yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga;

"Majlis" ertinya Majlis Perbandaran Ampang Jaya,

"tanah atas" ertinya lapisan asal permukaan tanah repoi yang berorganik dengan tekstur berlom, sedalam sekurang-kurangnya lima puluh sentimeter dari kawasan hutan atau kawasan penanaman, dan sesuai untuk pertumbuhan pokok.

BAHAGIAN II

PENYERAHAN PELAN

Penyerahan dan perakuan pelan kerja tanah

4. (1) Pelan berhubung dengan kerja tanah yang dikehendaki diserah di bawah seksyen 70A Akta, hendaklah diserah bersama-sama dengan Borang A Jadual Kedua dan fi yang ditetapkan di dalam Jadual Pertama serta mengandungi butiran yang dikehendaki di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Pelan yang diserahkan dan ditandatangani oleh seorang jurutera hendaklah—

(a) mengandungi suatu perakuan oleh jurutera menyatakan bahawa spesifikasi dan butiran yang terkandung di dalamnya betul;

(*b*) diturunkan tandatangan balas dan pengesahan oleh pemunya tanah yang berkenaan itu atau ejennya yang diberi kuasa secara bertulis dan hendaklah mengandungi alamat penuh pemunya itu atau ejen itu mengikut mana yang berkenaan; dan

(c) diperakui oleh pemunya atau ejennya yang diberi kuasa, mengikut mana yang berkenaan, bahawa pada setiap masa menyelenggara semua parit, permatang, penahan enap, kerja perlindungan dan pencegahan yang lain, selepas siapnya kerja tanah itu.

(3) Pelan dan spesifikasi yang diluluskan oleh Majlis boleh dipinda atau diubah tetapi dalam hal yang demikian itu kehendak di bawah subperenggan 2*(a)* dan *(b)* hendaklah terpakai *mutatis mutandis*.

(4) Melainkan jika kerja tanah dimulakan dalam masa dua belas bulan selepas perakuan semua pelan dan spesifikasi berhubung dengan itu yang dikehendaki di bawah undang-undang kecil 7, perakuan pelan dan spesifikasi tersebut hendaklah berakhir pada tarikh penghabisan tempoh yang diperkatakan tetapi Majlis atas permohonan yang dibuat kepada Majlis sebelum tarikh penghabisan tempoh yang diperkatakan, boleh melanjutkan tempoh tidak melebihi dua belas bulan, tertakluk kepada separuh bayaran yang ditentukan di bawah Jadual Pertama dan kelulusan hendaklah dikeluarkan sebelum tamat tempohnya.

(5) Sekiranya kelulusan tersebut telah tamat tempohnya, maka suatu permohonan baru hendaklah dikemukakan kepada Majlis.

Kewajipan jurutera

5. (1) Jurutera yang memperakui pelan di bawah undang-undang kecil 4 hendaklah bertanggungjawab atas perlaksanaan yang sempurna bagi kerja tanah itu dan hendaklah terus bertanggungjawab sedemikian sehingga selesai kerja tanah itu melainkan jika—

(a) dengan persetujuan Majlis seorang jurutera lain dilantik untuk mengambil alih; dan

(b) Majlis bersetuju jurutera itu menarik diri.

(2) Jika Majlis bersetuju menerima penarikan diri seseorang jurutera di bawah perenggan (1)*(b)* kerja tanah tidak boleh dimulakan atau diteruskan sehingga seorang jurutera lain dilantik untuk mengambil alih.

(3) Jurutera yang memperakui pelan hendaklah menjalankan penyeliaan dan membuat apa-apa pemeriksaan yang perlu untuk memastikan kerja tanah itu dijalankan mengikut pelan, spesifikasi, arahan, pindaan atau syarat yang dikenakan oleh Majlis dan pada amnya mengikut peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

(4) Jurutera yang memperakui pelan itu hendaklah memberitahu Majlis dalam masa tujuh hari bekerja sebelum tarikh permulaan kerja tanah itu dengan mengemukakan Borang B dalam Jadual Kedua.

(5) Jurutera yang memperakui pelan hendaklah dalam masa satu minggu selepas selesai kerja tanah itu memberitahu kepada Majlis dengan mengemukakan Borang C dalam Jadual Kedua bahawa kerja tanah itu telah selesai.

(6) Perenggan (1) undang-undang kecil ini tidak boleh ditafsirkan sebagai melepaskan tanggungjawab seseorang daripada seksyen 71 Akta.

(7) Bagi maksud Undang-Undang Kecil ini ungkapan "jurutera yang memperakui pelan" termasuklah jurutera yang dilantik untuk mengambil alih.

Pelan hendaklah diserahkan dalam empat salinan

6. (1) Semua pelan hendaklah diserahkan dalam empat salinan atau seberapa banyak salinan sepertimana yang dikehendaki oleh Majlis dan satu salinan dalam format digital seperti ditentukan Majlis.

(2) Satu salinan pelan hendaklah terdiri daripada bahan linen atau jenis lain yang tahan lasak dan bersama satu salinan digital akan disimpan oleh Majlis dan salinan yang ketiga akan dikembalikan kepada orang yang menyerah pelan tersebut setelah diluluskan.

(3) Jika pelan tersebut tidak diluluskan, satu set pelan tersebut hendaklah dikembalikan kepada orang yang menyerahkannya.

Laporan, pelan spesifikasi dan butiran hendaklah dikemukakan

7. (1) Melainkan jika dikecualikan oleh Majlis, laporan, pelan, spesifikasi dan butiran yang berikut hendaklah dikemukakan-

(a) laporan penilaian permulaan tapak bersama dengan butiran terperinci mengenai pemuliharaan tanah atas dan langkah-langkah untuk mengawal hakisan dan pemendakan;

(b) suatu pelan tapak yang dibuat mengikut skala yang tidak kurang daripada 1 nisbah 1000 menunjukkan dengan warna jelas tapak kerja tanah, jalan masuk, alur utama, alur air semulajadi, parit dan tanah yang bersambung atau sebahagiannya;

(c) pelan pada kontor 1.5 meter menunjukkan tanah di mana kerja tanah itu akan dijalankan dan tanah yang bersambungan dengannya mengikut skala tidak kurang daripada 1 nisbah 500;

(d) pelan mengikut skala tidak kurang daripada 1 nisbah 500 menunjukkan—

(i) aras platform untuk bangunan atau bangunan;

(ii) aras siap jalan;

(iii) aras dasar parit dan lintasan;

(iv) tempat alir keluar saliran;

(v) penutupan atau lencongan bagi mana-mana alur utama dan alur air semulajadi atau pembaikan padanya;

(vi) apa-apa pengorekan, pemotongan atau penimbunan yang melebihi 2.5 meter dalam atau tinggi;

(vii) perlindungan bagi kerja tanah itu daripada hakisan, termasuk perlindungan semasa kerja tanah itu berterusan;

(viii) cadangan bagi pengawalan habuk yang mungkin timbul disebabkan oleh kerja tanah;

(ix) semua cerun dan dinding penahan;

(x) sekil dan arah utara;

(xi) peruntukan penahan enap, termasuk peruntukan semasa kerja tanah itu berterusan; dan

(xii) kolam pemendapan

(e) Pelan muka keratan lintang dan bujur tidak kurang daripada 1 nisbah 100 bagi skala tegak dan tidak kurang daripada 1 nisbah 500 bagi skala datar menunjukkan tanah yang dipunggah bagi kerja tanah itu yang akan dijalankan di tapak itu;

(f) cara pengorekan, perataan, penimbusan, cerucuk pelindung atau apa-apa proses teknik bumi yang lain yang akan dijalankan;

(g) jadual bagi kerja tanah dan susunan dalam mana kerja tanah itu akan dijalankan secara berperingkat;

(h) banyaknya tanah yang hendak dikorek, tempat di mana tanah yang dikorek hendak diletakkan dan kelulusan yang diberi oleh pihak berkuasa yang berkenaan bagi memindahkan tanah itu;

(i) banyaknya tanah yang hendak ditimbus, kedudukan di mana tanah perlu ditimbus didapati dan kelulusan yang diberi oleh pihak berkuasa yang bekenaan bagi memindahkan tanah itu;

(j) langkah berjaga-jaga yang diambil bagi melindungi tanah, bangunan, jalan dan lain-lain harta yang bersambungan; dan

(*k*) pelan yang terperinci mengikut skala tidak kurang daripada 1 nisbah 50 dan spesifikasi bagi cerucuk sasak keping atau lain-lain struktur penahan atau penstabilan cerun yang dikehendaki di bawah Undang-Undang Kecil ini;

(*l*) pelan ukur yang disahkan oleh Juru Ukur Bertauliah;

(*m*) langkah bagi membersihkan jalan yang dikotori, habuk, debu atau serpihan yang berterbangan;

(*n*) laluan keluar masuk yang akan digunakan dan tempoh menggunakan laluan keluar masuk tersebut; dan

(*o*) apa-apa maklumat lain yang diminta oleh Majlis.

(2) Jika relevan, kiraan dan segala aras bumi dan kontor yang dirujuk dalam Undang-Undang Kecil ini hendaklah dibuat dengan merujuk kepada datum yang diberi oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia.

Pelan boleh diserahkan secara berasingan

8. (1) Pelan dan butiran yang dikehendaki di bawah undang-undang kecil 7 boleh diserahkan secara berasingan dengan kebenaran Majlis melalui jurutera Majlis.

(2) Apa-apa pelan dan spesifikasi yang dirujuk di bawah perenggan 8(1) hendaklah diperakukan di bawah undang-undang kecil 4.

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa kerja tanah boleh dimulakan sehingga semua pelan dan spesifikasi yang dikehendaki di bawah Undang-Undang Kecil ini telah diluluskan.

Kerja cerucuk

9. Jika kerja cerucuk dicadangkan, pelan yang diserahkan di bawah undang-undang kecil 7 hendaklah mengandungi—

(a) pelan mengikut skala yang tidak kurang daripada 1 nisbah 50 dan spesifikasi bahan untuk cerucuk itu dan cara untuk menjalankan kerja cerucuk itu; dan

(b) suatu perakuan dibuat oleh jurutera memperakui bahawa paras bunyi akibat daripada kerja-kerja cerucuk itu tidak akan membangkitkan kemarahan dan kacau ganggu kepada penduduk di kawasan sekelilingnya.

Jurutera hendaklah mengawas paras bunyi dan mengemukakan laporan mingguan mengenai pengawasan itu

10. Jika diarah oleh Majlis, jurutera hendaklah mengawas paras bunyi akibat daripada kerja cerucuk dan laporan mingguan mengenai pengawasannya hendaklah diperakui olehnya dan diserahkan kepada Majlis.

Tataamalan yang berkaitan hendaklah dipatuhi

11. (1) Di mana jua berkenaan, pelan, spesifikasi dan kiraan yang diserahkan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah mematuhi tataamalan yang berikut:

(a) Penyiasatan tapak – *British Standard Code of Practice 2001*;

(b) Kerja tanah – *British Standard Code of Practice 2003*;

(c) Asas Tapak – *British Standard Code of Practice 2004*;

(d) *Civil Engineering Code of Practice no. 2 on Earth Retaining Structures* yang dikeluarkan oleh *Institute of Structural Engineers, United Kingdom*; dan

(e) Asas dan bina galas bagi bangunan-bangunan bukan perindustrian yang tidak melebihi 4 tingkat – *British Standard Code of Practice 101*.

(2) Jika ada dikeluarkan satu Tataamalan Piawaian Malaysia yang bersamaan selepas mula berkuat kuasa Undang-Undang Kecil ini, ia hendaklah menggantikan *British Standard Code of Practice* mengenai hal perkara yang sama dan hendaklah dipatuhi.

Dengan syarat bahawa ia tidak menyentuh pelan dan spesifikasi yang telah diluluskan di bawah *British Standard Code of Practice* atau kerja tanah yang dijalankan di bawahnya.

BAHAGIAN III

PERUNTUKAN KHAS BERHUBUNGAN DENGAN KERJA TANAH ASAS TAPAK

Kehendak mengenai cerucuk sasak keping keluli

12. (1) (*a*) Sisi-sisi segala kerja tanah asas yang melebihi tiga meter dalam hendaklah dilindungi dengan cerucuk sasak keping keluli.

(b) Bagi kerja tanah asas lain yang tidak melebihi tiga meter dalam, cara perlindungan lain bagi tebing-tebingnya hendaklah dibina.

(2) Kehendak di bawah perenggan (1) boleh dilonggarkan, diubah atau dikecualikan oleh Majlis jika Majlis berpuashati daripada spesifikasi rekabentuk dan kiraan yang dikemukakan kepada Majlis bahawa suatu cara perlindungan alternatif yang sekurang-kurangnya sama berkesan atau lebih baik dan akan memberi perlindungan yang mencukupi bagi harta yang bersempadanan atau bersebelahan atau cara perlindungan alternatif itu tidak perlu, mengikut mana yang berkenaan.

Tanah hendaklah disiasat dan aras mata air hendaklah ditentukan

13. Penyiasatan tanah hendaklah dijalankan dan aras mata air dalam mana-mana kerja tanah asas hendaklah ditentukan dan jurutera yang mengesahkan pelan di bawah undang-undang kecil 4 hendaklah menyerahkan laporan penyiasatan tanah dan hendaklah memperakui bahawa apa-apa perendahan aras mata air tidak akan menyebabkan kerosakan kepada mana-mana struktur, jalan atau mana-mana harta lain di sekelilingnya.

BAHAGIAN IV

PERUNTUKAN AM BERHUBUNG DENGAN KERJA TANAH

Permohonan berasingan untuk kerja pecah batu

14. Jika kerja pecah batu hendak dijalankan di atas tapak kerja tanah, suatu permohonan berasingan secara bertulis hendaklah dibuat oleh jurutera dan diserahkan kepada Majlis untuk kelulusan.

Pemuliharaan tanah atas

15. Tanah atas tapak kerja tanah hendaklah dipulihara bagi tujuan penanaman atau landskap di tapak atau sebagaimana diarah oleh Majlis.

Pokok tidak boleh ditebang sehingga tapak sedia diusahakan

16. Pokok di atas tapak kerja tanah tidak boleh ditebang atau diterangkan sehingga tapak kerja tanah itu telah sedia untuk diusahakan tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1974 [*Akta 172*] dan kaedah yang diperbuat di bawahnya.

Kerja tanah melebihi tiga meter

17. (1) Segala kerja tanah yang melebihi tiga meter tinggi atau dalam hendaklah dilindungi dengan suatu struktur penahan atau tiga meter penstabilan cerun melainkan jika dikecualikan oleh Majlis.

(2) Bagi kerja tanah di mana struktur penahan atau penstabilan cerun kekal adalah dikecualikan oleh Majlis maka hendaklah diadakan struktur penahan atau penstabilan cerun sementara dalam masa kerja tanah itu berterusan melainkan jika dikecualikan oleh Majlis.

Menjalankan kerja tanah secara berperingkat

18. Kerja tanah yang hendak dijalankan hendaklah diperingkatkan mengikut susunan yang dikemukakan di bawah subperenggan 7(*g*) dan tiada kerja tanah boleh dimulakan atau diteruskan ke peringkat yang berikutnya melainkan apa-apa syarat yang dikenakan oleh Majlis di bawah undang-undang kecil 19 telah dipatuhi dan jurutera yang mengesahkan pelan itu memperakui secara bertulis bahawa kerja tanah itu tidak mungkin menyebabkan kacau ganggu atau kerosakan kepada harta di sekelilingnya.

Syarat boleh dikenakan pada bila-bila masa sebelum kerja boleh diteruskan ke peringkat yang berikutnya

19. Majlis boleh, pada bila-bila masa sebelum sesuatu kerja tanah boleh diteruskan ke peringkat yang berikutnya mengkehendaki—

(a) disalir dan dilencongkan alur utama dan alur air semulajadi termasuk mengadakan permatang dan pembentung yang cukup;

(b) bahawa penahan enap dan kemudahan pengawalan pemendakan lain diadakan dengan cukup serta diselenggarakan dengan sepatutnya;

(c) bahawa struktur penahan diadakan di mana perlu;

(d) bahawa cerun dilindungi dengan cukup bagi mengelakkan hakisan;

(e) bahawa segala langkah yang berkesan diambil untuk mengawal habuk yang mungkin timbul disebabkan oleh kerja tanah;

(f) bahawa asas jalan dibina dan permukaan jalan itu disendal bagi mengelakkan enap daripada dihanyutkan ke dalam alur air yang sedia ada; dan

(g) bahawa timbusan dipadatkan.

(h) bahawa aras asas tanah yang telah diluluskan oleh Majlis dipatuhi.

BAHAGIAN V

PELBAGAI

Pelan, spesifikasi, butiran lanjut dan sebagainya jika dikehendaki

20. Majlis boleh melalui jurutera Majlis, jika difikirkan perlu, mengkehendaki pelan spesifikasi dan butiran lanjut diserahkan atau memberi arahan lanjut atau membuat pindaan lanjut kepada pelan itu atau mengenakan syarat lanjut yang difikirkan patut olehnya dan arahan, pindaan atau syarat itu hendaklah dipatuhi.

Pengangkutan

21. Semua bahan yang hendak diangkut kepada dan atau dari tapak kerja tanah hendaklah diletakkan di suatu tempat dan mengikut arahan dan syarat yang boleh dikenakan oleh Majlis.

Kenderaan untuk mengangkut bahan

22. (1) Setiap orang yang menggunakan apa-apa kenderaan untuk kegunaan mengangkut bahan melalui satu jalan awam kepada dan atau dari tapak kerja tanah dalam kawasan Majlis hendaklah mendapatkan permit daripada Majlis dan hendaklah—

(a) memastikan bahawa badan kenderaan itu dalam keadaan yang baik dan tidak ada celah atau lubang dari mana bahan boleh jatuh;

(b) memastikan bahawa bahan tidak diisi dalam kenderaan itu melebihi ketinggian sisi kenderaan itu;

(c) menutup bahan dengan kain tarpal, plastik, kanvas atau jenis kain lain yang sesuai;

(d) memastikan bahawa kenderaan itu dibersihkan sebelum kenderaan dibenarkan masuk ke mana-mana jalan awam atau tempat awam; dan

(e) menggunakan jalan yang ditetapkan oleh Majlis dan mematuhi syarat lain yang ditentukan oleh Majlis.

3. I further agree to indemnify and keep indemnified the _____ Council, against any claim, damage, loss, action or proceeding that may be brought against it arising out of and incidental to the said earthworks.

Signature:…….....……

Name: …….....…….

Profession: …….....……..

Address: …….....……

…….....……

…….....……

Board of Engineers Registration No.: …....…

…….....……

……
Official stamp

Date:……

THIRD SCHEDULE

EARTHWORKS (AMPANG JAYA MUNICIPAL COUNCIL) BY-LAWS 2007

(by-laws 2 and 32)

MINOR EARTHWORKS

1. Excavation for landscaping without structures to a depth not exceeding three metres.

2. Excavation for the planting or uprooting of trees or poles to a depth not exceeding three metres.

3. Excavation for the construction of manholes, laying of pipes and cable to a depth not exceeding three metres.

4. Excavation for pit foundation not exceeding three metres by three metres for residential buildings which are at least three metres away from the boundry and not exceeding a depth of three metres.

5. Excavation for foundation which does not exceed three metres in depth so long as the excavation is not for the purpose of constructing a basement and there is no building on the adjoining property.

6. Excavation within any site not exceeding three metres in depth and more than three metres away from the boundary and for which no piling is required.

7. Any work determined by the Council as minor earthworks.

Made by the Ampang Jaya Municipal Council in the meeting on 30 May 2007.

MOHAMMAD BIN YACOB
President,
Ampang Jaya Municipal Council

Confirmed by the State Authority in the meeting on the 4 July 2007

SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR
Clerk,
State Executive Council,
Selangor

Sel. P.U. 125.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN (MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA) 2007

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-undang kecil

1. Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

LESEN

3. Lesen
4. Permohonan bagi mendapatkan lesen
5. Pemberian atau keengganan memberi lesen
6. Tempoh lesen
7. Membaharui lesen
8. Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan
9. Lesen tidak boleh dipindahmilik
10. Pembatalan lesen
11. Rayuan
12. Penggantungan lesen
13. Penyerahan balik lesen
14. Kesan pembatalan, penyerahan balik atau tamat tempoh lesen
15. Mengembalikan lesen disebabkan pembatalan atau penggantungan, dsb.
16. Lesen sementara

BAHAGIAN III

PERUNTUKAN AM

Undang-undang kecil

17. Kebersihan
18. Mengadakan tong sampah
19. Sampah pepejal basah
20. Pembuangan sampah
21. Menumpahkan bahan mengganggu
22. Pencemaran efluen dan kumbahan
23. Bekalan air
24. Kemudahan kebersihan
25. Pencahayaan dan pengalihudaraan
26. Keselamatan pekerjaan dan kebersihan
27. Peruntukan bilik mes, dsb.
28. Pencegahan kebakaran
29. Bahan mudah terbakar
30. Penstoran
31. Pembakaran
32. Penyebaran habuk, dsb.
33. Bising
34. Waktu menjalankan perniagaan

BAHAGIAN IV

PENGUATKUASAAN

35. Kuasa untuk masuk dan memeriksa
36. Penggeledahan
37. Pemeriksaan orang perempuan
38. Penyitaan
39. Pelucuthakan
40. Pelucuthakan jika ada pendakwaan
41. Pelucuthakan jika tiada pendakwaan
42. Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan
43. Kuasa menutup
44. Kuasa menangkap

BAHAGIAN V

PELBAGAI

Undang-undang kecil

45. Pendakwaan

46. Pengkompaunan kesalahan

47. Penalti

48. Peruntukan pemansuhan dan peralihan

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN (MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA) 2007

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 dan 102A Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Perbandaran Ampang Jaya membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Perbandaran Ampang Jaya) 2007**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai bagi kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

(3) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 19 Julai 2007.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"efluen" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [*Akta 127*];

"efluen perindustrian" ertinya sisa cecair atau air sisa yang terhasil oleh sebab atau semasa proses pengeluaran yang berlaku di mana-mana premis perindustrian;

"kacau ganggu" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976;

"kumbahan" ertinya apa-apa lepasan cecair yang mengandungi kumuhan manusia, haiwan atau bahan nabati dalam bentuk terampai atau larutan yang diperoleh daripada aktiviti domestik dan terhasil dari komersial, institusi dan industri termasuk lepasan cecair dari tandas, besen, singki, bilik air dan apa-apa perkakas kebersihan lain tetapi tidak termasuk air hujan dan efluen perindustrian;

"luas lantai" ertinya jumlah luas ruang lantai dalam sesuatu bangunan sebagaimana diukur dari sebelah luar dinding atau, berkenaan dengan dinding kongsi, diukur dari tengah-tengah dinding itu;

"Majlis" ertinya Majlis Perbandaran Ampang Jaya;

"pegawai diberi kuasa" ertinya mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua;

"Pegawai Kesihatan" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976;

"pemegang lesen" ertinya mana-mana orang yang kepadanya lesen dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini;

"perniagaan" ertinya apa-apa aktiviti seperti yang disenaraikan dalam Jadual Ketiga;

"perindustrian" ertinya apa-apa aktiviti seperti yang disenaraikan dalam Jadual Kedua;

"Pihak Berkuasa Melesen" ertinya Yang Dipertua, Setiausaha, Pegawai Kesihatan atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua;

"premis" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*];

"premis berlesen" ertinya mana-mana premis yang menjalankan apa-apa aktiviti tred, perniagaan atau perindustrian yang telah dilesenkan oleh Pihak Berkuasa Melesen di bawah Undang-Undang Kecil ini;

"siar kaki" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974;

"tred" ertinya apa-apa jua aktiviti perniagaan, perindustrian atau komersial yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dan Ketiga;

"Yang Dipertua" ertinya Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

BAHAGIAN II

LESEN

Lesen

3. Tiada seorang pun boleh menjalankan apa-apa aktiviti tred, perniagaan dan perindustrian atau menggunakan mana-mana tempat atau premis dalam kawasan Majlis bagi apa-apa aktiviti tred, perniagaan dan perindustrian tanpa suatu lesen yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Permohonan bagi mendapatkan lesen

4. (1) Suatu permohonan bagi mendapatkan suatu lesen hendaklah dibuat secara bertulis melalui borang yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengarahkan mana-mana pemohon supaya hadir sendiri, atau dalam hal suatu perbadanan atau firma, oleh seorang pengarah, pekerja atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh perbadanan atau firma tersebut semasa pengeluaran atau pembaharuan lesen.

(3) Pemohon hendaklah membuat pembayaran fi pemprosesan seperti yang ditetapkan di dalam Jadual Pertama semasa permohonan dikemukakan dan fi pemprosesan tidak akan dikembalikan sama ada permohonan diluluskan atau tidak diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(4) Apabila permohonan itu diluluskan, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah mengeluarkan lesen yang tertakluk kepada—

(a) pembayaran deposit seperti jumlah yang ditetapkan oleh Majlis sebagai jaminan untuk memastikan bahawa peruntukan Undang-Undang Kecil ini dan syarat lesen dipatuhi;

(b) pembayaran apa-apa fi yang ditetapkan di dalam Jadual; dan

(c) apa-apa syarat atau sekatan yang dinyatakan di dalamnya.

(5) Lesen tersebut hendaklah dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Pemberian atau keengganan memberi lesen

5. (1) Pihak Berkuasa Melesen hendaklah apabila permohonan dibuat dan selepas menerima segala dokumen dan maklumat yang dikehendaki, memproses permohonan itu dan boleh, jika Pihak Berkuasa Melesen berpuas hati dan apabila fi pemprosesan yang ditetapkan telah dibayar—

(a) memberi lesen, sama ada bersyarat atau tanpa syarat; atau

(b) enggan memberi lesen.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengeluarkan suatu lesen bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun dan boleh diperbaharui, tertakluk kepada permohonan pembaharuan yang dibuat kepada Pihak Berkuasa Melesen dan bayaran fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual pada atau sebelum tamat tempoh.

Tempoh sah lesen

6. Suatu lesen jika tidak digantung atau dibatalkan terlebih dahulu hendaklah terus berkuatkuasa dari tarikh pembayaran fi lesen sehingga 31 Disember tahun semasa.

Membaharui lesen

7. (1) Suatu lesen itu boleh diperbaharui dengan mengemukakan permohonan kepada Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengkehendaki pemohon memberi apa-apa dokumen atau maklumat tambahan semasa mengemukakan permohonan membaharui lesen.

(3) Pihak Berkuasa Melesen boleh memperbaharui lesen itu atau enggan membaharui lesen itu dan hendaklah memberitahu pemohon secara bertulis mengenai keputusan.

Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan

8. (1) Pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesennya pada sepanjang masa di suatu tempat yang mudah dilihat di dalam premisnya dan hendaklah mengemukakannya sekiranya dikehendaki berbuat demikian oleh Pihak Berkuasa Melesen atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa.

(2) Pemegang lesen yang gagal untuk mempamer atau mengemukakan lesennya di bawah perenggan (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman denda yang tidak melebihi lima ratus ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(3) Bagi maksud undang-undang ini, suatu rujukan kepada "lesen" hendaklah termasuk suatu salinan yang disahkan oleh Pihak Berkuasa Melesen sebagai suatu salinan benar lesen dan hanya boleh dikeluarkan tertakluk kepada bayaran fi yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Lesen tidak boleh dipindah milik

9. Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini tidak boleh dipindahmilik melainkan dengan kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Melesen.

Pembatalan lesen

10. (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh membatalkan suatu lesen yang diberikan jika berpuas hati bahawa—

(a) pemegang lesen itu melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini atau gagal mematuhi apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan ke atasnya;

(b) pemegang lesen itu telah sama ada berkaitan dengan permohonan lesen itu atau pada bila-bila masa selepas pemberian lesen, memberi kepada Pihak Berkuasa Melesen, dokumen atau perisytiharan yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat;

(c) pemegang lesen itu menjalankan aktiviti tred, perniagaan, atau perindustrian yang boleh memudaratkan kepentingan awam atau ekonomi;

(d) pemegang lesen telah tidak berurus niaga dalam apa-apa aktiviti tred, perniagaan atau perindustrian yang dilesenkan selama tempoh enam bulan berturut-turut atau telah berhenti menjalankan mana-mana tred, perniagaan atau perindustrian yang dilesenkan;

(e) suatu perintah penggulungan telah dibuat terhadap pemegang lesen atau satu ketetapan bagi penggulungan sukarelanya telah diluluskan;

(f) pemegang lesen itu telah disabitkan atas apa-apa kesalahan yang melibatkan rasuah, fraud atau pecah amanah; atau

(g) pemegang lesen itu telah disabitkan atas apa-apa kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini.

(2) Sebelum membatalkan sesuatu lesen, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah memberikan kepada pemegang lesen itu notis bertulis mengenai niatnya untuk berbuat sedemikian dan mengkehendaki pemegang lesen itu mengemukakan alasan secara bertulis dalam tempoh tujuh hari dari tarikh notis itu sebab lesen itu tidak patut dibatalkan.

(3) Jika Pihak Berkuasa Melesen memutuskan untuk membatalkan lesen tersebut selepas pemegang lesen mengemukakan alasan dan Pihak Berkuasa Melesen tidak berpuashati dengan alasan yang diberikan atau jika pemegang lesen gagal untuk mengemukakan alasan dalam masa yang ditetapkan, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah dengan serta-merta memberitahu pemegang lesen secara bertulis mengenai keputusannya itu.

(4) Pembatalan suatu lesen hendaklah mula berkuat kuasa—

(a) jika tiada rayuan di bawah undang-undang kecil 12 dibuat terhadap pembatalan sedemikian, apabila habisnya tempoh empat belas hari dari tarikh notis pembatalan itu disampaikan kepada pemegang lesen; atau

(b) jika terdapat rayuan terhadap pembatalan sedemikian, apabila pembatalan itu disahkan oleh Majlis.

(5) Jika suatu lesen telah dibatalkan di bawah perenggan (3), pemegang lesen yang lesennya dibatalkan hendaklah menghentikan apa-apa aktiviti tred, perniagaan atau perindustrian sehinggalah rayuan itu didengar dan pembatalan itu telah diketepikan oleh Majlis.

(6) Jika pembatalan suatu lesen telah mula berkuat kuasa, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah seberapa segera yang munasabah:

(a) menyampaikan suatu salinan notis pembatalan lesen kepada orang yang mengurus dan mengawal premis yang dilesenkan; dan

(b) menampal suatu salinan notis pembatalan lesen pada tempat yang mudah dilihat di premis yang dilesenkan.

Rayuan

11. (1) Mana-mana orang yang terkilan dengan—

(a) keengganan Pihak Berkuasa Melesen untuk memberi lesen di bawah undang-undang kecil 5;

(b) keengganan Pihak Berkuasa Melesen untuk membaharui lesen di bawah undang-undang kecil 7; atau

(c) keputusan Pihak Berkuasa Melesen untuk membatalkan lesen di bawah undang-undang kecil 11; atau

(d) keputusan Pihak Berkuasa Melesen untuk tidak membenarkan pindahmilik lesen di bawah undang-undang kecil 10.

boleh merayu secara bertulis kepada Majlis dalam masa empat belas hari dari tarikh notis keengganan atau pembatalan itu disampaikan kepada orang itu.

(2) Keputusan Majlis atas rayuan di bawah undang-undang kecil ini adalah muktamad.

Penggantungan lesen

12. (1) Pihak Berkuasa Melesen hendaklah menggantung sesuatu lesen itu sementara pemegang lesen mengemukakan alasan terhadap pembatalan lesen di bawah perenggan 11(2).

(2) Tertakluk kepada perenggan 11(3) pemegang lesen hendaklah menghentikan operasi apa-apa aktiviti tred, perniagaan atau perindustrian yang telah digantung lesennya.

Penyerahan balik lesen

13. (1) Pemegang lesen atas apa-apa sebab yang munasabah boleh menyerah balik lesennya berserta dengan suatu notis bertulis mengenai penyerahan balik dan lesen tersebut hendaklah dibatalkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Penyerahan balik dan pembatalan lesen itu hendaklah berkuat kuasa pada tarikh Pihak Berkuasa Melesen menerima lesen dan notis itu di bawah perenggan (1) atau pada suatu tarikh yang dinyatakan dalam notis itu.

(3) Pemegang lesen itu hendaklah tidak lewat daripada empat belas hari selepas tarikh penyerahan balik dan pembatalan lesen tersebut menampal satu notis yang sedemikian di tempat yang mudah dilihat di premis yang dilesenkan tersebut.

Kesan pembatalan, penyerahan balik atau tamat tempoh lesen

14. (1) Jika pembatalan sesuatu lesen di bawah undang-undang kecil 11 atau 14 telah mula berkuat kuasa atau jika lesen itu telah habis tempoh mengikut undang-undang kecil 6, maka pemegang lesen hendaklah serta-merta berhenti menjalankan atau mengendalikan apa-apa aktiviti tred, perniagaan atau perindustrian.

(2) Pemegang lesen boleh membuat permohonan baru jika mana-mana lesen dibatalkan di bawah undang-undang kecil 11.

(3) Walau apa pun perenggan (1) pemegang lesen yang lesennya telah habis tempoh adalah berhak menjalankan tred, perniagaan atau perindustriannya apabila dibuktikan kepada Pihak Berkuasa Melesen bahawa pemegang lesen itu telah memohon pembaharuan lesen di bawah undang-undang kecil 7.

Mengembalikan lesen disebabkan pembatalan atau penggantungan, dsb.

15. Jika terdapat pembatalan lesen di bawah undang-undang kecil 11 atau penggantungan lesen di bawah undang-undang kecil 13 atau jika lesen itu telah tamat tempohnya dan tiada permohonan untuk membaharui lesen itu dibuat dalam tempoh yang ditetapkan atau apabila permohonan untuk membaharui lesen telah ditolak, pemegang lesen itu hendaklah dalam masa empat belas hari mengembalikan lesen asal tersebut kepada Pihak Berkuasa Melesen.

Lesen sementara

16. (1) Suatu lesen sementara boleh dikeluarkan kepada mana-mana pemohon sementara menanti pertimbangan oleh Pihak Berkuasa Melesen ke atas permohonan bagi suatu lesen.

(2) Lesen sementara yang dikeluarkan di bawah perenggan (1) hendaklah sah bagi tempoh tidak melebihi enam bulan dari tarikh permit itu dikeluarkan.

(3) Tertakluk kepada perenggan (5), suatu lesen sementara boleh dilanjutkan bagi tempoh tidak melebihi enam bulan selanjutnya atas permohonan secara bertulis oleh pemohon pada atau sebelum tarikh akhir tempoh enam bulan yang pertama.

(4) Tempoh sah suatu lesen sementara tidak boleh melebihi tempoh dua belas bulan dari tarikh lesen itu dikeluarkan.

(5) Jika permohonan bagi suatu lesen telah ditolak oleh Pihak Berkuasa Melesen lesen sementara yang dikeluarkan hendaklah menjadi tidak sah dengan serta-merta.

(6) Fi bagi suatu lesen sementara atau apa-apa perlanjutan hendaklah tidak melebihi jumlah fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua dan Ketiga.

(7) Pemegang suatu lesen sementara hendaklah mempunyai hak, kewajipan, liabiliti dan obligasi yang sama sebagaimana pemegang lesen tred, perniagaan atau perindustrian yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

BAHAGIAN III

PERUNTUKAN AM

Kebersihan

17. Pemegang lesen hendaklah menjaga dan menyelenggara atau menyebabkan diselenggara tiap-tiap bahagian premis berlesen termasuk apa-apa pasangan dan lekapan, supaya berada dalam keadaan baik dan bersih pada setiap masa sehingga memuaskan hati Pihak Berkuasa Melesen.

Mengadakan tong sampah

18. Pemegang lesen hendaklah mengadakan tong sampah yang mencukupi seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen sebagaimana perlu untuk menyimpan sampah.

Sampah pepejal basah

19. Semua sampah pepejal basah hendaklah dimasukkan dalam karung plastik atau lain-lain bekas yang sesuai sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah.

Pembuangan sampah

20. Semua sampah hendaklah dibuang mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen dari semasa ke semasa.

Menumpahkan bahan mengganggu

21. (1) Pemegang lesen tidak boleh—

(a) meletak atau membuang atau menyebabkan atau membenarkan ditempatkan atau membuang apa-apa habuk, debu, kertas, abu, bangkai, sampah, kotak, tong karung atau apa-apa benda atau apa-apa barang ke dalam sesuatu longkang, siar kaki, kawasan pejalan kaki atau mana-mana tempat awam atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya;

(b) menyimpan atau meninggalkan apa-apa jua benda atau barang di sesuatu tempat di mana ianya atau zarah daripadanya telah masuk atau mungkin masuk ke dalam sesuatu longkang, siar kaki, kawasan pejalan kaki atau mana-mana tempat awam atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya;

(c) menjemur apa-apa benda makanan atau lain-lain benda atau barang di mana-mana longkang, siar kaki, kawasan pejalan kaki atau mana-mana tempat awam atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya;

(d) membuang, meletak, menumpah atau menabur apa-apa darah, air masin, buangan cecair, cecair kotor atau lain-lain benda yang mengganggu atau benda kotor dari apa-apa jenis dialirkan atau masuk ke dalam longkang, siar kaki, kawasan pejalan kaki atau mana-mana tempat awam atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya;

(e) menjatuhkan, menumpah atau menabur apa-apa debu, pasir, tanah, kelikir, batu, rumput, rumput kering, abu, sampah, sampah tred atau apa-apa barang lain atau benda ke dalam longkang, siar kaki, kawasan pejalan kaki atau mana-mana tempat awam atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya;

(f) mengayak, mengirai, mencuci, memukul atau dengan cara lain mengacau apa-apa kapur, abu, pasir, arang batu, rambut, kertas buangan, bulu atau lain-lain benda dengan sesuatu cara supaya ia diterbangkan atau mungkin diterbangkan oleh angin ke dalam longkang, siar kaki, kawasan pejalan kaki atau mana-mana tempat awam atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya; atau

(g) membuang atau meninggalkan apa-apa botol, gelas, tin, bekas makanan, pembungkus makanan, zarah makanan atau apa-apa benda atau barang lain ke dalam longkang, siar kaki, kawasan pejalan kaki atau mana-mana tempat awam atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima ratus ringgit dan mengenai sabitan kali kedua atau kali kemudian didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

Pencemaran efluen dan kumbahan

22. Tiada mana-mana pemegang lesen boleh melepas atau menyebabkan atau membenarkan dilepaskan sebarang efluen atau kumbahan kecuali pada tempat atau tempat-tempat pelepasan efluen dan hendaklah mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen atau mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan.

Bekalan air

23. (1) Bekalan air yang tetap dan mencukupi hendaklah disediakan pada setiap masa di mana-mana premis berlesen dan semua pili air hendaklah disambung terus ke paip air utama dari bekalan air awam.

(2) Permohonan untuk penyambungan bekalan air ke premis berlesen hendaklah dikemukakan mengikut prosedur dan mendapat kelulusan dari pihak berkuasa yang berkenaan.

(3) Tiada bekalan air boleh diambil dari pili atau sumber lain dari dalam tandas atau bilik air.

Kemudahan kebersihan

24. (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh menghendaki premis berlesen menyediakan tandas yang sesuai, singki, besen membasuh, tempat mencuci pinggan mangkuk dan bilik basuh menurut apa-apa cara dan jumlah yang difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa tiap-tiap tandas pada setiap masa dilengkapkan dengan bekalan air yang mencukupi, kertas tandas, bahan pencuci, bahan pewangi atau pewangi udara, bekas sampah dan alat pengering tangan elektrik, tuala bergulung atau tuala bersih, kertas tisu, pili air dan baldi atau getah penyalur untuk bersuci.

(3) Pemegang lesen hendaklah memastikan semua tandas, singki, besen membasuh, tempat membuang air kecil, bilik mandi, tempat mencuci pinggan mangkuk dan lain-lain alatan dan lekapan yang dipasang di dalamnya hendaklah dalam keadaan bersih pada setiap masa, diselenggarakan, dibaiki dan diganti apabila perlu dan dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Melesen pada bila-bila masa.

(4) Dinding tandas, bilik mandi dan tempat membuang air kecil hendaklah dibuat daripada jubin bersinar dan tingginya tidak kurang dari 1.5 meter dan lantai hendaklah dipasang jubin tidak licin.

(5) Setiap tandas, tempat membuang air kecil, bilik mandi dan bilik basuh hendaklah dibekalkan dengan lampu dan peredaran udara yang mencukupi atau sebagaimana yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(6) Setiap tandas, tempat membuang air kecil, sinki dan lain-lain kotoran buangan hendaklah disalirkan sebagaimana yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(7) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa tandas sentiasa dibuka untuk kegunaan mana-mana orang semasa waktu perniagaan.

Pencahayaan dan pengalihudaraan

25. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa—

(a) terdapat cahaya yang terang dan mencukupi di dalam premisnya;

(b) sistem lampu kecemasan dalam keadaan baik dan boleh dikendalikan dan hendaklah diletakkan di mana-mana tangga, laluan dan pintu keluar premis berlesen;

(c) terdapat pengudaraan yang mencukupi di dalam premis itu; dan

(d) setiap tangga, laluan dan jalan keluar kecemasan yang menjadi sebahagian daripada premis itu mendapat pencahayaan yang mencukupi.

Keselamatan pekerjaan dan kebersihan

26. (1) Pemegang lesen hendaklah menyediakan suasana yang selamat dan sihat di premis berlesen kepada pekerjanya seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Lantai dan tangga di setiap premis berlesen hendaklah:

(a) diselenggara dalam keadaan rata, baik, tidak licin dan tidak mendatangkan bahaya; dan

(b) bebas dari lubang pemasangan penutup, saliran air atau konduit yang tidak sempurna dan bebas dari paku-paku yang menonjol, injap atau paip terkeluar atau lain-lain yang tertonjol keluar atau halangan.

(3) Setiap premis berlesen hendaklah menyediakan kotak perubatan kecemasan yang mencukupi dan hendaklah dilengkapkan dengan sempurna dan diletakkan pada tempat yang sesuai seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(4) Tiada sebarang peralatan atau barang milik pekerja atau pakaian boleh disimpan atau digantung di mana-mana bahagian premis berlesen kecuali di dalam almari kecil berkunci atau dalam bilik rehat atau ruangan yang diluluskan dan dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(5) Pemegang lesen hendaklah memastikan premis berlesen menjadi tidak sesak sehingga boleh menyebabkan kecederaan atau merbahaya kepada kesihatan pekerjanya.

Peruntukan bilik mes, dsb.

27. (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh dengan notis bertulis menghendaki mana-mana pemegang lesen supaya menyediakan kemudahan bilik sembahyang untuk orang Islam, bilik mes, bilik istirehat, kantin, bilik salin pakaian dan almari yang sesuai atau apa-apa kemudahan lain untuk pekerjanya.

(2) Jika pekerja di premis berlesen terdiri daripada lelaki dan perempuan, kemudahan bilik sembahyang, bilik mes, bilik istirehat, bilik salin pakaian dan almari hendaklah disediakan secara berasingan oleh pemegang lesen.

Pencegahan kebakaran

28. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa—

(a) kelengkapan memadam kebakaran yang mencukupi disediakan, diselenggara dan berfungsi dengan baik;

(b) semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar yang mencukupi disediakan, diselenggara dan berfungsi dengan baik; dan

(c) semua tangga, laluan pelantar dan jalan keluar bebas dari segala halangan dan tiap-tiap pintu di dalamnya dibina dan dipasang sedemikian cara supaya dapat dibuka dengan senang.

Bahan mudah terbakar

29. (1) Bahan atau larutan yang mudah terbakar hendaklah disimpan dalam bekas bertudung tutup sendiri yang reka bentuknya telah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Jika bahan atau larutan yang mempunyai takat kilat di bawah 23 darjah Celsius disimpan dalam kuantiti yang lebih daripada 45 liter, stor yang tidak mudah terbakar hendaklah dibina mengikut kehendak Pihak Berkuasa Melesen dan pihak berkuasa yang berkaitan.

Penstoran

30. Semua bahan hendaklah distor mengikut cara dan keadaan yang dapat mencegah keluaran bahan merbahaya dan mengganggu daripadanya.

Pembakaran

31. Pemegang lesen tidak boleh membakar atau menyebabkan dibakar bahan pembakar atau sampah-sarap melainkan mengikut cara dan di tempat yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Penyebaran habuk, dsb.

32. Pemegang lesen tidak boleh menyebabkan, membenarkan atau mengizinkan penyebaran apa-apa kuantiti habuk, asap, wap, haba gas, pancaran, bau hiduan, getaran, asap atau jelaga dari tempat atau premis berlesennya yang adalah suatu kacau ganggu atau mencemarkan udara.

Bising

33. Pemegang lesen tidak boleh membuat atau menyebabkan bising yang akan menjadi kacau ganggu semasa menjalankan apa-apa aktiviti tred, perniagaan atau perindustrian.

Waktu perniagaan

34. Pihak Berkuasa Melesen boleh mengarahkan mana-mana aktiviti tred, perniagaan atau perindustrian tidak dibenarkan dijalankan di suatu tempat atau premis berlesen melainkan pada masa dan jam yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

BAHAGIAN IV

PENGUATKUASAAN

Kuasa untuk masuk dan memeriksa

35. (1) Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa boleh pada setiap masa yang munasabah, tanpa waran dengan tujuan untuk menentukan sama ada syarat atau sekatan sesuatu lesen atau peruntukan Undang-Undang Kecil ini dipatuhi—

(a) memasuki mana-mana premis yang menjalankan aktiviti tred, perniagaan atau perindustrian; dan

(b) menjalankan apa-apa pemeriksaan di premis itu.

(2) Jika Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa ada sebab untuk mempercayai adanya berlaku suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini di mana-mana premis berlesen, maka orang yang tinggal di dalam atau menjaga tempat itu hendaklah membenarkan Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa itu masuk dengan bebas ke dalamnya, iaitu apabila diminta oleh mana-mana orang yang tersebut itu, dan memberikan segala kemudahan yang munasabah untuk menjalankan penggeledahan di dalamnya.

(3) Jika tidak dapat masuk ke dalam mana-mana premis berlesen mengikut perenggan (2) di atas, maka adalah sah bagi Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa, setelah memperkenalkan dirinya dan tujuan kemasukan itu kepada pemegang lesen atau pekerjanya, untuk memasuki ke dalam premis berlesen itu tanpa waran dan menggeledah tempat itu dan bolehlah memecahkan mana-mana pintu luar atau dalam atau tingkap supaya dapat masuk ke dalamnya.

(4) Apabila mana-mana premis berlesen yang hendak digeledah atau diperiksa di bawah Undang-Undang Kecil ini tertutup, maka pemegang lesen, pekerjanya atau orang yang menjaga premis itu, jika ada, hendaklah atas permintaan Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa membuka atau menyebabkan premis berlesen itu dibuka, dan hendaklah membenarkan mana-mana pegawai tersebut masuk apabila diminta olehnya dan hendaklah memberi segala kemudahan yang munasabah bagi menjalankan penggeledahan di dalamnya dan jika premis berlesen itu tidak dapat dimasuki, maka mana-mana pegawai tersebut boleh mengambil tindakan mengikut cara yang diperuntukkan oleh perenggan (3) jika dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa satu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini telah dilakukan di tempat itu.

Penggeledahan

36. (1) Jika mana-mana Majistret, atas maklumat bertulis dan selepas siasatan yang difikirkannya perlu, mempunyai sebab untuk percaya bahawa—

(a) suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini telah atau sedang dilakukan di mana-mana premis; atau

(b) apa-apa keterangan atau benda yang perlu untuk penyiasatan apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang ini boleh ditemui di mana-mana premis,

dia boleh melalui waran, membenarkan Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa, yang dinamakan dalam waran itu, dengan apa-apa bantuan yang diperlukan untuk masuk dan menggeledah tempat itu.

(2) Walau apa pun perenggan (1), jika Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa, ada alasan yang munasabah untuk percaya bahawa—

(a) suatu kesalahan di bawah Undang-Undang ini telah atau sedang dilakukan di mana-mana premis; dan

(b) oleh sebab apa-apa kelengahan untuk mendapatkan waran geledah tujuan penggeledahan itu mungkin akan terkecewa,

maka Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa boleh memasuki tempat itu dan menggeledah tempat itu dan memeriksa mana-mana orang yang semunasabahnya dipercayai olehnya mempunyai kaitan dalam pengurusan mana-mana premis berlesen itu.

Pemeriksaan orang perempuan

37. Tiada orang perempuan boleh diperiksa di bawah undang-undang kecil 36 atau 37 kecuali oleh seorang perempuan lain dan pemeriksaan itu hendaklah dijalankan dengan memberikan perhatian teliti kepada kesopanan.

Penyitaan

38. (1) Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa yang menjalankan kuasa di bawah undang-undang kecil 36 dan 37, boleh menyita apa-apa benda yang semunasabahnya dipercayai olehnya sebagai mempunyai kaitan dengan, atau dapat memberikan keterangan tentang, pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang ini.

(2) Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa yang menyita apa-apa benda di mana-mana premis berlesen di bawah perenggan (1) hendaklah menyediakan suatu senarai benda yang disita dan dengan segera menyerahkan suatu salinan yang ditandatangani olehnya kepada pemegang lesen, penghuni atau tuan punya premis berlesen itu, atau pengkhidmat atau ejennya, yang berada di premis berlesen itu.

(3) Jika premis berlesen itu tidak berpenghuni, Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa yang menyita itu hendaklah bilamana mungkin menampalkan senarai benda yang disita itu di tempat yang mudah dilihat di premis itu.

(4) Apa-apa benda yang disita di bawah undang-undang kecil ini boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(5) Jika, oleh sebab jenis, saiz atau amaunnya, tidaklah praktik untuk memindahkan apa-apa benda yang disita di bawah undang-undang kecil ini, Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa yang menyita itu hendaklah dengan apa-apa cara menyelak benda itu dalam premis yang di dalamnya ia dijumpai.

(6) Mana-mana orang yang tanpa kuasa yang sah memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam perenggan (5) atau memindahkan apa-apa benda yang dilak atau cuba berbuat demikian adalah melakukan satu kesalahan.

Pelucuthakkan

39. Semua benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh dilucuthakkan.

Pelucuthakkan jika ada pendakwaan

40. (1) Jika ada pendakwaan yang melibatkan apa-apa benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini, maka pelucuthakan atau pelepasan mana-mana benda sedemikian hanya boleh dibuat mengikut perintah Mahkamah yang dihadapannya pendakwaan itu telah diadakan.

(2) Walau apa pun perenggan (1), jika dibuktikan sehingga Mahkamah berpuas hati bahawa—

(a) suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini telah dilakukan; dan

(b) mana-mana benda ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu,

Mahkamah hendaklah melucuthakkan dokumen atau benda itu walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Semua benda yang dilucuthakkan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah diserahkan kepada Pihak Berkuasa Melesen dan hendaklah dilupuskan mengikut arahan Pihak Berkuasa Melesen itu.

Pelucuthakkan jika tiada pendakwaan

41. (1) Jika tiada pendakwaan yang melibatkan apa-apa benda yang telah disita di bawah Undang-Undang Kecil ini, maka benda itu hendaklah diambil dan disifatkan telah terlucuthak apabila tamat tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyitaannya melainkan jika suatu tuntutan telah dibuat baginya sebelum tamat tempoh itu.

(2) Mana-mana orang yang mengatakan bahawa dia adalah pemunya apa-apa benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini dan bahawa benda itu tidak boleh dilucuthakkan boleh, sama ada secara sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis, memberikan notis bertulis kepada Pihak Berkuasa Melesen bahawa dia menuntut benda yang disita itu.

(3) Apabila Pihak Berkuasa Melesen menerima notis di bawah perenggan (2), Pihak Berkuasa Melesen boleh mengarahkan supaya benda itu dilepaskan dengan atau tanpa kos atau supaya perkara itu dirujukkan kepada seorang Majistret.

(4) Majistret yang kepadanya rujukan dibuat di bawah perenggan (3) hendaklah mengeluarkan saman menghendaki—

(a) orang yang menuntut bahawa dia adalah pemunya benda yang disita; dan

(b) orang yang daripadanya benda itu disita,

hadir di hadapannya pada hari yang ditetapkan dalam saman itu.

(5) Pada hari yang ditetapkan di bawah perenggan (4), dan setelah dibuktikan bahawa saman telah disampaikan dengan sewajarnya kepada setiap orang yang disebut dalam subperenggan 4*(a)* dan 4*(b)*, Majistret hendaklah terus memeriksa perkara itu, walaupun mana-mana orang itu tidak hadir.

(6) Jika, setelah selesai pemeriksaan yang dibuat di bawah perenggan (5) berkenaan dengan sesuatu benda, Majistret berpuas hati bahawa—

(a) suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini telah dilakukan; dan

(b) benda itu ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu

Majistret itu hendaklah memerintahkan pelucuthakan benda itu; tetapi jika Majistret tidak berpuas hati sedemikian, dia hendaklah memerintahkan supaya benda itu dilepaskan dan diserahkan kepada orang yang pada pendapatnya berhak kepada benda itu.

Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan

42. Tiada seseorang pun boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan apa-apa benda yang disita pada menjalankan atau yang berupa sebagai menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Undang-Undang Kecil ini, berhak kepada kos prosiding itu atau kepada apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

Kuasa menutup

43. (1) Tanpa menjejaskan perjalanan kuasa yang diberikan kepadanya di bawah undang-undang kecil 36 dan 37 Pihak Berkuasa Melesen boleh, dengan serta-merta mengambil langkah yang difikirkannya perlu untuk menutup mana-mana premis berlesen jika dia berpuas hati bahawa—

(a) telah berlaku pelanggaran mana-mana peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil ini atau mana-mana syarat atau sekatan lesen;

(b) penutupan itu adalah perlu untuk atau yang bermanfaat untuk kepentingan awam; atau

(c) lesen tersebut telah diperolehi secara tidak wajar atau menyalahi undang-undang.

(2) Jika suatu premis menjalankan tred, perniagaan atau perindustrian ditutup di bawah perenggan (1) lesen bagi premis tersebut hendaklah disifatkan digantung dalam tempoh penutupan itu.

(3) Semasa tempoh penutupan pemegang lesen hendaklah mengambil langkah seperti yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Melesen untuk memastikan bahawa semua syarat dan sekatan lesen serta mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini dipatuhi.

(4) Pihak Berkuasa Melesen boleh selepas menjalankan siasatan wajar membenarkan premis berlesen dibuka jika Pihak Berkuasa Melesen berpuas hati bahawa punca penutupan diselesaikan dan dihapuskan atau semua syarat dan sekatan lesen serta mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini telah dipatuhi.

(5) Jika sehingga akhir tempoh penutupan, pemegang lesen masih gagal untuk mematuhi mana-mana syarat atau sekatan lesen atau mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini maka Pihak Berkuasa Lesen hendaklah membatalkan lesennya.

(6) Jika suatu premis menjalankan aktiviti tred, perniagaan atau perindustrian ditutup di bawah perenggan (2), Pihak Berkuasa Melesen boleh membenarkan premis tersebut dibuka setelah suatu lesen yang sah dikeluarkan dan pemohon telah menjelaskan semua bayaran kompaun, denda dan fi yang telah ditetapkan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Kuasa Menangkap

44. (1) Pihak Berkuasa Melesen, pegawai yang diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor boleh menangkap tanpa waran seseorang yang melakukan di hadapannya atau yang dia dengan munasabah telah melakukan sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini—

(a) jika nama dan alamat orang itu tidak diketahui olehnya dan orang itu enggan memberi nama dan alamatnya; atau

(b) jika ada sebab bagi meragukan yang nama atau alamat itu tepat.

(2) Seseorang yang ditangkap di bawah undang-undang kecil ini hendaklah ditahan dan hendaklah dibawa ke hadapan Mahkamah Majistret dalam tempoh dua puluh empat jam melainkan jika nama dan alamatnya dapat ditentukan terlebih dahulu daripada itu.

BAHAGIAN V

PELBAGAI

Pendakwaan

45. Tiada pendakwaan boleh dimulakan bagi suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini kecuali dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

Pengkompaunan kesalahan

46. (1) Yang Dipertua, Setiausaha atau Pegawai Undang-Undang Majlis boleh mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Undang-Undang

Kecil ini dan ditetapkan sebagai kesalahan boleh dikompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu apabila dibayar kepada Majlis sejumlah wang yang tidak melebihi satu ribu ringgit bagi kesalahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah perenggan (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Yang Dipertua, Setiausaha atau Pegawai Undang-Undang Majlis, pendakwaan terhadap kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(3) Jika suatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah perenggan (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat dan apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang berkaitan.

(4) Kesemua wang yang diterima di bawah undang-undang kecil ini hendaklah dibayar kepada kumpulan wang yang diwujudkan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubung dengan kerajaan tempatan.

Penalti

47. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan bagi kesalahan yang berterusan dilakukan setelah sabitan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan.

Peruntukan pemansuhan dan peralihan

48. (1) Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Perbandaran Ampang Jaya) 1992 [*Sel. P.U. 63/92*] dengan ini dimansuhkan.

(2) Apa-apa notis, perintah, kompaun, lesen atau dokumen yang telah dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil yang telah dimansuhkan ini atau yang dibuat dahulu hendaklah terus terpakai dan berkuatkuasa seolah-olah telah dikeluarkan atau dibuat di bawah Undang-Undang Kecil ini sehingga dibatalkan.

JADUAL PERTAMA

[perenggan 4(3), 8(3) dan undang-undang kecil 10]

FI PEMPROSESAN LESEN

(a)	Borang	:	RM 5.00
(b)	Perniagaan	:	RM 50.00
(c)	Perindustrian	:	RM 100.00

FI SALINAN LESEN DIPERAKUI

(a)	Salinan lesen yang diperakui	:	RM 50.00

FI PEMPROSESAN PINDAHMILIK LESEN

(a)	Fi pemprosesan	:	RM 50.00

JADUAL KEDUA

[perenggan 4(4)*(b)*]

FI LESEN TAHUNAN

	MEMBUAT/ MEMPROSES	MEMBORONG/ MENYIMPAN	MENJUAL/ MEMBERI PERKHIDMATAN
	(RM)	(RM)	(RM)
I. PERINDUSTRIAN			
A. BAHAN KIMIA			
1. Asid, pelarut, alkali			400.00
Keluasan:			
(a) Tidak melebihi 500m^2	280.00	200.00	—
(b) Melebihi 501m^2	380.00	400.00	—
2. Kalsium karbida dan kimia yang sejenis			400.00
Keluasan:			
(a) Tidak melebihi 500m^2	280.00	200.00	—
(b) Melebihi 501m^2	380.00	400.00	—
3. Cecair yang berbahaya yang melebihi 25 liter atau bahan berbahaya yang melebihi 23 kg berat.			400.00
Keluasan:			
(a) Tidak melebihi 500m^2	280.00	200.00	—
(b) Melebihi 501m^2	380.00	400.00	—
4. Petrol/Diesel/LPG/LNG dan gas lain			400.00
Isipadu:			
(a) Hingga 10,000 liter	—	150.00	—
(b) Dari 10,001 liter tetapi kurang daripada 250,000 liter, bagi tiap-tiap 50,000 liter atau sebahagiannya	—	100.00	—
(c) 250,000 liter dan ke atas	—	350.00	—
(d) Apabila melebihi 250,000 liter, bagi tiap-tiap 50,000 liter atau sebahagiannya	—	200.00	—
5. Minyak tanah dan bahan api yang lain.			240.00
Isipadu:			
(a) Hingga 10,000 liter	—	—	—
(b) Dari 10,001 liter tetapi kurang daripada 250,000 liter, bagi tiap-tiap 50,000 liter atau sebahagiannya	—	—	—
(c) 250,000 liter ke atas	—	—	—
(d) Apabila melebihi 250,000 liter, bagi tiap-tiap 50,000 liter atau sebahagiannya	—	—	—

	MEMBUAT/ MEMPROSES	MEMBORONG/ MENYIMPAN	MENJUAL/ MEMBERI PERKHIDMATAN
	(RM)	(RM)	(RM)
6. Minyak pelincir dan minyak yang sejenis dengannya.			400.00
Keluasan:			
(a) Tidak melebihi 500m²	280.00	200.00	—
(b) Melebihi 501m²	380.00	400.00	—
7. Baja			400.00
Keluasan:			
(a) Tidak melebihi 500m²	280.00	200.00	—
(b) Melebihi 501m²	380.00	400.00	—
8. Racun			600.00
Keluasan:			
(a) Tidak melebihi 500m²	350.00	300.00	—
(b) Melebihi 501m²	550.00	500.00	—
9. Bahan letupan termasuk mercun dan bunga api.			600.00
Keluasan:			
(a) Tidak melebihi 500m²	350.00	300.00	—
(b) Melebihi 501m²	550.00	500.00	—
10. Mancis			400.00
Keluasan:			
(a) Tidak melebihi 500m²	280.00	200.00	—
(b) Melebihi 501m²	380.00	400.00	—
11. Cat, selulos dan kimia yang sejenis dengannya.			400.00
Keluasan:			
(a) Tidak melebihi 500m²	280.00	200.00	—
(b) Melebihi 501m²	380.00	400.00	—
12. Ubat farmasi dan produk lain yang berkaitan			400.00
Keluasan:			
(a) Tidak melebihi 500m²	280.00	200.00	—
(b) Melebihi 501m²	380.00	400.00	—
13. Ubat nyamuk, penyembur serangga dan produk lain yang berkaitan			400.00
Keluasan:			
(a) Tidak melebihi 500m²	280.00	200.00	—
(b) Melebihi 501m²	380.00	400.00	—
14. Bahan petroleum dan campuran petroleum.			400.00
Keluasan:			
(a) Tidak melebihi 500m²	280.00	200.00	—
(b) Melebihi 501m²	380.00	400.00	—

	MEMBUAT/ MEMPROSES	MEMBORONG/ MENYIMPAN	MENJUAL/ MEMBERI PERKHIDMATAN
	(RM)	(RM)	(RM)
15. Aktiviti lain yang menggunakan atau menghasilkan apa-apa bahan kimia.			400.00
Keluasan:			
(a) Tidak melebihi 500m²	280.00	200.00	—
(b) Melebihi 501m²	380.00	400.00	—
B. BAHAN LOGAM			
1. Suasa dan amalgam termasuk bahan logam lain.			400.00
Keluasan:			
(a) Tidak melebihi 500m²	280.00	200.00	—
(b) Melebihi 501m²	380.00	400.00	—
2. Aluminium, tembaga, emas, perak, piuter, besi, timah putih, keluli atau logam lain.			400.00
Keluasan:			
(a) Tidak melebihi 500m²	280.00	200.00	—
(b) Melebihi 501m²	380.00	400.00	—
3. Melebur bijih timah, besi dan bahan logam			600.00
Keluasan:			
(a) Tidak melebihi 500m²	350.00	300.00	—
(b) Melebihi 501m²	550.00	500.00	—
4. Logam bernilai dan batu permata			400.00
Keluasan:			
(a) Tidak melebihi 500m²	280.00	200.00	—
(b) Melebihi 501m²	380.00	400.00	—
5. Logam sekerap			400.00
Keluasan:			
(a) Tidak melebihi 500m²	280.00	200.00	—
(b) Melebihi 501m²	380.00	400.00	—
6. Automobil, alat gantian dan aksesori mesin/motorsikal/ kenderaan bermotor/traktor/ forklift/ mesin berat.			400.00
Keluasan:			
(a) Tidak melebihi 500m²	280.00	200.00	—
(b) Melebihi 501m²	380.00	400.00	—

	MEMBUAT/ MEMPROSES	MEMBORONG/ MENYIMPAN	MENJUAL/ MEMBERI PERKHIDMATAN
	(RM)	(RM)	(RM)
7. Basikal dan mesin ringan.			400.00
Keluasan:			
(a) Tidak melebihi 500m²	280.00	200.00	—
(b) Melebihi 501m²	380.00	400.00	—
8. Pam dan Penapis			400.00
Keluasan:			
(a) Tidak melebihi 500m²	280.00	200.00	—
(b) Melebihi 501m²	380.00	400.00	—
9. Perusahaan logam atau penghasilan logam lain.			400.00
Keluasan:			
(a) Tidak melebihi 500m²	280.00	200.00	—
(b) Melebihi 501m²	380.00	400.00	—
C. BAHAN GETAH, PLASTIK, KAYU, KACA, KULIT DAN KERTAS			
1. Tayar dan tiub.			600.00
Keluasan:			
(a) Tidak melebihi 500m²	350.00	300.00	—
(b) Melebihi 501m²	550.00	500.00	—
2. Mencelup tayar dan kerja pemvulkanan			400.00
Keluasan:			
(a) Tidak melebihi 500m²	280.00	200.00	—
(b) Melebihi 501m²	380.00	400.00	—
3. Bahan daripada getah atau getah hitam			400.00
Keluasan:			
(a) Tidak melebihi 500m²	280.00	200.00	—
(b) Melebihi 501m²	380.00	400.00	—
4. Barang daripada plastik dan barangan daripada PVC.			360.00
Keluasan:			
(a) Tidak melebihi 500m²	—	—	—
(b) Melebihi 501m²	—	—	—

	MEMBUAT/ MEMPROSES (RM)	MEMBORONG/ MENYIMPAN (RM)	MENJUAL/ MEMBERI PERKHIDMATAN (RM)
5. Barang daripada kayu (termasuk papan lapis), rotan, buluh dan sejenis dengannya.			360.00
Keluasan:			
(a) Tidak melebihi 500m²	—	—	—
(b) Melebihi 501m²	—	—	—
6. Kulit atau barangan daripada kulit.			360.00
Keluasan:			
(a) Tidak melebihi 500m²	—	—	—
(b) Melebihi 501m²	—	—	—
2. This By-Laws shall apply only to the area administered by the Municipal Council of Ampang Jaya.

Interpretation

3. In this By-Laws, unless the context otherwise requires—

"sale or sell" includes sale of food for human consumption, barter or exchange and—

(a) offering or attempting to sell any such food;

(b) causing or allowing any such food to be sold;

(c) exposing, receiving, sending or delivering any such food for sale;

(d) supplying any such food where consideration is to be received by the supplier for such supply either specifically or as part of a service contracted for; and

(e) having in possession any food for sale or having in possession any such food knowing that it is likely to be sold, offered or exposed for sale;

"food" includes every article which is used for food or drink by man or which enters into or used in the composition or preparation of any such article and also includes coloring and flavoring matters and condiments, but does not include—

(a) article or substances used only as medicine;

(b) live animals or birds; or

(c) fodder or feeding stuffs for animals, birds or fish;

"preparation" includes manufacturing, packing, delivery, carriage, storage and serving of food;

"Licensing Authority" means the President, Secretary or any officer authorized in writing by the President;

PART II

FOOD HYGIENE

Water supply

4. No person engaged in the sale or preparation for sale of food shall use for any purpose pertaining to such sale or preparation—

(a) any water other than water from a tap connected to the water mains from the public water supply; or

(b) any water from a tap or other source from a private or public lavatory.

Cleanliness of places used for the preparation and sale of food

5. (1) Every person engaged in the sale or preparation for sale of food shall at all times maintain the place used for such sale or preparation in a state of cleanliness.

(2) Every person engaged in the preparation or sale of food shall ensure any avenue, passage or space immediately in front of, behind or by the sides of the place used for such sale or preparation in a state of cleanliness and free of any accumulation of noxious or offensive matter, or garbage, refuse or other matter or thing discarded by him.

Food to be kept away from dust, *etc*.

6. Every person engaged in the sale or preparation for sale of any food shall keep at all times such food and all receptacles, implements, vehicle, articles, utensils, benches, fittings, machinery and other appliances used for or in connection with such clean and free from dirt and dust, foul odors, vermin, flies and other insects.

Selling of unhygienic food prohibited

7. (1) No person shall sell any article of food which is not clean or which contains any matter which is—

(a) foreign matter to the nature of such food;

(b) used in the composition; or

(c) used in the preparation of food.

(2) No person shall sell or pack for sale any article of food in a package which is not clean.

Cleanliness of food handlers

8. (1) Every person engaged in the sale or preparation for sale of food shall, when so engaged, maintain his clothing and his body in a state of cleanliness.

(2) Every person engaged in the sale or preparation for sale of any food shall on every occasion—

(a) before commencing such sale or preparation;

(b) after visiting any toilet, privy, or other similar convenience;

(c) after touching or holding anything or surface or body which is unclean;

(d) wash his hands thoroughly with soap and clean water.

(3) No person shall spit, expel mucus, smoke or use tobacco or snuff or any other preparation or chew betel leaf or betel nuts while engaged in the sale or preparation for sale of any food.

(4) No person having cuts or skin abrasions of the hands or fingers shall engage in the sale or preparation for sale of food unless such cuts or skin abrasions are properly dressed with water proof dressing.

(5) Every person shall at all times, wear apron and head cover while engaged in the sale or preparation for sale of any food, and shall ensure such apron and head cover are in the state of cleanliness at all times.

Person prohibited from handling food

9. No person who—

(a) suffers from a communicable disease;

(b) carries any infectious disease;

(c) suffers from any condition causing a discharge of pus or serum from any part of the body or other skin ailment;

(d) has a reason to believe or suspect that he is likely to transmit disease producing organism on which is communicable; or

(e) is in contact with any person suffering from a communicable disease; and

(f) to be immunised against typhoid and any other diseases as directed by the Council from time to time.

shall engage in the manufacture, preparation, packing, delivering, carriage, storage, serving or handling of any article of food for sale or of any article used or likely to be used as food or of any material used or likely to be used as wrapper or container for food.

Proper use of cloth for cleaning purposes

10. No person shall use for the purpose of wiping, cleaning or polishing any food for sale or any packing or utensils used in connection therewith, any rag or duster except cloth exclusively kept for the purpose of wiping, cleaning or polishing food and shall ensure such cloth at all times in a clean condition.

Places prohibited for sale and preparation of food

11. (1) No person shall sell or prepare for sale any article of food in any toilet or other similar convenience or in any place which is at any time used for sleeping or which is in direct connection with a sleeping space or with any toilet or in any place where any animal or bird is allowed to be.

(2) No person shall sell or prepare for sale any article of food in any place in which any thing, animal or bird is kept or any work is carried on whereby such article of food is liable to be contaminated or its wholesomeness or cleanliness be affected.

(3) No person shall place, keep, carry, spread or use or cause to be placed, kept, carried, spread, or used in any place used for the sale or preparation for sale of any food, any poison or any noxious or offensive matter or any other material which might contaminate the wholesomeness of the food; but nothing in this paragraph shall prevent the proper use of spraying mixtures containing poisons for the purpose for controlling the attack of insects or other pests.

Prohibited containers

12. (1) No person shall enclose, carry or store any article of food for sale in any bag, sack or similar receptacle which has at anytime, contained or has been used for the conveyance of any poison or harmful material or any material which may render such food unsound or unfit for human consumption.

(2) No unclean box, basket, or other receptacle shall be used for containing or preparing any article of food for sale.

Contamination of food

13. (1) No person shall place in contact with any food for sale or in any package containing food for sale any plastic, metal or other object or other article or thing to be sold or given to the purchaser on the sale of the food unless such object, article or thing is completely enclosed in a wrapper made of material which will not contaminate the food and which contains no ingredients which might be absorbed by or is likely to pass into the food and no person shall place any such article or thing in any food in such a manner as to be mixed in or enclosed in the food.

(2) Every person who sells any food which is ordinarily consumed in the state in which it is sold shall protect such food, until it is delivered to a purchaser, by storing in sealed receptacles or by other effective means.

(3) No person shall carry for sale any article of food which is ordinarily consumed in the state in which it is sold, unless it is enclosed or contained in a receptacle or other packing so constructed as to prevent such article of food from being contaminated.

(4) No person shall carry, place or deposit or allow to be carried, placed or deposited in any vehicle used for carriage of any article of food which is ordinarily consumed in the state in which it is sold, any dirt, offensive matter or other material which might contaminate the wholesomeness or cleanliness of the article of food carried therein.

(5) No person shall use in connection with the sale or preparation for sale of any article of food which is ordinarily consumed in the state in which it is sold, any paper with written or printed matter thereon in any manner whereby such food can come in contact which such written or printed matter.

(6) No person shall sell any article of food which is ordinarily consumed in the state in which it is sold, which has been dropped, placed or stored in any counter, bar or floor unless it is protected or is so wrapped as to protect such article of food from likely contamination.

Selling or preparing food in open space

14. No person shall sell or prepare for sale any food in any premises, street or other open space at a level lower than 0.5 meters above the floor level of such premise, street or open space.

Utensils

15. (1) No person shall use for the serving of food for sale any eating or drinking utensil which has not been cleaned after the last occasion on which such utensil was used whether or not such utensil is given to the same person who had previously used the utensil.

(2) No person shall use any eating or drinking utensil for serving of food for sale if such utensil is not clean.

(3) No person shall use or have in his possession for use for the sale or preparation for sale of any food, drinking vessel, plate, saucer or other container which is chipped, broken or cracked.

Handling of food

16. (1) Every person who sells or prepares for sale any food which is ordinarily consumed in the state in which it is sold shall not during such sale or preparation—

(a) handle or permit to be handled any such food with his fingers, but shall use a scoop, tongs or other suitable utensils for such purpose;

(b) touch any part of his body or any other person;

(c) breath open any bag or wrapper;

(d) wipe his hands upon his clothing or by any means other than with a clean towel or cloth;

(e) place in such a way that it can come into contact with food for sale, any substance, material or article which is unclean or liable to contaminate such food, or which has been in contact with the mouth;

(f) cough or sneeze near any food; or

(g) conduct any actions which may contaminate the food.

(2) The scoop, tongs or other suitable implement used for the handling of any food which is ordinarily consumed in the state in which it is sold shall be clean at all times.

(3) No person engaged in the sale or preparation for sale of any food shall apply to the mouth any appliance used for or in connection with such sale or preparation.

(4) No person engaged in the sale or preparation for sale of any food which is ordinarily consumed in the state in which it is sold shall carry any appliance or utensil used for in connection with such sale or preparation in such a manner as to affect the wholesomeness, cleanliness or freedom of such food from contamination.

Carriage of food

17. (1) No person shall use any vehicle, conveyance or receptacle which is not clean for the carriage or delivery of any food for sale.

(2) No person shall use any vehicle, conveyance or receptacle to carry or contain any animal, bird or other matter or thing that can contaminate the wholesomeness or freedom from contamination of:

(a) any food for sale;

(b) such vehicle, conveyance or receptacle for carriage or containing any such food for sale; or

(c) receptacle which is ordinarily used for carriage or containing of any such food for sale.

Medical examination

18. (1) Any person working or engaging in the sale or preparation for the sale of any article of food shall undergo a medical examination as to his or her health condition at least once a year.

(2) Such examination shall be carried out by a medical or health officer registered under the Medical Practitioners Act 1971 [*Act 50*].

(3) If any person after being examined, is found by the medical or health officer to be suffering form an infectious or contagious disease or any disease of the skin which is dangerous or is in the opinion of the medical or health officer, likely to be a source of infection, the Licensing Authority shall immediately disqualify the person examined from working or engaging in any place used for the sale or preparation for sale of any food, until such time as it is certified by the medical or health officer that he has been cured or is no longer likely to be a source of infection.

(4) Any person—

(a) who refuses to undergo a medical examination when requested to do so; or

(b) who, has been medically examined and is disqualified, continues to work in any place used for the sale or preparation for the sale of any article of food

commits an offence.

(5) The owner, licensee, occupier or keeper of any place used for the sale or preparation for of sale any article of food, who, having been notified in writing by the Licensing Authority that a person working in such place used for the sale or preparation for sale of food has refused to submit to a medical examination or, having been examined, has been disqualified from working, permits such person to continue to work therein or to remain within the precincts thereof shall be guilty of an offence under this By-Law.

Part III

ENFORCEMENT

Power to arrest

19. (1) The President or any authorized officer may arrest without warrant any person—

(a) whom he reasonably believes to have committed an offence under this By-Laws; or

(b) who refuses to give his name and address when it is requested for or if there is reason to doubt the accuracy of the name and the address given.

(2) A person arrested under this by-law shall be taken to a police station and shall be brought before a Magistrate within twenty-four hours, unless before that time his true name and residence are ascertained, in which case such person shall be forthwith released on his executing a bond for his appearance before a Magistrate if so required.

(3) When any such person is taken before a Magistrate, such Magistrate may either require him to execute a bond, with or without a surety, for his appearance before a Magistrate if so required, or may order him to be detained in custody until he can be tried.

Power of seizure

20. (1) Any authorized officer may seize or remove any things or goods in contravention of this By-Laws with the risk to be borne by the owner.

(2) Where any things or goods seized under paragraph (1) are of perishable nature or are subject to speedy and natural decay or where the custody of such things or goods involves unreasonable expense and inconvenience, or is believed to cause hazard to the public, the authorized officer may direct that such things or goods may be disposed of in any manner as determined by the Council.

(3) Any person who claims any things or goods other than things or goods disposed under paragraph (2) above, may claim such things or goods from the Council within a minimum period of seven working days or a maximum period of one month from the date of such things or goods being seized subject to any condition and payment imposed by the Licensing Authority.

(4) If there is no claim made after the period of thirty days expires, the Council may dispose such things or goods according to the manner determined by the Council and any revenue received shall be credited to the Local Authority Fund.

(5) The President or any authorized officer shall not be liable to any person for any deterioration, however caused, in the quality of any things or goods seized under this by-law.

PART IV

GENERAL

General penalty

21. A person who commits an offence under this By-Laws for which no penalty is expressly provided shall on conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both, and in the case of a continuing offence shall in addition be liable to a fine not exceeding two hundred ringgit for each day the offence continues to be committed.

Prosecution

22. No prosecution shall be instituted for an offence under this By-Laws except by or with the consent of the Public Prosecutor.

Compounding of offences

23. (1) The President, Secretary or Legal Officer of the Council may compound any offence committed by any person under this By-Laws and prescribed to be a compoundable offence by making a written offer to the person suspected of

having committed the offence to compound the offence upon payment to the Council of an amount of money not exceeding the amount of one thousand ringgit for that offence within the time specified in the offer.

(2) An offer under paragraph (1) may be made at any time after the offence has been committed but before any prosecution for it has been instituted, and if the amount specified in the offer is not paid within the period specified in the offer or within such extended period as the Mayor, Secretary or Legal Officer may grant, prosecution for the offence may be instituted at any time after that against the person to whom the offer was made.

(3) If an offence has been compounded under paragraph (1), no prosecution shall be instituted after that in respect of the offence against the person to whom the offer to compound was made and anything seized in connection with the offence shall be released, subject to such terms and condition as may be prescribed.

(4) All moneys received under this by-law shall be paid into the fund constituted under any law relating to local government.

Powers of police officer under these By-Laws

24. Nothing contained in this By-Laws shall derogate from the powers of a police officer to investigate into any offence under this By-Laws.

Repeal and transitional provision

25. (1) Food Handlers (Ampang Jaya Municipal Council) By-Laws 1992 [*Sel. P.U. 55/92*] is repealed.

(2) Any notice, order, compound, licence or documents made or issued under the repealed By-Laws shall, be deemed to be made or issued under this By-Laws, and shall continue to remain in force until revoked thereof.

Made by the Ampang Jaya Municipal Council in the meeting on 30 May 2007.

MOHAMMAD BIN YACOB
President,
Ampang Jaya Municipal Council

Confirmed by the State Authority in the meeting on the 4 July 2007.

SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR
Clerk,
State Executive Council,
Selangor

Sel. P.U. 127.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PUSAT SUKAN PERSENDIRIAN (MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA) 2007

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-undang kecil

1. Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

LESEN PUSAT SUKAN PERSENDIRIAN

3. Pusat sukan persendirian
4. Permohonan lesen pusat sukan persendirian
5. Pemberian atau keengganan memberi lesen
6. Bentuk lesen
7. Tempoh lesen
8. Membaharui lesen
9. Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan
10. Deposit
11. Lesen tidak boleh dipindah milik
12. Pembatalan lesen
13. Penggantungan lesen
14. Rayuan
15. Penyerahan balik lesen
16. Kesan pembatalan, penyerahan balik atau tamat tempoh lesen
17. Mengembalikan lesen disebabkan pembatalan atau penggantungan, dsb.

BAHAGIAN III

LARANGAN

Undang-undang kecil

18. Larangan
19. Kebersihan pusat sukan persendirian
20. Notis untuk dipamerkan

BAHAGIAN IV

PENGUATKUASAAN

21. Kuasa untuk mengawal aktiviti sukan
22. Tiada pemulangan bayaran masuk atau tarikh masuk gantian
23. Kuasa untuk menyiasat
24. Kuasa untuk masuk dan memeriksa
25. Penggeledahan
26. Pemeriksaan orang perempuan
27. Penyitaan
28. Pelucuthakan
29. Pelucuthakan jika ada pendakwaan
30. Pelucuthakan jika tiada pendakwaan
31. Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan
32. Kuasa menangkap
33. Kuasa menutup
34. Halangan, dsb.

BAHAGIAN V

AM

35. Penalti
36. Pendakwaan
37. Pengkompaunan kesalahan
38. Kuasa pegawai polis di bawah Undang-Undang Kecil ini

JADUAL

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PUSAT SUKAN PERSENDIRIAN
(MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Perbandaran Ampang Jaya membuat dan menurut seksyen 103 Akta, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pusat Sukan Persendirian (Majlis Perbandaran Ampang Jaya) 2007**.

(2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada 19 Julai 2007.

(3) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"kemudahan pusat sukan" termasuklah apa-apa peti rawatan pertolongan cemas, bilik tukar pakaian, pakaian, payung, kerusi meja, tuala, bilik mandi, kotak simpan barang, ruang dan apa-apa kemudahan atau bahagian darinya yang bersangkutan dengan penggunaan sebuah pusat sukan;

"Majlis" bermakna Majlis Perbandaran Ampang Jaya;

"pegawai diberi kuasa" ertinya mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua;

"pemegang lesen" ertinya seseorang yang diberikan lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini bagi mengadakan dan menguruskan mana-mana pusat sukan persendirian;

"pengurus" ertinya mana-mana orang yang menguruskan mana-mana pusat sukan persendirian;

"Pihak Berkuasa Melesen" ertinya Yang Dipertua, Setiausaha atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis untuk memberikan lesen oleh atau Yang Dipertua;

"premis" ertinya mana-mana bangunan atau tanah sama ada terbuka atau terkepung yang digunakan bagi tujuan aktiviti sukan;

"pusat sukan" ertinya pusat sukan persendirian;

"pusat sukan persendirian" ertinya mana-mana premis yang disediakan dengan kemudahan sukan atau aktiviti sukan bagi kegunaan orang ramai yang dimiliki dan diselenggarakan oleh mana-mana orang;

"sukan" termasuklah mana-mana aktiviti sukan yang disenaraikan dalam Jadual Pertama;

"Yang Dipertua" ertinya Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

BAHAGIAN II

LESEN PUSAT SUKAN PERSENDIRIAN

Pusat sukan persendirian

3. (1) Tiada seorang pun boleh menyediakan kemudahan atau aktiviti sukan seperti di dalam Jadual Pertama di mana-mana pusat sukan persendirian tanpa lesen daripada Majlis.

(2) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Permohonan lesen pusat sukan persendirian

4. (1) Suatu permohonan untuk mendapatkan suatu lesen hendaklah dibuat secara bertulis kepada Majlis melalui borang yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Suatu permohonan hendaklah memenuhi syarat dan sekatan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen dari semasa ke semasa.

(3) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengarahkan mana-mana pemohon supaya hadir sendiri, atau dalam hal suatu perbadanan atau firma, oleh seorang pengarah, pekerja atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh perbadanan atau firma tersebut semasa pemberian atau pembaharuan lesen.

(4) Suatu permohonan di bawah perenggan (1) hendaklah disertakan dengan apa-apa dokumen atau maklumat sebagaimana yang ditetapkan dan Pihak Berkuasa Melesen boleh pada bila-bila masa selepas menerima permohonan itu dan sebelum permohonan itu diputuskan secara bertulis menghendaki pemohon dalam masa yang ditetapkan, memberi apa-apa dokumen atau maklumat tambahan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(5) Jika apa-apa dokumen atau maklumat tambahan yang dikehendaki di bawah perenggan (4) tidak diberikan oleh pemohon dalam masa yang ditetapkan atau apa-apa perlanjutannya yang diberi oleh Pihak Berkuasa Melesen, permohonan itu hendaklah disifatkan ditarik balik dan tidak boleh diteruskan lagi, tanpa menjejaskan permohonan baru yang dibuat oleh pemohon.

(6) Pemohon hendaklah membuat pembayaran fi pemprosesan seperti yang ditetapkan di dalam Jadual Kedua semasa permohonan dikemukakan dan fi pemprosesan tidak akan dikembalikan sama ada permohonan diluluskan atau tidak diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(7) Apabila permohonan itu diluluskan, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah memberikan lesen yang tertakluk kepada—

(a) pembayaran deposit seperti jumlah yang ditetapkan oleh Majlis sebagai jaminan untuk memastikan bahawa peruntukan Undang-Undang Kecil ini dan syarat lesen dipatuhi;

(b) pembayaran apa-apa fi yang ditetapkan di dalam Jadual Kedua; dan

(c) apa-apa syarat atau sekatan yang dinyatakan di dalamnya.

Pemberian atau keengganan memberi lesen

5. (1) Pihak Berkuasa Melesen hendaklah apabila permohonan dibuat dan selepas menerima segala dokumen dan maklumat yang dikehendaki, memproses permohonan itu dan boleh, jika Pihak Berkuasa Melesen berpuas hati dan apabila fi pemprosesan yang ditetapkan telah dibayar—

(a) memberi lesen sama ada bersyarat atau tanpa syarat; atau

(b) enggan memberi lesen.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh memberikan suatu lesen bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun dan boleh diperbaharui, tertakluk kepada permohonan pembaharuan yang dibuat kepada Pihak Berkuasa Melesen dan bayaran fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

Bentuk lesen

6. Suatu lesen yang diberikan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen dari semasa ke semasa.

Tempoh lesen

7. Suatu lesen jika tidak digantung atau dibatalkan terlebih dahulu hendaklah terus berkuat kuasa dari tarikh pembayaran fi lesen sehingga 31 Disember tahun semasa.

Membaharui lesen

8. (1) Suatu lesen itu boleh diperbaharui dengan mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Pihak Berkuasa Melesen dan disertakan dengan bayaran fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh menghendaki pemohon memberi apa-apa dokumen atau maklumat tambahan yang difikirkan perlu semasa pemohon mengemukakan permohonan membaharui lesen.

(3) Pihak Berkuasa Melesen boleh membaharui lesen itu atau enggan membaharui lesen itu dan hendaklah memberitahu pemohon secara bertulis mengenai keputusannya itu.

(4) Pihak Berkuasa Melesen boleh menghendaki pemohon untuk menyelesaikan semua bayaran tertunggak termasuk kompaun kepada pihak Majlis sebelum meluluskan permohonan membaharui lesen.

Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan

9. (1) Pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesennya pada sepanjang masa di tempat yang mudah dilihat di permis yang dilesenkan.

(2) Pemegang lesen hendaklah mengemukakan lesen itu jika dikehendaki berbuat demikian oleh Pihak Berkuasa Melesen atau mana-mana pegawai diberi kuasa.

(3) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima ratus ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(4) Bagi maksud undang-undang ini, suatu rujukan kepada "lesen" hendaklah termasuk suatu salinan yang disahkan oleh Pihak Berkuasa Melesen sebagai suatu salinan benar lesen dan hanya boleh dikeluarkan tertakluk kepada bayaran fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

Deposit

10. (1) Deposit yang dibayar di bawah subperenggan 4(7)*(a)* hendaklah mengikut jumlah seperti yang ditentukan oleh Majlis.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh melupuskan deposit sepenuhnya atau sebahagiannya sekiranya Pihak Berkuasa Melesen berpuashati bahawa terdapat pelanggaran syarat dan sekatan lesen atau pada pembatalan lesen sebelum tarikh tamat atau pelanggaran mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

(3) Lesen hendaklah terbatal apabila deposit dilupuskan, melainkan dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen dengan permohonan daripada pemegang lesen untuk melanjutkan lesen dan tertakluk kepada pembayaran semula deposit sekiranya dilupuskan.

(4) Pembayaran deposit di bawah subperenggan 4(7)*(a)* hendaklah, melainkan dilupuskan menurut perenggan (2), dikembalikan tanpa sebarang faedah selepas pemegang lesen menamatkan pengendalian pusat sukan dan selepas penyerahan balik lesen kepada Pihak Berkuasa Melesen sekiranya lesen itu tidak tamat.

(5) Tiada apa-apa jua di dalam peruntukan ini boleh ditafsirkan sebagai melepaskan pemegang lesen yang depositnya telah dilucuthakkan di bawah perenggan (2) daripada didakwa.

Lesen tidak boleh dipindah milik

11. Suatu lesen yang diberikan di bawah Undang-Undang Kecil ini tidak boleh dipindah milik melainkan dengan kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Melesen.

Pembatalan lesen

12. (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh membatalkan sesuatu lesen yang diberikan jika berpuas hati bahawa—

(a) pemegang lesen melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini atau gagal mematuhi apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan ke atasnya tanpa mengambil kira sama ada pendakwaan telah dimulakan bagi pelanggaran tersebut;

(b) pemegang lesen telah sama ada berkaitan dengan permohonan lesen itu atau pada bila-bila masa selepas pemberian lesen, memberi kepada Pihak Berkuasa Melesen, dokumen atau pengisytiharan yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat sama ada dibuat oleh atau bagi pihak pemegang lesen; atau

(c) pemegang lesen telah disabitkan atas apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Sebelum membatalkan sesuatu lesen, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah memberikan kepada pemegang lesen itu notis bertulis mengenai niatnya untuk berbuat sedemikian dan mengkehendaki pemegang lesen itu mengemukakan alasan secara bertulis dalam tempoh tujuh hari dari tarikh notis itu sebab lesen itu tidak patut dibatalkan.

(3) Jika Pihak Berkuasa Melesen memutuskan untuk membatalkan lesen tersebut selepas pemegang lesen mengemukakan alasan dan Pihak Berkuasa Melesen tidak berpuashati dengan alasan yang diberikan atau jika pemegang lesen gagal untuk mengemukakan alasan dalam masa yang ditetapkan, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah dengan serta-merta memberitahu pemegang lesen secara bertulis mengenai keputusannya itu.

(4) Pembatalan sesuatu lesen hendaklah mula berkuat kuasa—

(a) jika tiada rayuan di bawah undang-undang kecil 14 dibuat terhadap pembatalan sedemikian, apabila tempoh empat belas hari dari tarikh notis pembatalan itu disampaikan kepada pemegang lesen tamat; atau

(b) jika terdapat rayuan terhadap pembatalan sedemikian, apabila pembatalan itu disahkan oleh Majlis.

(5) Jika suatu lesen telah dibatalkan di bawah perenggan (3), pemegang lesen yang lesennya dibatalkan hendaklah menghentikan apa-apa aktiviti yang dilesenkan sehinggalah rayuan itu didengar dan pembatalan itu telah diketepikan oleh Majlis.

(6) Jika pembatalan sesuatu lesen telah mula berkuat kuasa, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah seberapa segera yang munasabah–

(a) menyampaikan suatu salinan notis pembatalan lesen kepada orang yang mengurus dan mengawal pusat sukan persendirian berlesen tersebut; dan

(b) menampal suatu salinan notis pembatalan lesen pada tempat yang mudah dilihat di pusat sukan persendirian berlesen tersebut.

Penggantungan lesen

13. (1) Pihak Berkuasa Melesen hendaklah menggantung sesuatu lesen itu sementara pemegang lesen mengemukakan alasan terhadap pembatalan lesen di bawah perenggan 12(2).

(2) Pemegang lesen hendaklah menghentikan apa-apa operasi atau aktiviti bagi apa-apa lesen pusat sukan persendirian yang digantung.

Rayuan

14. (1) Mana-mana orang yang terkilan dengan—

(a) keengganan Pihak Berkuasa Melesen untuk memberikan lesen di bawah undang-undang kecil 5;

(b) keengganan Pihak Berkuasa Melesen untuk memperbaharui lesen di bawah undang-undang kecil 8; atau

(c) keputusan Pihak Berkuasa Melesen untuk membatalkan lesen di bawah undang-undang kecil 12;

boleh merayu secara bertulis kepada Majlis dalam masa empat belas hari dari tarikh notis keengganan atau pembatalan itu disampaikan kepada orang itu.

(2) Keputusan Majlis atas rayuan di bawah undang-undang kecil ini adalah muktamad.

Penyerahan balik lesen

15. (1) Pemegang lesen atas apa-apa sebab yang munasabah boleh menyerah balik lesennya berserta dengan suatu notis bertulis mengenai penyerahan balik dan lesen tersebut hendaklah dibatalkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Penyerahan balik dan pembatalan lesen itu hendaklah berkuat kuasa pada tarikh Pihak Berkuasa Melesen menerima lesen dan notis itu di bawah perenggan (1) atau pada suatu tarikh yang dinyatakan dalam notis itu.

Kesan pembatalan, penyerahan balik atau tamat tempoh lesen

16. (1) Jika pembatalan sesuatu lesen di bawah undang-undang kecil 12 atau penyerahan balik sesuatu lesen di bawah undang-undang kecil 15 mula berkuat kuasa atau jika lesen itu telah habis tempoh mengikut undang-undang kecil 7, pemegang lesen hendaklah serta-merta berhenti menjalankan atau mengendalikan apa-apa aktiviti pusat sukan persendirian tersebut.

(2) Pemegang lesen boleh membuat permohonan baru jika mana-mana lesen dibatalkan di bawah undang-undang kecil 12.

(3) Walau apa pun perenggan (1), pemegang lesen yang lesennya telah habis tempoh adalah berhak menjalankan aktiviti pusat sukan persendirian apabila dibuktikan kepada Pihak Berkuasa Melesen bahawa pemegang lesen itu telah memohon pembaharuan lesen dalam tempoh yang ditetapkan di bawah undang-undang kecil 8.

(4) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini melakukan suatu kesalahan.

Mengembalikan lesen disebabkan pembatalan atau penggantungan, dsb.

17. (1) Jika pembatalan lesen di bawah undang-undang kecil 12 atau penggantungan lesen di bawah undang-undang kecil 13 atau jika lesen itu telah habis tempohnya dan tiada permohonan untuk memperbaharui lesen itu dikemukakan dalam tempoh yang dinyatakan atau apabila permohonan untuk membaharui lesen telah ditolak, pemegang lesen itu hendaklah dalam masa empat belas hari mengembalikan lesen asal tersebut kepada Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN III

LARANGAN

Larangan

18. (1) Tiada seorang pemegang lesen boleh—

(a) mengambil bekerja mana-mana orang yang di dalam pengetahuannya atau mempunyai sebab untuk percaya sebagai seorang yang mempunyai watak yang jahat;

(b) mengambil bekerja mana-mana orang di bawah umur lapan belas tahun;

(c) membenarkan apa-apa perjudian, pertaruhan atau apa-apa bentuk perbuatan yang menyebabkan kacauganggu, gangguan, kecederaan atau kebisingan kepada penduduk di kawasan persekitaran di pusat sukan persendirian;

(d) menayangkan atau mempamerkan apa-apa gambar atau artikel yang kurang sopan atau lucah di pusat sukan persendirian;

(e) membenarkan penjualan apa-apa bahan-bahan cetak yang berunsur negatif dan lucah di pusat sukan persendirian;

(f) membenarkan mana-mana binatang berada di dalam pusat sukan persendirian;

(g) mengunci pintu masuk ke pusat sukan persendirian sewaktu beroperasi;

(h) membenarkan apa-apa penjualan minuman beralkohol,rokok atau dadah berbahaya di pusat sukan persendirian;

(i) membenarkan mana-mana orang atau pelanggan membawa sebarang rokok atau minuman beralkohol atau apa-apa jenis dadah merbahaya ke dalam di pusat sukan persendirian;

(j) menayangkan atau mempamerkan apa-apa gambar yang tidak sesuai dengan adat resam, agama dan nilai murni masyarakat Malaysia;

(k) membenarkan penggunaan cermin gelap di pusat sukan persendirian;

(l) membenarkan apa-apa aktiviti kurang sihat di dalam pusat sukan persendirian;

(m) membenarkan mana-mana orang yang menyertai aktiviti sukan tanpa berpakaian sukan yang sesuai;

(n) membenarkan mana-mana orang mengotori atau mencemari mana-mana kemudahan pusat sukan termasuklah bilik mandi, bilik tukar pakaian, almari, kotak atau ruang atau apa-apa perabot atau barang di dalamnya;

(o) memasuki atau menggunakan mana-mana bilik tukar pakaian, almari, kotak atau ruang yang dikhaskan untuk kegunaan seseorang dari jantina yang berlainan, dengan syarat peruntukan di bawah perenggan ini tidak terpakai dalam hal seseorang kanak-kanak di bawah umur enam tahun yang ditemani oleh seorang dewasa;

(p) membenarkan mana-mana orang yang berada di pusat sukan persendirian berkelakuan tidak sopan atau mengganggu orang lain;

(q) membenarkan mana-mana orang yang berada di pusat sukan persendirian melakukan apa-apa perbuatan yang menyalahi apa-apa larangan lain yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen dari semasa ke semasa; atau

(r) membenarkan kanak-kanak di bawah umur enam tahun masuk ke pusat sukan persendirian melainkan diiringi oleh orang dewasa.

Kebersihan pusat sukan persendirian

19. (1) Pemegang lesen hendaklah pada setiap masa, menjaga kebersihan pusat sukan persendirian.

(2) Setiap pemegang lesen hendaklah menyediakan dan menyelenggarakan di dalam pusat sukan persendirian, bekas-bekas sampah yang sesuai dan mencukupi untuk diletakkan di tempat yang sempurna sebagaimana yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Melesen dan hendaklah dikosongkan seberapa kerap yang perlu.

(3) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa—

(a) terdapat tandas yang berasingan bagi lelaki dan perempuan dan bahawa kemudahan tandas itu diselenggara dalam keadaan baik dan bersih pada setiap masa;

(b) tiap-tiap tandas dilengkapi dengan pili, baldi dan hos untuk memudahkan bersuci;

(c) tiap-tiap tandas hendaklah, pada setiap masa, dilengkapi dengan kertas tandas, sabun atau bahan pencuci, tong sampah, pengering elektrik atau tuala bersih atau kertas tisu;

(d) jika pencahayaan semula jadi tidak mencukupi, maka pencahayaan buatan hendaklah disediakan di dalam tiap-tiap tandas pada setiap masa; dan

(e) terdapat bekalan air pada setiap masa.

(4) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa—

(a) semua peralatan menentang kebakaran adalah diselenggara dengan baik dan dalam keadaan sedia digunakan;

(b) semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar adalah bebas daripada halangan dan semua pintu keluar adalah sentiasa tidak ditutup pada setiap masa semasa waktu beroperasi;

(c) suatu kotak pertolongan cemas yang lengkap mengandungi pembalut dan alat pertolongan cemas seperti berikut:

(i) enam pembalut yang disteril, setiap satu berukuran tidak kurang daripada 7.6 sm x 7.6 sm bagi luka dan luka terbakar;

(ii) gulung kapas yang disteril tidak kurang daripada 300 gm;

(iii) dua gulung kain pembalut, setiap satu berukuran tidak kurang daripda 7.6 sm x 5.5. sm;

(iv) tiga helai kain pembalut berbentuk segi tiga;

(v) satu gulung pengikat pembedahan berukuran 2.54 sm x 2.74 sm;

(vi) satu pasang gunting keluli tahan karat;

(iii) satu kotak pin keselamatan; dan

(iv) satu tiub krim antiseptik.

Notis untuk dipamerkan

20. Pemegang lesen hendaklah mempamerkan secara berterusan peruntukan undang-undang kecil 18 dalam bentuk notis yang ditulis dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris di tempat yang mudah dilihat dan berdekatan dengan pusat sukan persendirian itu.

BAHAGIAN IV

PENGUATKUASAAN

Kuasa untuk mengawal aktiviti sukan

21. Pihak Berkuasa Melesen boleh pada bila-bila masa—

(a) menggantungkan mana-mana aktiviti sukan di pusat sukan persendirian; atau

(b) menutup mana-mana pusat sukan persendirian sekiranya Pihak Berkuasa Melesen berpuashati perlu berbuat demikian.

Tiada pemulangan bayaran masuk atau tarikh masuk gantian

22. Di dalam hal penggantungan aktiviti sukan atau penutupan pusat sukan persendirian di bawah undang-undang kecil 21, tiada pemulangan bayaran masuk boleh dibuat atau tarikh masuk gantian boleh ditawarkan, melainkan jika Pihak Berkuasa Melesen memutuskan sebaliknya dan keputusan Pihak Berkuasa Melesen adalah muktamad.

Kuasa untuk menyiasat

23. Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai yang diberi kuasa boleh menyiasat apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Kuasa untuk masuk dan memeriksa

24. (1) Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa boleh pada setiap masa yang munasabah, tanpa waran dengan tujuan untuk menentukan sama ada syarat atau sekatan sesuatu lesen atau peruntukan Undang-Undang Kecil ini dipatuhi—

(a) memasuki mana-mana kawasan pusat sukan persendirian; dan

(b) menjalankan apa-apa pemeriksaan di pusat sukan persendirian itu.

(2) Jika Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa ada sebab untuk mempercayai adanya berlaku suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini di mana-mana pusat sukan, maka orang yang tinggal di dalam atau menjaga tempat itu hendaklah membenarkan Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa itu masuk dengan bebas ke dalamnya, iaitu apabila diminta oleh mana-mana orang yang tersebut itu, dan memberikan segala kemudahan yang munasabah untuk menjalankan penggeledahan di dalamnya.

(3) Jika tidak dapat masuk ke dalam mana-mana kawasan pusat sukan persendirian mengikut perenggan (2) di atas, maka adalah sah bagi Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa setelah memperkenalkan dirinya dan tujuan kemasukan itu kepada pemegang lesen atau pekerjanya, untuk memasuki ke dalam kawasan pusat sukan persendirian itu tanpa waran dan menggeledah tempat itu dan bolehlah memecahkan mana-mana pintu luar atau dalam atau tingkap supaya dapat masuk ke dalamnya.

(4) Apabila mana-mana pusat sukan persendirian yang hendak digeledah atau diperiksa di bawah Undang-Undang Kecil ini tertutup, maka pemegang lesen, pekerjanya atau orang yang menjaga pusat sukan itu, jika ada, hendaklah atas permintaan Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa membuka atau menyebabkan kawasan pusat sukan persendirian itu dibuka, dan hendaklah membenarkan mana-mana pegawai tersebut masuk apabila diminta olehnya dan hendaklah memberi segala kemudahan yang munasabah bagi menjalankan penggeledahan di dalamnya dan jika kawasan pusat sukan itu tidak dapat dimasuki, maka mana-mana pegawai tersebut boleh mengambil tindakan mengikut cara yang diperuntukkan oleh perenggan (3) jika dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa satu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini telah dilakukan di tempat itu.

Penggeledahan

25. (1) Jika mana-mana Majistret, atas maklumat bertulis dan selepas siasatan yang difikirkannya perlu, mempunyai sebab untuk percaya bahawa—

(a) suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini telah atau sedang dilakukan di mana-mana pusat sukan persendirian; atau

(b) apa-apa keterangan atau benda yang perlu untuk penyiasatan apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh ditemui di mana-mana pusat sukan persendirian,

dia boleh melalui waran, membenarkan Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa yang dinamakan dalam waran itu, dengan apa-apa bantuan yang diperlukan untuk masuk dan menggeledah tempat itu.

(2) Walau apa pun perenggan (1), jika Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa ada alasan yang munasabah untuk percaya bahawa—

(a) suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini telah atau sedang dilakukan di mana-mana kawasan pusat sukan persendirian; dan

(b) oleh sebab apa-apa kelengahan untuk mendapatkan waran geledah tujuan penggeledahan itu mungkin akan terkecewa,

maka Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa boleh memasuki tempat itu dan menggeledah tempat itu dan memeriksa mana-mana orang yang semunasabahnya dipercayai olehnya mempunyai kaitan dalam pengurusan mana-mana premis itu.

Pemeriksaan orang perempuan

26. Tiada orang perempuan boleh diperiksa di bawah undang-undang kecil 23, 24 atau 25 kecuali oleh seorang perempuan lain dan pemeriksaan itu hendaklah dijalankan dengan memberikan perhatian teliti kepada kesopanan.

Penyitaan

27. (1) Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa yang menjalankan kuasa di bawah undang-undang kecil 23, 24 atau 25, boleh menyita apa-apa benda yang semunasabahnya dipercayai olehnya sebagai mempunyai kaitan dengan, atau dapat memberikan keterangan tentang, pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa yang menyita apa-apa benda di mana-mana kawasan pusat sukan persendirian di bawah perenggan (1) hendaklah menyediakan suatu senarai benda yang disita dan dengan segera menyerahkan suatu salinan yang ditandatangani olehnya kepada pemegang lesen, penghuni atau tuan punya pusat sukan persendirian itu, atau pengkhidmat atau ejennya, yang berada di pusat sukan persendirian itu.

(3) Jika pusat sukan persendirian itu tidak berpenghuni, Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa yang menyita itu hendaklah bilamana mungkin menampalkan senarai benda yang disita itu di tempat yang mudah dilihat di premis itu.

(4) Apa-apa benda yang disita di bawah undang-undang kecil ini boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(5) Jika, oleh sebab jenis, saiz atau amaunnya, tidaklah praktik untuk memindahkan apa-apa benda yang disita di bawah undang-undang kecil ini, Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa yang menyita itu hendaklah dengan apa-apa cara menyelak benda itu dalam premis yang di dalamnya ia dijumpai.

(6) Mana-mana orang yang tanpa kuasa yang sah memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam perenggan (5) atau memindahkan apa-apa benda yang dilak atau cuba berbuat demikian adalah melakukan satu kesalahan.

Pelucuthakan

28. Semua benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh dilucuthakkan.

Pelucuthakan jika ada pendakwaan

